AL-SHEIKH ABDUL HALIM MAHMUD

PENTERJEMAH

Mohd Fakhrudin Abd Mukti

PROF. DR. AL-SHEIKH ABDUL HALIM MAHMUD
(1910 – 1978)
(AL-IMAM AL-AKBAR)

PENTERJEMAH
Mohd Fakhrudin Abd Mukti

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2000

Buku ini *Islam dan Akal* ialah terjemahan yang sah daripada buku *al-Islam wa al-'Aql*, karangan Prof. Dr. Al-Sheikh Abdul Halim Mahmud terbitan Dar al-Ma'arif, 1119 Kurnisy al-Nil-Kaherah.

Cetakan Pertama 1995
Cetakan Kedua 2000

Perpustakaan Negara Malaysia   Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mahmud, 'Abd al-Halim, 1910-1978
Islam dan akal/Al-Sheikh Abdul Halim Mahmud (1910-1978) (Al-Imam Al-Akbar) ; penterjemah Mohd Fakhrudin Abd Mukti.
Mengandungi indeks
ISBN 983-62-4604-5
1. Islam and philosophy. 2. Islam and reason. 3. Islam--Doctrines. 4. Civilization, Islamic. I. Mohd Fakhrudin Abd Mukti. II. Judul
297.01

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

MUQADDIMAH

Setiap pengkaji sejarah pemikiran manusia akan mendapati bahawa semua persoalan akal yang dibincangkan pada zaman silam turut diperbincangkan pada Zaman Pertengahan sehinggalah ke zaman kita ini. Persoalan-persoalan metafizika dan akhlak masih terus memenuhi ruang pemikiran.

Semua perbincangan ini masih jauh daripada penyelesaian. Pertelingkahan masih berterusan, orang dahulu mencuba, orang sekarang pun terus mencuba dengan mencipta satu neraca untuk membezakan di antara yang *ḥaq* dan yang batil.

Antara kaedah terkenal zaman silam ialah 'ilmu logik' (mantiq) yang dicipta oleh Aristotle, padahal ilmu ini juga gagal menyelamatkan fikiran pengasasnya daripada kesesatan.

Tokoh pemikir silam dan ahli-ahli fikir Islam yang mahir dalam mantiq adalah seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina dan al-Ghazali. Daripada kalangan ahli falsafah Islam dari Barat pula yang menonjol ialah Ibn Majah, Ibn Tufail dan Ibn Rushd (Averros). Mereka semua sentiasa bercanggah pendapat dan fikiran.

Apakah kebenaran *(al-ḥaq)* dan kebatilan *(al-bāṭil)* menurut pendapat mereka?

Mantiq Aristotle memang lemah dan tidak mampu menjelaskan kesalahan dan kesahihan mengikut pandangan ahli-ahli mantiq sendiri.

Apakah pegangan mereka dalam membuktikan pendapat mereka? Mereka kembali kepada dalil-dalil akal

yang sememangnya mudah diruntuhkan oleh akal sendiri.

Al-Imam al-Ghazali telah memberi sumbangan besar melalui kitabnya *Tahāfut al-Falāsifah* dalam menangkis pandangan ahli-ahli falsafah, satu demi satu, kecundang di bawah penanya dan melungsur dengan bayan dan kalamnya (penerangan dan ucapannya).

Sebahagian besar kandungan kitab al-Ghazali ini melaksanakan tugas menangkis dan meruntuhkan pandangan-pandangan mereka. Sementara bakinya pula al-Imam menegaskan asas yang menjadi pegangan kitab tersebut. Asas ini menerangkan bahawa akal manusia tidak mampu menjangkau alam ketuhanan dan alam akhlak yang berasaskan bahawa tidak mungkin sangkaan-sangkaan boleh membawa kepada keyakinan.

Justeru itu akal tidak layak membahaskannya kerana kalau dibahaskan akan menjadi bidang bahasan setiap masa dan terus-menerus.

Selepas al-Ghazali muncul pula Ibn Rushd yang mula berusaha menangkis pandangan-pandangan al-Ghazali yang mengkritik ahli-ahli falsafah. Sekonyong-konyong usaha Ibn Rushd sebenarnya turut membantu Imam al-Ghazali membina lebih daripada meruntuh.

Sesiapa yang meneliti tajuk ini pasti melihat al-Ghazali berpendapat bahawa akal yang membina itu adalah akal yang juga meruntuh.

Ibn Rushd dengan ilmunya itu meruntuhkan dirinya sendiri dan menyokong Imam al-Ghazali dalam pendiriannya. Masa berlalu kemudian muncul pula Descartes.

Descartes pula tiba-tiba mendakwa dialah yang mencipta satu neraca untuk menghukum dengan tegas antara salah dan benar. Descartes menegaskan bahawa manusia ini kalaulah mengikut neraca yang diperkenalkan itu, satu demi satu pasti akan menemui kebenaran dan keyakinan. Perkara yang terhasil daripada bersama kaedahnya ialah "yakin".

Bukti pertama yang ternyata kesilapan Descartes ialah 'lahirnya kesalahan yang nyata' tentang aspek benda dalam fikirannya sebagaimana yang dibuktikan sendiri 'percubaan' *(tajribah).* Adapun pandangan-pandangan Descartes dari sudut maknawi (abstrak) banyak disanggahi oleh tokoh-tokoh falsafah dan ahli-ahli fikir. Metode Des-

cartes ini nampaknya semacam satu gagasan yang menarik tetapi kajian mengenainya menampakkannya sebagai alunan air di padang pasir sahaja (bayang-bayang yang nampak semacam air).

Semua harapan berakhir. Sama ada terhadap cara Descartes mahupun logik (mantiq) Aristotle. Cuma tinggal masalah-masalah ini yang bersifat:

1. Sangkaan.
2. Lapangan kajian.
3. Pandangan yang bersimpang-siur.
4. Perselisihan pandangan-pandangan daripada menolak dan meng*ithbāt* secara total.
5. Akal tidak mampu menanggung dan mencapai kepada yakin.

Akal memang memainkan peranan yang cukup besar dalam tamadun kebendaan bahkan satu kesilapan kalau kita berkata bahawa sesungguhnya tamadun Barat seluruhnya daripada sebatang jarum sehingga ke roket, daripada dapur arang ke tong gas sehingga ke alat-alat elektronik kesemuanya adalah daripada usaha akal. Akallah yang menjadi asas tamadun kebendaan ini. Tetapi sekiranya kita meneliti sejarah pemikiran manusia, kita mendapati akal tetap lemah daripada berperanan secara membina.

Apa yang kita baca tentang sejarah ini pasti memperlihatkan kelemahan akal dalam hal aqidah dan akhlak. Sekiranya ada yang berpendapat akal boleh membawa kepada keyakinan mengenai hal ini, tentu dia telah tertipu. Yang ajaibnya, meskipun kelemahan ini dilihat secara terang-terangan namun manusia terus juga mengikuti jalan yang tertutup ini. Firman Allah:

سورة الحج ٢٢ : اية ٣ - ٤

Terjemahan: *Dan ada di antara manusia yang membantah perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan ia menurut tiap-tiap syaitan yang telah sebati dengan kejahatan. Yang telah ditetapkan kepada (tiap-tiap) syaitan itu, bahawa sesiapa yang berketuakan dia maka sesungguhnya ia akan menyesatkannya dan memimpinnya kepada azab neraka.*

(Surah al-Ḥajj 22:3 – 4)

Firman Allah:

سورة الحج ٢٢ : اية ٨ - ٩

Terjemahan: *Dan ada di antara manusia yang membantah dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan tidak berdasarkan sebarang keterangan, dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah yang menerangi kebenaran. Ia Membantah sambil memalingkan sebelah badannya dengan sombong angkuh sehingga menghalang dirinya dan orang lain dari jalan agama Allah, ia akan beroleh kehinaan di dunia, dan Kami akan merasakannya azab yang membakar pada Hari Akhirat kelak.*

(Surah al-Ḥajj 22:8 – 9)

Tetapi bagaimana kita boleh sampai kepada kebenaran dalam bidang-bidang ini?

Sesungguhnya Allah S.W.T. Yang Maha Bijaksana telah memuliakan hamba-hamba-Nya dan memberi petunjuk kepada mereka ke arah kebenaran dalam bidang-bidang ini melalui para rasul sepanjang zaman yang silih berganti, yang membimbing manusia kepada Allah, menghiburkan dengan kebenaran sambil menyeru kepada jalan Allah sehinggalah berakhir dengan pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penghulu semua Nabi dan Rasul iaitu Allah menjamin pemeliharaan risalahnya yang semuanya terangkum dalam al-Qur'an al-Karim. Firman Allah S.W.T.:

سورة الحجر ١٥ : اية ٩

Terjemahan: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

(Surah al-Ḥijr 15:9)

Ini seolah-olah Allah berfirman: *"Sesungguhnya Aku telah mengutuskan kepada kamu rasul yang tetap, iaitu al-Qur'an yang Aku jamin ia terpelihara pada setiap masa, kamu tidak perlu lagi kepada rasul selepasnya justeru risalahnya itu kekal terus-menerus. Ia adalah jalan yang lurus, hidayat yang sentiasa sambung menyambung. Ia diatur dengan pengawasan Ilahi yang tidak didatangi kebatilan dari mana jua, hadapan atau belakang, penurunan daripada Yang Maha Bijaksana lagi Terpuji."*

Maka ambillah petunjuk daripadanya dan berpegang teguhlah dengan kebenaran yang dipandunya. Allah berfirman:

سورة لقمان ٣١ : اية ٢٠ - ٢١

Terjemahan: ... *ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran. Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang ingkar): "Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah," mereka menjawab: "(Tidak), bahkan kami hanya menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya." Patutkah mereka (menurut datuk neneknya) sekalipun syaitan mengajak mereka itu (melakukan perbuatan yang menjerumuskan*

mereka) ke dalam azab api neraka yang marak menjulang?

(Surah Luqmān 31:20 – 21)

Kemudian Allah berfirman lagi:

Terjemahan: ... *Dan sesiapa berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus).*

(Surah āli-'Imrān 3:101)

Kitab ini merupakan huraian dan penerangan kepada apa yang dikatakan ini. Saya tidak pernah bergembira selain apabila kitab ini dicetak buat pertama kalinya. Ini kerana kitab ini memperlihatkan *manhaj* yang saya pegang dalam kehidupan pemikiran saya. *Manhaj* yang menjadi pegangan saya ini merupakan *manhaj* yang selaras dengan arahan al-Qur'an al-Karim dan Sunnah Nabi yang mulia.

Kitab ini mensyarahkan pandangan saya dengan panjang lebar, pandangan yang sememangnya diarahkan oleh al-Qur'an al-Karim dan Sunnah Nabi yang mulia. Sunnah inilah yang dilalui oleh semua imam kita yang sentiasa di bawah naungan hidayat.

Dengan kitab ini saya menghampirkan diri kepada Allah sambil mengharapkan hidayat daripada-Nya dan mendapat petunjuk. Salam dan selawat ke atas *uswah ḥasanah* dan pemimpin *rabbāni*, penghulu anak Adam yang memiliki syafa'at dan kita mengharapkan syafa'atnya pada hari yang tidak ada guna harta benda dan anak-anak kecuali orang yang datang menemui Allah dengan hati yang bersih dan sihat.

BIODATA AL-IMAM PROF. DR. AL-SHEIKH ABDUL HALIM MAHMUD (BEKAS SHEIKH AL-AZHAR, MESIR)

Al-Imam Dr. Abdul Halim dilahirkan pada 10 Mei 1910 di Kampung al-Salam, Wilayah al-Syaraqiyyah, Mesir. Beliau telah menghafal al-Qur'an sewaktu meningkat remaja di kampungnya. Pada tahun 1932, beliau memperoleh ijazah A'lamiyyah dari Universiti al-Azhar dan kemudiannya melanjutkan pelajarannya di Universiti Sarbone, Perancis dan memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam Ilmu Psikologi Sosial dan Sejarah-sejarah Agama. Pada tahun 1937 beliau telah dibiayai oleh Universiti al-Azhar untuk memperoleh ijazah Ph.D dalam bidang tasawwuf Islam yang berjudul *"al-Muḥāsibi"* dan berjaya memperoleh kelulusan cemerlang (kelas pertama) (Universiti Sarbone, Perancis).

Di Mesir, beliau menjadi pensyarah ilmu psikologi di Fakulti Bahasa Arab dan kemudian dilantik sebagai Profesor Falsafah di Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar pada tahun 1951 dan pada tahun 1964 beliau menjawat jawatan Dekan Fakulti berkenaan. Pada tahun 1970 beliau menjadi wakil Universiti al-Azhar dan 1971 menjadi Menteri Wakaf Mesir. Kemudian pada tahun 1973 beliau dilantik menjadi Sheikh al-Azhar sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1978.

Sepanjang kehidupannya, Dr. Abdul Halim banyak menghadiri persidangan-persidangan Islam di dalam dan luar negeri serta pernah menjadi profesor pelawat di Tunis, Libya, Filipina, Indonesia, Pakistan, Afghanistan, Sudan, Malaysia dan lain-lain. Pada bulan November 1977 beliau telah melawat pusat-pusat Islam di Amerika.

Al-Imam meninggal dunia pada 17 Oktober 1978. Beliau berjaya menghasilkan banyak penulisan yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti tasawwuf, falsafah, ibadat, pemikiran dan sebagainya. Karangan-karangan beliau yang tercetak keseluruhannya berjumlah 64 buah.

Secara umumnya, al-Imam merupakan seorang tokoh dan ahli fikir Islam yang sukar ditandingi. Beliau seorang yang sederhana dalam hidup, seorang yang zuhud walaupun telah menjawat jawatan tertinggi agama dalam kerajaan Mesir. Beliau juga seorang yang berani dan tegas. Ini terbukti apabila beliau menyerahkan surat perletakan jawatan sebagai Menteri Wakaf apabila kerajaan Mesir hendak melaksanakan undang-undang keluarga Islam yang tidak disenangi oleh ramai ulama' Islam Mesir pada masa itu. Kerana memikirkan kepentingan Mesir pada masa itu beliau terpaksa menarik balik keputusannya dan terus dengan jawatannya. Masyarakat setempat dan jiran-jiran tetangga mengenali beliau sebagai seorang ulama' yang berwibawa dan pemurah dan banyak membantu orang-orang miskin. Sementara di kalangan para pelajar Universiti al-Azhar terutamanya di Fakulti Usuluddin, beliau merupakan seorang profesor yang baik hati dan sederhana. Antara karangan-karangan beliau ialah:

1. *Al-Qur'an wa al-Nabi.*
2. *Al-Islam wa al-Imān.*
3. *Al-'Ibādat.*
4. *Al-Islam wa al-'Aql* (yang diterjemahkan).
5. *Al-Ta'rīf al-Falsafi fi al-Islam.*
6. *Eropah dan Islam.*
7. *Ahmad al-Badawi.*
8. Dan lain-lain.

BAHAGIAN I

FALSAFAH

FASAL 1

AL-QUR'AN PEMBIMBING AKAL

Amat menarik sekali apabila seseorang itu memperkatakan tentang kedudukan al-Qur'an dari sudut akal dan disebut juga dalam perbahasan bahawa al-Qur'an ialah kitab akal. Keseluruhannya merupakan seruan yang padu ke arah pembebasan akal daripada lingkarannya yang sempit. Al-Qur'an dengan pelbagai pendekatannya membawa maksud penyeruan kepada manusia agar menggunakan akal serta menjadikannya sebagai neraca penilaian bagi setiap perkara yang hendak dilakukan. Al-Qur'an memberikan kebebasan kepada kita untuk beriktikad dengan apa yang dinilai baik oleh akal dan juga membenarkan kita mengikut mana-mana jalan asalkan ia lojik dan sesuai mengikut pertimbangan fikiran kita masing-masing.

Dalam hal ini terdapat mereka yang beriman dengan ikhlas dan berkhidmat mengikut pendekatan tersendiri demi kepentingan agama di samping menjadikan al-Qur'an sebagai pembantu iman mereka. Inilah satu 'pendekatan sepadu' yang dihayati oleh semua pihak yang berjuang untuk Islam sepanjang sejarah. Malah belum ada mana-mana ajaran sama ada sejak dahulu mahupun sekarang yang mampu menyatukan para penganutnya ke arah satu matlamat selain agama Islam. Para pendokong Islam ini tidak mengeluarkan kata-kata tanpa berlandaskan ayat-ayat al-Qur'an dan mereka mampu membangunkan umat Islam serta menyumbangkan pemikiran kemanusiaan sejagat.

Ramai di kalangan ahli fikir yang mengikuti pemikiran Islam turut menjadikannya sebagai sandaran dalam

pendekatan pemikiran mereka. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang telah dijadikan hujah dalam pendekatan mereka. Antara ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, firman Allah:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ بَلْ نَتَّبِعُ مَآ أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۗ أَوَلَوْ كَانَ ءَابَآؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْـًٔا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٧٠﴾

سورة البقرة ٢ : اية ١٧٠

Terjemahan: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah," mereka menjawab: "(Tidak), bahkan kami (hanya) menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya." Patutkah (mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (apapun tentang perkara-perkara agama), dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah (daripada Allah)?*

(Surah al-Baqarah 2:170)

Kedua, firman Allah:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَـٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَـٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ١٧٩

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk Neraka Jahanam banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai.*

(Surah al-A'rāf 7:179)

Ketiga, firman Allah:

أَوَلَمْ يَنظُرُوا۟ فِى مَلَكُوتِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ ٱللَّهُ
مِن شَىْءٍ وَأَنْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ قَدِ ٱقْتَرَبَ أَجَلُهُمْ فَبِأَىِّ حَدِيثٍۭ
بَعْدَهُۥ يُؤْمِنُونَ ﴿١٨٥﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ١٨٥

Terjemahan: *Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalamullah al-Qur'an) itu mereka mahu beriman?*

(Surah al-A'rāf 7:185)

Keempat, firman Allah:

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ
إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا وَإِن يَسْتَغِيثُوا۟
يُغَاثُوا۟ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ بِئْسَ ٱلشَّرَابُ وَسَآ
ءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

سورة الكهف ١٨ : اية ٢٩

Terjemahan: *Dan katakanlah (Wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang daripada Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah dia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya." Kerana Kami telah menyediakan bagi orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.*

(Surah al-Kahfi 18:29)

Terdapat juga beberapa ayat lain yang dijadikan hujah. Antaranya, firman Allah:

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذۡنَا مُتۡرَفِيهِم بِٱلۡعَذَابِ إِذَا هُمۡ يَجۡـَٔرُونَ ﴿٦٤﴾
لَا تَجۡـَٔرُواْ ٱلۡيَوۡمَۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ﴿٦٥﴾ قَدۡ كَانَتۡ ءَايَٰتِي تُتۡلَىٰ
عَلَيۡكُمۡ فَكُنتُمۡ عَلَىٰٓ أَعۡقَٰبِكُمۡ تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾ مُسۡتَكۡبِرِينَ
بِهِۦ سَٰمِرٗا تَهۡجُرُونَ ﴿٦٧﴾ أَفَلَمۡ يَدَّبَّرُواْ ٱلۡقَوۡلَ أَمۡ جَآءَهُم مَّا لَمۡ يَأۡتِ
ءَابَآءَهُمُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾ أَمۡ لَمۡ يَعۡرِفُواْ رَسُولَهُمۡ فَهُمۡ لَهُۥ مُنكِرُونَ
﴿٦٩﴾ أَمۡ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةُۢۚ بَلۡ جَآءَهُم بِٱلۡحَقِّ وَأَكۡثَرُهُمۡ لِلۡحَقِّ
كَٰرِهُونَ ﴿٧٠﴾ وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلۡحَقُّ أَهۡوَآءَهُمۡ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ
وَٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهِنَّۚ بَلۡ أَتَيۡنَٰهُم بِذِكۡرِهِمۡ فَهُمۡ عَن
ذِكۡرِهِم مُّعۡرِضُونَ ﴿٧١﴾

سورة المؤمن ٢٣ : اية ٦٤ - ٧١

Terjemahan: *Hingga apabila Kami timpakan azab kepada orang-orang yang mewah di antara mereka, maka dengan serta-merta mereka menjerit-jerit meminta tolong (lalu dikatakan kepada mereka): Janganlah kamu menjerit-jerit meminta tolong pada hari ini. Sesungguhnya kamu tidak akan beroleh sebarang pertolongan daripada Kami (kerana) sesungguhnya ayat-ayat-Ku telah berkali-kali dibacakan kepada kamu, dalam pada itu kamu berpaling undur ke belakang. Dengan keadaan sombong angkuh mendustakannya, serta mencacinya dalam perbualan kamu pada malam hari. Maka adalah mereka melakukan yang demikian kerana mereka tidak dapat memahami kitab-kitab ajaran (yang di sampaikan kepada mereka)? Atau kerana telah datang kepada mereka sesuatu yang tidak pernah datang kepada datuk nenek mereka yang telah lama? Atau kerana mereka tidak kenal Rasul mereka, lalu mereka menyingkirkannya? Atau kerana mereka menyatakan: "Dia kena penyakit gila? Sebenarnya bukan kerana sesuatu pun daripada yang tersebut itu, bahkan kerana Rasul mereka datang kepada mereka membawa agama yang tidak benar dan kebanyakan mereka tidak suka kepada sebarang kebenaran. Dan kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya (bukan sahaja Kami memberikan agama yang tetap benar) bahkan*

Kami memberi kepada mereka al-Qur'an yang menjadi sebutan baik dan mendatangkan kemuliaan kepada mereka, maka al-Qur'an yang demikian keadaannya, mereka tidak juga mahu menerimanya.

(Surah al-Mukminūn 23:64 – 71)

Allah juga berfirman:

سورة لقمان ٣١ : اية ٢١

Terjemahan: ... *ada di antara manusia yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah yang menerangi kebenaran. Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang ingkar): "Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah." Mereka menjawab: "(Tidak), bahkan kami hanya menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya." Patutkah mereka (menurut datuk neneknya) sekalipun syaitan mengajak mereka itu (melakukan perbuatan yang menjerumuskan mereka) ke dalam azab api neraka yang masak menjulang?*

(Surah Luqmān 31:21)

Dan firman Allah lagi dalam Surah *al-Zukhruf:*

وَجَعَلُوا۟ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةَ ٱلَّذِينَ هُمْ عِبَـٰدُ ٱلرَّحْمَـٰنِ إِنَـٰثًا ۚ أَشَهِدُوا۟
خَلْقَهُمْ ۚ سَتُكْتَبُ شَهَـٰدَتُهُمْ وَيُسْـَٔلُونَ ﴿١٩﴾ وَقَالُوا۟ لَوْ شَآءَ
ٱلرَّحْمَـٰنُ مَا عَبَدْنَـٰهُم ۗ مَّا لَهُم بِذَٰلِكَ مِنْ عِلْمٍ ۖ إِنْ هُمْ إِلَّا
يَخْرُصُونَ ﴿٢٠﴾ أَمْ ءَاتَيْنَـٰهُمْ كِتَـٰبًا مِّن قَبْلِهِۦ فَهُم بِهِۦ
مُسْتَمْسِكُونَ ﴿٢١﴾ بَلْ قَالُوٓا۟ إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ

وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم مُّهْتَدُونَ ﴿٢٢﴾ وَكَذَٰلِكَ مَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ
فِى قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَآ إِنَّا وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا عَلَىٰٓ أُمَّةٍ
وَإِنَّا عَلَىٰٓ ءَاثَٰرِهِم مُّقْتَدُونَ ﴿٢٣﴾ ۞ قَٰلَ أَوَلَوْ جِئْتُكُم
بِأَهْدَىٰ مِمَّا وَجَدتُّمْ عَلَيْهِ ءَابَآءَكُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ
كَٰفِرُونَ ﴿٢٤﴾

سورة الزخرف ٤٣: اية ١٩ - ٢٤

Terjemahan: *Dan mereka pula mensifatkan malaikat yang juga menjadi hamba-hamba Allah Yang Maha Pemurah itu jenis perempuan. Adakah mereka menyaksikan kejadian malaikat itu? Akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu), dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasannya). Dan mereka berkata: "Kalaulah Allah Yang Maha Pemurah menghendaki tentulah kami tidak menyembah malaikat itu." (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan pun mengenai kata-kata mereka (yang demikian), mereka hanyalah orang-orang yang berdusta. Pernahkah Kami memberikan mereka sebelum al-Qur'an ini sebuah kitab (yang membenarkan dakwaan mereka) bahkan mereka (hanyalah) berkata, "Sesungguhnya kami telah mendapati datuk nenek kami menurut satu jalan agama, dan sesungguhnya kami beroleh petunjuk menurut jejak mereka sahaja." Dan demikianlah halnya (orang-orang yang taqlid buta); Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) kepada (penduduk) sesebuah negeri, seseorang Rasul pemberi amaran, melainkan orang-orang yang berada dalam kemewahan di negeri itu berkata, "Sesungguhnya kami dapati datuk nenek kami menurut satu jalan agama dan sesungguhnya kami hanya mengikut jejak mereka sahaja." Rasul itu berkata: "Adakah (kamu akan menurut juga mereka) walaupun aku membawa kepada kamu agama yang lebih jelas hidayah petunjuknya daripada jalan agama yang kamu dapati datuk nenek kamu menurutnya?" Mereka menjawab: "Sesungguhnya kami tetap mengingkari apa yang kamu diutuskan membawanya."*

(Surah al-Zukhruf 43:19 – 24)

Secara umumnya, ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi serta fakta-fakta sejarah banyak menunjukkan tentang

Islam itu sebagai agama akal. Jika disoal apakah agama akal? Jawapan yang diberikan ialah, hukum-hukum agama mestilah didasarkan kepada akal dan akal mestilah dijadikan penentu kepada pelbagai masalah, prinsip dan kaedah.

Jawapan seumpama ini kadang-kadang boleh membawa kepada penyelewengan yang akan berakhir dengan akal sebagai 'pemimpin' bukannya agama sebagaimana yang sepatutnya. Justeru itu berlakulah kesongsangan dan penyelewengan dari jalan yang lurus atau *ṣirāṭul mustaqīm*. Sebenarnya hubungan akal dengan agama hendaklah dilihat seperti berikut:

1. Agama datang sebagai pembawa hidayah kepada akal dalam beberapa masalah seperti berikut:

   (a) Pada perkara-perkara di luar tabi'i iaitu persoalan-persoalan aqidah yang khusus mengenai Allah, Rasul, Hari Akhirat dan tentang ketuhanan yang ghaib (secara umum).

   (b) Pada persoalan-persoalan akhlak iaitu berkaitan dengan kebaikan dan kelebihan *(faḍīlat)* yang perlu kepada seseorang untuk menjadi seorang Muslim yang salih.

   (c) Pada persoalan-persoalan perundangan yang mampu memberi kedamaian kepada masyarakat.

Sesungguhnya agama datang membawa hidayah kepada akal dalam persoalan-persoalan tersebut kerana, penolakan agama akan membawa kepada kegagalan dalam memberi sebarang penyelesaian yang boleh diterima oleh semua. Maksudnya, jika dibiarkan kepada manusia dan akal untuk menyelesaikan persoalan tersebut, pasti mereka akan bertelagah kerana masing-masing menyokong pandangan yang bersimpang-siur, bercanggah dan berkrisis yang tiada penghujungnya. Oleh itu, perpaduan dan persefahaman serta ketenangan dan kedamaian tidak akan tercapai.

2. Al-Qur'an diturunkan dan akal mampu memahami ayat-ayat yang jelas dan terang *(muḥkam)* dan akal tidak

bertelagah pada ayat-ayat yang ada kesamaran *(mutasyabih)*. Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat seumpama ini, antaranya firman Allah:

. . . مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ
وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلْعِلْمِ
يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *sebahagian besar daripada al-Qur'an itu ialah ayat-ayat "Muḥkamat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muḥkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Qur'an. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyābihat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) – adapun orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar daripada al-Qur'an untuk mencari fitnah dan mencari-cari ta'wilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui ta'wilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: "Kami beriman kepada-Nya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran."*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Sesungguhnya Islam mahukan setiap Muslim berpegang teguh dengan ayat-ayat yang tepat, terang dan jelas berdasarkan firman Allah:

سورة آل عمران ٣ : اية ١٠١

Terjemahan: ... *Dan sesiapa berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus).*

(Surah āli-'Imrān 3:101)

Seseorang Muslim itu apabila menghadapi ayat-ayat yang sukar difahaminya mestilah menyerahkannya kepada Allah kecuali orang yang Allah bukakan kepadanya melalui ilham daripada Allah sehingga dia dapat mengetahui sesuatu rahsia tentang ayat-ayat yang mempunyai kesamaran itu asalkan tidak bercanggah dengan akal dan prinsipnya.

3. Al-Qur'an diturunkan dengan penuh ketegasan dan tidak teragak-agak serta tidak mengakui sebarang sifat teragak-agak, tidak meragui dan tidak mengakui sebarang keraguan kerana al-Qur'an itu sendiri membawa kebenaran (*al-ḥaq*). Kebenaran ini tidak pernah bercampur dengan sebarang kebatilan. Ia datang daripada Allah dan selamat terpelihara. Keseluruhan al-Qur'an adalah benar belaka dan yang selainnya adalah batil. *Al-ḥaq* tetap wujud dalam kitab yang diwahyukan. Dalam menghadapi segala persoalan agama, terdapat pula Hadith-hadith daripada Rasul yang dikira sebagai penjelasan atau tafsiran kepada kitab Allah. Oleh itu, wajib bagi setiap Muslim agar mengikuti prinsip-prinsip ini atau kebenaran tersebut tanpa sebarang keraguan dan penyelewengan daripada prinsip yang telah ditetapkan.

4. Al-Qur'an datang tanpa meminta sebarang nasihat daripada manusia. Maha Suci Allah yang tidak memerlukan nasihat makhluk-Nya atau hamba-hamba-Nya. Allah yang Maha Bijaksana tidak perlu merujuk kepada manusia terhadap apa yang dipertanggungjawabkan oleh-Nya ke atas mereka dengan tujuan untuk memberi petunjuk dan mendidik.

Inilah pendirian agama terhadap akal yang menjadi teras pegangan bagi orang yang mempunyai perasaan keagamaan yang sihat. Pendirian ini adalah secucuk dengan anjuran al-Qur'an sebagaimana yang jelas daripada firman Allah S.W.T.:

وَقُلِ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ ۖ فَمَن شَآءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَآءَ فَلْيَكْفُرْ ۚ إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِن يَسْتَغِيثُوا۟

يُغَاثُوا۟ بِمَآءٍ كَٱلْمُهْلِ يَشْوِى ٱلْوُجُوهَ ۚ بِئْسَ ٱلشَّرَابُ وَسَآءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

سورة الكهف ١٨ : اية ٢٩

Terjemahan: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang daripada Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah dia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya." Kerana Kami telah menyediakan bagi orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.*

(Surah al-Kahfi 18:29)

Ayat suci al-Qur'an ini menerangkan kepada kita bahawa Allah menyuruh rasul-Nya supaya memberitahu apa yang diwahyukan itu adalah benar dan jika itu adalah benar, maka yang selainnya (al-Qur'an) adalah batil. Maka tidak syak lagi bahawa seseorang yang berfikiran, mengkaji dan merenung pada kebenaran ini akan berkesudahan dengan pengakuan, pengiktirafan dan keimanan.

Adapun orang yang tidak sampai ke tahap itu merupakan orang yang mengikut datuk nenek mereka atau orang dahulukala yang tidak mempunyai sebarang kelebihan kecuali kononnya mereka terlebih dahulu makan garam. Perumpamaan bagi golongan ini adalah seperti binatang yang berjalan di belakang tuannya kerana tuannya itulah yang menarik atau memandunya.

Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia yang ingin beriman dengan kebenaran maka berimanlah dan ikutilah hidayah-Nya. Sebaliknya sesiapa yang mengkufuri kebenaran atau mengikut kesesatan, dia boleh berbuat demikian tetapi dia harus sedar dan mengetahui bahawa Allah menyediakan neraka kepada orang yang tidak mengikut iman sebagaimana janji-Nya dalam Surah *al-Kahfi*, dengan berfirman:

سورة الكهف ١٨ : اية ٢٩

Terjemahan: ... *api neraka yang meliputi mereka laksana khemah, dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka, amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.*

(Surah al-Kahfi 18:29)

Justeru itu al-Qur'an merupakan *din* akal dengan pengertian ia sebagai pembawa hidayah, petunjuk, pemimpin dan pembimbing kepada akal. Prinsip-prinsip ini boleh difahami oleh akal dengan senang dan mudah. Al-Qur'an tidak mencanggahi akal dan akal perlu merujuk kepadanya pada setiap perkara.

5. Oleh kerana al-Qur'an pada hakikatnya diturunkan untuk memandu manusia ke arah kesempurnaan jiwa, maka seseorang itu adalah manusia dari sudut jiwa (rohnya). Oleh kerana itu setiap kali manusia itu mulia jiwanya maka dia akan dapat mencapai tahap kemanusiaan yang sangat tinggi.

Makna roh (jiwa) dan jalan mencapai kemuliaannya mestilah ditentukan berdasarkan ketetapan Allah bukan daripada manusia kerana orang yang tinggi rohnya ialah orang yang hampir kepada Allah. Ketinggian roh ini tidak akan tercapai tanpa mendampingi Allah. Perkataan mendampingi Allah lebih tepat diungkapkan dengan perkataan manusia menghampirkan dirinya kepada Allah kerana Allah sahajalah tempat dan tujuan yang hendak dicapai dalam segala perlakuan dan tindakannya. Sesiapa yang memilih jalan lain, dia sebenarnya berjalan di belakang bayang-bayang.

Lantaran itu tidak ada pilihan bagi akal kecuali menerima, patuh *(khusyū')* dan tunduk atau dengan ungkapan yang lebih tepat sujud. Sujud ini pula bukan sebarang sujud seperti sujud sambil lewa, mendadak atau terpaksa tetapi ia berpunca daripada keimanan yang penuh dengan keyakinan.

Al-Qur'an adalah daripada Allah dalam erti kata jika ia datang daripada Allah sudah pasti mustahil terdapat dalamnya kebatilan kerana ia adalah penurunan daripada Yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji. Al-Qur'an yang suci ini mempunyai ayat-ayat yang kemas, tepat, padat serta kemudiannya dipanjanglebarkan oleh Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

Dengan itu jelaslah bahawa agama merupakan petunjuk akal dan akal berkewajipan untuk tunduk dan sujud kepada wahyu Allah.

Kita kembali semula kepada persoalan asal itu tentang al-Qur'an dan akal. Persoalan yang timbul, "Tidakkah al-Qur'an itu sentiasa menuntut kita supaya berfikir dan merenung," sebagaimana firman Allah:

سورة الحشر ٥٩ : اية ٢

Terjemahan: ... *maka insaflah dan ambillah pelajaran (daripada peristiwa itu) wahai orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*

(Surah al-Ḥasyr 59:2)

Firman Allah lagi:

سورة ق ٥٠ : اية ٢٧

Terjemahan: *Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya), atau yang menggunakan pendengarannya dengan bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) dengan menumpukan hati dan fikiran kepadanya.*

(Surah Qāf 50:37)

Dalam beberapa ayat lain Allah telah mencela orang Musyrikin yang menurut jejak langkah bapa-bapa mereka. Firman Allah:

سورة البقرة ٢ : اية ١٧٠

Terjemahan: ... *patutkah (mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (apa pun tentang perkara-perkara agama), dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah (daripada Allah)?*

(Surah al-Baqarah 2:170)

Di samping itu kita dapati banyak ayat al-Qur'an yang diakhiri dengan (أفلا تعقلون) iaitu apakah kamu tidak berakal? (أفلا تتفكرون) iaitu apakah kamu tidak berfikir? (أفلا تبصرون) iaitu apakah kamu tidak melihat? Ini jelas menunjukkan bahawa al-Qur'an mengarahkan manusia kepada menggunakan akal fikiran.

Sebenarnya al-Qur'an tidak pernah meminta nasihat daripada sebarang insan dalam setiap persoalan yang dikemukakan dalam wahyu. Wahyu tidak pernah menganggap manusia sebagai hakim pada sebarang prinsip yang dikemukakannya bahkan wahyu tidak pernah bermesyuarat dengan manusia dalam erti kata ingin mendapatkan persetujuan dalam setiap kaedah yang hendak dianjurkan. Kesemua ini tidak lebih daripada khayalan yang tidak berpijak di benak seseorang yang berpegang teguh dengan agama.

Kenapakah begitu? Ini kerana wahyu itu diturunkan sebagai risalah terakhir dari langit untuk dunia seluruhnya demi membuktikan bahawa risalah yang dibawa semuanya *haq* dan semuanya benar, tiada suatu pun yang meragukan dan tidak wujud sama sekali persoalan yang berkemungkinan benar atau dusta. Tidak juga terdapat rangkaian ayat yang sia-sia, serta tidak mempunyai sebarang kalimah yang diletakkan bukan pada tempatnya. Tiada sebarang huruf yang kononnya tidak diperlukan. Ingatlah bahawa risalah langit ini benar tulen, sesiapa yang mengikutnya, dia pasti mendapat petunjuk dan sesiapa yang menyimpang daripadanya pasti dia menyeleweng. Sesiapa yang ingin mendapat petunjuk daripada yang lainnya, pasti Allah akan me-

nyesatkannya dan seterusnya sesiapa yang meninggalkannya kerana angkuh, Allah akan menghancurkannya. Itulah jalan Allah yang lurus dan cahaya Allah yang bersinar-sinar.

Apa yang Allah firmankan tentang pemikiran, penglihatan dan pengamatan; kesemuanya adalah membawa maksud 'mengambil iktibar' iaitu Allah mahu menyatakan: hendaklah anda berfikir supaya dapat melihat di sana bahawa Allah ialah *al-ḥaq* dan di sana ada sesuatu yang baik. Tetapi sekiranya anda nampak selain itu (selain kebenaran) maka sesungguhnya aib atau amat cacat sekali pandangan anda dan secara tidak langsung pula menampakkan adanya kerosakan pada akal dan pemikiran anda itu.

Jika anda berada dalam keadaan yang sedemikian, ketahuilah bahawa fitrah semula jadi anda telah rosak lantaran penyelewengan anda sendiri dan anda diseliputi oleh karat-karat dosa. Maka jadilah anda tidak melihat kebenaran itu sebagai kebenaran dan kebaikan itu sebagai kebaikan. Sebaliknya anda melihat kebaikan sebagai kejahatan dan kejahatan itu sebagai kebaikan. Orang yang berpendirian seumpama ini merupakan binatang-binatang, bahkan lebih sesat lagi. Oleh itu mereka sebenarnya telah menyimpang jauh dari jalan Allah yang lurus.

Allah S.W.T. dengan kebesaran dan keagungan-Nya tidak menganjurkan risalah-Nya itu untuk dikaji oleh manusia dan kemudiannya memberi pandangan sama ada ia wajar atau tidak, benar atau salah, ya atau bukan; tetapi risalah ini diturunkan adalah untuk dipatuhi oleh manusia dengan penuh ketundukan dan bersujud. Sesiapa yang mematuhinya tanpa keraguan, maka dia akan merasakan ketenangan di dalam dadanya. Firman Allah:

سورة النساء ٤ : اية ٦٥

Terjemahan: *Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka*

menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

(Surah al-Nisā' 4:65)

Sesiapa yang merasa prejudis dalam permasalahan agama dan tidak mahu menyerah secara total kepada Allah, maka amat baik baginya untuk kembali membetulkan imannya sehingga dia bertaubat kepada Allah dengan sebenar-benar taubat. Pintu taubat sentiasa terbuka pada setiap saat siang dan malam.

Orang salih yang terdahulu sememangnya menghayati penyerahan diri dan ketundukan yang sepenuhnya terhadap apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Mereka benar-benar patuh dan tunduk dengan sepenuh hati, zahir dan batin kepada nas al-Qur'an. Nas-nas al-Qur'an dijadikan sebagai pemimpin, penguasa dan pengawal. Mereka tahu bahawa campur tangan dalam nas-nas itu sedikit sebanyaknya adalah satu penyelewengan. Oleh itu, mereka percaya wahyu didatangkan oleh Allah sebagai pemandu akal dalam perkara-perkara yang akal tidak mampu mencampurinya atau membincang dan memberi pendapat terhadap persoalan-persoalan tertentu meskipun ramai yang menyetujuinya. Bidang-bidang yang tidak menerima peranan akal yang dimaksudkan di sini ialah agama kerana agama diturunkan dari langit tanpa hasil atau buah fikiran manusia. Justeru itu sebarang pendirian peribadi seseorang terhadap nas yang tidak berlandaskan sujud sepenuhnya kepada Allah adalah dikira satu percubaan untuk menukar status agama daripada ciptaan Allah kepada ciptaan manusia. Kalau begitulah percubaannya, maka agama itu tidak diperlukan.

Satu riwayat daripada Abu Daud dan al-Daruqutni, daripada Sayidina Ali yang bermaksud: "Kalaulah agama itu diolah dengan fikiran tentulah lebih wajar disapu bahagian tapak kasut dari bahagian atasnya, sesungguhnya aku melihat Rasulullah menyapu di atas kasutnya (sapu *khuf*)."

Agama bukanlah pendapat dan bukan juga berdasarkan pendapat. Lihatlah kepada Hadith berikut ini, yang membuktikan satu ucapan yang tegas dan mempunyai pengutaraan makna yang sangat halus. Hadith itu ialah

daripada al-Barra' bin Azib, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إذا أتيت جعك ، فتوضأ وؤك للصلاة ، ثم اضطجع على شقك لأيمن ثم قل: اللهم إنى أسلمت نفسى إليك ،ووجهت وجهى إليك ، وفوضت امرى إليك ، وألجأت ظهرى إليك ، رغبع ورهبة إليك. لا ملجأ ولا منجا منك إلا إليك ،آمنت كتابك الذى أنزلت ،نبيك لذى أرسلت ، فإن مت فى ليلتك ، فأنت على الفطرة ، واجعلهن آخر ما تتكلم به.

Terjemahan: *Apabila kamu ke tempat tidur, ambillah wudu' untuk bersolat kemudian mengiringlah ke kanan dan berdoalah: "Ya Allah sesungguhnya aku menyerahkan diriku kepada-Mu, ku hadapkan wajahku ke arah-Mu, kuserahkan urusanku kepada-Mu. Aku hadapkan belakangku kepada-Mu, semuanya kerana keinginan dan ibadatku kepada-Mu. Tiada tempat perlindungan dan keselamatan yang Engkau sediakan kecuali untuk-Mu jua, aku beriman dengan kitab yang Engkau turunkan dan Nabi yang Engkau utuskan." Maka jika engkau mati pada malam itu maka kematian itu di atas fitrah (tidak berdosa). Jadikanlah doa-doa tersebut sebagai penutup dalam percakapan-Mu.*

Maka aku (al-Barra') mengulangi pembacaannya di hadapan Rasulullah dan apabila aku sampai pada kata-kata: "Aku beriman dengan kitab yang Engkau turunkan dan rasul yang Engkau utuskan, lantas Rasulullah pun menegur aku seraya berkata: Bukan ... Nabi Engkau yang Engkau utuskan (yakni bukan Rasul) (Riwayat Sunan Sittah). Penggunaan perkataan 'Nabi' adalah dituntut dalam hal ini. Al-Bukhari dan al-Tirmizi menambah: "Maka jika Allah matikan kamu pada malam ini, mati kamu adalah fitrah dan jika kamu hidup lagi kamu akan mendapat kebaikan."

Sahabat yang mulia al-Barra' bin Azib menyebut perkataan 'Rasul Engkau' sebagai ganti kepada perkataan 'Nabi Engkau' kerana kalimah 'Rasul' itu mengandungi makna kenabian. Justeru itu ia membawa makna yang tepat dan sesuai berdasarkan fikiran kita juga.

Namun dengan akal dan lojik ini kita hanya mampu melihat sesuatu secara zahir dan luaran sahaja sedangkan perkara-perkara batin sama ada berupa rahsia-rahsia kalimat mahupun hikmat sesuatu kejadian atau keadaan atau penonjolan sesuatu yang tersembunyi di sebalik takdir Allah, maka semua itu tidak dapat dicapai melalui lojik akal manusia kecuali Allah yang mengilhamkannya. Sesungguhnya al-Barra' telah tersilap apabila menyebut 'Rasul' sebagai ganti kalimah 'Nabi' dan begitu juga kita akan turut tersilap apabila kita menggunakan akal untuk mensahihkan perkataan pengganti itu (melihat 'Rasul' dan 'Nabi' sama sahaja). Firman Allah:

سورة القمر ٥٤ : اية ٤٩

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).*
(Surah al-Qamar 54:49)

Menanggapi rahsia qadar ini tidak dapat dicapai oleh seseorang bahkan malaikat sendiri tidak mampu mencapainya. Firman Allah:

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ فَقَالَ
أَنۢبِـُٔونِى بِأَسْمَآءِ هَٰٓؤُلَآءِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٣١﴾ قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ
لَا عِلْمَ لَنَآ إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

سورة البقرة ٢ : اية ٣١ - ٣٢

Terjemahan: *Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya pada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar." Malaikat itu menjawab: "Maha Suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana."*
(Surah al-Baqarah 2:31 – 32)

Sesungguhnya ilmu yang tulen dan benar dalam dunia ini merupakan hidayah dan *tarbīyah rabbāniyyah* yang hanya datang daripada Allah dan sebarang penyimpangan atau penyelewengannya merupakan kesesatan.

Tidak syak lagi bahawa semenjak manusia hidup di bumi ini mereka cuba berfikir sebagai seorang manusia. Menganalisa persoalan wahyu Ilahi dengan pelbagai tanggapan dan fikiran kononnya berdasarkan kaedah-kaedah yang mereka kira tepat dan benar. Maka berkatalah mereka bahawa pengharaman minum arak itu adalah kerana kerosakan atau risiko yang disebabkan oleh orang yang meminumnya. Sekiranya risiko itu tidak berlaku, maka tiada halangan untuk meminumnya. Perintah-perintah agama yang diwajibkan adalah bertujuan memperbaiki *ḍamīr* (hati). Sekiranya *ḍamīr* itu sudah baik maka tidak perlu lagi perintah-perintah agama.

Amal-amal ibadat bertujuan untuk menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. Apabila terlaksana penghampiran diri kepada-Nya, maka ibadat-ibadat tidak lagi diperlukan.

Demikianlah manusia sangat suka berkata sesuatu yang berhubung dengan akal. Perkara ini samalah dengan apa yang berlaku kepada iblis dahulu yang telah terkeluar daripada agama bahkan ia masih dan sentiasa menggambarkan hawa nafsu sebagai lojik akal.

Al-Imam al-Ghazali telah membawa satu contoh tentang cerita seorang lelaki yang telah membina sebuah istana untuk anaknya di atas puncak bukit yang diliputi dengan rumput-rumpai yang wangi baunya. Lalu ditinggalkan wasiat kepada anaknya supaya jangan membuang rumput itu dari istananya dalam sepanjang hayatnya. Pada suatu ketika bapanya berkata, "Ingat-ingatlah ketika kamu tinggal di istana ini siang atau malam dan pastikan selama itu rumput-rumpai yang aku tanamkan itu masih hidup." Maka si anaknya itu (selepas kematian bapanya) cuba menanam lagi di sekeliling istananya dengan pelbagai jenis pokok lain yang wangi seperti pokok setanggi, anbar dan kesturi. Dengan itu penuhlah ruang istananya dengan tanam-tanaman yang wangi semerbak. Bau rumput-rampai tadi seolah-olah ditenggelami atau hilang kerana kuatnya bau tanaman baru itu. Lantas dia pun berkata, "Oh! Bapaku yang mewasiatkan

supaya memelihara rumput tersebut adalah kerana baunya semata-mata, tetapi oleh kerana pokok-pokok baru yang ditanam itu telah dapat memenuhi maksud tersebut, maka wajarlah aku membuangkannya (yang ditanami bapanya) dari istana ini, ia hanya menyemak sahaja."

Apabila rumput-rumpai itu sudah tiada, tiba-tiba keluar seekor ular yang sangat besar dan dibunuhnya. Lantas dia sedar perbuatannya itu tetapi kesedaran ini sudah tidak bermakna lagi. Betapa rumput yang ditanam oleh bapanya mempunyai hikmat tertentu iaitu untuk menghalang kedatangan ular besar yang berbisa itu. Wasiat ayahnya itu mempunyai dua tujuan utama iaitu:

1. Untuk mendapatkan bau-bauan yang wangi (perkara ini memang terlintas di fikirannya).

2. Menjauhi ular-ular besar dengan baunya itu (perkara ini tidak diketahui oleh anaknya). Ilmunya ini kurang sekali dan ia mengira tidak ada di sana sebarang rahsia lebih daripada maklumat yang ada dalam fikirannya, sebagaimana firman Allah:

ذَٰلِكَ مَبْلَغُهُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ . . .

سورة لنجم ٥٣ : اية ٣٠

Terjemahan: *(Kepentingan dunia) itulah sahaja tujuan terakhir daripada pengetahuan yang dicapai oleh mereka .... .*

(Surah al-Najm 53:30)

Firman Allah lagi:

فَلَمَّا جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَرِحُوا۟ بِمَا عِندَهُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ . . .

سورة المؤمن ٤٠ : اية ٨٣

Terjemahan: *Kerana pada masa mereka didatangi oleh Rasul-rasul yang diutus kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan (untuk menye-*

lamatkan mereka, mereka mengejek-ejeknya, dan) mereka bergembira dengan pengetahuan yang ada pada mereka (yang mengenai keduniaan semata-mata) .... .
(Surah al-Mu'min 40:83)

Orang yang tertipu ialah orang yang tertipu dengan akalnya yang singkat, lantas menyangka bahawa sesuatu yang tertinggal daripada pengetahuannya adalah tidak wujud. Adalah tidak diragui bahawa segala pandangan agama dan konsepnya tidak boleh diuji melalui fikiran pengamatan dan akal manusia[1] kerana ia lebih tinggi daripadanya dan ia diambil daripada wahyu Allah. Sesungguhnya akal manusia adalah lemah dan tidak mampu untuk menyelami rahsia-rahsia ketuhanan.

Manusia sememangnya ingin mendapatkan sesuatu daripada agama yang boleh menjelaskan sesuatu yang tidak dapat dicapai oleh akal atau sesuatu yang tidak diketahuinya. Maka wahyu tidak dapat memberi apa-apa faedah seandainya ia berfungsi untuk menjelaskan sesuatu yang sudah sedia dimaklumi dan yang boleh dicapai hanya cukup dengan akalnya apabila mengkajinya. Kalaulah demikian, manusia tentu sekali menyerahkan semua perkara kepada akal mereka dan sekaligus mereka tidak memerlukan kepada kenabian atau wahyu. Lantaran itu maka benarlah bahawa ilmu-ilmu yang didatangi melalui agama adalah di luar kemampuan akal kita untuk mendalami hakikatnya bahkan lebih daripada itu lagi, apa yang dinilai oleh akal di kalangan kita sebagai baik tetapi pada hakikatnya tidak baik dan begitulah sebaliknya apa yang diburuk-burukkan oleh akal atau sangkaan seseorang, hakikatnya tidak sedemikian.

Seseorang insan yang tidak mencapai kemuncak kesempurnaan sebagai seorang manusia tidak diakui oleh orang-orang yang memiliki pemikiran ketuhanan iaitu pemikiran yang disinari oleh wahyu dan digarapi dengan prinsip-prinsip ketuhanan, sebaliknya dianggap sebagai seorang budak atau remaja sahaja di kalangan orang-orang yang sempurna. Terdapat sebilangan kanak-kanak atau remaja menolak banyak perkara dengan fikiran mereka sedangkan perkara itu bukanlah mungkar dan liar atau mustahil. Begitulah kedudukan mereka di sisi orang yang diliputi cahaya Allah dan dianugerahi ilham-ilham-Nya. Ada orang yang belum mencuba tetapi telah menafikan dan

menolak banyak perkara kononnya itu mustahil tetapi apabila dia mengkaji banyak ilmu dengan mendalam dan terlibat sendiri dalam beberapa pengalaman barulah hilang sikap prasangkanya itu. Perkara yang mustahil bertukar menjadi tidak mustahil bahkan menjadi wajib pula dan sebilangan apa yang dikira ajaib itu sudah tidak dikira ajaib lagi, sebaliknya akan dianggap ajaib pula sesuatu yang bercanggah dengan apa yang dilihat atau dialaminya sendiri.

Manusia yang sempurna kemanusiaannya tidak mempunyai apa-apa halangan untuk menafikan sesuatu yang difikirkan sebagai mustahil meskipun pada hakikatnya tidak begitu.[2]

Al-Sheikh Abu Sulaiman al-Mantiqi telah mengambarkan keadaan ini dalam satu gambaran yang sangat halus dan menarik: Sesungguhnya syari'at diambil daripada Allah S.W.T. dengan perantaraan seorang 'duta' di antaranya dengan makhluk melalui wahyu, munajat, penyaksian ayat-ayat dan kelahiran mukjizat iaitu pada keseluruhannya ia tidak boleh dikaji dan diselidiki. Oleh itu, mestilah diterima apa sahaja yang diseru dan apa yang dipertingkatkan itu. Maka gugurlah (kenapa), batallah (bagaimana), lenyaplah (betulkah) dan berterbanglah (jika dan moga-moga).

KALAU AKAL SUDAH MENCUKUPI PASTI WAHYU TIDAK PERLU DAN TIDAK BERFAEDAH

Kedudukan akal di kalangan orang ramai adalah tidak sama bahkan kecerdikan mereka pun berbeza-beza. Sekiranya kita boleh berfikir untuk bebas daripada wahyu, bagaimanakah pula kita boleh mencipta sedangkan akal seluruhnya bukan untuk kita. Jika seseorang itu boleh membebaskan diri dengan akalnya sendiri pada semua keadaan dan dalam hal agama dan dunia, sudah tentu dia boleh bebas dengan kekuatan sendiri daripada segala keperluan hidup sama ada yang berkaitan dengan agama atau dunia. Dia juga pasti secara peribadi dapat memenuhi segala keperluan hidup dan memperoleh maklumat ilmu pengetahuan dengan akalnya sendiri. Serentak dengan itu dia tidak berhajat langsung kepada seseorang selain dirinya. Pendapat ini ditolak dan pandangan seumpama ini adalah meleset sekali.[3]

Al-Syeikh Abu Sulaiman al-Mantiqi berkata, "Sesungguhnya kedudukan seluruh manusia adalah berbeza-beza pada akal dan kekuatan, dan masing-masing juga mempunyai kemampuan akal yang tidak sama antara satu sama lain." Maksudnya di sini mungkin sesuatu yang dianggap 'halus' pada perhitungan akal seseorang tidak pula dikira 'halus' pada perhitungan orang lain. Dengan itu akal tidak seharusnya terlibat dalam hal agama kerana dengan penglibatan akal, pasti manusia akan bercanggah pendapat dan tidak akan wujud sebarang keselarian pendapat di kalangan mereka. Setiap orang akan mendakwa apa yang dipegangnya adalah benar dan apa yang dipegang oleh orang lain adalah batil. Natijahnya mereka akan mengikut hawa nafsu dan fikiran masing-masing. Firman Allah:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِۦ وَقَلْبِهِۦ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِۦ غِشَٰوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِنۢ بَعْدِ ٱللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

سورة الجاثية ٤٥ : اية ٢٣

Terjemahan: *Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahui-Nya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayat petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak mahu beringat dan insaf?*

(Surah al-Jāthiyah 45:23)

Di samping itu umat manusia akan berpecah belah daripada apa yang disukai dan apa yang diperintahkan oleh Allah. Firman Allah S.W.T.:

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ١٠٣

Terjemahan: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:103)

Jika anda bertanya: "Kalau begitu apakah pendapat akal terhadap agama dan pendirian agama terhadap akal?" ... Kami cuba menjawabnya melalui beberapa huraian ringkas seperti berikut. Agama diturunkan untuk memandu akal dalam semua perkara yang sekiranya dibiarkan akal berfikir mengenainya, pasti ia akan tersesat jalan dan gagal serta lemah untuk sampai kepada hakikatnya. Perkara-perkara tersebut ialah:

1. Perkara aqidah.

2. Prinsip-prinsip akhlak keseluruhannya.

3. Perundangan dan kaedah-kaedah hukum serta penghuraiannya yang perlu dilaksanakan sepanjang zaman dalam pelbagai keadaan.

Adapun tentang tabiat *(nature)* dan alam semesta, termasuk langit, bumi, bukit-bukau, lautan, bintang, bulan, matahari, benda-benda, tenaga, dasar laut dan kaki langit (ufuk) ... semuanya ini diserahkan kepada manusia untuk mengkajinya melalui firma, makmal, alat-alat dan kelengkapan yang ada pada mereka. Malah manusia diseru supaya menjelajahi seluas mungkin alam ini sehingga terserlah pemahaman yang baik terhadap sistem kejadian alam ciptaan Allah Yang Maha Bijaksana ini dan peraturan-peraturan semula jadi yang Allah tetapkan. Sekali gus boleh dilihat ciptaan Allah yang unik, teliti dan rapi iaitu agama tidak pernah melarang penerokaan seumpama ini. Akan tetapi apa yang wajib menjadi matlamat dalam penerokaan ini ialah 'kebaikan' *(al-khair)*. Dengan ini nyatalah Islam sebagai agama akal berdasarkan pengertian-pengertian yang kami sebutkan itu.

FASAL 2

SIKAP MUSLIM TERHADAP AGAMANYA

SUJUD

Riwayat al-Imam Muslim dalam *Ṣaḥīḥ*nya daripada Abi Firas bin Ka'ab al-Aslami (khadam Rasulullah) dan daripada Ahli Saffah, semoga diredai Allah S.W.T., katanya, "Aku telah bermalam dengan Rasulullah s.a.w. Aku datang kepada Baginda dan Baginda pun bersabda, 'Mintalah daripada aku.' Aku pun berkata, 'Aku minta daripada engkau untuk mengiringimu di dalam syurga nanti.' Rasulullah menjawab, 'Ada permintaan lain ...?' Aku pun berkata lagi, 'Itu sahaja.' Rasulullah pun terus bersabda, 'Kamu mestilah banyak bersujud.'"

Sujud merupakan sesuatu amalan yang membantu melapangkan jiwa supaya bersih dan ini adalah salah satu jalan ke syurga. Bagi maksud ini terdapat juga riwayat al-Imam Muslim daripada Abi Abdul Rahman bahawa Thauban (*maula* Rasulullah) berkata bahawa beliau mendengar Rasulullah bersabda:

عليك بكثرة السجود ، فإنك لن تسجدلله سجدة ، إلا رفعك
الله بها درجة ، وحط عنك بها خطيئه.

Terjemahan: *Hendaklah kamu berbanyak sujud, kamu tidak bersujud kepada Allah kecuali Allah mengangkat darjat kamu dengan sujud tersebut dan Allah membuang kesalahan kamu dengannya.*

Sujud yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam Hadith-hadith Baginda bukanlah semata-mata perbuatan

yang kita sedia maklum tetapi sujud sebenarnya ialah perbuatan tersebut diiringi dengan satu pengertian yang mendalam dalam jiwa yang tertanam dalamnya kebesaran Allah dan keagungan-Nya, rahmat dan kasih sayang-Nya yang membawanya tunduk secara mutlak kepada Allah Yang Gagah Perkasa. Keagungan Allah dan tunduk patuh secara mutlak kepada rahmat Allah, tersimpul dalam risalah Islam iaitu suruhan-suruhan dan larangan-Nya.

Justeru itulah risalah Islam, perkara-perkara wajib sama ada berupa suruhan mahupun larangan adalah rahmat untuk sekalian alam. Firman Allah kepada rasul-Nya:

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ . . .

سورة الأنبياء ٢١ : اية ١٠٧

Terjemahan: *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam ... .*

(Surah al-Anbiyā' 21:107)

Apabila sujud ini merupakan ibarat daripada ketundukan dan kepatuhan, maka ia merupakan ibadat iaitu yang bermakna tunduk dan patuh kepada Allah S.W.T. Itulah jalan ke syurga dan lebih daripada syurga iaitu 'hampir' kepada Allah. Firman Allah:

سورة العلق ٩٦ : اية ١٩

Terjemahan: *Ingatlah! Janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya, dan (sebaliknya) sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal salih)!*

(Surah al-'Alaq 96:19)

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda:

أقرب ما يكون العبد من ربه، وهو ساجد.

Terjemahan: *Sehampir-hampir hamba kepada Tuhan-Nya ialah ketika ia sedang sujud.*

Tingginya darjat sujud dapat dilihat apabila sembahyang itu sendiri disebut sebagai 'sujud'. Solat *al-Ḍuḥa* juga dikenali sebagai *Sujūd-al-ḍuḥ.*

Dengan itu Allah menyifatkan orang yang membuktikan ketundukannya kepada Allah dan patuh kepada perintah-Nya dengan berfirman:

سورة السجدة ٣٢ : اية ١٥

Terjemahan: *Sesungguhnya yang benar-benar beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami hanyalah orang-orang yang apabila diberi peringatan dan pengajaran dengan ayat-ayat itu, mereka segera merebahkan diri sambil sujud (menandakan taat patuh), dan menggerakkan lidah dengan bertasbih serta memuji Tuhan mereka, dan mereka pula tidak bersikap sombong takbur.*

(Surah al-Sajdah 32:15)

Orang yang diberi hidayat dan pilihan oleh Allah S.W.T. adalah seperti yang disebutkan dalam firman Allah:

. . . إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُ ٱلرَّحْمَٰنِ خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَبُكِيًّا ۩ ٥٨

سورة مريم ١٩ : اية ٥٨

Terjemahan: ... *apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah) al-Rahman, mereka segera sujud dan menangis.*

(Surah Maryam 19:58)

Antara sifat seseorang hamba Allah yang Allah bersihkan dinyatakan melalui firman Allah:

سورة الفرقان ٢٥ : اية ٦٤

Terjemahan: ... *yang tekun mengerjakan ibadat kepada Tuhan mereka pada malam hari dengan sujud dan berdiri.*

(Surah al-Furqān 25:64)

Firman Allah:

سورة الحجر ١٥: اية ٣٠

Terjemahan: *(Setelah selesai kejadian Adam) maka sujudlah sekalian malaikat, semuanya sekali.*

(Surah al-Ḥijr 15:30)

Pengertian-pengertian tentang sujud boleh juga kita dapati dalam kisah dan peristiwa Nabi Adam dengan malaikat, firman Allah S.W.T.:

سورة الحجر ١٥: اية ٢٨ - ٢٩

Terjemahan: *Dan (ingatkanlah peristiwa) tatkala Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia daripada tanah liat yang kering, yang berasal daripada tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaan)-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya."*

(Surah al-Ḥijr 15:28 – 29)

Peristiwa ini menjelaskan bahawa Allah memberitahu malaikat tentang alam baru yang Allah jadikan dan menyuruh malaikat supaya sujud kepadanya (tidak seorang pun daripada mereka yang bertindak ganjil).

Terdapat daripada kalangan mereka atau yang bergaul dengan mereka yang bernama iblis dan iblis adalah berbeza daripada malaikat dan manusia, kerana iblis merupakan rangkaian atau mempunyai pertalian dengan jin. Pada mulanya ia bersama-sama malaikat patuh dan bertasbih kepada Allah S.W.T. sehingga bergelar (بطاووس العباد) atau 'ahli ibadat' kerana terlalu banyak beribadat dan mengambil masa yang lama sekali dalam peribadatannya. Namun apabila

mendengar perintah Allah supaya sujud kepada Adam, iblis enggan dan ingkar. Keengganan ini bererti melanggar perintah Allah S.W.T. justeru merasa takbur atau besar diri yang mendorong kepada ketidakpatuhan kepada perintah Allah itu. Al-Qur'an menceritakan keadaan ini dalam firman Allah:

سورة الأعراف ٧ : اية ١١

Terjemahan: ... *melainkan iblis, ia tidaklah termasuk dalam golongan yang sujud.*

(Surah al-A'rāf 7:11)

Firman Allah lagi:

سورة ص ٣٨ : اية ٧٤

Terjemahan: ... *melainkan iblis; ia berlaku sombong takbur (mengingkarinya) serta menjadikan ia daripada golongan yang kafir.*

(Surah Ṣād 38:74)

Kisah yang dipaparkan ini wajar diberi perhatian dan diambil iktibar bahawa ia mengandungi maksud yang sangat mendalam. Antaranya:

1. Perintah sujud kepada Allah dipatuhi oleh satu kumpulan dan mereka menikmati keredaan Allah. Sementara terdapat seorang yang enggan mematuhinya lalu Allah melemparkannya jauh daripada nikmat-Nya.

2. Ia disingkir kerana tidak menyahut perintah Allah sedangkan ia tahu perintah itu datang daripada Allah.

3. Tidak menyahut perintah Allah disebabkan takbur dan menyanggahi fitrah semula jadi.

4. Ibadat iblis tidak dapat menghapuskan takburnya. Oleh itu ibadatnya bukanlah tunduk dan patuh kepada

Allah kerana kalaulah iblis benar-benar tunduk dan patuh, tentulah tidak wujud lagi sifat takburnya itu. Oleh itu, ibadat iblis bukan ibadat yang sebenarnya kerana ibadat dan takbur tidak boleh wujud pada seseorang dalam satu masa.

5. Takbur iblis terbukti dengan penentangannya terhadap perintah Allah dan dia cuba membersihkan kederhakaannya itu dengan lojik akal dengan berkata, firman Allah:

. . . أَنَا۠ خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُۥ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

سورة الأعراف ٧ : اية ١٢

Terjemahan: ... *"Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (Wahai Tuhan) jadikan daku daripada api, sedang dia Engkau jadikan daripada tanah."*

(Surah al-A'rāf 7:12)

Inilah lojik yang berdasarkan hawa nafsu, lojik orang angkuh dan takbur, sedangkan sujud kepada Adam bukanlah bermakna sujud kepada beliau tetapi merupakan ibadat Allah juga kerana Nabi Adam tunduk patuh kepada perintah Allah, tidak lebih daripada itu.

6. Daripada kisah Adam dan iblis serta pendekatan susunan ayat yang digunakan oleh Allah S.W.T. kita dapat mengambil kesimpulan bahawa perintah Allah mestilah disambut segera. Firman Allah S.W.T.:

. . . مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ . . .

سورة الأعراف ٧ : اية ١٢

Terjemahan: ... *"Apakah mani'nya yang menghalangmu daripada sujud ketika Aku perintahmu?" ... .*

(Surah al-A'rāf 7:12)

Kesegeraan atau kepantasan menyahut perintah Allah S.W.T. ini sememangnya dikehendaki pada setiap masa dan tempat.

7. Juga dapat disimpulkan daripada kisah ini bahawa Allah S.W.T. memerintahkan supaya malaikat dan jin sujud

kepada seorang manusia yang pertama kali muncul, merupakan satu kenyataan yang jelas memperlihatkan tabiat manusia yang mempunyai persediaan yang cukup untuk meningkatkan diri kepada ketinggian roh, peringkat demi peringkat sehingga menjadikannya lebih mulia daripada malaikat dan jin. Ini tidak bermakna bahawa ulama' Islam boleh mempertikaikan tentang ketinggian darjat atau kemuliaan antara malaikat dengan manusia berdasarkan perintah Allah supaya jin dan malaikat sujud kepada manusia. Terdapat perselisihan pendapat antara para ulama' Islam tentang kelebihan antara manusia dan malaikat. Ini kerana nikmat Allah S.W.T. kepada manusia tiada batas dan hadnya.

Pintu rahmat Allah sentiasa terbuka untuk para pejuang-Nya. Allah sangat mudah dihampiri apabila saja manusia sujud kepada-Nya. Allah akan mengangkat darjat, sentiasa hampir dan menaungi hidup mereka yang sujud kepada-Nya. Adapun prinsip utama yang perlu diberi perhatian oleh setiap Muslim ialah 'iman itu bukanlah pengetahuan semata-mata *(ma'rīfat)* kerana iblis tidak kurang pengetahuannya tentang Allah, Nabi Nuh dan Ibrahim yang akan diutuskan oleh Allah, dan juga tentang Muhammad Rasulullah, bahkan iblis memang mengetahui bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah, Muhammad adalah rasul-Nya, Isa, Musa dan para nabi semuanya utusan Allah. Iblis juga tidak kurang pengetahuannya mengenai hakikat-hakikat ini, bahkan ilmunya itu mungkin lebih mantap dan kemas daripada ilmu di kalangan orang yang beriman.

Namun begitu ia disingkir daripada rahmat Allah kerana iman itu bukanlah *ma' rīfat* atau pengetahuan semata-mata. Iman ialah khusyuk dan menyahut yakni sujud, tidak akan datang iman tanpa sujud. Al-Qur'an mempersaksikan demikian melalui firman Allah:

سورة النساء ٤ : اية ٦٥

Terjemahan: *Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.*
(Surah al-Nisā' 4:65)

Said bin Jabir r.a. berkata bahawa tidak ada sesuatu yang menenangkan hati di dalam dunia ini melainkan dengan bersujud. Adapun Ali bin Abdullah bin Abbas telah digelar sebagai Ahli Sujud kerana sujudnya yang begitu banyak. Dia banyak melakukan sujud untuk menentang iblis.

Allah S.W.T. menyifatkan orang-orang yang bersama-sama dengan Rasulullah, menghayati cara hidupnya dan kekal di atas prinsip ketuhanan selepas kewafatan Rasulullah melalui firman-Nya:

. . . سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِم مِّنْ أَثَرِ السُّجُودِ . . .

سورة الفتح ٤٨ : اية ٢٩

Terjemahan: ... *tanda yang menunjuk mereka (sebagai orang yang salih) terdapat pada muka mereka daripada kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas) ... .*
(Surah al-Fath 48:29)

Itulah nur yang menerangi dahi mereka disebabkan perbuatan sujud kepada Allah dan itulah mutiara yang akan terpancar daripada wajah mereka pada Hari Akhirat sebagai kesan khusyu' mereka terhadap Allah.

Sementara langkah menjadikan akal sebagai hakim dalam perkara suruhan Allah dan larangan-Nya adalah bercanggah sekali dengan tuntutan sujud. Sebaliknya percubaan sedemikian rupa itu adalah dikira satu keangkuhan yang menjadi amalan iblis selama ini.

Sekiranya iblis mempunyai wakil daripada kalangan anak-anak Adam, maka mereka itulah sebenarnya yang cuba memainkan peranan iblis dalam masyarakat manusia. Merekalah yang menolak wahyu Ilahi secara total atau kalaupun tidak menolak, mereka menimbang wahyu dengan timbangan neraca akal. Mereka menolak atau menerima

atau menta'wilkannya mengikut sesuka hati mereka. Mereka cuba menyesuaikan dengan diri mereka dan akhirnya berhenti di tengah jalan kononnya menghadapi permasalahan dalam teori pemikiran. Oleh itu, mereka pun cuba melarikan diri daripada permasalahan yang mereka cipta sendiri itu.

Wakil-wakil iblis yang benar-benar tulen, yang pertamanya: para ateis (*mulḥid*)[4] iaitu orang tidak mempercayai wujudnya Allah. Mereka itu lebih 'iblis' daripada iblis sendiri kerana iblis tidak mengingkari adanya Tuhan dan adanya perutusan Allah tetapi sebaliknya mereka mengingkari demikian. Dengan itu mereka telah mengatasi ketua mereka sendiri dan iblis sangat gembira melihat telatah murid-muridnya itu. Ini boleh dilihat dalam kata-kata iblis di hadapan Allah S.W.T. di mana katanya, "Aku akan menyimpangkan mereka (anak-anak Adam) dari jalan Engkau yang lurus, kemudian aku akan tampil di hadapan mereka, dari belakang, kanan dan kiri mereka. Engkau tidak akan mendapati ramai daripada kalangan mereka ini orang yang bersyukur."

Iblis gembira kerana matlamat yang dikehendakinya terlaksana dalam kumpulan ateis atau *mulḥid* ini.

Terdapat beberapa peringkat ateis atau *mulḥid* ini; sehina-hina darjat kalangan ateis (menurut al-Imam al-Ghazali) adalah daripada kalangan yang mempercayai bahawa alam ini sentiasa wujud. Kewujudannya adalah dengan sendiri iaitu tanpa pencipta. Haiwan dan manusia berasal daripada haiwan dan binatang yang telah mengalami perubahan atau proses kejadiannya semenjak dahulu sehinggalah bila-bila masa.

Apabila kamu bertanya kepada mereka, "Apakah mereka telah dijadikan daripada sesuatu yang tidak ada atau apakah mereka sendiri yang menjadikannya?" Firman Allah:

سورة الطور ٥٢ : اية ٣٥

Terjemahan: (*Mengapa mereka tidak beriman?) Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri?*
(Surah al-Ṭūr 52:35)

Jawapan mereka sudah cukup membuktikan bahawa mereka diruntun oleh hawa nafsu dan justeru itu ternyatalah mereka merupakan hamba kepada iblis.

Terdapat ateis yang mengingkari kebangkitan pada Hari Akhirat dan juga mengingkari risalah Allah. Mereka ini sebagaimana yang digambarkan dalam al-Qur'an:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَـٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِۦ
وَقَلْبِهِۦ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِۦ غِشَـٰوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِنۢ بَعْدِ ٱللَّهِ أَفَلَا
تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾

سورة الجاثية ٤٥ : اية ٢٣

Terjemahan: *Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (Wahai Muhammad) orang yang menjadikan hawa nafsunya:Tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahui-Nya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? Maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian)? Oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak mahu ingat dan insaf?*

(Surah al-Jāthiyah 45:23)

Jalan yang boleh menyelamatkan diri dan hati mereka tidak lain tidak bukan ialah bertindak sujud kepada Allah S.W.T. bukan kepada hawa nafsu yang liar. Pasti Allah akan menerangi hidup mereka sehingga terserlah tanda-tanda yang jelas kepada mereka bahawasanya Allah ialah *al-ḥaq*. Firman Allah Taala:

سورة فصلت ٤١ : اية ٥٣

Terjemahan: ... *sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Qur'an adalah benar* ... .

(Surah al-Fuṣṣilat 41:53)

Antara ciptaan moden iblis zaman sekarang ini ialah

satu mazhab yang dikenali *'Wujūdiyah' (existentialisme).*[5] Mazhab perosak ini mengemukakan gagasan untuk membolehkan setiap manusia bebas melakukan apa saja yang diingini, tanpa terikat dengan apa pun etika, adat kebiasaan, undang-undang, tradisi, agama dan keadaan-keadaan mana sekalipun. Oleh yang demikian seseorang yang mendokong mazhab ini merosakkan dirinya sendiri kerana tidak ada sebarang prinsip yang kukuh dan benar dalam kehidupannya. Tanggapan mengenai mazhab *'Wujūdiyah'* ini boleh kita ambil daripada apa yang pernah disebut oleh seorang penulis agung Barat. Tulisan beliau seperti berikut: Bandingan seseorang penganut Mazhab Wujudi adalah seperti anjing yang ke sana ke mari, berlari-lari sambil mengganas sesuka hatinya tiada dosa baginya, berlari-lari tanpa tujuan dan inilah permainan anjing-anjing tanpa tujuan dan inilah permainan anjing-anjing yang pantang terkejut lalu menyalak tanpa mendatangkan sesuatu faedah.

Sebenarnya Mazhab Wujudi ini bukanlah mazhab baru tetapi telah ada semenjak Zaman Yunani (Greek) dahulu lagi, iaitu Mazhab *Sufsaṭā'ie (sophits).*[6] Mazhab seumpama ini sentiasa muncul dalam zaman kehancuran dan dalam suasana yang tidak tentu arah. Sebaliknya mazhab ini tidak wujud sama sekali dalam zaman dan suasana serius dan praktikal kerana masyarakat yang sedar dan serius tidak mengizinkan anggota-anggotanya menjadi seperti anjing-anjing yang berkeliaran dan menyalak tanpa faedah itu.

Maka aliran *Wujūdiyah* ini pasti diciptakan oleh iblis yang bertujuan untuk memesongkan manusia daripada sujud kepada Allah, sebaliknya sujud kepada hawa nafsu.

Wakil iblis kedua ialah kumpulan ahli-ahli falsafah ketuhanan yang menggunakan akal semata-mata (rasional).[7]

Ini kerana falsafah akal, meskipun mereka memutarbelitkan matlamat-matlamat falsafah dan menghiaskan motif-motifnya adalah tidak lebih daripada satu percubaan menjadikan akal sebagai hakim terhadap segala persoalan yang berhubung dengan wahyu.

Adalah tidak diragui bahawa falsafah akal cuba menjadikan akal sebagai guru bicara terhadap segala persoalan yang berhubung dengan wahyu seolah-olah ia mahu mencipta agama akal di samping agama Tuhan. Agama akal ini

juga akan mencetuskan perbalahan sesama manusia dan setiap ahli falsafah mempunyai tanggapan yang berbeza antara satu sama lain berhubung dengan persoalan ini.

Apabila suasana ini dicengkami oleh agama Ilahi, hati akan dipenuhi iman dan perasaan diliputi hidayat. Terdapat orang-orang yang cuba berfalsafah mengikut cara iblis bagi menyatukan atau menyesuaikan agama dengan falsafah. Ini bermakna bahawa mereka ingin menjadikan segala penemuan akal mereka terhadap persoalan agama sebagai sesuatu yang sangat wajar dan rasional. Maka mereka pun cuba menyesuaikan kedua-duanya (agama dan falsafah). Walau bagaimanapun mereka tersilap langkah, penemuan dan dakwaan ditolak kerana mereka telah mengikuti hawa nafsu, hati dan perasaan.

Apabila terdapat percanggahan di kalangan ahli falsafah berhubung dengan usaha-usaha mereka itu, maka usaha menyatupadukan hawa nafsu, keraguan dan khayalan mereka dengan wahyu, merupakan amalan yang sia-sia dan hanya dilakukan oleh para pengikut iblis semata-mata. Justeru itu ahli falsafah berkenaan tidak sujud kepada Allah.

Adapun golongan ketiga yang tidak sujud kepada Allah kecuali dari segi zahirnya sahaja ialah kumpulan Mu'tazilah[8] dan ulama' Kalam.[9] Mereka tidak sujud kepada Allah dalam erti kata sujud yang benar-benar tunduk dan patuh. Mazhab mereka ini hanya berdasarkan kewajipan hukum akal dalam persoalan agama sehingga membawa mereka kepada mewajibkan Allah melakukan beberapa amalan atau perbuatan dan mengharamkan Allah melakukan beberapa amalan. Mereka ini meletakkan diri mereka sebagai perancang kepada Allah dan mengatur mana-mana perbuatan yang tidak dilakukan. Sebenarnya syaitanlah yang menghiasi amalan mereka. Benarlah apa yang difirmankan oleh Allah:

سورة الفاطر ٣٥ : اية ٨

Terjemahan: *Maka (fikirkanlah) adalah orang yang diperelokkan kepadanya amal buruknya (oleh syaitan) lalu ia memandangnya dan mempercayainya baik, (bolehkah disifatkan sebagai orang yang menjalankan peraturan yang ditetapkan Allah untuk memberi hidayah kepadanya atau sebaliknya) Kerana sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya dan Ia juga memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya. Oleh itu janganlah engkau membinasakan dirinya (wahai Muhammad) kerana menanggung dukacita terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan apa yang mereka kerjakan.*

(*Surah al-Fāṭir 35:8*)

Kemudian mereka cuba melibatkan diri dalam perkara-perkara yang dilarang oleh Allah seperti berbincang mengenai zat Allah,[10] sifat-sifat-Nya serta qada' dan qadar.[11] Pastinya mereka ini telah mengikut hawa nafsu sehinggakan mereka berselisih dan berpecah belah. Hawa nafsu yang memandu mereka kepada pelbagai mazhab dan jadilah mereka berkumpulan dan berparti yang tidak mampu dikawal lagi.

Pada masa sekarang ini, sesiapa yang menggunakan pendekatan akal tentang agama maka ia merupakan pengikut Mu'tazilah dan tidak keberatan untuk diakui bahawa *madrasah* Al-Syeikh Muhammad Abduh[12] ialah *madrasah* Mu'tazilah pada prinsipnya dan dasar serta matlamat dan tujuannya. Ini adalah kerana ia cuba meletakkan persoalan-persoalan agama mengikut pertimbangan akal, maka sesungguhnya menidakkan atau mengiyakan sesuatu mengikut pertimbangan ini adalah selari dengan tuntutan hawa nafsu dan kemahuan.

Madrasah akal dalam agama, walau bagaimana bentuk sekalipun dan di mana sahaja ia berada serta zaman mana ia wujud, adalah tidak sujud kepada Allah dalam erti kata sujud, tunduk dan patuh tetapi ia hanya sujud kepada akal. Menyembah akal boleh membawa kepada perbalahan yang tidak akan berakhir. Firman Allah Ta'ala:

سورة النساء ٤ : اية ١١٥

> Terjemahan: ... *dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada Hari Akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam, itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.*
>
> *(Surah al-Nisā' 4:115)*

Jalan orang Mukmin ialah sujud kepada Allah sahaja. Demikian juga dengan jalan yang mantap, hebat dan luas keilmuannya, mereka merupakan orang yang beriman dan sujud patuh kepada perintah Allah. Kepada mereka ini Allah anjurkan ayat-ayat al-Qur'an. Firman Allah:

أَمَّنْ هُوَ قَٰنِتٌ ءَانَآءَ ٱلَّيْلِ سَاجِدًا وَقَآئِمًا يَحْذَرُ ٱلْءَاخِرَةَ وَيَرْجُوا۟ رَحْمَةَ رَبِّهِۦ ۗ قُلْ هَلْ يَسْتَوِى ٱلَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿٩﴾

سورة الزمر ٣٩ : اية ٩

> Terjemahan: *(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadah pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) Hari Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.*
>
> *(Surah al-Zumar 39:9)*

Adalah mudah bagi kita menyimpulkan bahawa orang Mukmin yang sebenar ialah orang yang sentiasa bermusuh dengan iblis dan sentiasa bercanggah dengannya. Allah S.W.T. menggariskan satu gambaran orang yang beriman di mana gambaran ini berlainan sekali dengan gambaran iblis yang beraneka ragam dan bersimpang-siur. Allah menjelaskan balasan orang-orang yang beriman dalam firman-Nya:

جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾ فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

سورة السجدة ٣٢ : اية ١٥ - ١٧

Terjemahan: *Sesungguhnya yang sebenar-benar beriman kepada ayat-ayat keterangan Kami hanyalah orang-orang yang apabila diberi peringatan dan pengajaran dengan ayat-ayat itu, mereka segera merebahkan diri sambil sujud (menandakan taat patuh), dan menggerakkan lidah dengan bertasbih serta memuji Tuhan mereka, dan mereka pula tidak bersikap sombong takbur. Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajjud dan amal-amal salih); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian daripada apa yang Kami beri kepada mereka. Maka tidak seseorang pun yang mengetahui satu per satu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal salih yang mereka telah kerjakan.*

(Surah al-Sajdah 32:15 – 17)

FASAL 3

IMAM SYAFI'I DAN FIKIRAN YUNANI

Diriwayatkan daripada Imam al-Syafi'i r.a.,[13] katanya: "Tidaklah jahil manusia dan tidaklah pula mereka bertelagah kecuali kerana mereka meninggalkan lisan (bahasa) Arab dan beralih kepada lisan Aristotle."

Daripada nas Imam Syafi'i ini jelas memperlihatkan bahawa beliau telah membezakan antara dua sumber pengetahuan manusia dan setiap sumber itu mempunyai pendekatan dan caranya yang tersendiri. Sumber tersebut ialah:

1. Sumber Ilahi iaitu wahyu.
2. Sumber kemanusiaan sama ada akal mahupun *hissi* (indera).

Medan sumber Ilahi ini ialah alam ghaib dan alam akhlak. Sementara medan sumber kemanusiaan ialah alam semula jadi iaitu alam kebendaan yang boleh dirasai.

Ketika urusan kemanusiaan berjalan sebagaimana yang sepatutnya maka ia menyerahkan dirinya kepada Allah dalam semua perkara sama ada berkaitan dengan agama, aqidah, syari'at mahupun akhlak.

Ia bersusah payah mematuhi perintah Allah – mengharungi hidupnya di alam maya ini sehingga benar-benar dapat mempergunakannya melalui akal dan pengalamannya demi untuk membahagiakan seluruh manusia dengan tujuan mendapat keredaan Allah.

Orang-orang Yunani (Greek) yang diketuai oleh Aristotle[14] telah menyeleweng daripada tujuan mencapai keredaan Allah kerana sikap mereka yang hanya mementingkan lojik semata-mata.

Aristotle ingin menundukkan tabi'i *(nature)* dan *mā warā' al-ṭabī'ah* (metafizika) kepada analisis semata-mata. Justeru itu beliau mencipta dengan penuh kesesuaian dan keselarasan yang seolah-olah sesuai dan teratur tetapi ia gagal sepenuhnya sama ada dalam mencapai kebenaran mahupun dalam menghayati pendekatan yang dibawanya itu. Bandingannya seumpama satu logo palsu yang menarik atau seperti fatamorgana di padang pasir. Aliran seumpama ini telah membawa manusia kepada satu penyelewengan yang hebat, kekacauan dalam pemikiran dan juga dalam aqidah yang tiada tandingnya.

Kekuatan pemikiran kemanusiaan Aristotle yang sangat hebat ini berjaya mencetuskan polimik yang tidak kunjung padam sehingga sekarang, malah memperlihatkan bahawa dia merupakan seorang intelektual ulung yang mengagumkan dari segi kepandaian, kajian dan pengetahuan yang dimilikinya. Kalau tidak sebegitu hebat pasti kesan beliau tidak akan kekal atau wujud hingga sekarang. Kita sendiri pun ketika memperkatakan sesuatu tentangnya, tetap tidak mengingkari kelebihan semula jadinya yang dikira tidak sepadan dengan usaha dan pembelajarannya itu. Cuma apa yang perlu kita sebutkan di sini ialah beliau telah menggunakan segala daya keintelektualannya itu untuk membawa manusia berada dalam keadaan curiga, kurang dan ragu-ragu (syak).

Lahirnya manusia di dunia ini adalah bersama-sama roh dan perutusan Allah iaitu wahyu yang berfungsi membimbing dan memandu serta menerangkan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah tentang masalah yang manusia tidak boleh menyelesaikannya melalui otak fikiran mereka. Masalah-masalah itu adalah tentang tingkah laku *(sulūk)* yang sebenar, sama ada dari segi perundangan ataupun akhlak.

Adalah tidak diragui bahawa manusia sememangnya berfikir tentang wahyu semenjak dilahirkan ke dunia lagi. Contohnya manusia ingin tahu sebab-sebab dan hikmah

sesuatu dengan tujuan untuk menyelami rahsia dan motif-motif di sebaliknya. Sebab itulah kadang-kadang berlakunya keganasan seperti seorang anak Adam membunuh saudaranya kerana hawa nafsu dan hasad dengki.

Masyarakat silam secara umumnya sangat tunduk kepada perintah Allah S.W.T. Mereka menyerahkan kepada Allah segala persoalan yang berhubung dengan akhlak dan perundangan yang mereka berselisih pendapat tentangnya. Adapun tentang alam tabi'i mereka sangat arif mengenai persoalannya.

Apabila tibanya zaman Yunani, belum lagi wujud satu fahaman bahawa 'Roh itu ialah urusan Allah,' maka manusia pun cubalah menjadikan dirinya sebagai rasul meskipun tanpa sebarang hubungan dengan langit *(Samāwi)* dan menjadikannya sebagai perancang meskipun tidak diizinkan oleh Allah. Oleh kerana itu mulalah mereka mengadakan mazhab akhlak demi mencari-cari kebenaran. Mereka gagal dan lemah untuk sampai kepada kebenaran yang mutlak.

Natijah kepada pertembungan itu menonjol satu demi satu. Setiap ahli falsafah tetap bercanggah dengan rakannya yang terdahulu dan sentiasa mencari jalan untuk menolak pandangan orang lain.

Ahli falsafah 'Anaximander'[15] misalnya bercanggah pendapat dengan Thales.[16] Sementara Heraclitus[17] pula bercanggah pendapat dengan mereka berdua. Lantaran itu timbullah ilham Aristotle sehingga beliau mengasaskan ilmu mantiq (logik)[18] bertujuan untuk memelihara fikiran daripada penyelewengan dan kesesatan. Menurut Aristotle, takrif ilmu mantiq ini ialah satu alat undang-undang yang boleh mencegah otak daripada melakukan kesilapan ketika berfikir. Tetapi yang peliknya, selepas ilmu ini dicipta dan pemakaiannya berjalan baik, maka tampillah beberapa orang rakan sezaman dan selepasnya mendapati kesalahan yang tidak terkira banyaknya pada ilmu yang diciptanya itu.

Sama ada mereka mengisytiharkan kesalahan-kesalahan Aristotle atau mereka membuktikan kemelesetan teorinya, sama ada mereka benar atau tidak dalam dakwaan ini, mereka tetap merupakan murid-muridnya sendiri yang belajar di sekolah guru mereka iaitu Aristotle dan mereka merupakan penyokong-penyokong Aristotle selama ini.

Mereka mengakui tidak dapat mempertahankan guru mereka itu yang terbukti banyak melakukan kesilapan, berhubung dengan masalah "di sebalik tabi'i" (metafizika).[19]

Mereka yang terkenal dan dianggap sebagai tokoh dalam dunia falsafah ternyata lemah dan gagal mempertahankan guru pertama mereka (Aristotle).

Alat pemelihara akal gagal memelihara akal pencipta dan para pengikutnya.

Mereka yang menentang Aristotle itu sendiri pun tidak diakui oleh tokoh-tokoh agung falsafah sebagai berada dalam kebenaran yang mutlak bahkan pandangan-pandangan mereka turut menerima tentangan, perbalahan, kecaman dan penolakan.

Masa terus beredar dan akhirnya terbukti hakikat sebenar tentang kemampuan manusia berhubung dengan penyerlahan alam ghaib yang sangat rahsia bahkan ia dianggap sebagai sekeping batu yang tersembunyi, nisbah kepada akal manusia dan manusia dengan akalnya itu tidak akan dapat menjawabnya dan menyelami rahsianya.

Maha Suci Allah yang mengetahui alam ghaib yang memegang kuncinya dan menahan pendedahannya kecuali diberikan oleh-Nya kepada orang-orang yang diizinkan-Nya. Orang-orang ini terdiri daripada nabi-nabi-Nya yang mulia dan rasul-rasul-Nya yang diizinkan.

Akan tetapi manusia ini tetap juga manusia, ingin meneroka dan menyangka bahawa dia boleh mengatasi orang-orang yang terdahulu, lantas berpendapat bahawa tidak semestinya kegagalan orang-orang yang terdahulu itu menghalang kita untuk terus meneroka. Inilah dia manusia yang angkuh dan keangkuhannya tidak mempunyai batasan serta khayalan yang tidak mempunyai sempadan.

Gelombang penyelewengan yang ditaja oleh Aristotle terus berjalan melangkah abad demi abad sehingga sampai kepada dunia Islam dalam zaman pemerintahan Abbasiyah yang pertama dan sebelumnya.

Maka jadilah umat Islam bertelagah selepas mereka bersetuju dan berpecah belah selepas mereka bersatu padu.

Imam al-Syafi'i melihat gejala ini dan terus berfikir serta merenung jauh lalu menegaskan pendiriannya melalui kata-kata hikmat yang sangat mendalam pengertiannya:

"Tidaklah jahil manusia dan tidaklah mereka bertelagah kecuali disebabkan mereka meninggalkan *lisān al-'Arab* dan mereka cenderung kepada lisan Aristotle" (al-Syafi'i).

Kata-kata ringkas ini pasti memerlukan banyak huraian. Lisan Aristotle yang dimaksudkan oleh al-Syafi'i ialah fikiran Yunani iaitu ilmu mantiq (logik), ilmu metafizika (ilmu di sebalik *nature*) dan ilmu akhlak.

Sesungguhnya Islam telah diturunkan amat jauh daripada ilmu manusia ini. Islam ialah wahyu Ilahi, umat Islam hidup berpuluh-puluh tahun dan mereka tidak mengetahui sesuatu kecuali wahyu yang diturunkan di mana mereka tidak menyeleweng daripadanya.

Buku-buku Islam yang silam telah membawa berita-berita bagaikan cerita-cerita dongeng yang difahami secara mudah dan spontan tentang penerapan masuk fikiran Yunani ke dalam dunia Islam dan sebab-sebab timbulnya yang demikian itu.

Mereka menceritakan bahawa sebab keluarnya buku-buku Yunani dari bumi Rom ke negara Islam adalah berpunca daripada Yahya bin Khalid bin Barmak.[20]

Buku-buku Yunani itu difahamkan ada tersimpan di negara Rom. Apabila Raja Rom berasa bimbang dan takut jika rakyat Rom berkesempatan membaca buku-buku tersebut, kemungkinan mereka akan meninggalkan agama Nasrani dan kembali kepada agama Yunani iaitu agama mereka yang asal, maka mereka akan berpecah belah dan berseleraklah jama'ah mereka. Justeru itu raja berkenaan telah mengambil semua kitab itu dan disimpan di dalam satu bilik yang dibina dengan kukuh sehingga tidak boleh diambil oleh sesiapa pun.

Apabila pemerintahan kerajaan Bani Abbas berpindah kepada Yahya bin Khalid, beliau pun menghubungi Raja Rom kerana pernah mendengar bahawa Raja Rom tersebut banyak menyimpan kitab-kitab Yunani yang diwarisi. Beliau merupakan seorang *zindīq* (ateis) dan berpura-pura mengutuskan seorang wakil menemui Raja Rom dengan membawa hadiah tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripada Raja Rom itu.

Selepas beberapa kali pertemuan antara wakil Yahya bin Khalid dengan Raja Rom itu, baginda (Raja Rom) pun

memanggil beberapa orang daripada kalangan orang-orang istananya lalu berkata kepada mereka, "Lelaki ini ialah khadam daripada Raja Arab yang begitu banyak menghantar hadiah kepada aku tanpa meminta apa-apa balasan, bahkan aku mendapati beliau selalu meminta maaf daripada pemberian hadiahnya itu. Aku bimbang dan sentiasa runsing memikirkan perkara ini kerana takut nanti terdapat hajat yang tersembunyi yang terlalu berat untuk aku tunaikan."

Apabila datang wakil Yahya bin Barmak itu beliau pun berkata kepadanya, "Beritahulah Raja kamu itu jikalau dia inginkan sesuatu sebut dan sampaikanlah."

Apabila wakil itu pulang memberitahu Rajanya, maka dia (Raja) pun berkata, "Hajatku ialah buku-buku yang tersimpan, kalau boleh dihantarkan kepada aku untuk diambil sesuatu yang diperlukan dan kemudian akan dihantar balik kepadanya (Raja Rom)."

Mendengarkan hajat ini maka Raja Rom pun sangatlah gembira dan terus memanggil paderi dan pendita-pendita ke istananya lalu berkata kepada mereka, "Sayugia aku pernah menceritakan kepada anda bahawa terdapat seorang Raja Arab yang sangat baik dan tidak pernah meminta sesuatu pun daripada kita, sekarang ini beliau telah pun menyampaikan hajatnya yang aku kira sangatlah ringan dan tidak keberatan untuk dipenuhi. Dengarlah pandanganku ini dan kalaulah anda semua bersetuju maka aku akan terus melaksanakan permintaan beliau itu, sebaliknya kalaulah anda tidak bersetuju marilah kita bermesyuarat sehingga tercapainya persetujuan bersama." Mereka semua pun menjawab, "Apakah itu?" Lantas beliau menjawab, "Hajatnya ialah buku-buku Yunani dan dia inginkan sesuatu yang berfaedah daripada buku-buku tersebut dan kemudian beliau akan mengembalikannya semula kepada kita, bagaimanakah pandangan anda semua?" Baginda berkata lagi, "Apa yang ditakuti daripada buku-buku Yunani dahulu mahupun sekarang ialah kalau buku-buku tersebut jatuh ke tangan orang-orang Nasara (Kristian), maka dengan pembacaannya boleh meruntuhkan agama dan memporak-perandakan kumpulan mereka. Aku melihat bahawa ada baiknya aku menghantarkan buku-buku tersebut kepada mereka tanpa diminta supaya memu-

langkannya balik, biar mereka menjadi kelam kabut dan berselerak sedangkan kita terselamat dan aman damai daripada kejahatan buku-buku itu. Aku yakin kalau buku-buku tersebut masih bersama kita pasti pengganti aku nanti akan membiarkan buku-buku tersebut tersebar di kalangan rakyat. Maka akan berlakulah apa yang kita bimbangkan itu." Lantas pembesar-pembesarnya menjawab, "Ya, kami bersama-sama pandangan Tuanku. Laksanakanlah pandangan itu dan hantarkanlah buku-buku itu kepada Yahya bin Barmak."

Apabila tiba sahaja buku-buku itu kepada Yahya bin Barmak, beliau terus mengumpul orang-orang *zindīq*[21] dan ahli-ahli falsafah. Buku pertama yang dikeluarkan daripada rangkaian buku-buku itu ialah buku yang berjudul *Ḥad Manṭiq.*

Berkatalah Muhammad bin Abi Zaid,"Dan katakanlah, sesiapa yang mengkaji buku ini sungguh-sungguh dia akan selamat daripada *zindīq.*"

Untuk maksud ini terdapat banyak riwayat dan antaranya riwayat al-Solah al-Safdi dalam syarah *Umayyah al-Ajam* yang mengisahkan bahawa Khalifah al-Ma'mun apabila membuat perjanjian dengan sesetengah Raja Nasara – mungkin tuan punya Pulau Cyprus – dia akan meminta daripada mereka khazanah-khazanah Yunani yang terpendam itu. Raja Nasara itu pun mengumpulkan para cerdik pandainya dan bermesyuarat dengan mereka.

Kesemua mereka mengeluarkan pendapat tidak bersetuju untuk memenuhi permintaan al-Ma'mun kecuali seorang sahaja iaitu seorang paderi dan lalu berkata, "Hantarkanlah khazanah-khazanah Yunani itu kepada al-Makmun kerana ilmu-ilmu itu apabila sahaja berada dalam sesebuah negeri ia akan menghancurkan negeri tersebut dan mencetuskan perbalahan di kalangan para ulama' negeri itu."

Adapun tentang kejahilan manusia disebabkan kecenderungan mereka kepada lisan Aristotle dan mereka membelakangkan lisan Arab maka ungkapan ini perlulah dijelaskan maksudnya. Tetapi apa yang agak ganjil di sini ialah pengetahuan mengenai teori Yunani yang dianggap sebagai jahil sementara bertambah ilmu dalam erti kata

meninggalkan lisan Arab dianggap sebagai "bertambah jahil."

Tanggapan seumpama ini muncul kerana kebudayaan Yunani pada masa itu adalah dikira sebagai suatu kebudayaan istimewa yang semestinya menjadi maklumat pengetahuan setiap cerdik pandai pada waktu tersebut. Adapun apa yang dibincangkan oleh Imam Syafi'i ialah: Mengenai bidang persoalan ghaib iaitu perkara di luar bidang kebendaan (metafizika) atau perkara di sebalik alam ini atau juga persoalan di sebalik indera (yang tidak dapat dilihat, dirasa dan disentuh). Sebenarnya bidang "ghaib" ini tidak mengundang kajian akal pemikiran dan pengamatan bagi mengetahui hakikatnya yang sebenar kerana mendalami kajian dan penghayatan kegiatan pemikiran hanya berlegar di sekitar bidang-bidang pancaindera sahaja yang mempunyai kaedah-kaedah tertentu untuk diguna dan diambil daripadanya rumusan-rumusan yang berdasarkan pengamatan atau kajian.

Tanpa wujud pancaindera ini pasti kegiatan pemikiran atau teori-teori tidak dapat ditemui. Sebaliknya persoalan ketuhanan atau alam ghaib – mengikut *ta'bir* al-Qur'an – bukanlah bersifat kebendaan. Justeru itu ia tidak berada di bawah pancaindera dan pancaindera juga tidak mempunyai peluang membahaskannya.

Oleh itu alam ghaib ini adalah terpisah jauh daripada akal. Ibn Abdul Birr (wafat tahun 463H.) telah menegaskan bahawa Allah tidak serupa dengan sesuatu pun, maka bagaimana pula ia boleh dicapai melalui qiyasan atau melalui kajian yang mendalam.

Apabila ada orang yang cuba mendaki alam ini dengan kajian-kajian pemikiran, maka dia sebenarnya cuba melayarkan sebuah kapal di atas daratan, satu percubaan orang yang jahil, percubaan di atas satu landasan yang salah iaitu natijah yang akan diperoleh nanti juga ialah natijah yang salah, sesat dan jahil. Setiap kali seseorang itu meneroka alam ghaib, maka setiap kali pula dia bertambah sesat dan jahil.

Secara mudah sahaja kita katakan bahawa penyelewengan dalam *wasīlah* akan membawa kepada penyelewengan natijahnya, asas atau tapak pembinaan yang lemah tidak dapat dibina di atasnya bangunan yang teguh.

Orang-orang Yunani, Aristotle dan mazhabnya, mazhab Eficure[22] dan mazhab Ruwaqi (stoic)[23] cuba menganjurkan mazhab-mazhab mereka tentang metafizika melalui akal pemikiran tetapi kesimpulan daripada anjuran mereka itu wujudnya pelbagai teori dan pandangan-pandangan yang bersimpang-siur dan bercanggah antara yang menyokong dan menentang dan antara syak dan yakin. Mana satu yang benar? Mana satu yang lebih tepat? Dan mana satukah yang lebih hampir kepada kebenaran? Kalau anda inginkan jawapan daripada pertanyaan-pertanyaan tersebut (secara akal juga), maka anda tidak akan mendapat jawapan yang tepat dan sahih, sebaliknya anda tetap ragu dan tertanya-tanya. Justeru itu timbullah seolah-olah kemalasan untuk memberikan apa-apa sumbangan lagi. Itulah sebabnya apabila kita menyelesaikan sesuatu persoalan melalui akal pemikiran, kita akan bertambah jahil bukannya bertambah pandai.

Oleh itu seseorang yang berpaling kepada penggunaan lisan Aristotle dan bergantung kepada pemikiran Yunani dalam erti kata menjadikan akal sebagai asas pengetahuan mengenai pengetahuan-pengetahuan metafizika, maka ia pasti terhalang untuk mencapai hakikat kerana pengetahuannya itu adalah suatu sangkaan *(waham)*. Firman Allah:

Terjemahan: *Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka ia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa.*

(Surah al-Jinn 72:26)

Rasul yang Allah meredainya ialah Nabi Muhammad, utusan terakhir Allah yang membawa al-Qur'an yang dijamin pemeliharaannya oleh Allah. Melalui Nabi Muhammad diutuskan risalah dengan bahasa kaumnya iaitu bahasa Arab dan kitab yang dibawanya itu mengandungi sesuatu yang hendak diketahui oleh manusia seperti alam ghaib ini. Inilah al-Qur'an yang sangat kemas tersusun ayat-ayatnya

kemudian dipanjanglebarkan daripada Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui. Firman Allah:

... كِتَٰبٌ أُحْكِمَتْ ءَايَٰتُهُۥ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ

سورة هود ١١ : اية ١

Terjemahan: ... *al-Qur'an sebuah kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu per satu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah daripada sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.*

(Surah Hūd 11:1)

سورة فصلت ٤١ : اية ٤٢

Terjemahan: *Tidak datang sebarang kebatilan dari hadapan mahupun belakang, satu penurunan daripada yang Maha Bijaksana lagi Terpuji.*

(Surah Fuṣṣilat 41:42)

Al-Qur'an mendedahkan hakikat alam ghaib (metafizika) dan justeru itu ia merupakan pendedahan daripada Allah S.W.T. yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui. Apabila kita berpegang dengannya, itu bermakna kita berpegang dengan sesuatu yang pasti selamat daripada kesalahan dan kesilapan serta daripada sebarang kekurangan. Itulah kebenaran *(al-ḥaq)* yang jelas terang dan jalan yang lurus. Lantaran itu ilmu pengetahuan mengenainya adalah benar dan sahih serta tidak diragui sama sekali. Adapun sebaliknya adalah berpaling daripada pengetahuan kepada kejahilan dan daripada berilmu kepada sangka-sangkaan.

Pengetahuan tentangnya itu adalah berdasarkan kaedah yang sahih iaitu dengan kembali kepada lisan Arab yang lebih mampu menyediakan sinaran yang cerah menyinari jalan untuk sampai kepada hakikat.

Al-Sayuti telah mengulas kata-kata al-Syafi'i itu dengan mengatakan bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah tidak dikemukakan kecuali mengikut istilah orang-orang Arab

dan mengikut cara-cara mereka berbincang, bercakap, berhujah dan mencari bukti *(istidlāl)* bukan berdasarkan cara orang-orang Yunani berbicara. Bagi setiap kaum itu ada bahasa istilah serta cara-cara yang tersendiri. Firman Allah S.W.T.:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِۦ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

سورة ابراهيم ١٤ : اية ٤

Terjemahan: *Dan tidaklah kami utuskan Rasul melainkan dengan lisan kaumnya untuk mudah menerangkan kepada mereka .... .*

(Surah Ibrāhīm 14:4)

Maka sesiapa yang meminda daripada lisan syarak dengan apa tujuan sekalipun, maka amalannya itu dikira jahil dan sesat. Inilah apa yang dimaksudkan oleh al-Imam al-Syafi'i dengan "kejahilan manusia."

"Tidak manusia itu jahil dan tidaklah mereka berselisih kecuali kerana mereka meninggalkan "lisan Arab" dan mengalih kepada "lisan Aristotle" (al-Syafi'i).

Lisan Aristotle yang dimaksudkan ialah: "Teori-teori atau fikiran Yunani mengenai perkara-perkara di luar tabi'i juga mengenai "akhlak" yang berdasarkan perhitungan "akal" semata-mata: Kaedah-kaedah dan rumusan-rumusan yang diperoleh daripada kaedah yang diamalkan."

Lisan Aristotle itu tidak semestinya khusus untuk orang-orang Yunani sahaja. Sebenarnya mana-mana aliran yang cuba menjadikan akal sebagai asas dalam membicarakan persoalan akhlak dan persoalan di luar tabi'i (metafizika) maka aliran seumpama itu tetap dikenali sebagai aliran Aristotle iaitu sebarang analisis yang bergantung sepenuhnya kepada akal semata-mata.

Percubaan pertama yang membawa maksud ini telah berlaku dalam sejarah awal kedatangan Islam iaitu apabila muncul sekumpulan umat Islam yang cuba membicarakan persoalan qadar dengan menggunakan akal. Apabila Rasulullah s.a.w. mengetahuinya, Baginda terus melarangnya dan tidak membenarkan sama sekali persoalan itu dibincangkan dengan menggunakan akal.

Pada zaman Sayidina Umar al-Khattab, tampil seorang tukang celup *(ṣobigh)* membicarakan masalah-masalah agama dengan bersandarkan akal semata-mata dalam setiap perbincangan dan perdebatannya. Apabila diketahui oleh Amirul Mukminin, beliau terus mengambil pelepah tamar lalu memukul si tukang itu sehingga mengalir darah daripada kepalanya. Dengan itu barulah dia sedar dan merasai bersalah serta tidak mahu mengulangi perbuatannya itu lagi.

Kemudian timbul lagi percubaan-percubaan peribadi dan orang-orang yang berkepentingan mengemukakan analisis-analisis sedemikian tetapi lambat-laun ia berakhir apabila berakhirnya riwayat peribadi-peribadi yang terlibat itu. Akan tetapi umat Islam secara keseluruhannya sentiasa bersandarkan kitab Allah dan Sunnah rasul-Nya iaitu mereka menjadikan kedua-duanya sebagai pemimpin, ikutan dan menara hidayat dan petunjuk pada setiap masa dan ketika. Kesemuanya itu merupakan wahyu daripada Allah dan aliran yang mendukungnya ialah aliran yang dikenali dalam ilmu kalam sebagai "Aliran Salaf" (terdahulu). Aliran ini menghayati ungkapan "Islam" itu sendiri.

Islam ialah penyerahan wajah kepada Allah dan sambutan penuh terhadap perintah Allah. Islam juga ialah permohonan untuk mendapatkan keredaan Allah terhadap apa yang ditinggalkan. Islam ialah keazaman yang kuat dan berterusan yang menjadikan wahyu sebagai asas dalam tindakan, kerja dan niat.

Oleh itu jelas terdapat dua asas yang berbeza bagi aqidah dan tingkah laku. Satunya ialah "kemanusiaan" iaitu akal (lisan Aristotle) dan keduanya "ketuhanan" iaitu wahyu.

Wahyu tidak dapat memberi gambarannya yang sebenar kecuali melalui perantaraan bahasa Arab dan seseorang itu tidak akan dapat memahami wahyu dengan fahaman yang halus dan lengkap kecuali setelah dapat menguasai bahasa Arab dengan baik dan mendalam serta benar-benar berkebolehan.

Contoh-contoh demikian dapat dibuktikan melalui satu kenyataan oleh al-Sayuti yang meriwayatkan bahawa pada suatu hari, Amru bin Abid mengunjungi Abi Amru bin al-A'la untuk berdebat mengenai "wajib menyeksa orang yang fasiq." Amru bin Abid berkata, "Wahai Abi Amru, Allah telah

mungkir janji-Nya." Abi Amru pun menjawab, "Dia tidak akan mungkir janji-Nya." Amru pun berkata, dengan menyebut sepotong ayat al-Qur'an mengenai seksaan. Kemudian beliau berkata lagi, "Kamu ini datang daripada kalangan 'ajam (bukan orang Arab)." Iapun terus bernasyid:

وإني وإن أوعدته أو وعدته لمخلف إيعادي ومنجز موعدي.

Terjemahan: *Dan aku, sekiranya aku mengancam atau aku berjanji, nescaya aku akan memungkiri ancamanku itu dan menunaikan janjiku.*

(Maksud di sini bahawa membaca dengan *tanwīn* atau membaca *tanwīn* dalam satu ungkapan ayat-ayat membawa perbezaan kepada makna).

Diriwayat juga bahawa sekiranya seseorang itu berkata: *"Hadha qātilu Abi"* (قاتل) iaitu tanpa *tanwīn* yang bermaksud "inilah dia pembunuh bapaku" berbeza dengan dia berkata *"Hadha qātilun Abi"* (قاتل) iaitu dengan *tanwīn* yang bermaksud "inilah dia pembunuh: bapaku" (iaitu bapa sebagai pembunuh).

Oleh yang demikian meninggalkan lisan Arab boleh membawa seseorang itu terjatuh ke dalam kejahilan sepertimana yang dapat dilihat melalui percanggahan makna antara ber*tanwīn* atau tidak.

Maka semestinya bahasa Arab itu difahami secara mendalam dan seterusnya dikuasai dengan sepenuhnya untuk membolehkan seseorang itu dapat menyelami rahsia-rahsia yang terkandung dalam kitab Allah Yang Maha Suci.

Memahami kitab suci al-Qur'an al-Karim dan berpandukannya merupakan maksud al-Imam al-Syafi'i ketika menyeru umat manusia meninggalkan lisan Aristotle dan kembali kepada lisan Arab iaitu wahyu.

Sesungguhnya generasi Islam awalan sepanjang kurun pertama Hijrah mengamalkan demikian kecuali beberapa percubaan yang telah dilakukan oleh peribadi-perbadi tertentu sebagaimana yang telah dijelaskan itu. Kadang-kadang tabiat manusia itu sendiri yang cenderung menjalani hidupnya mengikut arahan-arahan manusia seumpamanya.

Oleh itu muncullah percubaan untuk mencipta aqidah untuk diimaninya dan mengadakan mazhab untuk diikutinya. Apabila menonjolnya sesuatu halangan yang

dicetuskan oleh kewujudan aqidah dari langit yang sangat kuat, maka dia pun akan mencuba sedaya-upaya mengharapkan aqidah langit (aqidah *samāwiyah*) itu dengan pengharapan kemanusiaannya, mengolahkannya dengan sentimen kemanusiaan yang dimilikinya dan seterusnya memasukkannya dengan unsur-unsur kemanusiaan mengikut pentafsiran (*ta'wīl*) sendiri dan dengan itu dia telah terperangkap dalam memenuhi tuntutan hawa nafsu dan pemikirannya semata-mata.

Seseorang yang terlibat dalam amalan seumpama ini kebanyakannya tidak sedar bahawa dia telah tergelincir ke dalam satu bentuk penyelewengan – sedikit atau banyak – daripada landasan yang Allah sukai yang terungkap dalam kalimah "Islam" itu sendiri.

Percubaan pertama secara bermazhab dalam konteks ini telah dilakukan oleh aliran Mu'tazilah yang dipelopori oleh Wasil bin 'Ata' dan Amru bin Abid serta para pengikut mereka. Percubaan ini tidak syak lagi merupakan lanjutan daripada amalan kemanusiaan yang besar yang memperlihatkan penggunaan hawa nafsu meskipun ia kelihatan seolah-olah berkhidmat untuk agama yang suci.

"Apakah dihiaskan kepadanya kerja yang jahat sehingga menampakkan ia baik." Petikan daripada mafhum al-Qur'an, firman Allah Ta'ala:

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا . . .

سورة فاطر ٣٥ : اية ٨

Terjemahan: *Maka(fikirkanlah) adakah orang yang diperelokkan kepadanya amal buruknya (oleh syaitan) lalu ia memandangnya dan mempercayainya baik ... .*
(Surah Fāṭir 35:8)

Firman Allah:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِٱلْأَخْسَرِينَ أَعْمَٰلًا ﴿١٠٣﴾ ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾

سورة الكهف ١٨ : اية ١٠٢ - ١٠٤

Terjemahan: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Mahukah, Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang rugi serugi-rugi amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan."*

(Surah al-Kahfi 18:103 – 104)

Oleh kerana aliran seumpama ini – peneroka manusia di alam wahyu sangat sesuai dengan keangkuhan atau bangga diri seseorang itu di samping sifat manusia yang mudah terpengaruh dengan sesuatu yang agak ganjil, maka muncullah Mazhab Mu'tazilah yang turut mendapat perhatian dan sokongan para pemerintah pada waktu itu.

Aliran Mu'tazilah ini merupakan satu model kepada *lisān* Aristotle Yunani dan meskipun seolah-olah tidak wajar dianggap sedemikian tetapi kita tidak boleh mempertikaikan bahawa ia adalah satu *lisān* daripada *lisān-lisān* Aristotle. Aliran ini ialah *lisān* kumpulan-kumpulan *Mutakallimīn* (ulama' Ilmu Kalam).

Para ulama' Ilmu Kalam dalam suasana persekitaran Islam merupakan orang-orang yang cuba melahirkan kecenderungan mereka untuk meredah alam wahyu dan mengolahkan persoalan-persoalan berkenaan dalam bentuk yang seolah-olah boleh diterima sedangkan perbicaraan mereka itu tetap juga tidak dapat menambahkan penjelasan di kalangan orang yang mempunyai perasaan yang luhur.

Ramai tokoh ulama' Islam yang bersih dan pemimpin-pemimpin yang bertaqwa telah bangun menentang aliran tersebut. Mereka terdiri daripada al-Imam al-Syafi'i, al-Imam Malik, al-Imam Ahmad bin Hanbal, al-Imam Sufyan dan seluruh Imam Ilmu Hadith dahulu yang turut menyertai penentangan tersebut.

Kita tidak dapat membincangkan penentangan ini dengan panjang lebar melalui kesempatan ini tetapi apa yang kita maksudkan di sini ialah kesan-kesan yang timbul hasil penularan aliran tersebut.

Manusia ini sememangnya tidak sama antara satu dengan lain dari segi kepandaian, keilmuan, suasana dan latar belakang. Justeru itu perbezaan ini membawa mereka

pada kecenderungan yang berbeza. Apabila "kepandaian mereka" hendak diterapkan ke dalam persoalan-persoalan wahyu, maka timbullah percanggahan pendapat dan kecenderungan yang bersimpang-siur di kalangan mereka, lantas tampillah hawa nafsu yang menguasai mereka demi mempertahankan pandangan masing-masing dan menolak pandangan pihak lain. Akhirnya masing-masing mengumpulkan penyokong lalu tertubuhlah kumpulan-kumpulan dan parti.

Ekoran daripada ini umat pun berpecah belah dan terbahagi mereka kepada kumpulan-kumpulan dan jama'ah-jama'ah yang berselisih dan bercanggah-canggah.

Perkara yang ditertawakan orang ialah betapa Mu'tazilah itu sendiri berpecah kepada beberapa kumpulan yang diketuai oleh para cendekiawan daripada kalangan mereka sendiri. Selepas itu berlakulah kumpulan-kumpulan serpihan membuat tuduhan sesama sendiri yang mengaku kumpulannya sahaja yang benar dan menganggap kumpulan-kumpulan lain – meskipun datang daripada wadah yang sama adalah sesat dan menyeleweng.

Perkara yang juga menimbulkan keganjilan kepada kita ialah betapa orang yang cuba menganggap aliran itu sebagai satu warisan agung dan seterusnya menamakannya sebagai "Ilmu Kalam Islam" atau "Ilmu Tauhid Islam" sedangkan ia sedikit pun tidak ada kena-mengena dengan Ilmu Tauhid yang sebenarnya.

Amat mendukacitakan kita benar suara Imam-imam kita yang mulia, seperti al-Syafi'i, Malik, Ibn Hanbal dan Sufyan turut hilang dalam gelora suasana menghadapi persoalan-persoalan seumpama ini.

Membicarakan persoalan-persoalan berdasarkan kepandaian manusia semata-mata merupakan lisan Aristotle Yunani yang akan membawa manusia kepada kejahilan. Ini kerana ia mengalihkan pandangan daripada wahyu kepada pemikiran manusia dan sekali gus sebagai mengalih daripada ilmu kepada jahil. Lanjutan daripada itu, umat akan turut berpecah belah dan bergeseran sesama sendiri meskipun mereka menganuti aqidah yang satu dan pegangan yang sama. Pengalihan kepada sesuatu yang berkemungkinan akan berlakunya kesilapan, menyeleweng dan

sesat pemikiran, membawa makna pengalihan daripada sumber kesatuan *(wiḥdah)* kepada punca keselerakan atau kecelaruan.

Benarlah seperti kata Syafi'i: "Tidaklah manusia itu menjadi jahil kecuali kerana mereka meninggalkan lisan Arab dan berkecenderungan kepada lisan Aristotle."

FASAL 4

KEGAGALAN FALSAFAH

Perbahasan tajuk ini memerlukan satu penjelasan ringkas yang berkaitan dengan beberapa perkara tentangnya seperti definisi falsafah,[24] kelahirannya dan kaedah-kaedahnya yang digunakan dalam menghapuskan perselisihan yang timbul berhubung dengan sesuatu tajuk.

Mungkin kita benar sekiranya kita mentakrifkan falsafah berdasarkan kedudukannya pada masa kini bahawa falsafah itu ialah perbahasan akal tentang persoalan-persoalan di luar tabi'i (metafizika dan akhlak) serta perbahasan tentang nilai pengetahuan (ma'rifah) yang merangkumi pendekatan-pendekatan dan rumusan-rumusan yang dicapai. Definisi atau takrif ini adalah fleksibel yakni sempit dan luasnya adalah tertakluk kepada sempit dan luasnya sesuatu tajuk falsafah itu sendiri sebagaimana yang dapat dilihat sepanjang zaman falsafah wujud dan berkembang.

Bilakah kajian seumpama ini timbul? Kemungkinan sukar ditolak kalau ada dakwaan bahawa falsafah ini lahir apabila lahirnya manusia dalam erti kata ia ibarat sesuatu yang semata-mata terlintas di benak seseorang meskipun sekejap dan terus hilang, kadang-kadang serius kemudian berakhir misalnya, bahkan mungkin kadang-kadang dalam masa-masa tertentu ia bertapak agak lama kemudian berkurangan dan akhirnya hilang begitu sahaja. Tetapi yang menjadi cirinya yang utama ialah lintasan-lintasan itu datang tetapi tidak kekal lama. Perbahasan falsafah akal yang tersusun, kemas dan teratur hanya mula lahir dan berkembang di Yunan kerana agama Yunani tidak berdiri di atas

asas yang teguh dan kuat serta ia tidak dapat menanamkan satu keyakinan yang utuh yang mampu bertapak dalam sanubari orang-orang Yunani itu sendiri sehingga dapat berpaut dalam jiwa dan roh mereka dan jauh sekali untuk berperanan sebagai tempat mereka menyerah diri sepenuhnya terutamanya tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan aqidah atau iman, kepercayaan terhadap perkara-perkara di luar tabi'i atau berhubung dengan akhlak dan juga berhubung dengan penentuan baik atau sebaliknya.

Sesuatu yang jelas dalam sepanjang sejarah yang lalu ialah perkembangan falsafah itu bergantung kepada keadaan iman seseorang. Maksudnya setiap kali meningkatnya pegangan agama dan keimanan maka menurunlah pergantungan kepada falsafah dan berkuranglah perbincangan akal tentang perkara-perkara ghaib.

Ini adalah disebabkan oleh perbahasan falsafah itu sendiri yang membicarakan persoalan-persoalan falsafah sama ada secara ringkas mahupun secara panjang lebar. Jawapan yang diberikan tetap tegas dan konkrit, tidak diragui dan tidak dipertikaikan lagi.

Adakah yang benar-benar beriman dan berpegang teguh dengan ajaran agama tidak harus melewati batasnya atau berfalsafah? Dan kenapakah dia berfalsafah, sedangkan dia ialah seorang Mukmin yang beriman dengan persoalan-persoalan agamanya tanpa ragu-ragu dan syak terhadap kesahihannya? Apakah ia berakal sehingga sanggup meninggalkan keyakinan? Apa yang dimaksudkan di sini ialah persoalan-persoalan yang *ma'ṣūm* (terhindar daripada salah dan silap) iaitu dia mencuba juga untuk mengkajinya dengan menggunakan akalnya.

Seandainya dia berbuat demikian bermakna dia mensyaki atau meragui persoalan agamanya, sama ada secara sedar atau sekali gus bermaksud meninggalkan "berpegang dengan hidayat Allah" kepada berpegang dengan "hidayat manusia", meninggalkan yakin dan mengambil sangkaan *(ẓan)* kerana segala rumusan pemikiran manusia dalam bidang-bidang luar tabi'i hanya sangkaan semata-mata.

Falsafah telah muncul dalam bentuk teori yang tersusun di negeri Yunan dan buat pertama kalinya pada zaman berkembangnya tamadun kebudayaan tatkala melesetnya

pegangan agama di kalangan rakyatnya. Justeru itu falsafah tidak lahir di bumi Islam meskipun ketika berkembangnya tamadun dan kebudayaan umat setempat. Ini disebabkan pegangan kuat umat Islam dengan agama mereka. Tetapi berdasarkan satu kajian tentang sejarah falsafah, kelahirannya dan faktor-faktor yang membantu perkembangannya dalam masyarakat Yunani memperlihatkan bahawa ketidakcenderungan mereka berpegang dengan ajaran-ajaran agama sekuatnya memungkinkan penampilan falsafah dengan sebegitu hebat.

Apabila kita hendak mengenal pasti tanda keimanan umat Islam, sama ada kuat atau lemah, kita perlu melihat perkembangan falsafah di kalangan mereka sama ada meningkat atau menurun. Tetapi yang jelasnya ialah umat Islam sewaktu kelahirannya tidak mengenali falsafah, mereka hanya menyerah bulat-bulat kepada agama mereka.

Umat Islam sepanjang kurun pertama keseluruhannya berpegang teguh dengan kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Mereka mengambil panduan daripada kitab Allah dan Sunnah Rasul dalam menyelesaikan segala masalah yang dihadapi.

Pada mulanya mereka hanya menterjemahkan buku-buku yang berkaitan dengan aspek-aspek praktis seperti perubatan, kimia dan fizik. Tentang akhlak, mereka tidak menterjemahkannya kerana mereka percaya bahawa apa yang mereka miliki daripada wahyu Allah sudah cukup memadai.

Umat Islam terus berbuat demikian sehinggalah tiba zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun,[25] iaitu mereka melakukannya mengikut perintah beliau. Mereka mula menterjemahkan karya-karya mengenai perkara luar tabi'i (metafizika) dan juga akhlak. Lantas muncullah falsafah semata-mata. Dalam pada itu kita dapat melihat betapa wujud kepincangan iman *(futūr)* yang menjadi punca bermula dan berkembangnya falsafah, yang juga merupakan lanjutan daripada keimanan yang pincang.

Cetusan berfalsafah di kalangan ahli falsafah timbul daripada penentangan terhadap agama *(tamarrud dīnī.* Tindakan menyesuaikan agama dengan wahyu Ilahi merupakan satu malapetaka besar yang cuba dicipta oleh manusia yang ingin menutupi penyelewengan yang wujud

hasil daripada sifat bangga diri dan takbur manusia itu sendiri.

Berfalsafahnya seorang Muslim merupakan sejenis penyakit takbur dan bangga diri *(ghurūr)*, seolah-olah satu persediaan diri untuk menolak sumber lain meskipun itu adalah wahyu Ilahi dan prinsip-prinsip ketuhanan.

Taufik (penyesuaian atau penyatuan) merupakan satu gagasan yang meletakkan dua pihak pada satu tempat yang sama dari sudut timbang tara, kemudian terheretlah salah satunya kepada yang lain atas nama penta'wilan, tafsiran, keterangan lanjut dan lain-lain lagi tanpa mengambil kira pengertian zahir seandainya keadaan mendesak ke arah pemakaian makna yang halus dan sulit (*bāṭin*) asalkan ia mempunyai kewajaran akal meskipun kadang-kadang ia bercanggah dengan kehendak bahasa, adat kebiasaan, tradisi dan fitrah manusia yang bersih dan waras.

Penyesuaian juga membawa maksud anda cuba menjadikan setiap pihak bertolak ansur mengorbankan beberapa aspek tertentu daripada prinsipnya supaya kedua-dua pihak boleh bertemu pada suatu titik pertemuan. Maka setiap pihak akan berusaha meringkaskan beberapa aspek tertentu untuk menyesuaikannya atau menjadikannya selari dengan tuntutan penyesuaian itu.

Pendirian seseorang yang benar-benar beriman adalah terangkum dalam prinsip-prinsip yang benar-benar telah ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. Sabda Baginda:

اتبعوا ولا تبتدعوا فقد كفيتم.

Terjemahan: *Turutilah (ikutilah) dan jangan kamu berbid'ah*[26] *maka sesungguhnya sudah cukup memadai apa yang ada pada kamu.*

Sesungguhnya Allah telah menurunkan sesuatu yang telah sempurna dan lengkap berhubung dengan alam luar tabi'i dan berhubung dengan akhlak dan seorang Mukmin itu tidak lagi perlu mencarinya daripada sumber lain.

Firman Allah:

. . . ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي

وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ . . .

سورة المائدة ٥ : اية ٣

Terjemahan: .... *Hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agamamu dan Aku memperlengkapkan ke atasmu nikmat Aku dan Aku meredai kepada kamu Islam sebagai agama .... .*

(Surah al-Mā'idah 5:3)

Anasir utama yang mencirikan Islam ialah penyerahan wajah kepada Allah, mematuhi perintahnya, mentaati sepenuhnya kepada ajaran-ajaran dan prinsip-prinsipnya, pada akhlak dan pada sesuatu di luar alam tabi'i.

Apabila seseorang Mukmin itu cuba membantah prinsip-prinsip itu dengan mengarahkan pengambilannya kepada akal meskipun dengan bertujuan untuk sampai kepada matlamat yang dikira sama matlamat dengan agama namun dia tetap dikira sebagai menyeleweng daripada petunjuk dan semangat pengabdian diri kepada Allah kepada terjerumus ke dalam petunjuk pengabadian diri kepada akal. Dia melakukan sedemikian dengan perasaan mengagung-agungkan diri sendiri. Sikap seumpama ini adalah sama dengan menyembah diri atau berbangga dengan fikiran peribadi.

Sebarang ibadah mengikut kesimpulan yang dirumuskan oleh falsafah, membuatkan kita ingin bertanya kepada pembaca tentang hakikat sejarah, kenapakah berfalsafah ...? Sekiranya kita meneliti hasil-hasil falsafah secara menyeluruh, pasti kita dapati bahawa hasil-hasil falsafah menggambarkan seluruh bentuk kesesatan, penyelewengan, sangkaan, tipu daya, palsu dan kebatilan. Di samping itu tidak dapat dinafikan kadang-kadang ia menggambarkan kebenaran dan kesahihan tetapi khayalan atau sangkaan mengatasi kebenaran dalam teori-teori falsafah itu. Ini kerana falsafah itu sendiri ialah hasil fikiran sebuah peribadi yang sentiasa tertekan oleh suasana peribadi, keadaan masa, pendidikan, kepandaian dan keimanannya.

Justeru itu berdasarkan hakikat di atas, falsafah ialah "hasil yang nisbi sifatnya" (relatif) dan tetap nisbi sampai bila-bila masa sebagaimana asalnya.

Lantaran itu, tidaklah ganjil ia boleh mencetuskan percanggahan, pertentangan, perselisihan dan hentam-menghentam. Kita pun apabila melihat kepada sejarah falsafah semenjak lahirnya belum pernah dapat mengenal pasti "pandangan falsafah" yang sebenarnya terhadap sebarang persoalan. Ini adalah satu hakikat yang mempunyai pengertian yang mendalam. Tidak menjadi kesalahan sekiranya ada orang yang tampil menegaskan bahawa tidak ada di sana satu masalah yang boleh diselesaikan dengan bijaksana oleh pandangan-pandangan falsafah.

Pandangan falsafah seolah-olah tidak wujud dalam dunia falsafah yang penuh dengan persoalan-persoalan yang cuba hendak diselesaikan oleh ahli-ahli falsafah Yunani melalui kebijaksanaan akal mereka. Walaupun begitu sehingga sekarang masih belum ada jawapan atau penyelesaiannya. Ahli-ahli falsafah moden masih berusaha mencarinya sehingga sekarang iaitu selepas berlalunya lebih daripada 25 kurun lamanya.

Antara kelucuan ahli-ahli falsafah ialah apa yang dianggap oleh Plato sebagai "sia-sia yang serius" *(al-lahwu al-jiddiy)*. Persoalan ini telah ditimbul oleh "Zeno"[27] iaitu beliau cuba membuktikan bahawa wujud itu ialah diam, tidak bergerak. Ia memenuhi ruang-ruang kosong.

Persoalan-persoalan ini adalah bercanggah sama sekali dengan perasaan fitrah semula jadinya ... yang ajaibnya ahli-ahli falsafah ini masih terus mencuba sehingga ke hari ini untuk mencari penyelesaian dengan akal terhadap persoalan itu. Mereka pun sering membicarakan persoalan antara akal dengan perasaan atau antara logik (mantiq) dengan fitrah semula jadi, sedangkan fitrah semata-mata dan di mana sahaja tidak pernah membuka ruang kepada mereka sedemikian rupa.

Dari mana ...? Hendak ke mana ...? Dan kenapa ...? Masih tersirat ... penuh rahsia ... sampai sekarang ... boleh jadi sehingga beberapa tempoh nanti ... atau boleh jadi sehingga berakhirnya alam ini ... merupakan soalan-soalan yang pasti tergantung-gantung menuntut akal menjawabnya. Selagi masih terdapat daripada kalangan ahli-ahli falsafah yang mengingkari alam luar tabi'i (metafizika) dan tidak mengakui kebaikan umum dan kelebihan tertentu, maka

tidak ada harapan langsung untuk kita memperoleh sesuatu fikiran yang boleh dianggap pandangan falsafah.

Tetapi seandainya ahli falsafah mengqiyas sesuatu qiyasan akal, maka mereka pun mendapat petunjuk yang menjuruskan kepada kebenaran, dengan itu barulah selesai perbalahan dan sekali gus wujudlah pandangan falsafah dan persoalan inilah yang akan kami bincangkan nanti.

Manusia sentiasa mengkaji semenjak mula lahirnya lagi tentang ghaib, mengejar dan mencari-cari rahsia sesuatu yang tidak diketahuinya, melenyapkan sekatan yang melindunginya daripada memasuki alam ghaib. Manusia ingin kepada Allah dan menghubunginya secara langsung. Ia tenggelam dalam alam ketuhanan sehingga boleh merasai sendiri nurnya. Jalan di hadapan tetap terang-benderang diukir oleh para nabi melalui wahyu-Nya dan diperjelaskan lagi oleh para rasul (salawat Allah ke atas mereka). Jalan itu telah digambarkan oleh risalah-risalah ketuhanan. Maka ia merupakan perhambaan sepenuhnya kepada Allah iaitu seseorang itu benar-benar mencampakkan dirinya ke dalam lautan ketuhanan, hamba yang benar-benar menuju ke dalam alam ketuhanan sehingga dia menjadi seorang *rabbāni* (iaitu benar-benar hampir kepada Allah). Ia berakhlak dengan akhlak-akhlak Allah, berdiri di pintu Maha Suci Allah sehingga Allah menerimanya dan memasukinya ke dalam syurga-syurga ma'rifah dan taman-taman hakikat.

Keadaan ini telah berlalu pada tamadun-tamadun dahulu. Bentuk yang serupa ini misalnya telah dilalui oleh ahli-ahli nujum (tukang tilik) *'Ain Shams* dalam tamadun Mesir dan oleh penganut *Brahma* (Brahimah) dalam agama Hindu dan juga dilalui oleh penuntut-penuntut tulen ma'rifah pada masa lalu di pelbagai tempat dan masa.

Sepanjang tempoh tamadun tersebut, itulah cara atau jalan yang difikirkan oleh mereka kerana mereka tidak nampak adanya jalan atau cara lain yang menakjubkan yang memungkinkan mereka dapat mengetahui cara yang mereka lalui itu. Mereka berpendapat bahawa alam ghaib ini adalah daripada rahsia-rahsia ketuhanan iaitu Allah akan mengurniakannya kepada sesiapa sahaja daripada kalangan hamba-hamba-Nya yang dikehendaki. Sesungguhnya Allah tidak akan mengurniakannya kecuali kepada orang-orang

yang mengikuti jalan yang lurus yang digariskan oleh Allah S.W.T.

Dalam konteks ini, zaman Yunani bermula di Eropah iaitu mereka mengikut cara orang Timur untuk sampai kepada ma'rifat.[28]

Cara *(uslūb)* itu juga turut dihayati oleh Phytagores[29] yang akhirnya mengasaskan "Mazhab Phytagores." Mazhab ini cuba melihat bahawa pengetahuan mengenai alam luar tabi'i hanya dapat dicapai dengan cara pembersihan yang sempurna dalam akhlak dan melalui peninggalan unsur-unsur kebendaan *(zuhud)* yang munasabah sehingga manusia itu tidak menjadi hamba kepada kebendaan tersebut. Kesemua ini tidak akan dapat dicapai kecuali melalui cara perhambaan sepenuhnya kepada Penganugerah pengetahuan dan Pemberi kebaikan iaitu Allah S.W.T. Justeru itu mereka menolak sama sekali peranan akal pemikiran dan kepandaian otak manusia dalam memenuhi maksud tersebut.

Mazhab Phytagores mengamalkan pendekatan pembersihan sebagai cara *(wasīlah)* mereka. Pendekatan mereka sangat luas sehingga turut merangkumi bentuk pakaian dan warnanya sekali iaitu putih, mereka juga menentukan jenis-jenis makanan dan sukatan-sukatannya (kadar), waktu dan cara berpuasa. Ilmu pengetahuan ini terus diwarisi daripada semasa ke semasa, daripada kumpulan Phytagores kepada Plato[30] dan daripada Plato kepada Plato moden.

Di samping pendekatan tentang ilmu ghaib ini, timbul satu lagi pendekatan baru, iaitu pendekatan yang belum pernah dikenali sebelum ini dan sekali gus dianggap sebagai "penyelewengan" daripada pendekatan tradisi yang sedia makruf.

Pendekatan baru itu ialah "satu percubaan untuk mengetahui hakikat alam ghaib melalui akal", seperti meneliti, berfikir dan mengkaji, supaya dengan cara itu tercapainya satu teori yang sahih mengenai alam ketuhanan, positif dan negatif. Oleh itu ulama' Yunan sebelum munculnya Aristotle, benar-benar dapat mewakili kelompok yang mendokong pendekatan berkenaan.

Pendekatan berkenaan mempercayai sepenuhnya dengan alam misteri ketuhanan, menyerahkan sepenuhnya

harapan untuk sampai kepada cahaya-Nya, memperoleh beberapa nikmat daripadanya dan seterusnya benar-benar tenggelam dalam lautan rahmat-Nya.

Pendekatan kedua pula iaitu pendekatan akal mencipta (kreatif). Pendekatan ini tidak beriman dengan apa-apa sekalipun dan tidak mempunyai sebarang iktiqad kepercayaan, bahkan ia mengambil kata putus terhadap sesuatu perkara sama ada ya atau tidak. Pendekatan ini dipimpin oleh akal dan menyerahkan segala keputusan kepada pemikiran semata-mata.

Tetapi semenjak zaman awal lagi, para pendokong dan pengkaji aliran ini secara umumnya mendapati dua perkara yang kemungkinan salah satunya adalah punca timbulnya yang lain.

Pertama: Percanggahan hebat di kalangan para pengkaji pemikiran atau orang-orang yang ingin berfalsafah terhadap rumusan-rumusan yang dicapai oleh mereka sendiri berdasarkan kajian yang mereka lakukan, meskipun mereka itu merupakan angkatan sezaman dan hidup dalam satu suasana atau keadaan.

Masing-masing daripada kalangan mereka mendabik dada, memperbodoh-bodohkan rakan-rakan mereka, menyalahkan dan menghina sesama mereka. Lantas masing-masing mengaku dialah yang benar sementara orang lain salah belaka.

Keadaan ini benar-benar berlaku, lihatlah ahli falsafah Heraclite[31] betapa telah menganggap manusia lainnya sebagai "serpihan binatang yang perlu dicaci cela dan dihina." Orang-orang yang angkuh pada zaman itu turut merendah-rendahkan ahli-ahli fikir yang terdahulu daripada mereka. Betapa ahli falsafah Xenophone[32] dan Phytagores telah dianggap sebagai "dua manusia bodoh yang wajar disisih." Begitu juga ahli syair Hezyud[33] dianggap sebagai "kutu malam" yang tidak tahu membezakan siang dan malam." Justeru itu sekiranya inilah bentuk tanggapan terhadap ahli-ahli fikir yang jatuh sebegitu rupa, maka di manakah kedudukan rakyat atau manusia biasa di mata mereka? Mereka ialah "binatang-binatang yang mengutamakan rumput daripada emas" dan mereka juga ialah "anjing-anjing yang menyalak bukit."

Kedua: Perkara yang dilihat oleh para pengkaji ialah akal yang sesungguhnya berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Sekiranya disusun satu kaedah moden sekalipun untuk menilai kecerdikan seseorang, namun perbezaan akal seseorang tidak memerlukan satu penganalisaan yang tepat.

Oleh kerana perbezaan akal pada seseorang itu ada hubungkait yang sangat rapat dengan faktor-faktor luaran seperti suasana sekitar, kebudayaan, keselesaan, keilmuan, rakan-rakan, masalah-masalah dan kepentingan-kepentingan, maka kesemua faktor tersebut dan lain-lain tetap dapat mengesan para pemikir dan rumusan-rumusan manusia yang hendak diputuskan.

Hari demi hari, bertambahlah mazhab-mazhab dan muncullah pelbagai kumpulan. Kita boleh mengatakan tanpa menokok tambah bahawa pertumbuhan mazhab-mazhab dan penambahan jumlahnya adalah mengikut kadar pertumbuhan ahli-ahli falsafah akal di dunia ini.

Apabila pendekatan akal mengambil tempat dalam memahami sesuatu di luar tabi'i yang menjuruskan kepada percanggahan pendapat dan rumusan yang berbeza-beza, maka para pendokong aliran ini mencuba untuk mencari jalan mencipta satu kaedah akal yang benar-benar dapat memandu, menyelamat dan memelihara akal daripada salah dan silap. Maka tampillah Aristotle lalu mengemukakan gagasan yang bernama "ilmu logik" (mantiq) yang didefinisikan sebagai satu kaedah yang berperanan memelihara otak daripada melakukan kesilapan ketika berfikir.

Tetapi lambat-laun didapati bahawa ilmu logik itu sendiri gagal memelihara otak orang yang menciptanya daripada kesilapan dalam fikiran sedangkan dia sendiri yang menganjurkan jalan keselamatan itu. Ia salah, salah dan salah.

Kemudian didapati juga bahawa orang-orang yang menjadi pakar ilmu logik ini yang menghayatinya dalam penulisan-penulisan mereka pada zaman Yunani itu juga turut terperangkap dalam kesilapan. Ilmu itu juga gagal menyelamatkan mereka.

Kegagalan itu mengundang perhatian para pengkaji untuk mencari punca yang menyebabkan ilmu logik itu

tidak dapat berfungsi sebagaimana yang diharapkan. Mereka mendapati ada beberapa kepincangan dan cuba mengubatinya tetapi sia-sia.

Ilmu logik itu sendiri pincang pada bentuk dan asasnya (jauhar).[34] Nilainya secara keseluruhan adalah penilaian akal yang berdasarkan beberapa format dan andaian-andaian yang mengeluarkan rumusan atau tidak. Maka tidak lain dan tidak bukan ia adalah ilmu menajamkan otak iaitu melalui kaedah-kaedah yang disusun, tidak lebih daripada itu.

Hakikat ini telah pun didedahkan oleh ahli fikir moden seperti Bacon[35] dan John Steward Mill.[36] Oleh itu jadilah ilmu logik ciptaan Aristotle itu sebagai ilmu yang gagal sama sekali untuk mengemukakan kaedah mencari hakikat, apa lagi untuk memelihara pengamalnya daripada salah dan silap ketika berfikir. Hancurlah harapan manis selama ini yang dipertangguhkan oleh manusia sepanjang zaman dengan gambaran bahawa ilmu logik ini mampu mengemukakan gagasan untuk menyelamatkan fikiran manusia secara mutlak daripada kesalahan dan kesilapan ketika berfikir.

Manusia bukan sahaja bergantung harapan kepada ilmu logik Aristotle pada beberapa ketika, tetapi apabila muncul ahli falsafah lain iaitu Descartes,[37] mereka turut bergantung harap pada falsafah yang dikemukakan oleh beliau. Descartes cuba memberi pendekatan barunya sambil mendakwa bahawa beliau menerimanya pada satu malam yang permai dalam suasana riang gembira yang tidak bersifat, lantas terus mempercayai bahawa permasalahan pengetahuan manusia sudah pun selesai sama ada tentang agama atau alam semula jadi ini.

Descartes juga beria-ia mengemukakan gagasannya dan menggunakannya serta mencabar para penentang beliau tetapi lambat-laun ternyata beliau turut tersilap tentang alam ini dan berikutnya turut tersilap pada banyak rumusan yang dicapainya. Sekali lagi hancur harapan manusia yang sekian lama pada gagasannya itu ... .

Justeru itu kita ingin bertanya sekarang, apakah benar ketidakmampuan akal manusia dalam mendapatkan rumusan muktamad sama ada benar atau salah terhadap persoalan-persoalan di luar tabi'i dan tentang akhlak?

Jawapan kepada soalan ini pasti tepat dan tegas; bahawa sesungguhnya manusia tidak akan menggunakan kaedah akal untuk membezakan antara hidayah dan kesesatan tentang alam luar tabi'i. Sementara alam maya itu sendiri masih merupakan rahsia yang tersirat kepada akal pemikiran, halangan yang masih belum dapat dirempuh kecuali oleh para nabi melalui wahyu Allah. Adalah tidak syak lagi bahawa seluruh tanggapan mazhab falsafah khususnya tentang persoalan alam ghaib merupakan sangkaan semata-mata walaupun tidak merupakan khayalan-khayalan kosong.

Adapun tentang alam akhlak dan moral *(sulūk)*, kaedah akal tidak boleh menjadi sumber mutlak kepada penilainya. Sekiranya ilmu logik telah gagal dalam seluruh bidangnya, maka keseluruhan kaedah-kaedah ciptaan fikiran manusia adalah meleset dan ini termasuklah tanggapan *ḍamīr* (hati) yang tidak boleh menjadi neraca pengukur dalam menentukan sesuatu perbuatan akhlak, baik atau jahat, dan sebagainya.

KHURĀFAT ḌAMĪR (HATI)

Kalimah *ḍamīr*[38] dalam mana-mana kamus utama Arab tidak menunjukkan sebagai satu pengertian akhlak sebagaimana yang kita fahami sekarang. Termasuklah dalam al-Qu'ran, al-Hadith, syair klasik Arab dan lain-lain tidak menyebut tentangnya. Ia merupakan ungkapan moden yang kita mengambilnya dari Barat.

Orang-orang Barat telah memperkenalkan kalimah itu dan menggunakannya apabila mereka cuba menjauhkan agama daripada terangkum dalam asas dan kaedah penilaian akhlak yang mereka bina.

Ini jelas terutamanya apabila mereka mahu membebaskan diri daripada penguasaan gereja di samping bertindak menentang kuasa-kuasanya (gereja). Mereka juga bangun membantah segala kaedah dan kedudukan istimewa gereja, memisah dan mengasingkan antara agama dan negara kerana agama pada waktu itu telah berfungsi sebagai asas dan pengukur kepada akhlak.

Tidak syak lagi apabila hendak lepas bebas daripada agama, perlulah dicari asas dan kayu pengukur yang lain

kepada akhlak kerana pembinaan akhlak atas asas yang kukuh dan kuat sangat perlu untuk mengawal, menyelamat dan mengamankan masyarakat. Jika tidak begitu tentulah masyarakat keseluruhannya akan dilanda keruntuhan dan kemusnahan.

Para penentang gereja yang sudah menolak pentingnya agama itu pergi ke sana ke mari mencari alternatif lain, lantas mereka pun mendapati seolah-olah bayang-bayang mengenainya dan menghebahkan serta membesar-besarkannya sehingga dapat diolah menjadi asas dan kayu pengukur terhadap teori akhlak mereka.

Seorang ahli fikir terkenal Perancis, Andrew Cursen telah berkata, "Ramai manusia bahkan, semua sekali akan memiliki *ḍamīr* apabila sampai umur matang dan mereka ini apabila ingin melakukan sesuatu kerja pasti merasai sama ada kerja itu 'mesti' dilakukan atau 'ditinggalkan' atau 'harus' dilakukan sama ada untuk memenuhi cita rasa mereka atau sebaliknya. Mereka tetap menikmati pelbagai perasaan selepas melakukannya. Jika mereka benar-benar tunduk kepada *ḍamīr* dan tuntutannya, mereka pasti akan merasai semacam satu penghormatan terhadap tuntutan diri sendiri di mana sekali gus mereka akan mendapati kelazatan yang benar-benar wujud yakni keredaan akhlak.

Seandainya mereka tidak menyahut seruan *ḍamīr* ini, tentulah mereka akan merasa satu kehinaan diri sendiri dan mereka akan turut merana yakni pemusnahan *ḍamīr*.

Oleh itu para pejuang revolusi yang menentang gereja telah cuba melihat bahawa *ḍamīr* boleh menjadi alternatif kepada agama dan menjadi asas yang kukuh dan kayu pengukur yang tepat kepada akhlak yang mereka anjurkan itu.

Selepas keadaan menjadi tenang dan kehidupan kembali seperti biasa di Barat, iaitu setelah selesainya ketegangan yang memuncak antara gereja dan para penentangnya buat beberapa ketika, maka para ulama' pun mulalah berfikir dan mengkaji secara perlahan-lahan terhadap prinsip-prinsip yang telah mencetuskan revolusi menentang gereja itu. Mereka juga mencuba melihat matlamat-matlamat yang hendak dituju, motif-motif yang hendak dicapai, kaedah-kaedah yang telah dirancangkan oleh para penentang tersebut lalu mengemaskinikan perjalanan revolusi itu dan

mengubahsuaikan mana yang perlu dan menukar ganti mana yang tidak sesuai. Sesuatu yang mendapat perhatian mereka dalam permasalahan ini ialah tentang *ḍamīr*.

Andrew Cursen berkata, "Apabila mereka menanggapi sejarah realiti dan peristiwa-peristiwa, mereka pun cuba menghubungkaitkan dengan masalah *ḍamīr* dan melihat manusia sepanjang masa dan di mana sahaja berada berpandukan cita rasa mereka. Cita rasa itu tidak boleh dipengaruhi oleh mereka dan tidak melirik menuruti rentak lagu yang sama bagi setiap orang. Apa yang jelas ialah sesuatu keadilan atau kebaikan bagi seseorang yang baik pada masa atau tempat tertentu tidak semestinya dilihat sebegitu rupa oleh orang lain."

Kita boleh melihat banyak contoh untuk membuktikan demikian terutamanya bila dilihat kepada sejarah berlakunya keseimbangan *ḍamīr* sepanjang masa yang lampau.

Andrew Cursen telah membawa banyak contoh "dalam Zaman Yunani dan Latin dahulu kala" di mana sistem hamba telah berjalan dan diterima oleh masyarakat berkenaan. Oleh itu semulia-mulia hati manusia pada masa itu ialah turut akur akan gejala itu dan melihatnya tanpa apa-apa perasaan membantah, misalnya terhadap proses jual beli lelaki, wanita dan kanak-kanak yang diperdagangkan sebagaimana binatang.

Melihat keadaan ini Andrew Cursen berkata, "Undang-undang Rom tua menjadikan wanita dan kanak-kanak sebagai hak milik suami, sebagaimana barang-barang dan binatang. Justeru itu adalah menjadi hak seseorang bapa untuk mempamerkan anak perempuannya yang baru lahir di pasar awam untuk dijual sekiranya dia masih mempunyai seorang anak perempuan yang lain. Kita tidak bermaksud untuk menghuraikan dengan lebih panjang lagi."

Mereka merupakan orang-orang terdahulu daripada kita, mereka melihat keharusan menjatuhkan hukuman seksa terhadap seseorang semata-mata kerana disyaki melakukan jenayah. Oleh itu mereka boleh melihat dengan senang seseorang itu dibawa ke tali gantung kerana kesalahan yang sangat kecil.

Apabila kita menimbang perkembangan keadaan *ḍamīr* yang tercetus pada masa tertentu di pelbagai tempat, tentu

kita dapati bahawa perbezaan-perbezaan itu sangatlah jauh antara sesuatu tempat dengan tempat yang lain.

Rakyat setempat yang suka berkahwin ramai pasti menganggap orang-orang baik merupakan orang-orang yang mempunyai ramai isteri dan sesungguhnya amalan berkahwin ramai dianggap sebagai amalan mulia dan disanjung tinggi dalam masyarakat mereka. Perasaan malu yang menguasai kaum-kaum yang maju tidak sedikit pun mencuit perasaan hati mereka. Mereka ini seperti Kaum Zunuj di Conggo dan penduduk Taite di Algeria.

Andrew Cursen menambah lagi, dari segi yang lain adalah tidak menghairankan kita apabila melihat beberapa bentuk larangan atau amalan yang terdapat dalam kehidupan sesetengah orang kampung di mana mereka misalnya diharamkan memakan beberapa jenis makanan dan melakukan amalan-amalan tertentu. Misalnya memakan daging-daging tertentu atau masakan-masakan dan minuman-minuman tertentu dan juga haram wanita keluar tanpa bertudung.

Perintah agama di negeri "Auqinusia" misalnya sangat makruf kepada kita.

Satu kesan peninggalan lama yang masih diamalkan bahkan sangat dituntut ialah: Amalan agama yang mengharamkan orang sakit tinggal di dalam rumah dan mengharamkan seseorang itu menggunakan tangan untuk makan selepas bercukur rambut atau selepas membuat perahu.

Sebenarnya apa yang tersurat dan tersirat di sebalik larangan-larangan tersebut ialah betapa wujudnya pelbagai bentuk cita rasa yang berbeza dalam sesebuah masyarakat atau sesuatu keturunan yang maju dan bertamadun.

Apakah Filan yang mengharuskan beberapa bentuk pembohongan merupakan seorang yang kurang cerdik jika dibandingkan dengan Elest yang mengharamkannya?

Sharlut Kerde misalnya, apabila beliau membunuh "Mara" tentulah beliau melihat bahawa tindakannya itu adalah satu amalan yang berakhlak. Apakah rakyat yang membawanya kepada hukuman merupakan orang yang tidak mendokong nilai-nilai akhlak mereka sendiri jika dibandingkan dengan beliau?

Contoh-contoh yang dikemukakan oleh Andrew Cursen merupakan setitik air daripada lautan yang luas. Kita boleh membuktikan banyak lagi contoh yang menunjukkan perasaan hati yang berbeza-beza berdasarkan perbezaan masa ataupun kebudayaan meskipun dalam satu suasana yang sama.

Lebih banyak lagi contoh akan diperolehi kalau kita membandingkan *ḍamīr* orang-orang Arab pada Zaman Jahiliyah dengan *ḍamīr* pada zaman Islam, atau antara *ḍamīr* para penyembah berhala di Makkah dengan *ḍamīr* orang-orang Islam semasa kelahiran Islam: Atau kita membandingkan *ḍamīr* orang-orang Barat dengan orang-orang yang berorientasikan pendidikan Barat pada zaman sekarang dengan *ḍamīr* orang-orang konservatif daripada kalangan mereka!!

Rumusan daripada perbandingan tersebut ialah: Pembangunan akhlak di atas *ḍamīr* ataupun *ḍamīr* sebagai kayu pengukur kepada akhlak sebenarnya adalah suatu teori yang sia-sia dan janggal.

Seperti juga dengan sekumpulan orang yang mempercayai bahawa *ḍamīr* sangat tinggi kedudukannya, *ḍamīr* dianggap satu kuasa semula jadi yang terselamat daripada salah dan silap. Kita memang menerima hakikat *ḍamīr* itu sebagai kuasa semula jadi tetapi ia tidak terselamat daripada salah dan silap kerana *ḍamīr* itu sendiri dididik dan dicorakkan mengikut didikan yang diterima.

Meskipun *ḍamīr* merupakan kekuatan semula jadi, tetapi ia akan tercorak mengikut asuhan pendidikan yang diterimanya. Oleh itu *ḍamīr* seseorang itu sentiasa berubah-ubah mengikut peringkat umurnya dan keadaan hidupnya seperti perpindahan dari satu suasana ke satu suasana yang lain. Ia berubah mengikut buku-buku yang dibacanya atau pendidikan rohani yang diceburinya dan begitulah seterusnya boleh berubah-ubah mengikut pergaulan dengan para sahabat handai atau rakan.

Oleh itu *ḍamīr* sentiasa berubah-ubah dan bertukar-tukar. Ia sama sekali tidak tetap bukan saja ketika berada dalam satu keadaan yang berhadapan dengan salah satu masalah tetapi juga tidak tetap atau tidak berada dalam keadaan stabil kerana kadang-kadang ia kuat dan kadang-kadang tidak tentu arah.

Keadaan yang sebenarnya tentang asas akhlak ialah kita kembali merujuk kepada agama untuk mendapatkan hidayah dan petunjuk daripada-Nya kerana agama sahajalah yang bersifat selamat daripada salah dan silap *(ma'ṣūm)*.

Agama Islam telah mengemukakan aspek-aspek akhlak yang sesuai dengan tuntutan semua jenis jiwa manusia dan hati yang sangat dahagakan keutuhan roh. Ini diakui sendiri oleh tokoh-tokoh agung falsafah seperti Ibn Sina dan lain-lain.

Ibn Sina dalam buku-bukunya telah menegaskan bahawa agama Islam telah membawa sistem akhlak perundangan yang sangat sempurna dan lengkap untuk masyarakat, keluarga dan untuk setiap individu.

Adapun hubungan agama dengan *ḍamīr*, agama merupakan pengawal, pengarah, pembimbing dan penguasa. Sekiranya agama ini terencat, maka *ḍamīr* pun menjadi tidak tenteram, gundah dan bergelora kerana setiap masa *ḍamīr* memerlukan pemimpin yang mendidik yang tidak lain dan tidak bukan kecuali agama *(al-dīn)*.

FASAL 5

AL-IMAM AL-GHAZALI DAN FALSAFAH

"Aku melihat beberapa kumpulan mereka dan beberapa bahagian ilmu pengetahuan yang mereka miliki. Mereka semua – kebanyakannya – terjatuh ke dalam kekufuran dan *ateism (ilḥād)* meskipun di kalangan mereka wujud sama ada bagi mereka yang terdahulu atau yang terkemudian."

Ketahuilah: Sesungguhnya mereka itu yang terdiri daripada pelbagai kumpulan dan mazhab – terbahagi kepada tiga golongan:

1. Golongan yang bertuhankan masa *(dahriyyūn)*.
2. Saintis *(tabī'iyyūn)*.
3. Pengkaji ketuhanan *(ilāhiyyūn)*.

Kumpulan pertama: Golongan yang bertuhankan masa *(dahriyyūn)* ini ialah satu golongan orang dahulu kala yang mengingkari Pencipta Yang Mentadbir, Yang Mengetahui dan Yang Berkuasa. Mereka mendakwa bahawa alam ini sentiasa wujud dengan sendirinya tanpa ada penciptanya. Sementara binatang adalah berasal daripada segumpal darah dan darah itu adalah daripada manusia juga dan begitulah manusia keadaan dahulu, sekarang dan seterusnya. Mereka inilah golongan *zindīq* (ateis/*mulḥid*).

Kumpulan kedua: Saintis yang merupakan satu golongan yang banyak mengkaji tentang kejadian alam, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Mereka banyak terlibat dalam ilmu pembedahan anggota-anggota haiwan.

Mereka dapat melihat sendiri keajaiban ciptaan Allah, kebijaksanaan pembuatan Allah yang mendesak mereka mengakui Allah sebagai Pencipta Yang Maha Bijaksana yang sentiasa mengetahui segala matlamat dan tujuan setiap perkara yang dijadikan-Nya.

Pakar-pakar bedah yang melakukan pembedahan anggota-anggota tubuh badan manusia mendapati akan kebijaksanaan Pencipta yang menugaskan setiap anggota dengan tugas-tugas tertentu. Dengan penemuan ini, dapat mengembalikan mereka kepada kesempurnaan pentadbiran Tuhan, Pencipta makhluk yang menjadikan haiwan terutamanya manusia dalam bentuk yang aneh dan unik dengan sistem yang rapi, halus dan tersusun kemas.

Tetapi malangnya mereka yang banyak mengkaji tentang keajaiban dan keunikan ciptaan Allah ini menyangka bahawa kekuatan pemikiran manusia adalah bersumberkan perasaan akal manusia itu sendiri dalam erti kata sekiranya akal atau roh manusia itu akan musnah, maka manusia itu sendiri akan turut musnah. Tatkala ini mereka menyangka bahawa adalah mustahil untuk dikembalikan semula sesuatu yang telah musnah itu atau dengan perkataan lain mustahil bagi akal untuk menerima pengembalian semula sesuatu yang telah tiada. Oleh itu mereka mendakwa bahawa roh akan mati dan tidak akan kembali semula. Lantaran itu mereka mengingkari Hari Akhirat, syurga, neraka, pembalasan, kebangkitan, perhitungan dan pengadilan. Mereka menafikan pahala kepada orang yang patuh dan dosa kepada orang yang bersalah. Runtuhlah segala adat kebiasaan dan mereka ini memenuhi kehendak segala hawa nafsu dengan rakus bagaikan binatang buas yang membaham mangsa-mangsanya.

Mereka juga merupakan orang yang tidak mempercayai wujudnya tuhan (ateis) kerana asas keimanan ialah: Beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, sedangkan mereka mengingkari Hari Akhirat dan hanya beriman kepada Allah dan sifat-sifat-Nya.

Kumpulan ketiga: Pengkaji-pengkaji ketuhanan seperti[39] Socrates, gurunya Plato dan Aristotle (pengkaji-pengkaji terakhir).

Aristotle yang menyusun ilmu logik *(manṭiq)* dan me-

ngemaskinikan "ilmu-ilmu serta merangkai beberapa belenggu ilmu sehingga terbuka, bebas dan matang."

Mereka bertigalah yang menolak dan menentang dua golongan lain yang bertuhankan masa dan tidak mempercayai Hari Akhirat. Merekalah juga yang berupaya dan mampu menonjolkan kelemahan-kelemahan golongan itu dan kemelesetan dakwaan mereka. Memadailah kepada umat Mukmin yang Allah perintahkan supaya memerangi mereka.

Kemudian Aristotle menangkis falsafah Plato dan Socrates (guru-gurunya) serta para pengkaji ketuhanan sebelum itu sehingga boleh memperlihatkan bahawa beliau (Aristotle) benar-benar bebas daripada pengaruh pemikiran guru-gurunya. Walaupun begitu, beliau tidak dapat bebas dan terlepas sepenuhnya daripada jangkitan kekotoran kufur dan bid'ah yang dicipta oleh mereka iaitu beliau sama sekali gagal menjauhkan dirinya daripada hakikat ini. Justeru itu wajiblah dikafirkan mereka itu dan para pengikut mereka yang terdiri daripada ahli-ahli falsafah Islam seperti Ibn Sina, al-Farabi[40] dan lain-lain lagi.

Tidak ada seorang pun selain mereka berdua yang meniru ilmu Aristotle sedemikian rupa. Adapun mereka yang meniru ilmu Aristotle selain mereka berdua itu tidak terlepas daripada kekeliruan sehinggakan ilmu itu bercampur aduk dan tidak asli serta merumitkan orang yang mengkaji dan sukar difahami. Oleh itu bagaimanakah ia yang dipindahkan oleh orang lain boleh dijawab atau ditolak atau diterima oleh seseorang? Berdasarkan apa yang dibawa oleh dua tokoh falsafah itu, maka falsafah Aristotle ini bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian:

1. Bahagian yang wajib dikafirkan.
2. Bahagian yang wajib dibid'ahkan.
3. Bahagian yang pada dasarnya tidak wajib diingkari.

Pada keseluruhannya mereka telah bersalah pada dua puluh perkara di mana tiga perkara hendaklah dihukum kafir[41] sementara tujuh belas[42] lagi hendaklah dihukum sebagai bid'ah (mengada-adakan sesuatu dalam agama).

Dua puluh masalah ini telah kami batalkan melalui kitab *Tahāfut al-Falāsifah.* Tiga masalah pokok yang dipegang oleh mereka dan bercanggah dengan seluruh umat Islam ialah kata-kata mereka bahawa:

1. Tubuh badan tidak akan dibangkitkan kembali, cuma yang diberi pahala dan diseksa ialah roh-roh sahaja. Maksudnya balasan dosa dan pahala tidak bersifat jisim.

Mereka mengaku wujudnya roh kerana mendusta tubuh badan yang hidup wujud *(kā'inah)* tetapi mereka bersalah kerana mendusta tubuh badan yang boleh diseksa dan diberi kenikmatan. Justeru itu mereka mengkafir syari'at sebagaimana yang mereka ungkapkan itu.

2. Antara kata-kata mereka: Bahawasanya Allah hanya mengetahui secara keseluruhan *(kulli)* dan tidak mengetahui perkara-perkara kecil *(juz'i).*

Ini juga adalah kufur yang nyata dan terang serta jelas kerana Allah "tidak terlindung daripada ilmu-Nya meskipun sebesar biji zarah di langit mahupun di bumi."

3. Antara kata-kata mereka: Alam ini *qadīm* dan azali (tidak didahului oleh "tiada" dan akan terus wujud sampai bila-bila). Kata-kata seumpama ini tidak pernah keluar dari mulut umat Islam sepanjang zaman.

Di samping itu mereka juga menafikan sifat-sifat Allah seperti kata-kata mereka bahawa "Allah mengetahui zat" tetapi bukanlah dengan ilmu yang dikira tambahan kepada zat-Nya. Dan sesiapa yang mengikut arah aliran ini maka mazhab mereka itu adalah sangat hampir dengan Mazhab Mu'tazilah.

Mungkin seseorang itu bertanya-tanya: kalaulah begitu keadaannya kenapakah ilmu-ilmu falsafah itu boleh tersebar dalam dunia Islam?

Al-Hafiz Imamuddin Ibn Kathir (di dalam Kitab*Tārikh*-nya, tahun 687 Hijrah) telah menjawab persoalan ini dan berkata: "Selepas kejatuhan Baghdad kepada kaum al-Tatar, dan pengendalian di bawah al-Khawaja, Nusair al-Tusi, beliau telah menubuhkan *Dārul Ḥikmah* (gedung ilmu)

dan menawarkan tiga *dirham* sehari untuk seorang ahli falsafah yang bertugas. *Dārul Ṭib* menawarkan dua *dirham* kepada ahli falsafah dan untuk ahli *Dārul Ḥadīth* pula hanya dibayar 1/2 *dirham* sahaja setiap hari. Oleh itu berkembanglah ilmu-ilmu falsafah dan orang ramai semakin tertarik untuk mendekatinya.

Falsafah yang kami maksudkan di sini ialah percubaan-percubaan yang berterusan yang telah bermula semenjak Zaman Yunani silam sehinggalah sekarang ini yang masih ingin membina "persoalan di luar tabi'i" atas dasar akal manusia. Satu percubaan akal untuk merempuh alam bukan tabi'i dan mencipta teori-teori tentangnya dengan penuh bebas, menerima dan menolak tanpa berpandukan mana-mana gagasan kecuali gagasan akal itu sendiri. Akal sememangnya mengkaji *nature* dan matematik *(riyāḍah)* dan kedua-dua persoalan ini adalah dikira sebagai ceraian daripada ilmu-ilmu falsafah yang tidak dipertikaikan oleh sesiapa pun. Justeru itu al-Imam al-Ghazali tidak menjadikannya sebagai sasaran kritikannya,[43] sebaliknya beliau menjadikan persoalan luar tabi'i sebagai matlamat utama dalam setiap perbincangannya.

Tidak syak lagi bahawa akal telah berjaya mengemukakan beberapa rumusan yang sangat berfaedah tentang kejadian alam dan kita menyangka bahawa akal telah berjaya menerangkan kaedah-kaedah yang kemas lagi teratur dan akal juga telah menyusun prinsip-prinsip yang halus dan rapi yang menjurus kepada kewajaran pembinaan kejadian alam dan matematik atas asas-asas yang kukuh. Penemuan tentang kejadian-kejadian alam dan proses kira-mengira adalah dua contoh terkemuka kehebatan akal manusia berfikir dan ini adalah selaras dengan fungsi akal sendiri yang sememangnya bekerja dalam daerah pengkhususannya dan daerah pengkhususannya ialah: Alam benda-benda dan alam indera *(maḥsūsāt)* atau alam matematik yang juga timbul daripada alam benda-benda dan alam indera.

Kejayaan yang diterokai oleh akal ini telah mempersonakan sesetengah kalangan lalu mereka terus percaya bahawa akal ini boleh merempuh segala bidang, boleh menjelajah alam semula jadi dan luarnya, boleh

merempuh alam dan luar alam, pada benda dan bukan benda, pada alam yang terang jelas *(syahādah)* dan pada alam ghaib (yakni pada alam jasmani dan alam rohani). Akhirnya mereka menjerumuskan akal ke dalam kancah alam metafizika iaitu alam ilmu ketuhanan yang disebut sebagai "falsafah akal ketuhanan", lantas terserlahlah kegagalan mutlak akal dalam bidang ilmu ini.

Falsafah akal yang mengkaji perkara ghaib merupakan satu penyelewengan daripada jalan lurus dan benar. Penyelewengan ini secara relatifnya baru sahaja berlaku yang bermula pada Zaman Yunani sebagaimana yang telah disebutkan bahawa Aristotlelah orang yang menghadapi penyelewengan ini.

Sesetengah ahli sejarah menganggap Aristotle sebagai "akal falsafah paling agung" dalam sejarah. Beliau juga merupakan pendokong yang terkemuka bagi mazhab yang telah kecundang yang gagal mengemukakan satu idea yang konkrit dan jitu tentang persoalan di luar tabi'i. Kegagalan terbesarnya dalam menyelami rahsia alam luar *nature* merupakan bukti jelas bahawa alam ghaib sangatlah tinggi sehingga tidak dapat dicapai oleh akal manusia untuk memikirkannya. Penentangan terhadap mazhabnya itu sangat meluas meliputi murid-muridnya sendiri yang telah kecewa untuk mendaki alam luar *nature* berasaskan gagasan akal dan justeru itu terbitlah kata-kata mereka bahawa seandainya mahaguru sendiri yakni Aristotle gagal mencapainya, maka pastilah mereka terlebih dahulu gagal sekiranya berkeinginan terus untuk mengasaskan mazhab baru mengenai ketuhanan. Berkatalah Prof. Santelene (selepas menyebut beberapa hujahnya menentang Aristotle): Kegagalan Aristotle itu telah membawa kekecewaan kepada murid-muridnya selepas kematian beliau untuk membahaskan persoalan ketuhanan dan sebaliknya mereka beralih kepada pengkajian ilmu sains dan ilmu akhlak sebagaimana yang dapat dipersaksikan melalui perhatian mereka pada kurun ke-3 Sebelum Masihi di mana dua orang pengganti Aristotle yang mewarisi pimpinan *"Dārul Ilmi"* (Akademi Ilmu) di Athens, Thauqrestis dan Ustwasun telah mendapat gelaran ahli sains *Sīmāsyi'ah*.

Disebabkan murid-murid Aristotle sendiri yang bertindak mengalih perhatian mereka daripada perbincangan

tentang persoalan-persoalan luar tabi'i kepada perbincangan tentang *nature* (alam) dan akhlak kerana kegagalan guru mereka (Aristotle), maka tentu sekali orang lain yang tidak setaraf dengan Aristotle lebih terarah kepada kegagalan dalam perbincangan tajuk ini. Meskipun kegagalan itu benar-benar berlaku, namun manusia masih terus mencuba dan mengkajinya. Setiap kali mencuba maka setiap kali itulah manusia menempuh kegagalan demi kegagalan sebagaimana yang dapat dilihat selama ini. Percubaan seumpama ini berlaku terus-menerus di Timur dan Barat sehingga ke zaman al-Ghazali.

Al-Imam al-Ghazali dengan ketajaman pemerhatiannya dan dengan kepintarannya yang dikurniakan Allah telah berpendapat bahawa landasan yang dilalui oleh falsafah merupakan landasan yang salah, oleh itu al-Imam menganjurkan gagasan supaya menentang "amalan sia-sia ini" yang kononnya dianggap sebagai "falsafah akal" oleh mereka. Ada beberapa sebab serangan atau penentangan ini perlu. Antaranya adalah kerana ia membazirkan masa yang sedia ada.[44] Amalan seumpama ini menjurus kepada perpecahan dan perselisihan serta mempermain-mainkan kesucian Islam itu sendiri.

Sekiranya boleh dimaafkan kepada orang Yunani yang berfalsafah pada waktu itu lantaran ketiadaan wahyu yang terpelihara daripada salah dan silap dan wahyu yang boleh menunjuk jalan kepada mereka untuk dilalui, maka kepada umat Islam yang telah dianugerah risalah langit yang bernama "al-Qur'an", tentu penglibatan dalam falsafah sedemikian rupa tidak mempunyai alasan yang cukup kuat. Al-Qur'an ialah firman Allah:

سورة هود ١١ : اية ١

Terjemahan: ... *Al-Qur'an sebuah Kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu per satu. (Susunan dan penjelasan itu) adalah daripada sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.*

(Surah Hūd 11:1)

Firman Allah S.W.T.:

سورة فصلت ٤١: اية ٤٢

Terjemahan: *Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya, ia diturunkan daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.*

(Surah Fuṣṣilat 41:42)

Firman Allah lagi:

سورة الحجر ١٥: اية ٩

Terjemahan: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

(Surah al-Ḥijr 15:9)

Al-Imam al-Ghazali melihat bahawa tidak harus bagi seseorang Muslim cuba berkarya mengenai alam luar tabi'i ataupun berteori akal mengenainya. Tetapi oleh kerana orang Islam telah mengikut jejak langkah orang Yunani, berpegang kepada akal dan menyerahkan kepada pertimbangannya, membuatkan mereka berpecah kepada pelbagai mazhab dan aliran. Jadi meskipun terdapat kesan negatif ini namun falsafah tetap menarik minat orang yang mendekatinya, ia bagaikan cahaya yang bersinar-sinar mengundang perhatian ramai orang.

Amat wajar disingsing lengan supaya kekaburan ini dipulihkan, kepalsuan dimusnahkan dan kehebatannya dibatalkan untuk membawa manusia kembali berpegang teguh dengan tali Allah dan tidak berpecah belah.

Al-Imam al-Ghazali telah berkempen dengan hebatnya menentang sasaran akal[45] yang menjadi tapak asas kepada falsafah. Al-Imam, mengecam habis-habisan falsafah

semenjak mengarang kitabnya *Tahāfut al-Falāsifah* (Kecundangan Ahli-ahli Falsafah) sehinggalah beliau meninggal. Kitabnya *Tahāfut al-Falāsifah* itu merupakan percubaan yang sangat baik dan murni, kemas dan teratur, sangat hebat dan mengagumkan di mana al-Imam melalui kitab tersebut mengkritik segala fikiran-fikiran meskipun ada sesetengahnya yang benar dan secocok dengan agama. Apa yang dikehendaki oleh al-Imam ialah meruntuhkan pendekatan (*manhaj*) akal yang menjadi sandaran kepada fikiran-fikiran itu. Misalnya "kekekalan jiwa" (*khūlud an-nafs*) al-Ghazali juga turut menggunakan cara-cara ahli falsafah berhujah membuktikan kekekalan jiwa dengan menolak dalil-dalil mereka. Sasarannya juga kecundang dan pendekatannya turut meleset kerana al-Imam al-Ghazali sendiri beriman dengan kekekalan jiwa itu. Dia sebenarnya tidaklah mendokong atau berpegang dengan cara atau pendekatan itu, cuma tujuannya adalah untuk merosakkan mazhab mereka dan menyerlah kemelesetan dalil-dalil yang mereka kemukakan itu.

Maksud mendedahkan kemelesetan hujah-hujah mereka adalah untuk menyedarkan orang yang mempunyai tanggapan yang baik terhadap ahli-ahli falsafah yang menyangka bahawa landasan-landasan mereka itu bersih dan selamat daripada sebarang percanggahan. Berkatalah beliau "Aku tidaklah dilihat dalam menentang mereka kecuali sebagai yang membantah, bukan sebagai seorang yang mendakwa dan membukti. Maka aku pun membatalkan kepercayaan-kepercayaan mereka dengan menggunakan beberapa bentuk kelaziman mereka sendiri."[46]

Aku kadang-kadang menganggap mereka bermazhab Mu'tazilah, kadang-kadang bermazhab *Karāmiyyah*[47] dan kadang-kadang bermazhab *Waqfiyyah*. Aku tidak mempertahankan mana-mana mazhab yang khusus.

Prof. Bilasios berpendapat bahawa al-Ghazali menamakan kitabnya sebagai *Tahāfut al-Falāsifah* adalah bertujuan untuk menunjukkan kepada kita bahawa akal manusia yang ingin mengkaji sesuatu kebenaran dan untuk sampai ke matlamatnya serupalah dengan kelkatu yang mencari-cari cahaya, apabila ia ternampak sesuatu yang bercahaya lalu diterpanya sedangkan cahaya itu panas dan

boleh membunuhnya. Dia sengaja menjahanamkan dirinya. Begitulah ahli falsafah yang mendokong kaedah lojik yang salah. Dia telah tertipu dan musnah sebagaimana musnahnya kelkatu-kelkatu yang terpedaya dengan kilauan cahaya.

Ini seolah-olah al-Ghazali ingin mengatakan, "Sesungguhnya ahli-ahli falsafah terpesona dengan sesuatu perkara lantas cepat-cepat menerkamnya tanpa pengamatan yang rapi, lalu mereka pun tersungkur buat selama-lamanya."

Dalam kitab *Tahāfut al-Falāsifah* itu al-Ghazali melalui penulisannya telah memelesetkan pandangan-pandangan ahli falsafah secara lojik akal sehingga kecundang segala pandangan mereka berdasarkan akal mereka sendiri. Amatlah wajar diakui bahawa dalil-dalil yang dikemukakannya itu sangatlah kuat dan bernas yang tidak kurang hebatnya dari segi pandangan akal sendiri jika dibandingkan dengan dalil ahli-ahli falsafah yang menjuarai penggunaan akal.

Tidak dapat dinafikan bahawa propaganda al-Ghazali difokaskan kepada akal semata-mata dan kepada isu yang dipertikaikan iaitu isu kemampuan akal untuk sampai kepada pengetahuan yang bersifat yakin mengenai alam metafizika. Al-Imam mengingkari dan membuktikan keingkarannya itu dengan menghujahkan kegagalan ahli-ahli falsafah sepanjang zaman di samping mengambil akal juga sebagai senjata meruntuhkan apa yang dibina oleh akal khusus dalam ilmu metafizika itu sendiri.

Justeru itu pertentangan di antara al-Imam dengan ahli-ahli falsafah adalah bersifat menyeluruh. Maka segala bentuk percubaan untuk membetulkan semula pandangan ahli-ahli falsafah atau sesetengah pandangan mereka ataupun juga mengkritik sanggahan al-Ghazali terhadap mana-mana pendapat falsafah, sebenarnya tidak boleh dianggap serius dalam menghadapi isu-isu yang ditimbulkan oleh al-Imam al-Ghazali, iaitu orang-orang yang terlibat dalam protes ini sebenarnya tidak memahami isu yang dipertikaikan ataupun sengaja tidak mahu memahaminya.

Dari sini kita dapat melihat bahawa percubaan Ibn Rushd[48] (orang yang paling kuat mempertahankan ahli-ahli falsafah) dalam memperbetulkan pandangan-pandangan ahli-ahli falsafah melalui kitabnya *Tahāfut al-Tahāfut*

merupakan percubaan yang tidak berfaedah dalam konteks menyelesaikan pertelingkahan ini kerana skop pertelingkahan yang sebenarnya adalah pada asas pemikiran bukan pada pemikiran-pemikiran itu sendiri. Secara realitinya pemikiran al-Imam sentiasa jelas, mudah dan bernas. "Sesungguhnya kamu telah gagal wahai pejuang-pejuang akal dan bukti kegagalan kamu ialah perselisihan kamu yang tidak pernah reda seolah-olah ia telah menjadi satu kaedah dan prinsip umum dalam kehidupan kamu."

Akhir kata sekiranya kita ingin mengenal pasti sejauh manakah kesan pemikiran yang telah ditinggalkan oleh al-Imam dan kita ingin menghargainya, maka ada baiknya kita kemukakan di sini satu pandangan yang sangat mendalam dan halus oleh Dr. Muhammad Iqbal[49] sebagaimana yang tertera dalam kitabnya *Tajdīd al-Tafkīr al-Dīnīy fī al-Islām* Katanya: Sesungguhnya tidak ada ruang untuk dinafikan bahawa gagasan yang dibangunkan oleh al-Ghazali telah diulang kembali oleh Kent[50] di Jerman pada kurun ke-13.

Di Jerman buat pertama kalinya muncul satu mazhab akal untuk menggantikan agama tetapi kerana ternyata bahawa aspek aqidah daripada agama tidak dapat dibuktikan melalui kaedah kebendaan, maka cara yang terbuka ke arah penyelesaiannya ialah membuang aqidah agama daripada rangkaian perkara-perkara yang suci murni *(muqaddasāt).*

Sebagai susulan penghapusan aqidah ini, terciptalah Mazhab Pragmatism[51] dalam falsafah akhlak dan berikutnya memungkinkan mazhab akal dapat menguasai aliran ateism yang sedang berkembang.

Demikianlah apa yang berlaku di Jerman itu. Kent telah membuktikan melalui bukunya *al-'Aql al-Khāliṣ* tentang kelemahan akal manusia. Beliau telah membinasakan apa yang telah dibina oleh pendokong-pendokong mazhab akli *(rationalism)* sebelum itu. Lantaran itu tepatlah apa yang diungkapkan bahawa pendedahan Kent ini adalah satu nikmat terbesar daripada Allah di negerinya sendiri.

Keraguan terhadap apa yang cuba dibangkitkan oleh al-Imam al-Ghazali, meskipun kadangkala seolah-olah melampau, namun ia telah memberi natijah yang positif dalam dunia Islam. Keraguan itu berjaya menghapuskan mazhab akal yang sedang hendak berkembang meskipun

dalam keadaan yang agak perlahan, tetapi ia seakan-akan menyerupai dengan apa yang berlaku di Jerman sebelum kedatangan Kent.

Walaupun begitu perbezaan sangat penting dan perlu diambil kira di antara al-Imam al-Ghazali dengan Kent. Kent berpegang dengan prinsip-prinsipnya yang terdiri di mana beliau tidak berupaya membuktikan bahawa mengenali Allah adalah sesuatu yang mungkin.

Adapun apabila al-Imam al-Ghazali telah hilang kepercayaan terhadap pemikiran yang berdasarkan analisis, beliau mengalih perhatian kepada penghayatan tasawuf dan mampu memperlihatkan bahawa agama boleh berdiri dengan sendirinya. Dengan cara ini, al-Imam al-Ghazali telah diberi petunjuk sehingga beliau dapat membuktikan bahawa agama mempunyai hak wujud yang bebas daripada penguasaan ilmu dan falsafah metafizik.

FASAL 6

BEBERAPA RENUNGAN TERHADAP IMAN DAN *ILḤĀD* (ATEISME)

Ramai orang yang mencampuradukkan "antara tauhid" dengan "membuktikan *(ithbāt)* wujudnya Allah" sedangkan kedua-duanya adalah dua perkara yang jauh berbeza. Islam penuh dengan pembuktian tauhid kerana tauhid adalah *ḥaq* dan keyakinan yang tidak pernah diragui selama ini, cuma timbul sekumpulan manusia yang buta daripada hakikat ini yang terdiri daripada kalangan orang-orang yang menyekutukan Allah. Mereka ini mendiami kawasan Semenanjung Arab.

Pendirian Islam terhadap "membuktikan kewujudan Allah" adalah berbeza dengan persoalan membuktikan ketauhidan Allah.

Al-Qur'an tidak pernah membincangkan tentang persoalan kewujudan Allah kerana Allah dalam adat pemakaian Islam dan di kalangan orang-orang yang memiliki fitrah yang bersih tetap wujud dan tidak diragui. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini sama ada di Timur atau di Barat ialah satu suasana yang mendesak supaya dibuktikan kewujudan Allah dengan dalil-dalil. Oleh itu kami merasa sangat perlu menjelaskan kedudukan sebenar persoalan ini dan menyelesaikannya.

Allah S.W.T. memperkatakan mengenai hakikat sebenar risalah Nabi Nuh dalam aqidah. Firman Allah S.W.T.:

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata, "Sesungguhnya aku ini seorang rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu." Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah, sesungguhnya aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya) kamu akan di timpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan.*

(Surah Hūd 11:25 – 26)

Allah juga berfirman tentang rahsia hakikat risalah Nabi Saleh dalam persoalan aqidah dengan firman-Nya:

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ . . .

سورة الأعراف ٧ : اية ٧٣

Terjemahan: *Dan kepada Thamud, saudara mereka, Salih berkata: Wahai kaumku, sembahlah Allah, tidak ada bagi kamu Tuhan selain daripada-Nya .... .*

(Surah al-A'rāf 7:73)

Tentang hakikat risalah Syuib dalam persoalan aqidah, Allah berfirman:

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ . . .

سورة الأعراف ٧ : اية ٨٥

Terjemahan: *Dan kepada Madyan saudara mereka Syuib berkata: Wahai kaumku hendaklah kamu menyembah Allah, tidak ada bagi kamu Tuhan selain daripada-Nya .... .*

(Surah al-A'rāf 7:85)

Begitulah dalam risalah para Nabi Allah berfirman secara umum mutlak:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ

سورة الأنبياء ٢١ : اية ٢٥

Terjemahan: *Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelum daripada kamu seorang rasul kecuali Kami mewahyukan kepadanya bahawa tidak ada Tuhan melainkan Aku, maka hendaklah kamu menyembah-Ku.*
(Surah al-Anbiyā' 21:25)

Ke arah manakah yang ditunjuk oleh ayat-ayat tersebut? Ayat-ayat tersebut tidak pun memperkatakan mengenai pembuktian wujudnya Allah, sebaliknya memperkatakan tentang syirik (penyekutuan) iaitu iktiqad atau kepercayaan terhadap tuhan-tuhan.

Revolusi penentangan terhadap syirik dan memusnahkan berhala-berhala merupakan tugas yang terbesar dalam risalah Islam dan betapa ulama' terbesar, iaitu Abu Raihan al-Biruni[52] ketika hendak menerangkan tabiat semula jadi bagi tiap-tiap agama telah memperkatakan bahawa "sifat semula jadi bagi Islam ialah Tauhid."

Justeru daripada apa yang dikatakan oleh al-Biruni itu tentang tabiat semula jadi semua agama masa ini, maka pastilah tabiat semua agama itu bersatu dalam mendokong prinsip tauhid.

Setiap Nabi membawa risalah tauhid, tetapi manusialah yang keliru dan menyelewengkan aqidah selepas kewafatan Rasulullah, iaitu penyelewengan daripada tauhid kepada syirik dan syirik merupakan satu kesalahan yang melampau dalam keimanan.

Manusia tidak pernah menyeleweng daripada tauhid kepada ateisme *(ilḥād)* dan ateisme ini belum pernah wujud sebelum Zaman Yunani silam. Kelahiran ateisme bersama-sama dengan tamadun Yunani tua merupakan satu bentuk penyelewengan fitrah dan agama, kelahirannya mengiringinya syirik dan juga tauhid.

Tamadun Yunani ini dari segi aqidah mengandungi tiga aliran iaitu:

1. Syirik: ialah agama negara dan adat kebiasaan yang diamalkan dalam negara. Gejala ini jelas dapat dilihat me-

lalui seninya yang halus yang boleh melambangkan ketekunan mereka bekerja.

Kekaguman masih wujud terhadap kesusasteraan mereka yang benar-benar melambangkan gambaran aqidah yang mereka anuti.

Sejarah pemikiran dan kesusasteraan Yunani penuh dengan ciri-ciri keberhalaan dan syirik. Syirik di Yunani samalah dengan syirik-syirik di tempat-tempat lain yang menganjurkan satu gambaran yang tidak mulia kepada tuhan, bahkan kadang-kadang sehingga menggambarkan tuhan itu dalam bentuk patung atau berhala yang serupa dengan seseorang yang berdosa.

Adakah anda melihat tuhan-tuhan menerima rasuah, menzalimi dan berzina? Itulah beberapa gambaran bentuk tuhan-tuhan pada zaman Yunani tua.

Bentuk-bentuk seumpama itu terus terukir secara turun-temurun, diwarisi dari generasi ke generasi yang lain tanpa menimbulkan perhatian mereka untuk mengubahnya.

Dalam tempoh tamadun ini berkembang, iaitu pada kurun ke-5, ke-4 dan ke-3 Sebelum Masihi khususnya, muncullah cendekiawan yang begitu ramai jumlahnya seolah-olah langit pada waktu itu telah menghujankan para cendekiawan meskipun kedudukan serta aliran mereka tidak sama rata antara satu sama lain.

Sebahagian besar di kalangan cendekiawan tetap menolak syirik iaitu menolak agama rasmi negara. Jika Allah mentadbirkan wujudnya agama yang benar di Yunan pada ketika itu nescaya mereka akan berpegang dengan agama ini dan mereka tidak akan terseret ke dalam pelbagai kesilapan yang dicetuskan oleh Tamadun Yunani yang terpisah daripada wahyu itu. Malangnya mereka terjerumus ke dalam kancah penyelewengan itu bukan dengan pilihan dan kemahuan mereka tetapi kerana ketiadaan atau kehilangan wahyu dan risalah yang benar.

Kita merasa sedih apabila mengikuti cerita yang dibawa oleh sejarah iaitu telah berlaku satu peristiwa pada Zaman Socrates yang terurus tanpa wahyu. Cerita ini mempunyai erti yang sangat mendalam.

Satu hari Socrates – Bapa Falsafah dan bapa ahli-ahli Falsafah – telah duduk berbual-bual dengan dua orang

tokoh falsafah bermazhab Phytagores yang terkenal di mana mazhab ini diasaskan oleh Phytagores sendiri selaku seorang ahli falsafah sufi yang agung. Mereka bertiga berbincang dengan serius tentang kesudahan roh selepas mati: Apakah maut itu satu langkah terakhir bagi seseorang manusia dalam erti kata ia berakhir selepas kematian roh dan jasadnya sekali atau mati itu perpindahan daripada satu keadaan ke satu keadaan yang lain sementara roh tetap kekal ...?

Adakah manusia kekal dengan hakikatnya iaitu dengan rohnya, atau adakah manusia itu binasa, bersama badan dan rohnya? Mereka bertungkus-lumus mengkaji dan akhirnya membawa kepada beberapa dalil menthabitkan bahawa roh akan kekal dan tidak akan musnah dengan sebab musnahnya tubuh badan.

Mereka diam sambil berehat-rehat, tetapi dalam pada itu mereka mencuba menilai rumusan yang dicapai. Maka berkatalah salah seorang daripada mereka (hasil pemerhatian tersebut) bahawa persoalan ini masih memerlukan pembuktian yang berterusan supaya lebih menyakinkan.

Itulah apa yang disimpulkan oleh orang lain hasil pemerhatian mereka, dan tiba-tiba salah seorang daripada mereka mencelah lalu berkata, "Tetapi ... itulah garisan penamat akal." Mereka berdukacita kerana wahyu belum lagi diturunkan untuk menjelas dan memastikan perkara ini.

Kemudian tampil salah seorang daripada mereka lalu terus berbicara tentang perbandingan yang halus mengenai alat, kaedah atau cara untuk menyeberangi lautan metafizika sementara menyeberangi lautan kebendaan pula, umum sedia mengetahuinya bahawa terdapat dua cara:

(a) Perahu merupakan kenderaan selamat yang boleh digunakan oleh manusia untuk menyeberangi lautan dan belayar dari pantai ke pantai yang lain.

(b) Ia sekeping kayu yang dianggap bahawa penumpangnya sangat terdedah kepada bahaya karam di tengah lautan.

Cara menyeberangi lautan metafizika ialah melalui wahyu yang merupakan perahu yang mantap dan selamat.

Sementara akal pula ialah kepingan kayu yang umum menyangka cukup mudah menenggelamkan penumpangnya.

Ahli-ahli falsafah Yunani beria-ia benar supaya wahyu diturunkan kepada mereka untuk ditatang, disokong, didukung dan diakui kebenarannya. Meskipun mereka tidak ditakdirkan sedemikian itu tetapi mereka tetap menolak syirik yang menjadi agama rasmi negara mereka. Justeru itu apakah alternatifnya (keharusannya). Pastilah kepingan kayu mengambil tempat. Mereka semua menaikinya – Socrates menaikinya, Plato menaikinya, Aristotle menaikinya malah sebelum itu, Sophites, menaikinya dan diikuti oleh Eficure dan kemudiannya Stonic. Ke manakah mereka sampai?

2. Tauhid: Tauhid mengikut kaca mata Socrates, Plato, Aristotle dan lain-lain lagi. Dan inilah arah aliran kedua di Yunani pada masa dahulu tetapi tauhid mereka ini bukanlah tauhid sebagaimana yang di*tanzīl*kan para rasul yang terselamat daripada salah dan silap (salam sejahtera ke atas mereka). Tauhid dan Mazhab Socrates keseluruhannya tidaklah melambangkan tauhid yang tulen, tetapi ia tidaklah syirik.

3. Justeru itu mereka membawa orang lain kepada ateisme *(ilḥād)* dan ateisme yang mutlak, mengingkari metafizika, kebangkitan dan risalah. Ini jelas seperti yang terdapat pada Eficure dan para pengikutnya di Yunan sama ada sebelumnya atau pada zamannya ataupun zaman selepasnya.

Mereka berpegang dengan lojik metafizika mereka sehingga hilang pergantungan ke atas wahyu dan mereka pun berpecah kepada pelbagai persimpangan. Seandainya wujud wahyu, pasti wahyu tersebut dapat memimpin mereka dan fikiran mereka dengan tenang dan damai ke persadanya. Semenjak inilah ateisme muncul di alam ini yang bermula daripada Yunani.

Jadilah masalah beragama pada pembicaraan dalam suasana pemikiran yang berakarumbikan Yunani sebagai masalah akal semata-mata, tidak ada kena-mengena dengan

wahyu. Kemudian keadaan ini terus berjalan mengikut perhitungan biasa akal.

Orang yang beriman membuktikan keimanan mereka secara akal. Golongan ateisme pula memesongkan ilmu logik kononnya untuk membuktikan ketidakpercayaan mereka kepada tuhan.

Persoalan seumpama ini terus berjalan dengan jayanya. Adalah tidak diragui bahawa tokoh-tokoh berkenaan telah mengemukakan satu pengolahan yang sangat menarik dalam peng*ithbāt*an wujudnya Allah.

Socrates pernah bertanya kepada sahabatnya yang mengingkari kewujudan Allah dengan katanya: "Adakah wujud daripada kalangan manusia orang yang engkau kagumi terhadap kepandaiannya mencipta sesuatu?" Sahabatnya menjawab: "Ya!" lalu menamakan ahli-ahli syair dan tukang-tukang ukir sebagai orang yang pandai dan mahir.

Socrates terus bertanya lagi: "Siapakah di antara mereka berdua yang lebih tinggi kedudukannya? Apakah orang yang mengukir tugu-tugu yang tidak bergerak dan tidak mempunyai akal atau orang yang mengukir bayang-bayang hidup dan bergerak?"

Sahabatnya lalu berkata, "Siapakah yang mencipta gambar-gambar itu, apakah hasilnya daripada perbuatan secara kebetulan atau kemahiran atau ketelitian, atau bukan daripada perbuatan akal?"

Socrates berkata lagi: "Jika kita mengandaikan sesuatu yang tidak jelas maksud dan kegunaannya, maka apakah pandangan anda terhadap perkara-perkara itu? Dan apakah yang anda miliki yang terdiri daripada perbuatan akal? Dan apakah yang anda miliki yang terdiri daripada perbuatan hasil kemahiran atau ketelitian?" Jawab sahabatnya: "Tidak syak lagi bahawa apa yang jelas ternyata akan tujuan dan kegunaannya adalah hasil daripada perbuatan akal".

Maka Socrates terus berkata, Atau tidakkah anda melihat bahawa Pencipta manusia telah menjadikan manusia pada awal-awal kejadiannya lagi mempunyai alat-alat pancaindera yang ternyata mempunyai kegunaan yang besar? Maka Dia memberi kepada manusia dua mata untuk melihat dan dua telinga untuk mendengar apa yang diperlukan oleh hidupnya dan apakah ada faedah bau-bauan sekiranya

tidak ada alat menghidunya (hidung)? Bagaimanakah kita boleh merasa makanan dan membezakan antara manis dan pahit sekiranya kita tidak memiliki lidah untuk merasanya? Sesungguhnya pendengaran kita terdedah kepada pelbagai kelemahan. Atau tidakkah anda melihat betapa tingginya kuasa Tuhan yang menjadikan kelopak-kelopak mata sebagai pintu-pintu yang boleh mencegah sesuatu daripada terkena pada mata, begitu juga kudrat Allah yang menjadikan bulu-bulu mata seumpama kulit-kulit buah yang melindungi daripada terkena bahaya-bahaya angin?

Apakah yang boleh anda katakan kepada alat pendengaran yang sanggup menerima seluruh suara yang datang dan tidak pernah muak sama sekali?

Adapun binatang-binatang, anda boleh melihat betapa binatang-binatang itu menyusun rapi gigi-gigi hadapannya untuk mengigit sesuatu yang masuk dan seterusnya dimamah sehingga hancur untuk ditelan?

Justeru itu, kalaulah anda benar-benar memerhatikan sistem itu, adakah anda masih meragui dengan berkata: "Adakah ini daripada perbuatan akal?"

Berkata Aristotle Dymas: "Ya ... apabila kita berfikir pada perkara demikian itu tentulah kita tidak meragui lagi bahawa itu semua adalah hasil perbuatan Pencipta yang Maha Bijaksana yang begitu sekali memelihara segala kejadian yang diciptakan-Nya."

Meskipun pengutaraan ini nampak menarik dan meskipun para pendukung akal ketuhanan seperti Plato, Socrates dan Descarte mengemukakan hujah-hujah yang kuat, namun permasalahan seluruhnya ialah satu penyelewengan yang ditaja oleh suasana Yunani yang kehilangan wahyu. Tidak ada seorang pun yang mampu memperbetulkannya. Justeru itu jadilah penyelewengan sebagai sesuatu yang telah sebati dan biasa yakni penyelewengan yang sedia menyeleweng. Apakah sebenarnya masalah ini?

Seorang sahabatku (pengarang buku ini) telah membawa satu kisah yang sangat menarik perhatian dan perasaan sehingga membuatkan aku berfikir tentangnya selama beberapa hari. Aku tidak langsung menduga bahawa kebenaran iman boleh membawa seseorang itu ke tahap ini.

Berceritalah sahabatku itu. Beliau ialah seorang yang berketurunan Sudan dan sangat terkenal dari segi ilmu mahupun iman. Katanya di sempadan Sudan terdapat sebuah kampung yang terpencil dan mungkin seorang pun tidak tahu mengenainya. Tetapi terdapat seorang yang benar-benar warak dan salih tinggal di kampung itu.

Lelaki ini dengan alamnya yang tersendiri hidup di kampung itu dan dia tidak tahu mengenai sekitarnya. Tetapi kedapatan orang tertentu yang sering mengunjungi kampung tersebut. Mereka semua memakai pakaian yang tertentu dengan warna-warna yang hampir tidak berbeza antara satu dengan yang lain. Jadi sahabatku itu merasakan kampung ini sahaja yang nampak sebegitu rupa mengikut gambarannya.

Pada suatu hari beliau terpaksa pergi ke sebuah bandar yang jauh dan ini adalah satu peristiwa yang julung kali berlaku dalam hidupnya. Dia tidak tahu jalan dan lorong ke bandar itu bahkan tidak tahu bagaimana hendak pergi ke situ ... sedangkan dia mesti pergi ke situ ... .

Maka dengan itu tampillah seorang penduduk kampung berkenaan yang arif dengan perjalanan, lalu mereka berdua pun musafirlah. Tiba-tiba apabila hampir dengan bandar berkenaan, beliau telah melihat satu pandangan yang menakjubkannya ... beliau melihat seorang pegawai Inggeris! Melihat seorang pegawai Inggeris di Sudan pada waktu itu adalah perkara biasa sahaja tetapi sahabat kita itu belum pernah melihatnya sebelum ini. Lantas fikirannya berkisar seperti berikut: Oh kenapa "makhluk ini telah mencukur janggutnya" sehingga licin sedemikian rupa seolah-olah "janggutnya langsung tidak pernah wujud" justeru kerana nampaknya dia telah "menarahnya atau melicinkannya habis-habisan."

Kemudian "makhluk" ini pula mengenakan pakaian sebegitu dengan dipasang tali pinggang besar merentang mengikat ke bahagian tengah tubuh badannya ... Apa ini ... apa ini? Lantas disoal kepada rakannya. "Siapa ini?" Jawab rakannya,"Itulah orang putih (*khawājah*)." Dia belum pernah mendengar kalimah seumpama ini dan terus bertanya lagi: "Apakah orang putih itu?" Jawab sahabatnya, "Oh ... (orang kafir) ..." Itulah apa yang diketahui oleh sahabatnya ... . Dengan tiba-tiba dia pun mengeletar dan berkeluh kesah se-

raya bertanya lagi, "Apakah orang itu mengkafirkan Allah?" Sahabatnya menjawab, "Ya, dia mengkafirkan Allah."

Lelaki yang salih dan bertaqwa itu mulalah merasa tidak tenteram dan meluat melihat orang kafir itu, dan kebencian itu sudah tidak dapat dikawal lagi ... dia pun termuntah-muntah.

Sekiranya perasaan menyayat hati apabila melihat (benda-benda atau jenama-jenama yang kotor dan jelek) perasaan yang sama jua dirasai apabila melihat kekotoran-kekotoran yang bersifat *ma'nawi* (mengkufurkan Allah).

Mengkufurkan Allah pada pandangan sahabat kita ialah satu himpunan daripada "jenama-jenama jijik dan kotor yang bersifat *ma'nawi* (rohani)" yang selayaknya dipandang jelek dan hina sehingga membuatkannya sampai termuntah-muntah.

Lojik sahabat kita dalam keadaan ini ialah mengingkari suatu yang cantik adalah dipandang jelek oleh jiwa dan hati nurani seseorang. Sekiranya kecantikan dan kebaikan itu sangat besar maka meningkatlah perasaan jelek terhadap orang yang mengingkarinya. Kemungkaran sangat dipandang leceh dan hina. Apabila kita melihat nikmat yang dikurniakan kepada kita, sesungguhnya kita sedar bahawa kita memperolehnya daripada Allah. Firman Allah:

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ . . .

سورة النحل ١٦ : اية ٥٣

Terjemahan: *Dan apa sahaja nikmat yang ada pada kamu maka adalah ia daripada Allah .... .*

(Surah al-Naḥl 16:53)

Apabila kita melihat kepada bilangan nikmat itu tentulah tidak terkira banyaknya. Firman Allah:

وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ . . .

سورة ابراهيم ١٤ : اية ٣٤

Terjemahan: *Dan sekiranya kamu menghitung nikmat Allah pasti kamu tidak mampu menghitungnya .... .*

(Surah Ibrāhīm 14:34)

Maka siapakah yang berani tampil mengingkari akan nikmat-nikmat, sedangkan dirinya penuh dengan nikmat-nikmat tersebut. Keingkaran kepada kebaikan membawa kepada kufur. Keingkaran telah sampai kepada kemuncaknya. Kejelekan telah sampai kepada penghujungnya (termuntah-muntah).

Perasaan sahabat kita tadi bukanlah dibuat-buat atau disengajakan, tetapi sekiranya kita menyelami hakikat perasaannya itu, maka ternyata bahawa fenomena itu merupakan satu pengucapan yang halus yang timbul daripada "kebenaran iman" dan "ketulenan fitrah semula jadinya."

Aku sememangnya sangat terkejut dengan kesampaian imannya ke tahap itu. Aku pun mula mencuba untuk menghubungkannya dengan apa yang pernah diketahui melalui perubahan aku selama ini .... fikiran yang benar-benar menguasai jiwaku apabila membacanya.

Ia merupakan fikiran-fikiran sekumpulan (tokoh-tokoh pemikir) yang tidak boleh dipandang rendah atau diperkecil-kecilkan oleh (keenakan fikiran dan oleh tradisi-tradisi berfikir) khusus tentang persoalan-persoalan ateisme dan kufur.

Garis (kebiasaan dan ketermakluman) tentang persoalan ini ialah orang yang beriman menyebut bukti-bukti wujudnya Allah berdasarkan bukti atau dalil wujudnya kesan sebagai bukti kewujudan penciptanya (setiap benda mesti ada penciptanya). Ini adalah satu dalil yang kuat.

Orang *mulḥid* pasti secara bodohnya menolak hujah ini dengan berkata, "Tidak ... wahai orang yang beriman: Masalah ini (lebih suci) daripada kedudukan itu bahkan ia (lebih nyata lagi terang) daripada keperluan kepada (sebarang bukti)."

Berkata ulama' hujah terkemuka, Ibn Ata' r.a, "Sekiranya (satu kejadian) daripada pelbagai kejadian, yang enggan dengan terang jelas tidak memerlukan sebarang dalil bukti kewujudannya, maka (pencipta kejadian itu) pasti lebih utama tidak memerlukan sebarang bukti sebagai dalil kewujudannya."

Berkatalah Ibn Ata', "Wahai Tuhanku... bagaimanakah boleh dicari bukti kewujudan Engkau dengan sesuatu yang kewujudannya sememangnya bergantung kepada Engkau?

Bilakah Engkau hilang ghaib sehingga diperlukan dalil membuktikan kewujudan Engkau? Dan bilakah Engkau pergi jauh sehingga meninggalkan kesan-kesan yang boleh menampakkan demikian? Bagaimanakah boleh dibayangkan Engkau dilindungi oleh sesuatu sedangkan sekiranya Engkau tidak wujud sesuatu apa pun tidak akan wujud .... .

Jauh sekalilah perbezaan antara yang hendak ia buktikan (Allah) dengan lain-lain. Yang hendak dibuktikan wujudnya itu sememangnya telah mengenali kebesaran (kerana asalnya). Maka menthabitkan wujudnya itu adalah (keasalan wujudnya) sementara (mencari dalil menthabitkan wujudnya) adalah daripada tiada kesampaian kepadanya.

Oh! ya (bilakah Ia hilang sehingga perlu dibuktikan kewujudannya semula? Dan bilakah Ia pergi jauh sehingga tertinggal kesan-kesan yang boleh menyampaikan kepada-Nya?

Berkatalah al-Imam Abu al-Hasan al-Syazali r.a: "Betapa ganjil sekali bahawa kejadian-kejadianlah yang boleh menyampaikan kepada-Nya. Oh! Apakah sampai wujudnya kejadian-kejadian baharulah boleh sampai kepada-Nya?"

Al-Imam terus berkata, "Bagaimanakah Ia boleh dikenali (dengan pengetahuan) sedangkan dengan-Nya (pengetahuan itu dikenali)?" Al-Imam juga berkata, "Kita memandang kepada Allah dengan penglihatan-penglihatan iman, maka kita tidak perlu lagi kepada dalil dan bukti."

Beliau seterusnya berkata: pendukung-pendukung dalil dan bukti adalah umum, di sisi ahli menyaksikan dan melihat *(ahli syuhūd wa al-a'yān)*, kerana ahli menyaksikan dan melihat tadi mengagung-agungkan kebenaran *(al-ḥaq)* yang pada zahirnya semacam memerlukan dalil dan bagaimanakah (memerlukan kepada dalil) oleh yang menganjurkan dalil? Dan bagaimanakah Ia yang (dikenali dengannya) sedangkan Ia (dikenali baginya)?

Sesesungguhnya (percubaan) mencari dalil ke atas Allah adalah satu percubaan yang salah. Bahkan pendedahan mengenai persoalan ini adalah satu perjalanan yang menyeleweng daripada perjalanan yang benar. Bagaimana kesalahan ini boleh timbul? Dan bilakah penyelewengan ini mula berlaku dalam suasana Islam?

Rasulullah s.a.w. mula membawa berita gembira dengan tauhid dan menyeru kepada penyerahan segala-galanya

kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya Rasulullah telah berperang demi kerana tauhid. Rasulullah bersabda:

أمرت أن أقاتل الناس حتى يقولوا : لاإله إلا الله ، فمن قالها فقد عصم منى ماله ونفسه إلا بحقه وحسابه على الله .

Terjemahan: *Aku diperintahkan memerangi manusia sehingga mereka berkata: "Tidak ada Tuhan melainkan Allah, maka sesiapa yang berkata demikian itu terselamat daripada aku, harta dan jiwanya melainkan dengan kebenaran dan perkiraannya ke atas Allah."*

Berlalulah tahun dan hari ... dan Rasulullah terus dengan risalahnya dan tidak ia tergelincir daripadanya dan tidak bertolak ansur (*tanāzul*) daripada batas-batasnya.

Firman Allah:

أَجَعَلَ ٱلْأَلِهَةَ إِلَٰهًا وَٰحِدًا ۖ إِنَّ هَٰذَا لَشَىْءٌ عُجَابٌ ۝٥

سورة ص ٣٨ : اية ٥

Terjemahan: *Patutkah ia menafikan Tuhan-tuhan yang berbilang itu dengan mengatakan: Tuhan hanya satu? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang menakjubkan!*

(Surah Ṣād 38:5)

Tetapi Rasulullah s.a.w. tidak pernah memperkatakan untuk membukti atau mencari bukti dalil – mengenai peng*ithbāt*an wujudnya Allah. Dan tiada seorang sahabat pun yang bertanya Baginda tentangnya tidak kira sama ada sahabat daripada keturunan Arab ataupun tidak (*'ajam*).

Telah berlalulah pemerintah beraja dan juga pemerintah awam (*madani*). Namun persoalan ini tidak pernah disentuh meskipun zaman ini penuh dengan cerdik pandai dalam pelbagai disiplin ilmu.

Sesungguhnya al-Qur'an itu penuh dengan peng*ithbāt*an tauhid yang juga merupakan satu matlamat daripada matlamat-matlamat terbesar al-Qur'an mengarah manusia kepada (tauhid dan aqidah), (tauhid pada ibadat) dan (tauhid pada meminta pertolongan). Tetapi ia tidak menjadikan

peng*ithbāt*an ketuhanan sebagai satu matlamat daripada matlamat-matlamatnya.

Memang diketahui bahawa kita (biasa) berkata bahawa al-Qur'an memang meng*ithbāt*kan kewujudan Allah (melalui dalil pemeliharaan) atau (melalui dalil kesan daripada Pemberi kesan). Disebutkan demikian itu berdasarkan penyaksian daripada al-Qur'an al-Karim sendiri.

Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang memperkatakan tentang pemeliharaan dan kejadian. Tetapi al-Qur'an tidaklah memperkatakan sedemikian itu dengan tujuan (mencari bukti dan mengemukakan bukti). Ini adalah yang banyak terlindung pada sesetengah akal. Sebaliknya al-Qur'an mengemukakan ayat-ayat itu (sebagai memperkatakan tentang nikmat-nikmat Allah yang melimpah-limpah) banyaknya kepada manusia.

Memperkatakan tentang (kuasa Allah dan kebesaran-Nya) memperkatakan bahawa Allah adalah Pembekal Nikmat yang bersifat Kasih sayang dan Pemurah, yang Gagah Perkasa (yang tidak ada penghalang kepada kuasa-Nya) dan pintu rahmat-Nya tidak boleh ditutup oleh sesiapa pun).

Ayat-ayat al-Qur'an dalam bentuk ini sebenarnya memperkatakan tentang sifat-sifat Allah pada kebesaran dan kecantikan-Nya, bukan hanya (membuktikan peng*ithbāt*an) atau (menjawab kepada penentangan pengingkaran). Rasulullah s.a.w. berperanan sesuai dan selari dengan suasana al-Qur'an.

Sesungguhnya Baginda sentiasa bersungguh-sungguh supaya umat Islam berpegang teguh *(istiqāmah)* dengan al-Qur'an sebagaimana yang diturunkan.

Dalam zaman Abu Bakar al-Siddiq umat Islam terus hidup sebagaimana mereka pada zaman Rasulullah (sangat tinggi aqidah ketuhanan mereka) sambil menuju ke tempat yang lebih tinggi, suci dan mereka sama sekali tidak melebih-lebihkan pada membicarakan wujudnya Allah. Mereka tidak meletakkan Allah dalam bidang (skop) perbincangan untuk membukti, menafi, mengambil dan menolak.

Begitu juga keadaannya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab dan zaman-zaman selepasnya sehingga ke zaman keemasan umat Islam iaitu zaman pemerintahan al-Ma'mun. Kamu boleh memuji al-Ma'mun sebagaimana yang

kamu kehendaki, tetapi al-Ma'mun juga tidak diragui mempunyai dua kesilapan besar.

Pertama: Beliau telah mengambil bahagian dalam perselisihan yang berlaku di kalangan para ulama' Islam – perselisihan pendapat tentang persoalan ilmu kalam – dengan bertindak menindas golongan yang menang.

Al-Ma'mun juga bertindak dengan menggunakan kekuatan tentera, polis dan harta benda dan juga bertindak secara memancing dan menggertak. Beliau tidak wajar melakukan sedemikian kerana beliau merupakan seorang pemerintah dan pengembala. Campur tangan pemerintah di kalangan kumpulan-kumpulan rakyat sewajarnya merupakan campur tangan seorang bapa dalam permasalahan anak-anaknya, menenangkan, mendamaikan serta menjernihkan mereka atau campur tangan seorang kakak terhadap adik-adiknya.

Al-Ma'mun tidak berbuat begitu tetapi sebaliknya menggugat dan mengancam satu golongan yang menindas al-Imam Ahmad bin Hanbal[53] yang berdiri dengan pendirian yang mulia terhadap diri dan umatnya. Al-Imam Ahmad bangun bagaikan gunung yang tersergam yang tidak rela melihat kebenaran diperkotak-katikkan dengan sewenang-wenangnya atau kebenaran digantikan dengan kebatilan. Beliau ditindas oleh al-Ma'mun, jadilah al-Imam menanggung derita demi aqidah sebagaimana yang pernah ditanggung oleh orang-orang yang ikhlas selama ini.

Adapun kesilapan yang kedua ialah perintahnya supaya diterjemahkan kitab-kitab aqidah dan akhlak-akhlak Yunani. Sedangkan sebelum ini umat Islam telah pun menterjemahkan kitab-kitab Yunani. Tapi yang mereka terjemahkan ialah kitab-kitab sains, astronomi (falak), kajihayat dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan bidang kejadian alam.

Tetapi mereka juga melihat sekiranya semua aqidah umat-umat lain itu benar, maka apa yang mereka miliki adalah lebih benar daripada apa yang ada pada umat yang lain itu. Ini kerana kita dibantu oleh sumber ketuhanan (*uslūb Ilāhi*). Sekiranya itu semua batil, maka kita terselamat daripada kebatilan tersebut.

Sesungguhnya aqidah Islam bersumberkan al-Qur'an. Al-Qur'an ialah kitab Allah yang tidak didatangi kebatilan

dari mana jua, kitab yang diturunkan daripada Yang Maha Bijaksana lagi terpuji. Bagaimana boleh sesuatu kaum itu meninggalkan ikutan ini lalu pergi membaca aqidah dalam kitab-kitab manusia yang berkemungkinan salah dan kemungkinan betul.

Pendirian umat Islam dahulu terhadap akhlak dan perundangan sama sahaja dengan pendirian mereka terhadap aqidah. Al-Ma'mun telah memusnahkan suasana ini dan menghapuskannya. Penterjemahan tentang aqidah-aqidah dan akhlak-akhlak itu telah berpindah masuk ke dalam persekitaran suasana Islam sedikit demi sedikit. Tetapi dengan sebab berterusan, berulang-ulang dan telah menjadi kebiasaan, maka keadaannya telah berubah. Ia telah mengundang pembacaan, kajian, perbincangan dan perbalahan.

Membuktikan kewujudan Allah merupakan satu permasalahan yang lahir pada zaman syirik Yunani tetapi turut kembali mengambil tempat meskipun permasalahan ini berlatarbelakangkan suasana di Yunani itu sendiri yang menampakkan percanggahan jelas antara agama menyembah berhala dengan kelojikan pemikiran intelektual. Justeru itu para intelektual Yunani telah berpegang teguh *(iltizam)* dengan akal dalam menghayati aqidah-aqidah dan akhlak-akhlak.

Mereka menundukkan segala persoalan aqidah dan akhlak di bawah telunjuk akal. Apabila sahaja berbuat demikian, mulalah mereka berselisih dan bercanggah pendapat. Jadilah setiap masalah kecil atau besar sebagai bahan percanggahan di kalangan cerdik pandai mereka. Pandangan-pandangan tidak pernah dapat disatukan dan berikutnya tidak dicari persefahaman terhadap pandangan-pandangan yang bersimpang-siur itu.

Sesiapa yang membaca sejarah falsafah dia akan mengetahui bahawa metode Yunani *(manhaj Yūnānī)* dalam persoalan-persoalan aqidah dan akhlak akan berkesudahan dengan perselisihan dan percanggahan pendapat. Justeru itu ia gagal mencapai satu keputusan yang bersifat yakin *(natījah yaqhīniyyah)*.

Apabila anda melihat kepada rangkaian fikiran yang sesat, anda pasti dapati bahawa sumbernya ialah kaedah

Yunani. Sesungguhnya perlanggaran adab berasalusulkan Yunan. Drama dan pementasan liar dan ganas serta jahat *(fājir)* yang berasaskan adegan tidak sopan adalah berakarumbikan dari Yunani dahulu.

Kesemuanya itu kembali kepada bid'ah atau ciptaan pemikiran Yunani yang berbunyi "seni untuk seni, sastera untuk sastera." Bid'ah atau ciptaan Yunani yang lain juga ada menyebut "ilmu untuk ilmu." Tamadun lain tidak mempunyai kata-kata hikmah atau sakti seumpama ini.

Sesungguhnya sastera, kesenian dan ilmu dalam tamadun yang lain menjurus ke arah kemuliaan *(faḍīlah)*. ... kemanusiaan *(insaniāh)* ... ketinggian roh *(al-sumuw al-rūḥi)*.

Tamadun Yunanilah yang mula-mula menurunkan nilai-nilai dan mencatatkan kayu pengukur kepada perhitungan manusia yang sentiasa lemah, kurang dan meraba-raba. Ia tidak pernah mencuba mengangkat manusia kepada darjat tertinggi yang disukai Allah sebagaimana yang diajar oleh para rasul-Nya.

Tamadun Yunani juga menurunkan aqidah-aqidah kepada perhitungan manusia yang lemah, kurang dan meraba-raba itu. Inilah juga yang menjadikan persoalan kewujudan Allah S.W.T. sebagai persoalan yang boleh diambil, ditolak, diingkar dan di*ithbāt*kan. Sayangnya falsafah ini diterjemahkan dengan perintah al-Ma'mun.

Bid'ah atau ciptaan ini mulalah terbentuk sedikit demi sedikit. Maka meletuslah bid'ah perbalahan yang tidak pernah kunjung padam di kalangan manusia yang bersifat lemah dan mencari-cari *(takhabbuṭ)*. Para intelek Yunani tidak pernah bersetuju terhadap satu-satu pendapat dan mereka tidak pernah stabil dengan mana-mana pendapat dalam dunia pemikiran.

Apabila dikumpulkan semua pendapat mereka kita pasti mendapati satu himpunan percanggahan yang serius dan hebat iaitu kebenaran tidak dapat dipisahkan daripada kebatilan, bahkan tidak ada di sana jalan "secara akal" untuk membezakan yang *ḥaq* dan yang *bāṭil*. Ini kerana kayu pengukur itu sendiri (akal) tidak mampu untuk membezakannya.

Al-Ma'mun telah mengarahkan supaya diterjemah, dikaji dan diambil berat akan warisan atau tunas Yunani itu

sehingga fasih lidah menyebutnya, terhibur telinga mendengarnya, "tangan berpindah", "otak membahaginya" dan lantas "dikembang-kembangkan oleh sesetengah juara akal", sehingga membuatkan persoalan membuktikan ketuhanan *(ithbāt al-ulūhiyyah)* menonjol sedikit demi sedikit, hatta jadilah ia suatu kebiasaan yang tidak asing dan ganjil seperti sebelumnya.

Ateis atau orang menolak wujudnya Tuhan dalam sepanjang zaman sememangnya sangat gembira dan berminat melihat fenomena perbincangan masalah ketuhanan ini dalam erti kata seandainya pembuktian boleh diterima, maka penolakan juga boleh diterima.

Sangat menggembirakan mereka bahawa para pengkaji telah berjaya menurunkan persoalan ini daripada dibaluti oleh suasana kudus atau suci (mulia) yang tidak boleh disentuh kepada suasana keingkaran. Mereka tentu mempunyai justifikasi yang tersendiri, namun yang pentingnya persoalan ini telah bertukar rupa menjadi satu peluang untuk perbalahan *(jadal)*.

Sememangnya tidak diragui bahawa setiap umat mempunyai perkara-perkara yang suci dan bagi umat Islam ia adalah aqidah. Maka hendaklah ia murni, jernih dan hakikat agama yang senang (mudah) dan terang (jelas).

Apabila ada "keingkaran untuk menyanggahinya" oleh "seseorang yang suka perkara seumpama itu" maka dia hendaklah beroperasi di bawah "undang-undang" yang mungkin boleh "merubah" beberapa "sekatan-sekatannya"... . Firman Allah Ta'ala:

سورة آل عمران ٢ : اية ١٠١

Terjemahan: *Dan sesiapa yang berpegang teguh dengan Allah sesungguhnya ia diberi petunjuk kepada jalan yang lurus.*

(Surah āli-'Imrān 3:101)

NOTA BAB

1 Al-Farabi *Ihsa' al-'Ulum.*
2 *Ibid.*
3 Al-Qifti. Kitab *Akhbar al-Ulama' bi Akhbar al-Hukama'.*
4 *Mulhid* – ateis, orang tidak mempercayai wujudnya tuhan seperti komunis dan sebagainya.
5 Mazhab *Wujudi (existentialis).* Merupakan salah satu mazhab falsafah yang lahir di Barat. Falsafah ini tidak lebih daripada aliran-aliran fikiran yang tidak menentu dan jauh sekali daripada berperanan menganjurkan gagasan-gagasan yang positif bagi menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi oleh manusia dalam kehidupan mereka. Sekarang terdapat dua aliran mazhab ini iaitu percayakan Tuhan dan ateis (*mulhid*). Tokoh utama kumpulan pertama ialah ahli falsafah Jerman yang menganut ajaran Katholik, Karl Jespers dan ahli falsafah Perancis, Jean Paul Sartre. Mengikut Dr. Muhsein Abdul Hamid dalam bukunya *al-Wujudiyyah wa Wajihat al-Suhyuniyyah* bahawa aliran *ilhad* yang sebenar menguasai falsafah Wujudiyyah masa kini. Ringkasnya fahaman ini ialah satu canggahan atau bangkangan yang berupa cabaran terhadap warisan agung yang telah dibina oleh para nabi, salihin, ahli falsafah, penyair dan ahli fikir yang bertanggungjawab. Para pendokong Wujudiyyah secara mutlak berpegang dengan ke-wujudan manusia sebagai bermulanya bagi sebarang fikiran. Bagi mereka, tidak ada apa-apa sistem atau teori dahulu mahupun sekarang yang mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia. Berkatalah Sartre: "Isu sebenar bukanlah masalah kita percaya wujudnya Pencipta tetapi kita percaya bahawa masalah itu bukanlah berkaitan dengan wujud atau tidak wujudnya Pencipta. Masalahnya ialah manusia semestinya mendapati hal dirinya yang akan luput dan sekali gus dia pasti tidak dapat menerima bahawa adanya sebarang kuasa yang boleh menyelamatkannya daripada hakikat dirinya itu. Justeru itu seseorang semestinya bebas melakukan apa sahaja yang dia mahu dengan apa cara sekalipun." Kita boleh memahami bahawa para Wujudiyyah tidak mempercayai Allah dan tidak mahu terikut dengan sebarang peraturan, undang-undang, etika, nilai akhlak dan sebagainya. Oleh itu mereka dianggap sebagai anjing lapar yang ke sana ke mari tanpa sebarang tujuan. Fahaman Sartre dan sikapnya yang menyokong Israel merampas bumi Palestin membuktikan fahamannya itu berakarumbikan Yahudi. Bermulanya aliran ini ialah kewujudan manusia mendahului segala-galanya *(existence precedes-essence).* Tokoh-tokoh aliran ini antaranya ialah Soroken Kierkegaard (Jerman), Martin Heidegger (Jerman), Grabrial Mercel (Perancis), Marlean Donty (Perancis), Albert Camus (Perancis) dan Martin Buber (Perancis). Mengikut Dr. Nawal al-Saiqh: Asal usul aliran ini adalah daripada falsafah Socrates dan Plato. (Lihat kitabnya: *al-Marjie' fi al-Falsafah*).
6 *Sophists*: golongan '*sufsata'iyyun*' yang menjadikan indera sebagai pengukur yang baik dan jahat. Misalnya mereka berkata: Sesuatu yang baik itu adalah apa yang dilihat oleh seseorang itu sebagai baik dan begitu juga sesuatu yang jahat. Dengan perkataan lain golongan ini menjadikan individu itu bebas melakukan apa sahaja. Golongan ini telah berjaya menguasai masyarakat belia Athens pada waktu itu dan mereka telah dilatih untuk menjadi orang-orang yang petah bercakap

dan mahir mematahkan hujah-hujah lawan. Matlamat mereka bukanlah untuk menegakkan kebenaran tetapi semata-mata untuk membatalkan hujah-hujah lawan dengan apa cara sekalipun. Mereka memutar-belitkan ucapan dan bermain-main dengan kalimah supaya mengelirukan orang-orang yang ingin berdebat dengan mereka. Golongan ini mengenakan bayaran yang tinggi terhadap ucapan-ucapan dan latihan-latihan yang dianjurkan. Para ulama' Islam telah membahagikan aliran ini kepada tiga kumpulan: Pertama: Phytagores: Falsafahnya; individu ialah qiyasan kepada semua perkara, sama ada baik atau jahat. Kedua: Gorgias: Falsafahnya; sekiranya diandaikan sesuatu itu wujud, maka pada hakikatnya ia tidak wujud dan sekiranya kita mengandaikan sesuatu itu boleh diketahui, maka hakikatnya ia tidak boleh diketahui. Ketiga: Byron: "Mazhab yang tidak diketahui". Para pendokong mazhab ini ialah mereka yang meragui dan meragui apa yang mereka ragui. Al-Imam Abu Mansur al-Maturidi (meninggal pada tahun 333H./944M.) menyifatkan kumpulan ini dengan berkata: "Apabila kita mengetahui bahawa seseorang insan itu mengetahui sesuatu, kemudian menafikannya, lalu merasai gembira; kemudian dia berambus lalu lenyaplah segala yang diketahui bagaikan hidupan di darat yang akan mati bila dicampakkan ke dalam laut dan begitulah sebaliknya, bagaikan kelawar yang jaga di malam hari dan tidur di waktu siang. Ini sebenarnya bukanlah ilmu tetapi hanya satu pegangan semata-mata yang semestinya bercanggah dengan pegangan-pegangan lain. Lihat al-Maturidi, *Kitab al-Tauhid*, disunting oleh Dr. Fathullah Khalif, 1970, hlm. 153 – 156.

7 Rasionalis (*akhlaniyyun*). Golongan yang tunduk kepada rasional akal semata-mata dan segala hakikat mestilah diterima oleh akal. Antara tokoh-tokoh aliran aqli ini ialah; Descartes, Esbkinoza, Lebeintz, dan Paulsen. Mazhab aqli ini terbahagi kepada aqli metafizika, *aqli riyadhi* dan *aqli riyadhi* dan *aqli sunni.* (pent.).

8 Mu'tazilah. Berasal daripada kalangan Arab *uzlah* yang bermakna pemencilan diri. Golongan ini diasaskan oleh Wasil bin Ata' yang telah ber*khilaf* pendapat dengan gurunya al-Hasan al-Basri tentang 'pelaku dosa besar' iaitu Abu Huzaifah. Wasil bin Ata' (80 – 131H.) berpendapat orang yang melakukan dosa besar berada antara kafir dan iman, tidak dihukum kafir secara mutlak dan tidak juga beriman secara mutlak. Justeru itu beliau berpindah ke sudut tertentu di Masjid al-Basrah mengajar anak-anak muridnya sendiri. Maka dengan tindakan itu, al-Hasan al-Basri pun mengeluarkan kenyataan "Kami telah memisahkan Wasil" dan dari sini timbullah ungkapan "Mu'tazilah" yang bermaksud "orang terpisah atau terpencil." Ada sumber-sumber yang mengatakan bahawa nama ini diberikan kepada golongan yang memencilkan diri daripada dua puak yang berperang iaitu penyokong-penyokong Sayidina Ali dan Mu'awiyah. Golongan ini ingin menjauhkan diri daripada bahang fitnah yang boleh menghancurkan umat Islam. Abu al-Fidak dalam 'Tarikhnya' menyebut pandangan ini apabila memperkatakan tentang peristiwa yang berlaku pada tahun 35 Hijrah. Katanya golongan Mu'tazilah enggan membabitkan Sayidina Ali, tetapi walaupun begitu mereka bukan penyokong-penyokong Sayidina Uthman al-Affan. Para pengkaji menganggap bahawa penamaan 'Mu'tazilah' ini mempunyai hubungan yang sangat intim dengan politik, bukan dengan agama justeru penonjolannya pada saat umat Islam berada di ambang perpecahan dan pertelingkahan tentang siapa yang berhak menyandang

jawatan khalifah. Tokoh-tokoh Mu'tazilah ialah, Kumpulan pertama: Wasil bin Ata' dan Amru bin Abid. Kumpulan kedua: Abi Huzail dan al-Nizam. Kumpulan ketiga: Abi Ali al-Jabaie dan anaknya Abi Hasyim.

9 Ulama' Kalam. Dikenali sebagai *mutakallimun (theologians)* iaitu sekumpulan cerdik pandai yang membicarakan persoalan-persoalan ilmu kalam. Mereka disifatkan oleh al-Imam al-Ghazali sebagai tabib (doktor) yang tugasnya merawat orang sakit. Tatkala banyak penyakit maka doktor wajib didatangkan. Begitulah ulama' kalam yang diperlukan untuk menghadapi kemelut dalam krisis aqidah yang tercetus di kalangan masyarakat Islam terutamanya dalam menanggapi gelombang-gelombang pemikiran dari luar yang menyanggahi kesucian aqidah Islamiyah. Walaupun begitu mereka semestinya meletakkan gagasan syara' mengatasi daya dan hukum keintelektualan mereka.

10 "Berfikirlah kamu pada kejadian Allah dan jangan kamu berfikir pada zat-Nya; maka pasti kamu rosak binasa." (Maksud Hadith).

11 Qada' dan qadar: Penentuan baik buruk daripada Allah, apa yang terlaksana adalah ketentuan daripada Allah, rukun iman keenam seseorang Muslim. Dalam pada itu, usaha dan ikhtiar wajib dilakukan oleh hamba-hamba Allah dan penentuannya terserah kepada Allah. Adalah salah sekiranya seseorang itu tidak melakukan sesuatu dengan alasan segala-galanya telah ditentukan oleh Allah. Firman Allah yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sehinggalah kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada diri mereka."*

12 Al-Syeikh Muhammad Abduh: Seorang tokoh ulama' Mesir yang terkenal. Beliau dilahirkan pada tahun 1265H. bersamaan 1849M. di kampung Mahallat Nasr, daerah Buhairah, Mesir. Dalam hidupnya, beliau telah mengembara ke Beirut dan kemudian diundang oleh Syed Jamaluddin al-Afghani ke Perancis pada tahun 1884 iaitu mereka berdua menerbitkan satu majalah yang dinamakan *al-Urwah al-Wusqah.* Setelah pulang ke Mesir beliau dilantik sebagai Qadi Mahkamah Ulang Bicara dan kemudiannya menjadi anggota Majlis Pentadbiran al-Azhar. Pada tahun 1889, beliau dilantik sebagai Mufti Mesir dan menganggotai Majlis Syura sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1905. Sheikh Muhammad Abduh pasti terkenal sebagai seorang tokoh Islam agung yang menghabiskan usianya memperjuangkan Islam mengikut keyakinannya. Beliau menghafal al-Qur'an ketika berumur 10 tahun. Beliau gigih belajar dan menimba ilmu pengetahuan dengan bergurukan syeikh-syeikh yang terkenal. Beliau terlibat dalam politik sehingga diusir oleh penjajah dan justeru itu beliau musafir ke Barat dan terus menyebarkan idea-ideanya dengan membawa fikiran-fikiran pembaharuan. Kata-katanya yang masyhur ialah, "Di Barat terdapat Islam tanpa orang Islam sementara di negara Islam (Timur) terdapat orang Islam tanpa Islam." Beliau merupakan seorang tokoh pengarang yang terkenal dan Universiti al-Azhar telah mengenangkan jasanya dengan menamakan dewan utamanya sebagai 'Dewan Muhammad Abduh' (*Qa'ah Muhammad Abduh*) sehinggalah sekarang. (pent.)

13 Al-Syafi'i (150H. – 204H.): Al-Imam Muhammad bin Abdullah al-Syafi'i. Beliau ialah penentang kuat aliran-aliran ahli Yunani. Mengikut al-Sayuti bahawa kata-kata Syafi'i tentang kejahilan berkecenderungan kepada lisan Aristotle itu adalah timbul daripada wujudnya aliran-aliran bid'ah yang mengatakan al-Qur'an sebagai makhluk, Allah tidak dapat dilihat dan lain-lain. Gejala ini berpunca daripada kejahilan

tentang selok-belok bahasa Arab, struktur ayat dan sasteranya. Semua ini mestilah difahami kerana nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah tertera dalam lisan Arab.

14 Aristotle (Aristo) (384 – 322S.M.). Tokoh falsafah Yunani yang terkenal. Beliau dianggap sebagai pengasas ilmu mantiq. Aristotle merupakan tokoh terakhir Yunani yang masyhur. Beliau dikenali sebagai "Guru Pertama" *(Mu'allim Awwal)* di kalangan orang-orang Arab. Guru beliau ialah Plato sementara Plato pula bergurukan Socrates. Kehebatannya membawa ia dikenali sebagai "akal Yunani". (pent.).

15 Anaximandne (610 – 545S.M.): Bukunya tentang falsafah Tabi'ah dianggap sebagai kegiatan pertama falsafah Yunani.

16 Thales (meninggal dunia tahun 547S.M.): Ahli falsafah Yunani pertama yang mengkaji ilmu hikmah dan ilmu kejuruteraan *(handasah)*. Beliau telah berjaya membuktikan bahawa piramid (di Mesir) boleh diukur melalui bayang-bayangnya.

17 Heraclitus (meninggal dunia 475S.M.): Beliau seorang yang berzuhud dan mementingkan sesuatu yang berkaitan dengan pendidikan akal dalam kehidupannya.

18 Ilmu al-Mantiq (logik): Ditakrifkan sebagai satu undang-undang yang bertugas mengawal minda daripada melakukan kesilapan ketika berfikir. Aristotle dianggap sebagai pengasas ilmu ini (beliau mengemaskinikan ilmu ini dengan menyusunnya dengan lebih teratur dan sempurna).

19 Metafizika (Ilmu *Mawara' al-Tabi'ah*): Ilmu yang termasuk dalam perkara *ghaibiyyat* yang tidak dapat dicapai oleh akal dan indera.

20 Yahya bin Khalid bin al-Barmaki (meninggal 190H. – 805M.) Bekas Perdana Menteri pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid (selama 17 tahun) (170 – 187H.). Beliau seorang pentadbir yang cekap dan sangat mengambil berat terhadap perkembangan kebudayaan.

21 *Zindiq*: Orang yang tidak mempercayai wujudnya Tuhan (ateis) tetapi berpura-pura menunjukkan iman sedangkan batinnya kufur.

22 Eficure (341 – 270S.M.): Eficure (Abiqhur) ialah seorang falsafah yang mementingkan kelazatan itu ialah neraca kebaikan. Maksudnya; sesuatu yang lazat pasti baik dan sesuatu yang pahit pasti buruk dan jahat. Inilah pegangan Eficure dan pengikut-pengikutnya. Eficure membahagikan falsafah kepada tiga bahagian iaitu Logik atau ilmu undang-undang; Tabi'ah dan Akhlak.

23 Ruwaqhi (stoic): Mazhab falsafah ini diasaskan oleh Zeno (dilahirkan pada tahun 336S.M.). Mazhab ini bermaksud "Orang berada di satu sudut yang kecil." Diceritakan bahawa Zeno ketika pulang dari Athens telah mengajar rakan-rakannya berkumpulan di satu sudut lalu berbincang tentang falsafah. Mazhab ini mengasaskan falsafah akhlaknya berdasarkan "kewajipan" bukan "keseronokan" atau "kelazatan" seperti yang didorong oleh Eficure. Mazhab ini wujud daripada tahun 322S.M. sehingga tahun 529 Masihi. Terdapat ramai tokoh seperti Sinka, Krosbos dan lain-lain. Mereka mempunyai teori-teori yang tersendiri tentang moral, epistemologi, kebahagiaan, roh dan perbincangan falsafah yang lain. (Lihat Kitab Dr. Osman Amir, *al-Falsafah al-Ruwaqiyyah*, Anglo, Mesir, 1971), (pent.).

24 Falsafah: Perkataan falsafah berasal dari bahasa Yunani; *philo sophis* yang bermaksud: pencinta + hikmat. Falsafah bermaksud "cintakan hikmat" sementara filsuf (ahli falsafah) ialah "pencinta hikmat." Mengikut Ibn Sina: *Filsuf* ialah seorang yang mempunyai ilmu yang banyak. Sementara ta'rif falsafah ialah "mengetahui perkara-perkara dengan

hakikat-hakikatnya sekali." Seruan berfikir dalam Islam melalui al-Qur'an dan al-Hadith dianggap sebagai seruan berfalsafah oleh pendokong-pendokong falsafah. (pent.).

25 Al-Ma'mun, Abdullah ibn Harun (meninggal 218H./833M.): Amir keempat dalam pemerhatian al-Abbasi yang begitu menggalakkan perkembangan ilmu falsafah dan ilmu-ilmu lain. Beliau dikuasai oleh tokoh-tokoh falsafah sehingga bertindak terhadap golongan yang menentang ahli-ahli falsafah terutamanya tentang isu al-Qur'an makhluk (al-Qur'an bukan qadim yakni Hadith seperti makhluk-makhluk lain) (misalnya manusia). (pent.).

26 Bid'ah: Mengada-adakan sesuatu yang baru dalam persoalan agama. Kata-kata yang masyhur berbunyi: "Sejahat-jahat perkara ialah bid'ah, setiap bid'ah adalah sesat dan setiap yang sesat di dalam neraka." Rasulullah s.a.w. ada bersabda (maksudnya): Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu yang baru pada kami maka ia tertolak. Mengada-adakan yang dimaksudkan ialah pada perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah, ibadat dan seumpamanya. Tafsiran terhadap bid'ah ini sangat luas dan kompleks. Ada yang menyebut *bid'ah hasanah* (yang baik) dan boleh diterima. Disiplin ilmu setiap aliran itu sebenarnya yang menjurus kepada kefahaman dalam pendirian masing-masing. (pent.).

27 Zeno (322 – 264S.M.): Dilahirkan pada tahun 336S.M. Bapanya ialah seorang pedagang di Cyprus. Beliau merupakan pengasas mazhab 'stoic' (lihat No. 23). (pent.).

28 Pemisah antara dua langit. Mohd Farid Wajdi, *Darul Maarif al-Qurnil Isyrin*, Jil.1, hlm. 198.

29 Phytagores: Seorang tokoh falsafah Yunani yang terkenal di sekitar tahun 530S.M. Dilahirkan di Pulau Samus (selatan Itali) pada tahun 572S.M. Beliau telah mengasaskan aliran 'Phittagore' dan yang pertama membuka sekolahnya untuk menerima para pelajar wanita dan mengharuskan pergaulan lelaki dan wanita. Beliau dianggap sebagai berpegang kuat dengan ajaran agama, hidup berzuhud dan tidak banyak bercakap. Beliau melihat bahawa pendekatan ilmu sebagai alat yang mampu mendidik manusia. (pent.).

30 Plato (427 – 347S.M.): Murid kepada Socrates dan dikira sebagai tokoh utama falsafah Yunani. Beliau dilahirkan di Athens dan telah menubuhkan "Akademi Plato" di Athens. Beliau menjadi guru di Akademi ini selama 40 tahun dan mengajar ilmu-ilmu seperti matematik, astronomi, sejarah, geografi dan ilmu akal yang lain. (pent.).

31 Heraclite (meninggal 475S.M.): Beliau berasal daripada keluarga bangsawan tetapi bersikap zuhud dalam kehidupannya. Dikatakan beliau menjauhi ilmu-ilmu yang tidak membantu dalam mendidik akal. (pent.).

32 Xenophone (570 – 480S.M.): Tokoh utama Mazhab Ili di selatan Itali pada kurun keenam Sebelum Masihi. Tokoh lain selepasnya ialah Barmides dan Zeno. Beliau mempercayai bahawa Allah dengan sifat-sifat-Nya dan alam ini adalah satu. Kata beliau: *Maujud* itu adalah satu perkara, satu tabiat dan satu alam dan alam ini ialah Allah. Justeru itu Xenaphone merupakan pendokong mazhab kesatuan wujud atau Mazhab *al-Hulul*. Beliau telah menghina orang-orang yang mencipta sendiri tuhan-tuhan. Beliau menyindir: Seandainya lembu dan unta boleh bercakap pasti mereka juga akan menulis tuhan-tuhan daripada kalangan mereka. (pent.). Dr. Iwadullah Hijazi dan Dr. Muhammad al-Sayyed Naim, *Fi Tarikh al-Falsafah al-Yunaniyyah*, hlm. 65 – 67.

33 Penyair Hezyurd dan Hemurous: Dua penyair Yunani yang menghina tuhan-tuhan dengan menasabkan sifat-sifat penipu, khianat, kasih dan bengis terhadap mereka. (pent.).
34 Jauhar: Ahli-ahli falsafah silam membahagikan wujud selain *wajibul* wujud kepada dua iaitu Jauhar: yang boleh berakhir dengan sendiri dan kewujudannya tidak memerlukan kepada sebarang komponen seperti manusia dan batu dan Ardh: yang kewujudannya memerlukan kepada bantuan luar seperti hitam dan pergerakan. Sementara ahli-ahli falsafah sekarang menentang pembahagian itu dengan alasan bahawa tidak ada manusia yang mampu mengetahui hakikat sesuatu benda. (pent.).
35 Francis Bacon (1561 – 1626). Seorang ahli falsafah dilahirkan di London pada 22 Januari 1561. Beliau mengemukakan gagasan bahawa akal perlu dibebaskan daripada sebarang dongeng kurun pertengahan tetapi perlu diikat dengan belenggu-belenggu supaya dapat menjurus kepada natijah yang lebih hampir kepada kebenaran dan keyakinan. Matlamat terakhir yang hendak dicapainya ialah mewujudkan kehidupan yang mulia berasaskan ilmu yang dapat mewujudkan keamanan dan kebahagiaan sekali gus. Dr. Rifqi Zahir, *'A'lam al-Falsafah al-Hadithah*, Cairo.
36 John Steward Mill (1806 – 1873). Seorang ahli falsafah Inggeris. (pent.).
37 Renan Descartes (1596 – 1650). Seorang tokoh falsafah Perancis yang termasyhur dan digelar sebagai: "Bapa Falsafah Moden." Terdapat karangan-karangan beliau yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Seorang sejarawan Tunis, Osman al-Ka'ak telah pergi menziarahi perpustakaan Descartes di Paris dan mendapati satu terjemahan Kitab al-Ghazali *al-Munqiz min al-Dhalal* dalam bab "al-Syak" terdapat tulisan tangan Descartes yang berbunyi: Ini ialah tambahan kepada metod kami. Dari sini bahawa Descartes turut mengkaji pemikiran al-Ghazali dan terpengaruh dengannya. Prof. Hamdi Zakzouk, kitab *Tamhid li al-Falsafah*, al-Azhar, 1976, hlm 263). (pent.).
38 *Damir* (Hati): Ialah kesediaan jiwa untuk menanggapi perbuatan baik dan jahat yang disertai dengan kemampuan mengeluarkan hukum-hukum akhlak secara langsung terhadap nilai beberapa perbuatan yang bersifat individu. *Damir* juga dikenali sebagai *malakah* yang menentukan sikap seseorang terhadap tingkah lakunya atau mampu meramalkan implikasi moral dan sosial hasil daripada tingkah lakunya itu. Mengikut J.J. Rousseau "*Damir* ialah suara jiwa sementara hawa nafsu ialah suara jasad." *Damir* kadang-kadang jelas dan kadang-kadang tidak menentu, kadang-kadang sesat dan kadang-kadang ragu-ragu tetapi dapat diubah kepada baik oleh pendidik yang salih. Hegal memperkenalkan "*damir* merana" atau "*damir* keluh kesah" apabila terdapat perasaan keraguan yang keterlaluan terhadap kesahihan sesetengah perbuatan yang dilakukan. Kebebasan *damir* pula bermaksud: Amalan yang dilakukan dengan dorongan *damir* dalam bidang agama dan sebagainya atau perasaan bebas untuk menganuti sesetengah pandangan dan kepercayaan. Dr. Jamil Soliba *al-Mu'jam al-Falsafi, Falsafi*, hlm. 763 – 764, Darul Kitab, al-Lubnani, 1982). (pent.).
39 Pengkaji-pengkaji ketuhanan (Socrates, Plato, Aristotle dan lain-lain). Mereka cuba mengkaji hakikat tuhan dan ketuhanan. Mereka percaya wujudnya Tuhan dan keesaan-Nya.
40 Al-Farabi (259 – 339H.) dan Ibn Sina (370 – 428H.): Dua tokoh falsafah

yang disebut oleh al-Ghazali sebagai "orang yang boleh dipercayai" terhadap apa yang dibawa daripada pemikiran falsafah Yunani. Al-Ghazali dalam siri kecamannya terhadap falsafah menyebut nama dua orang tokoh ini justeru pada kajiannya bahawa mereka berdua inilah yang sangat terpengaruh dengan falsafah-falsafah Yunani terutamanya falsafah Aristotle. Ibn Sina mengakui bahawa al-Farabi ialah gurunya meskipun mereka berdua tidak pernah bertemu kerana semasa al-Farabi meninggal, Ibn Sina masih belum lahir. (pent.).

41 Tiga perkara yang dikafirkan oleh Imam al-Ghazali ialah mempercayai alam ini *qadim* (tidak ada awal), Ilmu Allah tidak meliputi perkara-perkara kecil *(juz'i)* dan kebangkitan pada Hari Akhirat hanya terhad pada roh (bukan berserta jasad). (pent.).

42 Tujuh belas perkara bid'ah, abadinya alam, Allah mencipta alam dan Allah mencipta Allah, cara mereka meng*ithbat*kan Pencipta, cara mereka mengemukakan dalil mustahilnya rupa paras (bentuk), mazhab mereka yang menafikan sifat-sifat, kata-kata mereka bahawa zat yang pertama tidak boleh dibahagikan secara *jins* dan *fasl*, kata-kata mereka bahawa Allah wujud secara mudah tanpa keapaan *(mahiyah)*, kata-kata mereka: Sesungguhnya yang pertama bukan jisim, berkata dengan masa dan menafikan Pencipta adalah satu kelaziman baginya, kata-kata mereka bahawa Dia mengetahui zatnya, kata-kata mereka bahawa yang pertama mengetahui zat-Nya, kata-kata mereka bahawa langit ialah haiwan yang bergerak dengan kemahuan, apa yang mereka sebut tentang tujuan yang menggerakkan langit, kata-kata mereka bahawa jiwa-jiwa mengetahui seluruh *juz'iyyat*, kata-kata mereka bahawa mustahil menyanggahi adat kebiasaan, kata-kata mereka bahawa jiwa manusia adalah jauhar yang boleh berdiri dengan sendirinya dan dia bukanlah jisim dan bukan juga *arad* dan kata-kata mereka bahawa mustahilnya Allah ke atas jiwa-jiwa mereka. Dr. Abdul Mu'kti Bayumi, kitab *al-Falsafah al-Islamiyyah fi al-Masyiqah wa al-Maghrib*, al-Azhar, Jil. 2, hlm. 30. (pent.).

43 Seperti akhlak, politik, mantik dan sebagainya, al-Imam al-Ghazali tidak melihat idea-idea Yunani tentang bidang-bidang ini menyanggahi Islam. Al-Imam tidak menolak semua pemikiran falsafah kecuali yang bercanggah dengan Islam sebagaimana yang jelas dalam kecaman-kecamannya terhadap teori orang-orang Yunani tentang "ketuhanan." Oleh kerana ia berkaitan aqidah yang wajib diterima dengan mendengar dan patuh berdasarkan apa yang termaktub dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. (pent.).

44 Misalnya al-Imam al-Ghazali pernah mengatakan bahawa tidak pernah mengambil perhatian terhadap beberapa persoalan yang disifatkan sebagai '*waham*' seperti apakah masa (zaman) itu Hadith atau *qadim*? Apakah masa telah wujud sebelum wujudnya alam ini? Inilah antara perkara-perkara *waham (auham)* yang sengaja dicetuskan dan perbincangan tentang tindakan membawa ke mana-mana bahkan merugikan masa, tenaga dan umur sahaja. Bidang-bidang kajian perlu ditentukan terlebih dahulu supaya ia benar-benar berfaedah dan memasuki tuntutan agama. (pent.).

45 Akal mengikut al-Ghazali ialah asas sementara syarak pula ialah binaan di atasnya. Binaan tidak dapat ditegakkan tanpa asas dan asas tidak bermakna seandainya binaan tidak didirikan. Justeru itu akal dan syara' saling bergantungan. Akal tetap terbatas dan tidak mampu menjangkau alam *ghaibiyyat*. Segala usaha dalam konteks ini sia-sia sahaja. (pent.).

46 Al-Imam sangat mahir dengan pendekatan-pendekatan mereka dan telah mengkaji segala pemikiran tokoh-tokoh Yunani. Beliau dianggap sebagai seorang pengkaji yang sangat teliti dan begitu beramanah dalam me*naqal*kan pandangan-pandangan mereka. Justeru itu penolakan beliau adalah bermula daripada kefahamannya yang jelas dan mendalam. Dengan perkataan lain al-Imam mengkritik pandangan-pandangan mereka setelah mengkajinya dengan mendalam dan bersungguh-sungguh. Dengan kemahirannya itu, ada pengkaji yang mengatakan bahawa pengkajian falsafah telah meleset setelah al-Imam mengkafirkan ahli-ahli falsafah. (J.W. De Boer, *Tarikh al-Falsafah fil Islam*). (pent.).

47 Mazhab Karamiyyah dinisbahkan kepada Ibn Kiram atau Ibn Karram yang lahir pada akhir kurun kedua Hijrah (190H.) di Sajistan (Farsi). Beliau seorang ahli falsafah agama (hakim diri) yang cenderung kepada pentafsiran yang berbentuk *maddi* (benda). Mazhab ini telah berpecah kepada berbagai-bagai kumpulan. Antaranya *al-Ishaqhiyyah, Alaidiyyah, Muhajiriyyah* dan sebagainya. Dr. Faisal Budairon, *'Ilmu al-Kalam wa Madarisah*, hlm. 167 – 159. (1982).

48 Ibn Rushd. Kitabnya: *Tahafut al-Tahafut*. Beliau ialah Abu al-Walid Muhammad bin Abad bin Muhammad bin Rushd, dilahirkan di Qurtuba (Cordova) Andalus pada tahun 520H. dan wafat tahun 595H. Beliau terkenal sebagai seorang tokoh falsafah, perubatan dan ahli hukum iaitu beliau pernah dilantik sebagai hakim di Cordova pada masa hayatnya. Ibn Rushd tampil mempertahankan ahli-ahli falsafah iaitu al-Farabi dan Ibn Sina dan sekali gus menolak kecaman-kecaman al-Imam terhadap mereka. (pent.).

49 Dr. Muhammad Iqbal (1873 – 1938). Dilahirkan di Sialkot, Punjab Barat, India. Beliau telah mendapat pendidikan Islam di peringkat awal dan kemudian melanjutkan pelajarannya ke Barat dalam bidang falsafah Barat di Trinity College, Universiti Cambridge. Beliau dikenali sebagai tokoh penyair, ahli falsafah dan ahli undang-undang Islam yang terkenal. Beliau merayu kepada pembaharuan pemikiran Islam, kebebasan daripada segala belenggu yang menyekat kemajuan dan pembangunan ummah. (pent.).

50 Kent (1724 – 1804) (tokoh falsafah Jerman). Antara pandangan beliau ialah mustahil terdapatnya pengetahuan metafizika dan segala falsafah itu sendiri. (pent.).

51 Pragmatism: Satu mazhab daripada lingkungan mazhab-mazhab falsafah "*positive*" *(wadiyyah)*. Mazhab ini lahir di Amerika dengan nama "pragmatism" dan tokohnya yang terkenal ialah William Jims (1824 – 1910). Beliau menyifatkan bahawa hakikat adalah kesesuaian sesuatu itu dengan kepentingan kita dan bukan kesesuaian dengan akal. Tindakan mengikut kefahamannya ialah: Sesuatu fikiran itu adalah benar jika berfaedah. Jadi segala hakikat didasarkan kepada "kepentingan." (Dr. Mustafa Helmi, *al-Islam wa al-Madhahib al-Falsafiyyah*, Cairo, 1985). (pent.).

52 Abu Raihan al-Bairuni (Biruni) (Muhammad Abu Raihan). Dilahirkan pada tahun 973M. dan meninggal di Khwarzim di Ghaznah, Afghanistan pada tahun 1048M. Beliau juga merupakan seorang tokoh astronomi (ahli falak dan kaji bintang) dalam tamadun Islam.

53 Ahmad bin Hanbal (164H. – 241H.). Seorang tokoh dalam mazhab empat yang sangat berpegang teguh dengan salafiyyah. Al-Imam tidak tunduk pada aliran falsafah yang cuba memaksanya supaya mengatakan Qur'an itu adalah makhluk mengikut andaian kelojikan akal yang dikemukakan oleh puak-puak Mu'tazilah dalam zaman al-Ma'mun. (pent.).

BAHAGIAN II

ILMU KALAM

FASAL 1

FALSAFAH DAN ILMU KALAM

"Turutilah, jangan kamu mereka-reka, sesungguhnya kamu sudah cukup lengkap (Islam yang kamu miliki)."

Nasihat daripada Nabi kita ini sangat dipatuhi oleh para *salafuṣṣāleḥ*. Justeru itu mereka tidak pernah terlintas untuk cuba mengada-adakan sesuatu yang baru dalam agama (bid'ah). Aliran bid'ah ini sebenarnya menonjol dalam suasana perkembangan agama yang kurang sihat kerana kurangnya pimpinan yang menunjukkan *uswah ḥasanah* sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam amalan ummah (kehidupan). Orang-orang salih terdahulu *(salafuṣṣāleḥ)* sangat hampir kepada Rasulullah yang menjadi ikutan mereka pada setiap masa. Apabila mereka membaca al-Qur'an, mereka membacanya dengan penuh khusyuk dan *tadabbur* serta memahaminya dengan kefahaman yang jelas dan terang serta dapat mengenal pasti ruang lingkup dan had batas yang mampu diceburi oleh manusia berdasarkan pengalaman dan percubaan *(tajribah)* yang mereka lalui terutamanya dalam konteks menganalisis perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan mata benda, perasaan, tabiat (*ṭabī'ah*) iaitu persoalan langit dan bumi serta ruang antara keduanya.

Terdapat beberapa perkara yang manusia masih gagal mengetahuinya. Walaupun manusia mengetahuinya tetapi pengetahuan mereka itu hanya bersifat "ragu-ragu" *(ẓan)* atau "agak-agak" *(waham)* khususnya tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan alam metafizika dan akhlak

yang sering mencetuskan perselisihan pendapat yang tidak kunjung padam di kalangan orang yang berpegang dengan akal semata-mata dan menolak agama sebagai sandaran dalam berhujah.

Semenjak tercetusnya perselisihan ini mereka yang terlibat itu boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama:

1. Kumpulan yang mengakui kewujudan metafizika dan akhlak.

2. Kumpulan yang mengingkari kewujudan metafizika dan akhlak.

Kumpulan pertama ini terdiri daripada beberapa golongan dan masing-masing mempunyai ketua yang dianggap oleh pengikut mereka sebagai sangat pintar dan cerdik. Justeru itu setiap pandangan, saranan, hujah-hujah yang dikemukakan oleh ketua mereka itu telah dianggap benar, disokong dan dipersetujui dengan sepenuhnya. Maka menjadi tabiat mana-mana kumpulan atau golongan mengisytiharkan penentangan terhadap golongan lain yang mendusta serta memperbodohkan mereka dan sekali gus menuduh ketua golongan yang bersengketa itu sebagai bodoh dan jahil.

Pertelingkahan (pendapat) yang berlaku dan pertentangan oleh akal ketua setiap kumpulan sebenarnya bukan disebabkan oleh perbezaan gambaran yang diberikan terhadap persoalan metafizika dan asas serta prinsip akhlak.

Pertelingkahan mengenai persoalan metafizika dan akhlak adalah disebabkan perbezaan fitrah dan tabiat semula jadi akal. Perbezaan tersebut berlaku disebabkan fitrah yang diwarisi, suasana keliling, suasana keluarga dan perbezaan pengetahuan, kuantiti ataupun kualitinya. Ia juga disebabkan perbezaan dari segi perkara-perkara yang mempengaruhi seseorang, suasana dan perkara-perkara lain yang terlalu banyak.

Jenis pemakanan, suhu, kadar kebersihan udara, ketinggian tempat tinggal, jarak sama ada jauh atau dekat tempat tinggal dengan kawasan pantai, tugas, kerja yang dilakukan, teman rapat dan lain-lain, semua ini memberi

kesan kepada kekuatan dan kelemahan, keluasan dan kadangkala pemikiran seseorang secara semula jadi. Sekiranya kita cuba menghubungkan di antara pengetahuan yang khusus dengan alam metafizika dan alam akhlak dengan akal, maka sudah tentu kita cuba menghubungkan di antara kedua-duanya menggunakan asas-asas yang goyah dan tidak mantap.

Semenjak manusia mula berfikir mengenai persoalan ketuhanan dan akhlak hanya berpandukan akal, mereka cuba mewujudkan garis panduan dan neraca pengukur yang boleh dijadikan pedoman dalam menentukan betul salah perkara-perkara yang berhubung dengan persoalan ketuhanan dan akhlak. Apa yang dilakukan itu telah menemui kegagalan demi kegagalan.

Lojik Aristotle (lojik analogi) telah terbukti gagal sama sekali untuk menyelami hakikat ketuhanan dan akhlak. Aristotle sendiri telah menerima kecaman dan celaan yang sangat hebat termasuk daripada kalangan murid-muridnya sendiri iaitu ahli-ahli falsafah selepasnya di mana mereka kecewa dan sekali gus gagal mempertahankan guru mereka (Aristotle).

Ilmu logik Francis Becon *Istiqrā'* (induktif) juga turut gagal dalam pendedahannya tentang alam ghaib dan alam akhlak (baik dan jahat) tetapi apa yang dapat diserlahkan oleh ilmu ini hanyalah berkisar mengenai sesuatu yang berkaitan dengan undang-undang kebendaan *(al-qawānīn al-māddiyyah)* dalam erti kata hanya mampu menjelaskan hakikat-hakikat yang tertonjol daripada alam benda *('ālam ḥissi)* yakni alam kejadian *(kaun)*, dan alam fana' yang rosak binasa *(fasād)*. Adapun pendedahan tentang alam kekal abadi *(baqā' wa al- khulūd)*, ilmu logik ini gagal sama sekali mendedahkan hakikat-hakikat sebenarnya.

Descartes dengan kaedah yang gagal itu tidak kurang juga menerima kecaman hebat daripada ahli-ahli falsafah yang sezaman dan selepasnya. Mereka sama sekali tidak menyetujui akan kaedah yang diperkenalkannya itu. Perdebatan tentang hakikat-hakikat metafizika dan akhlak terus menjadi bahan berhujah dan topik perbincangan akal yang tidak putus-putus selepas Descartes sebagaimana sebelumnya. Namun begitu penyelesaian tetap tidak dapat

dicapai oleh mereka sama ada di Barat mahupun di Timur; di kemuncak bukit mahupun di pantai-pantai peranginan yang nyaman. Malah mereka terus gagal memperoleh satu rumusan yang konkrit berhubung dengan hakikat ketuhanan dan akhlak.

Berdasarkan ini kita mengambil kesimpulan yang ringkas dan mudah bahawa "mustahil" bagi akal manusia untuk menyelesaikan permasalahan berhubung dengan alam metafizika dan akhlak. Maka adalah tidak tepat apabila dimasukkan persoalan ini ke dalam "kajian-kajian akal."

Manusia seharusnya melihat kembali bidang tugas pancaindera dan kemampuan semula jadinya atau bakat yang sedia ada padanya. Sekiranya seseorang itu melihat hakikat ini nescaya dia akan mendapati bahawa "hikmat" itu sememangnya telah mendasari pemikiran orang-orang yang sebelum orang-orang Greek lagi. Inilah kedudukan masa silam, sebelum dirosakkan oleh aliran akal Yunani.

Sebenarnya hakikat keterbatasan akal inilah yang telah dihidupkan kembali sejak Islam dahulu sehinggalah munculnya golongan Mu'tazilah. Mereka tidak cuba berusaha bagi membolehkan fungsi pancaindera itu diperluaskan melebihi batas-batas yang ditetapkan. Justeru itu kesimpulan mereka ialah fungsi pancaindera ialah pada bidang *ṭabī'ah* (sains) sahaja tidak lebih daripada itu. Bahkan apa yang dirasai ialah datang daripada lingkungan *ṭabī'ah* (sains) ini.

Bidang sains ialah warna-warna, suara-suara, baubauan dan rasa di mana berasaskan kerasan atau sentuhan jasmani pada badan manusia sendiri mahupun di luarnya selaras dengan had batas yang terhad ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Sementara bidang dan ruang lingkup akal ialah kefahaman yang jelas terhadap apa yang diamati, dilihat dan dirasai sehingga membolehkan rumusan *(istintāj)* dan ketetapan *(istinbāṭ)* dibuat.

Maka dengan itu akal tidak dibolehkan untuk memberikan apa-apa pandangan terhadap perkara-perkara yang ghaib dan terlindung *(mastūr)* kerana penglibatan akal dalam perkara-perkara seumpama ini adalah dikira mereka-reka (berbid'ah) atau mencipta (berkreatif). Dengan perkataan lain akal seolah-olah mencari-cari atau meraba-raba dalam suasana gelap-gelita bagaikan seorang yang sedang

melancong di tengah-tengah padang pasir tanpa pemandu jalan di samping tidak mempunyai sebarang peta dan panduan.

Sebenarnya keraguan menyelimuti sebarang rumusan tentang metafizika dan akhlak yang dihasilkan oleh akal manusia. Akal tidak mampu berperanan sebagai "petunjuk" kepada percubaan mempastikan sesuatu "kebenaran yang tulen" atau kesalahan bahkan penyelewengan juga.

Manusia bukanlah "perasaan" atau "akal" semata-mata atau seseorang itu bukanlah dianggap sebagai seorang manusia justeru memiliki perasaan dan akal. Ini adalah kerana manusia kadang-kadang dengan akal dan perasaan boleh membawanya jatuh kepada sifat kebinatangan iaitu hidup dalam keadaan "sakit" bahkan mungkin lebih dahsyat daripada taraf kebinatangan itu sebagaimana yang disifatkan oleh Allah dalam al-Qur'an:

Terjemahannya: *Mereka hanyalah seperti binatang ternakan bahkan (bawaan) mereka lebih sesat lagi.*
(Surah al-Furqān 25:44)

Oleh itu insan yang sebenarnya ialah insan dengan rohnya yang halus, dirinya yang bersih dan penglibatannya yang bersinar-sinar sehingga dapat menghampiri malaikat. Roh yang bersih dan suci melahirkan penglibatan yang bersinar-sinar dan mampu menembusi halangan-halangan dalam dunia metafizika dan akhlak, justeru ia dikurniai ilham dan makrifat yang unggul.

Golongan yang disinari ilham ini adalah terdiri daripada kalangan *ḥukamā'* silam sebelum Zaman Yunani iaitu mereka tidak pernah menggunakan pendekatan *jadal* (perdebatan) atau qiyasan (analogi) atau akal semata-mata atau kelojikan akal, tetapi sebaliknya mereka mengenali ketuhanan dengan cara melakukan *tanasuk*, ibadat, zikir dan mengikhlaskan diri kepada Allah. Al-Qur'an mengistilahkan hal ini sebagai "pembersihan" *(tazkiyah)*. Justeru itu pembersihan jiwa *(tazkiyah al-nafs)* adalah satu

wasīlah mereka untuk berusaha meningkat perasaan sehingga menghampirkan diri mereka kepada alam metafizika dan ini menjadikan mereka dapat membezakan antara baik dengan jahat secara yang sangat mudah.

Sebenarnya cara pembersihan jiwa untuk mendapatkan "makrifat" telah sedia menjadi maklumat ramai orang daripada kalangan "*al-ma'iyyīn*" pada Zaman Yunani dahulu. Ia juga datang dari Timur. Kumpulan "*Urfiyyah*" pada Zaman Yunani merupakan kumpulan yang menghayati aliran ini.

Kumpulan Phytagores yang datang kemudian turut memperakukan aliran ini dengan keyakinan mereka bahawa alam ghaib dapat dicapai melalui penghayatan aspek ibadat dan zikir. Maka "pembersihan jiwa demi kerana Allah" merupakan amalan utama yang menjadi asas aliran kumpulan ini. Lantaran itu kumpulan "Phytagores" dikenali sebagai kumpulan yang tenggelam dalam dunia kebaikan dan bebas daripada kekotoran. Dengan perkataan lain merupakan kumpulan pembersihan zahir dan batin.

Kemudian barulah muncul Platonisme *(Aflāṭūniyyah)*. Plato telah memilih beberapa orang daripada kalangan murid-muridnya yang terdiri daripada orang yang memiliki jiwa yang murni dan perasaan yang halus – bilangan golongan ini sangat kecil – untuk bersama-sama beliau melakukan ibadat iaitu melakukan pembersihan yang dibawa oleh Aflutin al-Misri di mana aliran ini terus meningkatkan lagi ibadat dan pembersihan.

Dalam perkembangan seterusnya, aliran beribadat dan pembersihan jiwa ini tidak dapat bertahan lama kerana ia bukanlah satu perkara yang mudah dan ringan dalam erti kata boleh dilakukan oleh sesiapa pun. Justeru itu apabila muncul sahaja Aristotle, orang Yunani mulalah berkecenderungan untuk berdebat dan tidak lagi menggemari cara pembersihan jiwa yang diamalkan sebelum itu. Dengan perubahan ini timbullah pula apa yang dipanggil "falsafah akal Yunani" iaitu suatu penyelewengan daripada jalan yang selamat.

Aristotle terus mempertahankan aliran ini dan mengembangkannya sehingga sampai ke kemuncaknya. Oleh itu penyelewengan dalam membicarakan persoalan metafizika sering dikaitkan dengan Aristotle sendiri.

Beliau gagal membuat rumusan yang tepat tentang hakikat metafizika dan begitulah seterusnya kegagalan demi kegagalan diwarisi oleh para pengikut dan muridnya dalam sepanjang zaman. Meskipun kegagalan sentiasa ditempuhi oleh para pengkaji namun manusia terus mencuba untuk mendekati alam ghaib melalui akal pemikiran mereka.

Dalam pada itu terdapat juga daripada kalangan ahli-ahli fikir Yunani, orang yang memiliki satu pengetahuan istimewa *(ḥadas)* iaitu mereka ini pernah membayangkan bahawa pengetahuan mengenai alam ghaib mestilah bersumberkan wahyu yang dianjurkan oleh Allah kepada seorang rasul-Nya untuk disampaikan kepada sekalian manusia.

Cerita berikut boleh memberi gambaran mengenai hakikat ini. Plato pernah menceritakan bahawa Socrates telah mengajak dua orang sahabatnya yang bernama Sambas dan Qabis (daripada pengikut Mazhab Phytagores) untuk berbincang mengenai kekekalan jiwa. Tetapi semasa sedang mencari dalil-dalil yang lebih menyakinkan untuk membuktikan hakikat ini dan mengeluarkan rumusan mengenainya, tiba-tiba Socrates kelihatan diam dan mereka berdua pun turut sama berdiam sejenak. Berkatalah Sambas, "Adalah amat sukar untuk kita mengenali hakikat sebenar kekekalan jiwa ini tetapi kita wajar memikirkannya sedapat yang mungkin sebelum kita menyerah diri." Sebaliknya bukti yang lebih kuat diperlukan untuk menjadi sandaran dalam lautan hidup. Ibarat penggunaan akal ini seperti menunggang sekeping papan yang sedang belayar di tengah lautan iaitu ia sangat mudah karam kecuali apa yang ditumpangi itu merupakan sebuah kapal besar yang gagah yakni wahyu Ilahi.

Kapal yang besar dan kukuh di tengah lautan yang terselamat daripada tenggelam dipukul ombak ialah wahyu Ilahi. Orang yang menggunakan akal itu bagaikan orang yang terumbang-ambing di tengah lautan lantaran berpaut pada sekeping kayu yang hanyut.

Orang Yunani terpaksa menggunakan akal dalam membicarakan persoalan metafizika kerana mereka tidak memiliki wahyu daripada Allah untuk dirujuk ketika mencari hidayat dan petunjuk. Seandainya mereka didatangi wahyu

tentulah mereka tidak menjadikan akal sebagai alternatif untuk mencari kebebasan bahkan apa yang disebutkan "falsafah akal Yunani" tidak mungkin wujud. Tetapi sumbangan daripada mereka mungkin terhad kepada ketetapan pembahagian tugas indera semata-mata dan kemampuan semula jadi manusia yang mereka bahaskan iaitu perasaan *(ḥissi)* bagi alam *ṭabīah* (sains) akal bagi merumuskan apa yang dikemukakan oleh indera sementara roh dan pengamatan hati *(baṣīrah)* adalah bagi alam ghaib dan alam kebaikan *(khair)*.

Sesungguhnya ilmu kalam Islam[1] telah terpengaruh dengan pendekatan akal serta aliran kreatif dan rekaan yang dicetuskan oleh gelombang Yunani ini. Justeru itu ilmu kalam telah muncul sebagai satu ilmu falsafah yang sentiasa terumbang-ambing menghadapi pelbagai halangan seperti kelaziman ilmu falsafah itu sendiri. Bahkan dengan sebab keakrabannya dengan ilmu falsafah membuatkan hilang kesucian yang sepatutnya dimiliki *(qaddāsah)*. Oleh kerana menyimpang jauh daripada *manhaj* al-Qur'an menyebabkan timbulnya pelbagai permasalahan yang membawa perpecahan umat Islam kepada pelbagai aliran.[2]

Sangat mudah untuk kembali kepada *manhaj* al-Qur'an yang terjamin keselamatannya tetapi hendaklah semua sama ada daripada para ahli fikir sendiri mahupun pemimpin agama sama-sama memahami usaha memperjelaskan *manhaj* ini.

FASAL 2

ILMU KALAM MASA KINI

PENDAHULUAN

Dakwah Islamiyah semenjak awal-awal lagi merupakan seruan kepada tauhid (mengesakan Allah). Rasulullah s.a.w. telah berjuang dalam memperkuatkan asas-asas aqidah dalam jiwa para pengikutnya. Baginda melakukan ini bukanlah berdasarkan pemikirannya tetapi menyahut wahyu Allah dan memenuhi kehendak ayat-ayat suci al-Qur'an yang keseluruhan pembicaraannya berlandaskan kalimah tauhid *"lā'ilā ha illallāh"* (لا إله إلا الله). Ia merupakan kalimah ikhlas yang pertama diucapkan oleh seseorang yang menganut Islam. Justeru itu boleh disimpulkan bahawa "mentauhidkan Allah" ialah asas kepada kesatuan agama (*wiḥdah al-addīn*). Firman Allah:

شَرَعَ لَكُم مِّنَ ٱلدِّينِ مَا وَصَّىٰ بِهِۦ نُوحًا وَٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ
إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِۦٓ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰٓ أَنْ أَقِيمُوا۟ ٱلدِّينَ
وَلَا تَتَفَرَّقُوا۟ فِيهِ ۚ كَبُرَ عَلَى ٱلْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ ۚ ٱللَّهُ
يَجْتَبِىٓ إِلَيْهِ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِىٓ إِلَيْهِ مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

سورة الشورى ٤٢ : اية ١٢

Terjemahan: *Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang telah diperintahkan-Nya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu; Tegakkanlah pendirian agama, dan ja-*

nganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya. Berat bagi orang musyrik (untuk menerima agama Tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendaki-Nya untuk menerima agama tauhid itu dan memberi hidayah petunjuk kepada agama-Nya itu sesiapa yang kembali kepada-Nya (dengan taat).

(Surah al-Syūrā 42:13)

Dapat difahami bahawa matlamat utama bagi semua rasul terdahulu ialah tauhid. Al-Qur'an sangat terang dan jelas dalam menjelaskan maksud dan matlamat ini. Firman Allah S.W.T.:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٥﴾ أَن لَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ

سورة هود ١١ : اية ٢٥

Terjemahan: *Dan demi sesungguhnya! Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu Ia memberitahu kaumnya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu". "Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah; Sesungguhnya aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan."*

(Surah Hūd 11:25)

Dan:

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ . . .

سورة الأعراف ٧ : اية ٦٥

Terjemahan: *Dan kepada kaum 'Aad, (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Hud. Ia berkata: "Wahai sekalian kaum, sembahlah Allah tidak ada bagi kamu Tuhan selain daripada-Nya." ...*

(Surah al-A'rāf 7:65)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ

مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥ . . .

سورة الأعراف ٧ : اية ٨٥

Terjemahan: *Dan kepada Madyan (Kami utuskan) saudara mereka, Syu'aib. Ia berkata: "Wahai kaumku sembahlah kamu akan Allah tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya." ... .*

(Surah al-A'rāf 7:85)

Al-Qur'an dengan ini menegaskan bahawa semua rasul datang memperkenalkan aqidah ini dan berjuang menegakkannya. Oleh itu ia mutlak dan umum di mana menjadi risalah sekalian rasul yang diutuskan.

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِىٓ إِلَيْهِ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ
إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

سورة الأنبياء ٢١ : اية ٢٥

Terjemahan: *Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelum daripada kamu akan Rasul kecuali Kami mewahyukan kepadanya bahawa tidak ada Tuhan kecuali Aku maka sembahlah Aku.*

(Surah al-Anbiyā' 21:25)

Kesatuan atau *wiḥdah* sangat ditekankan oleh Islam. Ini boleh dilihat dalam al-Qur'an di mana Allah menyebut perkataan "ummah" sebagaimana firman-Nya:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى
ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ . . .

سورة البقرة ٢ : اية ١٤٣

Terjemahan: *Dan sesungguhnya Kami telah jadikan kamu satu ummat yang berperantaraan sederhana (wasata) supaya kamu dapat menjadi saksi-saksi ke atas manusia sekalian dan rasul itu adalah saksi ke atas kamu ... .*

(Surah al-Baqarah 2:143)

Di sini ummah bermaksud satu umat bukan umat-umat *(plural)* dan justeru itu dapatlah difahami betapa kesatuan ini sangat dituntut oleh Islam yakni "satu kesatuan umat Islam yang bersatu padu."

Justeru itu tauhid sentiasa menanggapi seluruh aspek dalam risalah Islam. Adalah tidak diragui bahawa kesatuan aqidah dan kesatuan akhlak merupakan dua faktor terpenting yang memuatkan umat Islam ke dalam satu bentuk kesatuan yang menyeluruh berdasarkan Hadith:

المؤمن أخو المؤمن.

Terjemahan: *Mukmin adalah saudara Mukmin.*

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا.

Terjemahan: *Seorang Mukmin bagi Mukmin yang lain bagaikan satu binaan yang saling ikat mengikat antara satu dengan lain.*

مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم كمثل الجسد.

Terjemahan: *Bandingan orang Mukmin pada kemesraan dan kasih sayang mereka seperti satu badan.*

أحب لأخيك ما تحب لنفسك ...

Terjemahan: *Kasihkanlah saudaramu itu sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri ... .*

Manusia tidak perlu bersusah payah dan berkorban tenaga untuk berusaha memastikan bahawa agama Islam merupakan agamaTauhid dan agama kesatuan. Begitu juga mereka tidak perlu bersusah payah untuk memastikan bahawa Islam tidak menyediakan ruang dan tempat untuk perbalahan, persengketaan, percanggahan, perpecahan dan segala macam ke*khilāf*an.

Tetapi umat Islam tetap berselisih dan berpecah belah. Kita sekarang tidaklah bermaksud untuk berbincang tentang sebab-sebab berlakunya perselisihan dan perpecahan di kalangan umat Islam secara panjang lebar. Tetapi apa yang

kita maksudkan ialah perbicaraan mengenai kesatuan aqidah dan punca-punca yang berlatarbelakangkan sejarah silam di mana boleh dikira sebagai faktor yang telah dan akan meruntuhkan asas yang telah dibina dan diperteguhkan oleh Rasulullah s.a.w.

Apabila punca ini dapat didedahkan maka sekali gus ia mendedahkan jurang perbezaan dalam aqidah yang membawa kepada perpecahan umat Islam. Dalam pada itu mungkin juga kita mendapat beberapa kaedah yang menghapuskan jurang perselisihan itu. Umum sudah maklum bahawa perselisihan aqidah bukan sahaja menjadi punca perpecahan umat-umat manusia bahkan ia juga menjadi punca perpecahan pada satu kumpulan umat. Lantaran itu persamaan aqidah adalah faktor kepada penyatuan perpaduan.

Gejala perselisihan aqidah ini sudah lama tercetus dan justeru itu wajarlah kita membahaskan penyakit ini sehingga ditemui ubatnya dengan restu dan taufik daripada Allah S.W.T.

Kita tentu tidak boleh berbicara secara ringkas kerana perbicaraan secara ringkas adalah dikira usaha sekerat jalan yang tidak mampu sampai ke mana-mana pun. Kalau kita berbuat demikian, bermakna kita telah menunaikan tanggungjawab dengan baik dan sepenuhnya. Oleh itu dengan pertolongan Allah, dalam perbincangan peringkat kedua nanti, akan cuba dihuraikan cara orang-orang salih terdahulu *(salaf)* membicarakan persoalan aqidah dan pembuktiannya. Disebutkan di sini beberapa contoh yang mereka miliki sehingga mampu mengubah wajah dunia dan menyebarkan kalimah Allah Yang Maha Tinggi.

Tidak syak lagi bahawa percanggahan pada aqidah-aqidah dan kelungsuran umat yang satu kepada pelbagai kumpulan menimbulkan kesan-kesan buruk dan implikasi-implikasi yang merbahaya.

Tidak syak lagi bahawa seluruh umat Islam turun-temurun mahukan kesatuan kembali semula kepada aqidah sebagaimana yang dilihat pada zaman awal Islam. Mereka benar-benar rindukan cara untuk menghidupkan perasaan keagamaan yang tentu sekali menolak perpecahan dan pertelingkahan yang berpunca daripada persoalan-persoalan dalam bidang-bidang keimanan.

Rasulullah s.a.w. dan sahabat Baginda, Abu Bakar dan Umar – diredai Allah kedua-duanya – telah menggambarkan umat Islam dengan gambaran yang sangat menarik menurut gagasan al-Qur'an. Allah berfirman:

سورة الأنبياء ٢١ : اية ٩٢

Terjemahan: *Sesungguhnya ini adalah umat kamu, umat yang satu dan Aku Tuhan kamu maka sembahlah Aku.*
(Surah al-Anbiyā' 21:92)

سورة المؤمنون ٢٣ : اية ٥٢

Terjemahan: *Sesungguhnya ini umat kamu adalah umat yang satu dan Aku Tuhanmu maka bertaqwalah kepada-Ku.*
(Surah al-Mu'minūn 23:52)

Malangnya umat Islam ini berpecah belah selepas bersatu padu, bersengketa selepas bersefahaman. Kita ingin bertanya lagi, apakah faktor-faktor yang telah membawa kepada percanggahan tentang aqidah?

Bukanlah susah untuk menerang dan menjelaskan faktor-faktor tersebut, sehinggakan al-Qur'an dan al-Sunnah telah menjelaskan demikian itu seterang-terangnya dalam bentuk penyampaian (*uslūb*) yang tidak ada sebarang kesamaran. Al-Qur'an dan al-Sunnah juga mengemukakan ubat yang mujarab dan orang-orang yang salih yang terdahulu daripada kita (*salafussāleh*) telah pun menjelaskan kepada kita akan pendekatan al-Qur'an dan al-Sunnah tentang perkara-perkara aqidah.

Asas pertama dalam al-Qur'an ialah perbezaan yang tegas antara dua medan di mana dalam salah satu medan tersebut kita diberi sepenuh kebebasan untuk mengkaji, kemudian kita dibolehkan menyokong atau mensyarahkannya dengan panjang lebar atau kita boleh cuba memahami-

nya. Medan ini ialah ayat-ayat *muḥkamat.*[3] Sementara medan yang dilarang kita membahaskannya ialah medan *mutasyābihat.* Firman Allah S.W.T.:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ مِنۡهُ ءَايَٰتٞ مُّحۡكَمَٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلۡكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٞۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمۡ زَيۡغٞ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنۡهُ ٱبۡتِغَآءَ ٱلۡفِتۡنَةِ وَٱبۡتِغَآءَ تَأۡوِيلِهِۦۖ وَمَا يَعۡلَمُ تَأۡوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلّٞ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَاۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٧

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: *Dialah yang menurunkan ke atas kamu kitab (al-Qur'an) daripadanya ayat-ayat muḥkam (terang jelas) ia adalah ibu al-Qur'an dan lain-lain yang mutasyābih. Adapun orang yang dalam hati mereka pembohongan maka mereka akan mengikuti sesuatu yang samar-samar kepada mereka (daripadanya) kerana gemarkan fitnah dan gemar menta'wilkannya dan tidak diketahui akan penta'wilan kecuali Allah dan orang-orang yang benar-benar mantap ilmunya, mereka mengatakan kami telah beriman dengannya, sekalian dari sisi Tuhan kami dan tidaklah menyebut-nyebutnya kecuali orang-orang yang mempunyai mata hati.*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Terdapat banyak Hadith yang menggariskan landasan untuk dilalui oleh orang-orang Mukmin demi memelihara kesatuan, demi terus menghayati cara hidup yang benar dan sekali gus memberi ketenangan hati untuk semua. Memadai di sini untuk dikemukakan tiga Hadith yang memberikan maksud-maksud tersebut.

"Turutilah janganlah mengada-adakan: Sesungguhnya telah rosak binasa orang-orang yang terdahulu daripada kamu disebabkan mereka pandai-pandai mengadakan sesuatu dalam agama mereka, mereka berkata-kata mengikut pandangan-pandangan mereka, mereka mencanggahi sunnah-sunnah Nabi mereka, maka mereka sesat dan menyesatkan."

Sabda Rasulullah s.a.w. dalam ibarat yang ringkas dan padat:

اتبعوا ولا تبتدعوا : فإنما هلك من قبلكم بما ابتدعوا في دينهم ، وقالوا بآرأهم ، وخالفوا سنن أنبيأهم ، فضلوا وأضلوا .

Terjemahan: *Turutilah dan janganlah kamu mengada-ada, maka sesungguhnya orang-orang yang sebelum kamu binasa kerana mereka mengada-adakan tentang agama mereka. Mereka mengatakan menurut pendapat-pendapat mereka dan mencanggahi Sunnah-sunnah Nabi mereka, lalu mereka sesat dan menyesatkan.*

Daripada Ali r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

أتاني جبريل عليه السلام فقال: يا محمد ، إن أمتك مختلفة بعدك قال: فقلت: فأين المخرج؟ فقال: كتاب الله.

Terjemahan: *Aku telah didatangi oleh Jibril a.s. Maka berkatalah ia: "Wahai Muhammad, sesungguhnya umat kamu akan berselisih selepas kamu." Berkatalah Rasulullah: "Di manakah puncanya?" Maka Jibril pun berkata: "Kitab Allah."*

Ayat-ayat suci al-Qur'an dan Hadith-hadith Nabi yang mulia sememangnya banyak sekali mengutarakan gagasan-gagasan ke arah penghayatan secara panjang lebar. Pendekatan wajar yang perlu dikemukakan sekarang ialah menjelaskan maksud ayat-ayat al-Qur'an yang terang jelas dan ayat-ayat yang samar. Kita juga perlu menjelaskan mana yang menurut ajaran Allah dan Rasul dan mana yang dikira bid'ah dan yang diada-adakan. Di samping itu kita juga wajar mengajarkan bagaimana cara ber*iltizām* dengan kitab Allah dan sama-sama mendukungnya dengan penuh kesatuan dan perpaduan. Dan Allah jua yang memberi taufik.

MASALAH QADAR

"Turutilah dan jangan kamu mengada-ada, maka sesungguhnya orang-orang yang sebelum kamu binasa kerana mereka mengada-adakan tentang agama mereka.

Mereka mengatakan menurut pendapat-pendapat mereka dan mencanggahi Sunnah-sunnah Nabi mereka, lalu mereka sesat dan menyesatkan." Hadith Nabi yang mulia ini menyimpulkan satu gagasan tentang aqidah yang menjadi hasrat kita untuk melihat dunia Islam menghayatinya dalam menghadapi persoalan ini.

Sepatutnya kita semua mendukungnya dalam pandangan dan fikiran, juga sebagai persediaan mahupun sebagai persiapan. Persediaan dan persiapan adalah dimaksudkan sebagai tuntutan yang wajar dipatuhi oleh institusi-institusi pengajian pada semua peringkat, media massa dan buku-buku yang disebarkan.

Ayat-ayat al-Qur'an, Hadith, kata-kata sahabat dan para pengikut begitu banyak menganjurkan tuntutan ini. Firman Allah S.W.T.:

سورة المائدة ٥ : اية ٣

Terjemahan: ... *hari ini Aku menyempurnakan bagi kamu agama kamu, Aku melengkapkan ke atas kamu nikmat Aku, aku meredai bagi kamu Islam sebagai agama* .... .

(Surah al-Mā'idah 5:3)

Agama Allah lengkap sempurna, tidak perlu lagi untuk diada-adakan. Sekiranya agama sudah lengkap sempurna maka kita wajib menurutnya. Adapun cara menurutinya telah ditetapkan oleh Allah sebagaimana firman-Nya:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ مِنۡهُ ءَايَٰتٞ مُّحۡكَمَٰتٌ هُنَّ
أُمُّ ٱلۡكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٞۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمۡ زَيۡغٞ
فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنۡهُ ٱبۡتِغَآءَ ٱلۡفِتۡنَةِ وَٱبۡتِغَآءَ تَأۡوِيلِهِۦۖ وَمَا يَعۡلَمُ
تَأۡوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلّٞ مِّنۡ
عِندِ رَبِّنَاۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٧

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: *Dialah yang menurunkan ke atas kamu akan al-Qur'an, daripadanya ayat-ayat yang muhkam (terang jelas). Ia adalah ibu al-Qur'an dan lain ayat-ayat yang kesamaran. Adapun orang-orang yang dalam hati-hati mereka kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka mengikut sesuatu yang samar kepada mereka kerana gemarkan fitnah dan menta'wilkannya sedangkan tidak ada yang mengetahui penta'wilannya kecuali Allah dan orang-orang yang mantap ilmu mereka berkata kami beriman dengan-Nya, semua perkara daripada sisi Allah dan tidaklah mengingat-ingat kecuali orang-orang yang berfikir.*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Caranya ialah menuruti ayat-ayat *muḥkam* dengan penuh kefahaman, kesedaran dan sokongan. Ia bukanlah punca perbalahan dan permusuhan, bukanlah medan persengketaan atau medan untuk menyemarakkan hawa nafsu. Ayat-ayat yang sukar difahami dan diimani sebagaimana yang termaktub, janganlah kita pandai-pandai menta'wilkannya.[4]

Menuruti ayat-ayat *mutasyābihat* ini adalah timbul daripada hati-hati yang penuh kesesatan dan penyelewengan yang mengambil kesempatan untuk menimbulkan fitnah dengan membuat penta'wilan sesuka hati sedangkan Allah sahaja yang mengetahui akan penta'wilannya.

Tetapi apakah *mutasyābihat* ini (ayat-ayat yang ada kesamaran)? Para imam kita bercanggah pendapat mengenainya tetapi kita tidak mahu membincangkan perselisihan ini dan memadailah kita hanya berkata bahawa permasalahan-permasalahan *mutasyābihat* sangat dilarang perbincangannya oleh Rasulullah s.a.w. dan oleh para sahabat dalam zaman Khulafa' al-Rasyidin. Justeru itu *mutasyābthat* ini bolehlah disimpulkan sebagai: "Sesuatu yang dibenci oleh semangat pemikiran Islam pada zaman Khulafa' al-Rasyidin untuk membincangkan tentangnya."

Persoalan-persoalan *mutasyābihat* yang utama sebagaimana yang dapat diperlihatkan dalam sejarah umat Islam ialah persoalan qadar.

Persoalan qadar atau keterpaksaan (*ijbār*) dan pilihan (*ikhtiyār*) atau perbuatan-perbuatan hamba, telah menguasai fikiran-fikiran manusia semenjak bermulanya sejarah

manusia di atas muka bumi ini. Apabila seseorang itu menimbulkan masalah qadar, pasti timbul dua kumpulan yang satunya mengatakan keterpaksaan (*ijbār*) dan satu lagi mengatakan pilihan (*ikhtiyār*).[5]

Orang Yahudi menonjolkan permasalahan ini dalam agama mereka lalu mereka berpecah sesama sendiri. Ada kalangan mereka yang berkata bahawa tidak ada pilihan dan ada yang berkata ada pilihan (tidak dipaksa).

Dalam sejarah dapat dilihat bahawa orang-orang Nasrani bertelagah dan bersengketa tentang persoalan ini sehingga membentuk kumpulan penyokong dan penentang yang sentiasa bersengketa.

Rasulullah s.a.w. mahu menjauhkan umat Islam daripada perpecahan disebabkan masalah ini. Justeru itu Baginda melarang segala perbincangan dan perdebatan tentangnya.

Amru bin Syuib meriwayatkan daripada bapa dan datuknya dengan berkata:

خرج رسول لله صلى الله عليه وسلم على أصحابه ذات يوم ، وهم يتراجعون فى القدر ، فخرج مغضباً حتى وقف عليهم ، فقال : يا قوم : بهذا ضلت الأمم قبلكم : باختلافهم على أنبيائهم ، وضربهم الكتاب بعضه ببعض ، وإن القرآن لم ينزل لتضربوا بعضه ببعض ، ولكن نزل القرآن فصدق بعضه بعضاً ، ماعرفتم منه فاعلموا به ، وما تشابه فآمنوابه.

Terjemahan: *Rasulullah pada suatu hari telah mengunjungi sahabat-sahabat Baginda dan rupa-rupanya mereka pada waktu itu sedang berbincang tentang qadar. Lantas Rasulullah telah keluar dalam keadaan marah seraya bersabda kepada sahabat-sahabat Baginda: "Wahai kaumku, dengan sebab inilah umat-umat sebelum kamu sesat, kerana mereka bertelingkah mengenai Nabi-nabi mereka. Mereka berhujah sesama mereka menggunakan kitab, ketahuilah sesungguhnya al-Qur'an diturunkan bukan untuk menghujah kamu antara kamu, tetapi al-Qur'an diturunkan untuk membenarkan sebahagiannya apa-apa perkara daripada al-Qur'an yang kamu ketahui, amalkanlah dan perkara yang kamu tasyabah hendaklah kamu beriman dengannya."*

Mereka juga turut menyelewengkan ajaran-ajaran al-Kitab, sedangkan al-Qur'an tidaklah diturunkan untuk kamu menyelewengkan sesetengahnya sebaliknya al-Qur'an diturunkan demi membuktikan kebenarannya. Apa yang kamu tahu mengenainya, beramallah dengannya sementara apa yang kesamaran kepada kamu, berimanlah dengannya. Daripada Abu Hurairah katanya:

خرج رسول الله صلى الله عليه وسلم ونحن نتنازعْ في القدر، فغضب حتى احمر وجهه، ثم قال : أبهذا أمرتم، أم بهذا أرسلت إليكم؟ إنما هلك من كان قبلكم حين تنازعوا في هذا الأمر. عزمت عليكم ألا تنازعوا.

Terjemahan: *Rasulullah marah sehingga merah mukanya apabila mendengar kami bertelagah tentang qadar lantas Baginda pun bersabda: "Adakah dengan ini kamu diperintah? (kamu disuruh berbincang mengenainya) atau adakah dengan sebab ini aku diutuskan untuk kamu? Sesungguhnya telah hancur binasa orang-orang yang sebelum kamu kerana mereka bertelagah mengenai perkara ini. Aku berazam supaya kamu jangan bertelagah."*

Rasulullah bersikap dengan begitu tegas sekali melarang pertelingkahan dalam masalah ini; bahkan sekadar menimbulkannya juga dilarang oleh Rasulullah s.a.w. Sikap tegas Rasulullah sentiasa dilihat dalam sepanjang kehidupannya. Baginda tidak pernah mengizinkan persoalan ini ditimbulkan.

Pada zaman Sayidina Abu Bakar persoalan ini tidak pun ditimbulkan justeru umat Islam tertumpu dalam usaha membina dan meneguhkan asas-asas perpaduan umat Islam di mana kesibukan mereka dengan usaha peneguhan ini membuatkan mereka tidak mempedulikan kerja sia-sia yang menyimpang daripada agama Allah.

Keistimewaan Sayidina Abu Bakar ialah mampu membelasah sesiapa sahaja yang ingin memperkatakan dan membawanya kepada kebenaran. Oleh itu persoalan qadar adalah persoalan utama *mutasyābihat.*

Ia tidak dapat diselesaikan dan ditegaskan sama ada di

Timur atau Barat, dahulu mahupun sekarang, di kampung atau di kota, sama sahaja. Lebih daripada itu persoalan ini mencetuskan perbalahan di kalangan para pengkaji di mana sekalipun. Persoalan itu memakan masa yang panjang namun perbincangan tidak akan sampai kepada apa-apa rumusan yang boleh diterima bersama. Justeru itu semangat Islam yang menyeluruh mengharamkan penglibatan mengkajinya.

Meskipun begitu persoalan ini meresap sedikit demi sedikit ke dalam masyarakat Islam sehingga akhirnya mengambil tempat utama dalam teori pemikiran Islam. Politiklah yang mengundang penyerapan itu dan politik merupakan faktor utama yang merosakkan teori pemikiran agama dalam masyarakat Islam yang bersih dan sihat.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan[6] selepas memegang tampuk pemerintahan telah mengutus surat kepada al-Mughirah bin Syu'bah memintanya supaya memberitahu kepadanya ucapan Rasulullah ketika di atas mimbar. Al-Mughirah pun menulis kepadanya dan memberitahu bahawa Rasulullah selepas salam sembahyang sering membaca:

لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد. وهو على كل شئ قدير، اللهم لا مانع لما أعطيت، ولا معطى لما منعت، ولا راد لما قضيت ولا ينفع ذا الجد منك الجد.

Terjemahan: *Tiada Tuhan melainkan Allah sahaja, tiada sekutu, bagi-Nya pemerintahan, bagi-Nya kesyukuran, Dialah yang di atas setiap sesuatu yang Berkuasa, Ya Allah tidak ada penghalang bagi apa yang Engkau beri, tidak ada penolakan terhadap apa yang Engkau tetap dan laksanakan, dan tidak manfaat sebarang halangan terhadap ketetapan Engkau.*

Mu'awiyah pun mengambil dan menyebut Hadith ini dalam khutbah-khutbahnya dengan satu keyakinan bahawa ia boleh membantu memperkuatkan kedudukannya di sisi ummah.

Menggunakan Hadith Nabi ini sebagai alat politik oleh Mu'awiyah menimbulkan kegelisahan sesetengah umat Is-

lam di mana mereka melihat penggunaan seumpama ini tidak langsung melambangkan tanda kepatuhan dan ketaatan kepada Allah. Mereka bangun menentang fikrah keterpaksaan "*ijbār*" yang dipelopori oleh Mu'awiyah yang kononnya disandarkan kepada Hadith tersebut.

Kami tidaklah bermaksud ingin menghuraikan permasalahan ini dengan panjang lebar, cuma di sini kami ingin menerangkan dua perkara sahaja.

1. Qadar ini adalah daripada perkara-perkara samar (*mutasyābih*) yang ditegah oleh Rasulullah untuk membincangkannya.

2. Sesungguhnya politiklah yang mula-mula membawa masuk persoalan ini ke dalam kehidupan masyarakat Islam.

Natijah yang ingin dicapai di sebalik persoalan ini ialah perbahasan tentang qadar hendaklah dipisahkan daripada lautan pemikiran Islam atau dari apa yang mereka namakan "ilmu kalam." Seandainya kita berjaya menghapuskan sebab utama yang memecahbelahkan umat Islam justeru kerana pertelingkahan mengenai aqidah, bermakna kita telah membaharui usaha ke arah tauhid. Semoga Allah memberi taufiq.

PERSOALAN SIFAT-SIFAT

Firman Allah:

سُبْحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾

سورة الصفات ٣٧ : اية ١٨٠

Terjemahan: *Maha Suci Tuhan kami, Tuhan yang Mulia Tinggi daripada apa yang boleh mereka sifatkan.*
(Surah al-Ṣāffāt 37:180)

. . . لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ . . .

سورة الشورى ٤٢ : اية ١١

Terjemahan: ... *Tidak ada sesuatu yang seumpamanya.*
(Surah al-Syūrā 42:11)

Berkatalah Ibn Abdul Baar (meninggal 463H.) mentafsirkan ayat-ayat tersebut: "Sesungguhnya Allah tidak serupa dengan apa sekalipun, maka bagaimanakah ia dikenali dengan qiyasan atau dengan mengkajinya."

Adapun ulama' Mesir dahulu ada berkata dalam kata-kata hikmat yang unik: "Mustahil kepada orang yang binasa untuk menyingkap rahsia Allah yang tidak binasa."

Sama ada kita melihat kepada al-Qur'an dan Sunnah atau kepada orang yang mempunyai pandangan-pandangan yang sihat yang benar-benar memahami suasana perkembangan Islam dan mendukung fikiran yang benar-benar secocok dengan tuntutan semangat keagamaan, kita pasti mendapati bahawa semua aliran itu menyimpang jauh daripada membawa manusia kepada memperkatakan dengan pandangannya terhadap sesuatu yang berhubung dengan zat dan sifat-sifat Allah. Berfikirlah pada tanda-tanda kebesaran Allah dan jangan berfikir pada zat-Nya nescaya kamu binasa.

Hadith *Athar* ini menggariskan landasan yang betul dan mengemukakan panduan yang wajib diikuti oleh seseorang yang inginkan keselamatan dan pelepasan dari neraka.

Tidak syak lagi bahawa perbahasan pada zat dan sifat-sifat ketuhanan dari segi hubungan antara keduanya, sama ada bertujuan tauhid mahupun mencari perbezaan antara zat dan sifat-sifat itu, merupakan satu serbuan manusia terhadap satu kedudukan *(maqām)* yang tinggi yang tidak dapat digayuti oleh sebarang sangkaan atau khayalan seseorang. Begitu juga perbahasan tentang sifat-sifat yang boleh menimbulkan kesamaran, sama ada menafi atau menta'wil, juga sama sifatnya sebagaimana yang disebut itu. Justeru itu amat benar bahawa sesuatu yang terlintas di benak anda, maka Allah adalah di sebalik maksud yang terlintas itu.

Amat wajar sekali para pengkaji benar-benar mengenal pasti kemampuan diri masing-masing sebagai seorang manusia dan mengenal pasti kekuasaan Allah dengan sebenarnya.

Seandainya mereka berjalan di atas landasan ini pasti mereka tidak akan meninggi kepada *maqām* (kedudukan) Allah dan sekali gus mereka tidak akan melampaui had batas kemampuan mereka di mana dengan ini tidak akan timbul sama sekali sebarang perselisihan, persengketaan dan porak-

peranda pada persoalan sifat-sifat ketuhanan.

Tetapi sesetengah pengkaji tidak mematuhi had batas mereka sebagai individu yang juga seorang manusia. Lantas mereka dipukau oleh akal mereka sendiri dan mereka ditipu oleh kesyaitanan mereka sendiri. Maka mereka pun mendustai Allah dengan otak pemikiran mereka tanpa hujah-hujah yang bernas yang diturunkan Allah. Maka timbullah persoalan kedua dalam ilmu kalam – persoalan sifat-sifat yang telah bertanggungjawab mencetuskan perbalahan dan persengketaan, suatu perpecahan di kalangan umat Islam. Lebih daripada itu, ia menjadikan mereka tuduh-menuduh, hina-menghina, sindir-menyindir dan tempelak-menempelak sesama sendiri dengan tuduhan-tuduhan menyeleweng dan menyesatkan. Timbulnya persoalan, apabila para pengkaji menyentuh ayat-ayat al-Qur'an yang menimbulkan kesamaran seperti tangan, muka, meninggi sementara daripada Hadith pula seperti turun, rupa dan jari-jari.

Persoalan timbul: Apabila mereka membahaskan perkataan tersebut dan seumpamanya sama ada secara ta'wil, menafi maknanya ataupun mentafsir dan mensyarahkannya mengikut fikiran mereka.

Perbincangan mengenainya membuka ruang perbalahan dan perdebatan dan terus-menerus berlaku dalam sepanjang zaman bahkan sampai saat ini pun perdebatan masih berlaku di antara para pengikut al-Imam Ash'ari[7] dengan para pengikut al-Imam Ibn Taimiyah.[8]

Perbalahan mengenai sifat-sifat ini dan hubungannya dengan zat secara umumnya kadang-kadang tegang dan ganas sehingga berlaku pertumpahan darah seperti yang pernah berlaku mengenai isu al-Qur'an sebagai makhluk. Dalam pada itu ia boleh menjadikan pemikiran kelam kabut dan pandangan berselerak seperti apa yang dicetuskan oleh isu "baik dan lebih baik" (*al-ṣālah wa al-aṣlaḥ*).

Permasalahan ini wujud, bertambah dan bersimpang-siur adalah sebagai bukti yang nyata terhadap kelemahan akal manusia dalam menanggapi kebesaran Ilahi yang tidak ada penghujungnya. Meskipun kegagalan berlaku terus-menerus dalam membincangkan persoalan ini, namun manusia tidak pun mengambil perhatian. Mereka semua membahaskannya dengan meraba-raba dalam kegelapan, berdebat dan terus berselisih. Jalan paling hikmah dalam

menghadapi persoalan ini ialah melihat kepada pemikiran orang salih yang terdahulu (*salafussāleḥ*) di mana semangat keagamaan mereka yang sihat mengarahkan kepada pemikiran yang benar-benar mengenali Allah dengan sebenar-benarnya dan sekali gus mereka tahu siapakah diri mereka yang sebenarnya. Justeru itu mereka terselamat daripada keadaan kelam kabut, kacau-bilau, pertelingkahan dan perselisihan. Maka jadilah mereka satu kumpulan umat yang satu.

Mereka telah mendukung prinsip asas dan mengamalkan kaedah yang tidak diragui iaitu firman Allah:

. . . لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ . . .

سورة الشورى ٤٢ : اية ١١

Terjemahan: ... *tidak ada sesuatu pun yang seumpamanya sama sekali ...* .

(Surah al-Syūrā 42:11)

Adapun al-Qur'an ini menghapuskan segala bentuk keserupaan. Orang salih yang terdahulu sangat memahami sehingga mereka pernah berkata: Sesiapa yang menggerakkan tangannya ketika membaca ayat: "Aku menciptakan dengan tangan-Ku," atau sesiapa yang menunjukkan dengan jarinya ketika meriwayatkan Hadith Rasulullah: "Hati orang Mukmin di antara dua jari-jari *al-Raḥmān*" maka wajiblah dikerat tangannya dan dipotong jarinya.

Orang-orang terdahulu selamat daripada kesamaran, tetapi mereka tidaklah mundur. Mereka men*thabit*kan iradat dengan Ilmu serta lain-lain sifat Allah menurut apa yang disampaikan oleh al-Qur'an.

Untuk menuruti pendirian mereka berhubung dengan kalimah-kalimah rupa (*ṣūrah*), tangan (*yad*) dan turun (*nuzūl*), maka hendaklah diimani kesemuanya itu dengan membersihkan Allah daripada segala bentuk jisim dan urutan-urutan yang berhubung kait dengannya. Dalam pada itu bukanlah bermakna lafaz-lafaz demikian tidak boleh diberi perhatian tetapi apa yang dituntut ialah pengertian yang diberi itu haruslah sesuai dengan keagungan dan kebesaran bahawa ia tidak berupa jisim (benda) dan tidak ada sebarang hubungan dengannya (benda).

Seseorang itu mestilah beriman bahawa sifat yang Allah sandarkan pada diri-Nya dan pada diri rasul-Nya adalah benar belaka dan mempunyai makna yang dikehendaki-Nya dan mengikut wajah seperti yang difirman-Nya itu. Oleh itu janganlah cuba mentafsir dan menta'wilkannya lagi.

Syi'ār (slogan) orang-orang yang terdahulu (*salaf*) sangat terkenal menerusi beberapa lafaz seperti, "*Sesungguhnya Ia (Allah) memerintahkannya sebagaimana yang didatangkan itu.*"

Mereka sentiasa mengingati ayat suci al-Qur'an iaitu firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ مِنْهُ ءَايَـٰتٌ مُّحْكَمَـٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَـٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَـٰبِهَـٰتٌ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: *Dialah yang menurunkan ke atasmu akan al-Qur'an, daripadanya ayat-ayat muḥkamat yang menjadi ibu al-Qur'an dan lain-lain adalah ayat-ayat mutasyābihat ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

. . . فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَـٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *adapun orang-orang yang ada di dalam hati-hati mereka tipu daya maka mereka akan mengikuti perkara-perkara yang kesamaran daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan gemarkan penta'wilannya ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

. . . وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *dan tidaklah diketahui ta'wilnya kecuali Allah ... .*

(Surah āli -'Imrān 3:7)

. . . وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا
يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *dan orang-orang yang mantap dan kemas dalam ilmu mengatakan: kami telah beriman dengan-Nya, kesemuanya adalah dari sisi Tuhan kami dan tidaklah mengambil ingatan kecuali orang-orang yang berfikir.*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Tidak ada nas lain lagi kepada orang yang mahu selamat daripada kebatilan dan kesesatan selain meng-elakkan diri daripada menta'wil dan mentafsir sementara ia berpegang dengan lafaz-lafaz yang termaktub itu.

Al-Imam al-Razi[9] dalam kitabnya *Asās al-Taqdīs* telah meringkaskan konsep Mazhab Salafi dalam beberapa perkataan yang sangat ringkas, tepat dan halus, katanya: "Sesungguhnya ayat-ayat *mutasyabihāt* itu wajiblah diputuskan bahawa maksud Allah padanya adalah sesuatu yang bukan berdasarkan zahir ayat-ayat itu. Kemudiannya hendaklah diserahkan maknanya kepada Allah dan tidak harus ada pembabitan dalam mentafsirkannya."

Inilah sebenarnya pendekatan Mazhab Salafi mengenai sifat-sifat Allah dan ia tidak suka menimbulkan polimek (*jadal*) dan pertengkaran bahkan kesemuanya itu bukanlah daripada ciri-ciri tabiatnya. Justeru itu Mazhab Ubudiyyah yang tulen (penyembahan dan penyerahan sepenuh kepada Allah).

Mazhab ini dihayati oleh orang-orang yang mempunyai semangat keagamaan yang suci bersih. Itulah mazhab-mazhab al-Imam Malik, al-Imam al-Syafi'i, al-Imam Ahmad bin Hanbal dan *salafusṣāleḥ* r.a. Dengan itu maka inilah yang sebenarnya menjadi landasan mazhab kumpulan-kumpulan yang tersebut yang terselamat *(al-Nājiah).*

Kaum Muslimin yang memahami agama mereka wajiblah tampil menyebarkan ke seluruh pelosok dunia Islam melaksanakan risalah sebagai amanah daripada Allah ke atas bahu mereka demi mencegah penyelewengan, keluh kesah dan kegawatan di kalangan individu Muslim iaitu

sekali gus dapat menghalang perselisihan dan persengketaan di kalangan kumpulan-kumpulan umat Islam serta menyebarkannya antara individu Muslim dan jama'ah Islam.

Adalah wajib ditarik keluar sebarang perbahasan sifat-sifat Allah daripada lautan pemikiran iaitu menarik keluar permasalahan daripada yang diistilahkan sebagai "ilmu kalam." Seandainya kita semua telah berupaya melakukan ini bermakna kita telah menghapuskan satu faktor terpenting yang telah memporak-perandakan umat Islam justeru tercetusnya perbalahan tentang aqidah. Dengan usaha ini kita turut berperanan dalam membaharui usaha yang tidak kurang pentingnya dalam perjuangan tauhid.

KEWUJUDAN ALLAH

Persoalan qadar merupakan persoalan yang tidak harus dibincangkan oleh umat Islam. Persoalan ini seharusnya tidak dikira sebagai persoalan daripada sebarang perbincangan ilmu kalam. Persoalan lain yang tidak harus menjadi perbincangan ilmu kalam ialah "mengenai kewujudan Allah."

Apabila Rasulullah s.a.w. mula berdakwah secara terang-terang (*al-jahr*) selepas tiga tahun berdakwah secara rahsia, Rasulullah tidak pun memulakan dakwahnya dengan menghujahkan "kewujudan Allah" tetapi sebaliknya Baginda cuba membuktikan "kebenaran" Allah dan mencabar orang Arab dengan kebenaran ini. Ketika Rasulullah didatangi Malaikat Jibril di Gua Hira', ia tidak dimulai dengan persoalan kewujudan Allah tetapi apa yang dikemukakan buat pertama kali oleh wahyu itu ialah seruan supaya Rasulullah membaca dengan nama Tuhannya:

سورة العلق ٩٦ : اية ١

Terjemahan: *Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan.*

(Surah al-'Alaq 96:1)

Sepanjang kurun pertama tidak seorang pun yang tampil memperkatakan mengenai peng*ithbāt*an kewujudan

Allah. Begitu juga persoalan ini tidak mendapat tempat pada kurun yang kedua.

Kewujudan Allah merupakan perkara mudah (*badīhi*) yang tidak wajar diperbincangkan oleh orang yang beriman sama ada menafi, mengiya, menolak mahupun menerima. Sesungguhnya kewujudan Allah merupakan antara persoalan-persoalan yang tidak dibahaskan oleh manamana ilmu dalam agama kerana ia merupakan perkara fitrah.

Orang yang cuba meletakkannya (persoalan membuktikan kewujudan Allah) sebagai bahan kajian merupakan orang yang telah rosak imannya dan fahaman agamanya sudah bercelaru sehingga memerlukan peranan manusia membuktikan wujudnya Allah itu. Agama datang bukan untuk membuktikan wujudnya Allah tetapi ia datang untuk "mentauhidkan Allah." Sekiranya diselidiki al-Qur'an dan al-Injil (Bible) atau al-Taurat (termasuk yang ada sekarang ini) pasti anda tidak akan mendapati bahawa "persoalan wujud Allah" sebagai matlamat dalam ajaran agama atau langsung tidak didapati sebagai satu matlamat dalam risalah langit itu.

Al-Qur'an begitu sekali memandang rendah persoalan ini meskipun terhadap orang-orang yang memegang aqidah yang *bāṭil*. Firman Allah Ta'ala:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ . . .

سورة الزمر ٣٩ : اية ٣٨

Terjemahan: *Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siapakah yang mencipta langit dan bumi?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah."* .... .

(Surah al-Zumar 39:38)

Mereka berkata Pencipta ialah Allah, sedangkan mereka itu syirik dan menyeleweng seratus peratus dalam keimanan mereka dengan Allah. Keseluruhan agama tidak diturunkan untuk membuktikan kewujudan Allah tetapi

diturunkan untuk membetulkan aqidah tentang Allah atau membetulkan jalan aqidah itu sendiri.

Adapun terdapat banyak ayat yang disangka oleh sesetengah orang kononnya diturunkan untuk membuktikan wujudnya Allah yang sebenarnya bercanggah sama sekali. Sebaliknya ayat-ayat tersebut adalah untuk menerangkan kebesaran, keagungan, keunggulan serta penguasaan Allah secara total ke atas alam ini. Segala sesuatu yang kecil mahupun besar adalah sentiasa dalam genggaman Allah, Tidak ada yang terkecuali daripada penguasaan-Nya.

Ayat-ayat itu adalah bertujuan untuk memandu manusia supaya berserah sepenuhnya kepada Allah iaitu segala yang dilakukan adalah dengan nama Allah dan pada jalan Allah sama ada pada menerima atau menolak.

Kurun pertama dan sebahagian besar kurun kedua berjalan di atas landasan ini. Kemudian tersebarlah falsafah Yunani yang merubah segala-galanya.

Falsafah Yunani ialah falsafah keberhalaan (*wathāniyyah*) kerana ia bersandarkan akal, bukan kepada wahyu. Sebarang fikiran yang lahir daripada akal bukan daripada wahyu mengenai alam metafizika atau alam aqidah itu adalah daripada ketentuan Allah iaitu Allah menerangkannya melalui para rasul-Nya. Sebarang campurtangan manusia dalam hal ini adalah tidak wajar kerana ia merempuh sempadan suci yang diharamkan. Manusia tidak harus mencampurinya kecuali sebagai seorang yang sujud dan khusyuk menerima segala ketetapan yang dibawa oleh wahyu.

Falsafah Yunani dalam perkara aqidah merupakan falsafah keberhalaan (*wathāniyyah*) meskipun terdapat percubaannya untuk membuktikan kewujudan Allah. Sekadar membuktikan kewujudan Allah tidak terselamat daripada tanggapan keberhalaan falsafah itu. Tanggapan sedemikian adalah berdasarkan prinsip yang dipegangainya iaitu mempertuhankan akal manusia itu adalah sama sahaja di sisinya sama ada menthabitkan kewujudan Allah atau mengingkarinya.

Membuktikan wujudnya Allah secara akal tidak mempunyai apa-apa faedah yang besar dan nilai kerana sama ada membuktikannya atau tidak adalah sama saha-

ja. Akal yang membuktikannya ialah akal yang boleh mengingkari, bahkan akal itulah yang sememangnya mengingkari. Justeru itu tidak wajar kita menyokong dan menghargai usaha para intelektual di Timur mahupun di Barat yang cuba menggunakan akal dalam membuktikan wujudnya Allah. Kita tidak membangunkan aqidah kita berdasarkan pemikiran manusia meskipun pemikiran itu bersifat intelek.

Seseorang Mukmin tidak harus memberi sebarang penilaian kepada rumusan pemikiran mengenai metafizika sama ada ia bertentangan ataupun secocok dengan pegangannya. Hendaklah dia berpegang dengan agama kerana Allah semata-mata, memadailah Allah sebagai sumber, sebagai Pemberi hidayah dan sebagai Pembimbing (*mursyid*). Sesiapa yang berpegang dengan Allah, dia akan diberi petunjuk kepada jalan yang lurus, Allah sahaja yang menghitungkannya selalu. Maka sebarang petunjuk selain daripada Ilahi dalam persoalan agama adalah keberhalaan dan sesat belaka.

Falsafah Yunani merupakan keberhalaan manusia yang ingin memberi jalan, untuk selamat daripada salah dan silap. Untuk tujuan itu diciptakanlah "ilmu mantiq" (logik). Ilmu ini terus kekal dengan ciri-ciri kesesatan dan kebatilannya sehingga beberapa kurun.

Umat Yunani boleh dimaafkan kerana tidak didatangi oleh agama dari langit untuk memandu dan membimbing mereka sebagaimana pada Zaman Jahiliyah di Semenanjung Arab. Mereka berpegang dan mempertuhankan akal mereka untuk membuktikan dan menafikan sesuatu dengan sesuka hati mereka. Sudahlah mereka itu sesat, malah telah menyesatkan orang lain pula.

Kedatangan agama Nasrani (Kristian) adalah untuk membetulkan keadaan kucar-kacir ini dan memisahkan fikrah ketuhanan daripada pencemaran kegiatan keberhalaan. Ia mampu meninggikan martabat Allah S.W.T. melewati batas-batas kajian. Kemudian keberhalaan Yunani – bagaikan kuman-kuman halus – meresap masuk ke dalam agama ini sehingga menyebabkan persoalan kewujudan Allah menjadi persoalan utama dalam kajian atau topik utama dalam tauhid gereja (*lāhūt kanisi*), maka jadilah

pemikiran suci agama mengenai Allah turun kepada suasana yang dilingkari keberhalaan manusia.

Islam datang dengan sepenuh pembersihan dan pembersihan iman. Islam dengan namanya *"al-Islām"* (penyerahan) adalah perisytiharan perang terhadap campur tangan manusia dalam agama Allah dan risalah-Nya. Islam merupakan penyerahan mutlak kepada Allah, berserah kepada Allah demi keredaan-Nya. Apakah manusia bertuhankan sesuatu sesuka hatinya boleh dikira sebagai bertuhankan Allah yang selari dengan kehendak Islam, agama tunggal. Tidak ada agama yang benar selain agama Allah ini. Firman Allah:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ١٩

Terjemahan: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam .... .*

(Surah āli-'Imrān 3:19)

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٨٥

Terjemahan: *Dan sesiapa yang mengambil agama selain Islam maka ia tidak akan diterima Allah .... .*

(Surah āli-'Imrān 3:85)

Sesiapa yang tidak menyerah secara mutlak kepada Allah melalui penghayatan wahyu-Nya sama ada banyak mahupun sedikit mengikut kadar penyelewengannya – maka ia sebenarnya tidak menganuti Islam sebagai agama.

Islam ialah "arahan" (*taujih*) dan dari situ tertonjollah prinsip-prinsip yang perlu dihayati. Antara arahan Islam ialah kewujudan Allah tidak wajar dijadikan tajuk kajian atau perbahasan. Sesiapa yang meletakkannya sebagai tajuk kajian bermakna dia menyimpang daripada arahan Allah dan sebaliknya menghayati arahan manusia. Justeru itu dia menjadikan "bukan Islam" sebagai pengarah.

Umat Islam dahulu menghayati Islam sebagai "arahan" dan prinsip. Mereka terus menghayatinya sehinggalah

berlakunya penyerapan falsafah Yunani bagaikan kuman-kuman halus ke dalam suasana Islam pada zaman pemerintahan al-Ma'mun yang berperanan secara peribadi melancarkan penyerapan ini dengan sokongan kuat daripada puak Mu'tazilah. Orang-orang Mukmin tidak senang dengan usaha ini dan ini memang wajar bagi mereka betapa kelojikan agama dan fitrah sudah tidak lagi berfungsi sebagai panji yang berkibar-kibar dalam dunia aqidah masyarakat Islam seluruhnya. Kita kini sudah condong menuruti kibaran panji ini sedikit atau banyak justeru kita turut memacak panji Aristotle atau panji Efiqure menjirani panji wahyu Ilahi.

Al-Ma'mun telah mengibarkan panji penyelewengan dan keberhalaan (*wathāniyyah*) mengiringi panji hidayat yang terpelihara (*ma'ṣūm*) tetapi umat Islam tetap bangun menentang usaha ini dan terus mempertahankan kesucian agama dengan kata-kata mereka: "Keberhalaan ini tetap keberhalaan meskipun kadang-kadang ia secocok dengan agama."

Arah aliran keberhalaan ini makin kuat bertapak dan berkembang. Allah melindungi aqidah-aqidah utama Islam (beriman dengan Allah, risalah dan kebangkitan) daripada dikotori oleh unsur-unsur keberhalaan ini tetapi sayangnya unsur-unsur ini telah berjaya menjangkiti metode semangat dan aliran dalam kajian dan metodologinya. Ini bukan perkara mudah dan remeh. Ia adalah manifestasi daripada keadaan iman seseorang itu, kuat atau lemah.

Perbezaan sangat nyata antara anda menerima wahyu secara bulat-bulat dengan anda menerima wahyu, menta'-wilkannya atau mentafsirkannya mengikut fikiran anda yang kononnya berdasarkan metodologi anda yang tersendiri.

Dengan perkataan lain sangat nyata perbezaan antara anda menggunakan akal untuk memahami wahyu dengan "anda memahami wahyu dan menerimanya dengan kelojikan akal anda." Mungkin sesetengah orang melihat seolah-olah tidak ada perbezaan antara dua ibarat ini sedangkan perbezaannya sangat jelas dan terang sekiranya dilihat kepada kedudukan seseorang yang mempunyai dua kemungkinan di hadapannya; sama ada ia menanggapi wahyu itu atau ia berpegang dengan akalnya dalam mentafsirkan wahyu berdasarkan rumusan-rumusan atau kaedah yang telah diputuskan oleh akal.

Orang yang beriman dan umat Islam telah menundukkan akal mereka kepada wahyu sementara ahli-ahli falsafah menundukkan wahyu kepada akal. Peng*ithbāt*an menganjurkan penyelewengan total yang membawa berlakunya keingkaran wujudnya Allah. Pasti ini adalah metode kebatilan dan kepalsuan yang nyata.

Meletakkan permasalahan kewujudan Allah sebagai subjek perbahasan telah menyediakan ruang kepada orang yang telah rosak fitrahnya untuk mengingkari agama Allah dan mengkafirkan Allah. Ini adalah satu natijah.

Natijah kedua ialah "lemahnya iman" kerana dengan meletakkan persoalan kewujudan Allah sebagai subjek perbahasan bermakna meletakkan kewujudan Allah dalam kerangka ragu dan syak dalam erti kata kalau tidak diragui kewujudannya tentu tidak dibahaskan.

Sekiranya kewujudan Allah boleh diragui maka tidak ada lagi perkara-perkara agama yang tidak boleh diragui.[10] Iman yang dilanda suasana gawat ini sentiasa terhimpit dan terpupus sehingga akhirnya boleh dilenyapkan sama sekali.

Inilah apa yang berlaku dalam sejarah umat Islam: Iman mereka telah sampai ke peringkat seolah-olah tidak ada iman lagi justeru metode keberhalaan telah mendasari perbincangan mereka tentang persoalan-persoalan agama dan prinsip-prinsipnya yang kesemuanya telah menjadi bahan-bahan perbincangan. Apakah mungkin persoalan agama boleh kekal pada taraf yakin sedangkan kewujudan Allah terus dikaji? *Astaghfirullāh wa atūbu ilaihi.*

Kita ingin mengulangi bahawa sememangnya dijamin terpelihara oleh Allah sebagaimana firman-Nya:

سورة الحجر ١٥ : اية ٩

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Zikr (al-Qur'an) dan Kami tetap memeliharanya.*

(Surah al-Hijr 15:9)

Tetapi ditanya kepada salah seorang *'ārifīn*,[11] "Apakah dalil wujudnya Allah?" Lantas dia menjawab: "Allah" (yakni Allah itu sebagai bukti wujudnya Allah) sementara apabila

ditanya: "Apakah akal?" Lantas dijawabnya: "Akal itu lemah dan tidaklah akal itu mampu menunjukkan sesuatu kecuali ke atas yang lemah seumpamanya."

Adapun seorang imam yang arif dengan Allah, Ibn Ata'ullah al-Sakandari telah merakamkan dalam satu madah yang sangat menarik mengenai gambaran gabungan antara penguasaan tertinggi syariat dan hakikat. Katanya: "Ya Ilahi, bagaimanakah boleh dibuktikan kewujudan Engkau dengan satu bukti daripada perkara yang kewujudannya itu pun memerlukan Engkau.[12] Adakah selain daripada Engkau dapat membuktikan kewujudan Engkau, bilakah Engkau ghaib sehingga memerlukan dalil menunjukkan kewujudan Engkau. Bilakah Engkau menjauhkan diri sehingga ada kesan-kesan yang boleh membawa kepada Engkau."

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu, sedangkan Allahlah yang menzahirkan sesuatu.

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu sedangkan Dialah yang zahir dengan tiap-tiap sesuatu?

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu, sedangkah Dialah yang zahir di dalam sesuatu?

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu, sedangkah Dialah yang zahir sebelum kewujudan segala sesuatu?

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu, sedangkan Dialah yang menzahirkan dalam segala sesuatu?

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu, sedangkan Dialah yang Esa yang tiada sesuatupun sepertinya?

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu, sedangkan Dialah lebih hampir padamu daripada tiap-tiap sesuatu?

Bagaimanakah boleh digambarkan Ia ditutupi sesuatu jika tidak kerana-Nya tidak akan wujud segala sesuatu.

Dua perkara di antara siapakah yang dapat membuktikan dengan-Nya atau yang dapat membuktikan ke atas-Nya, yang dapat membuktikan dengan-Nya mengetahui yang *ḥaq* dengan asal-Nya, maka tetaplah tentang kewujudan asalnya, dan yang mencari bukti itulah orang yang tidak sampai kepada-Nya kalau tidak masakan dia mencari-cari bukti itu? Dan bilakah Allah menjauhinya hingga dia terpaksa mencari kesan untuk sampai kepada-Nya?

PARTI-PARTI AGAMA *(AL-AḤZĀB AL-DĪNĪYYAH)*

Pada zaman awal Islam, setiap perkara dicelupi oleh agama dan ia menonjol daripada keagamaan yang diterajui oleh pemerintah.

Sehubungan dengan itu Islam tertonjol bukan sebagai satu aqidah dalaman semata-mata tetapi ia merupakan satu sistem yang mengandungi segala undang-undang kemasyarakatan.

Islam ialah aqidah, ibadat dan akhlak. Islam adalah satu perundangan dan peraturan kepada masyarakat. Ia telah menjadi prinsip dalam amalan pemerintahan yang mendukung ketetapan wahyu sementara ummah berserah kepada Allah, menghukum dengan kitab-Nya dan dengan Sunnah Nabi-Nya.

Justeru itu kita sebut: "Parti-parti agama" bukan "Parti-parti politik." Perkataan "politik" pada zaman itu tidak wujud sebagaimana yang difahami sekarang. Parti-parti ini timbul mengikut proses biasa sahaja atau proses tabi'i manusia.

Selepas Rasulullah s.a.w. wafat timbul satu soalan biasa bagi seseorang dalam mana-mana masyarakat. Siapakah yang akan mengendalikan urusan selepas kewafatan Rasulullah? Islam tidak pernah mengiktiraf kedudukan masyarakat yang berasaskan keturunan *(nasab)* semata-semata tetapi kemuliaan dan kelebihan dalam Islam adalah berasaskan taqwa. Dalam Islam, prinsip utama ialah seperti firman Allah:

Terjemahan: *Sesungguhnya semulia- mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling tinggi takwanya ... .*

(Surah al-Ḥujurāt 49:13)

Muslim dan Ibn Majah meriwayatkan daripada Abu Hurairah:

إن الله لا ينظر إلى صوركم وأموالكم ولكن ينظر إلى

قلوبكم وأعمالكم.

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta-harta kamu tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan kamu.*

. . . فَلَآ أَنسَابَ بَيۡنَهُمۡ يَوۡمَئِذٖ وَلَا يَتَسَآءَلُونَ ١٠١

سورة المؤمنون ٢٣ : اية ١٠١

Terjemahan: ... *tidak ada nasab-nasab di kalangan mereka pada hari itu dan mereka tidak akan bertanya-tanya (mengenainya).*

(Surah al-Mu'minūn 23:101)

Manakala dalam riwayat Ahmad, Muslim, Hakim dan lain-lain menyebutkan:

رب أشعث أغبر، لو أقسم على الله لأبره.

Terjemahan: *Boleh jadi ramai orang yang rambutnya kusut digelumang dengan debu seandainya dia bersumpah ke atas Allah pasti dia melakukan kebaikan kepada-Nya (Allah).*

Sepanjang zaman Islam, tanggapan umum ummah terarah kepada melihat bahawa kelebihan seseorang itu adalah tidak didasarkan kepada harta, pangkat, kedudukan, jawatan dan juga keturunan. Sebaliknya segala kelebihan adalah didasarkan kepada hubungan seseorang dengan Allah. Justeru itu sebahagian besar umat Islam tidak menjadikan keluarga sebagai waris pemerintahan.

Pemerintahan dalam Islam ialah *khilāfah. Khilāfah* ialah mengikut jejak Rasulullah s.a.w. Pemerintahan ialah penggantian kepada Rasulullah. Oleh itu seseorang khalifah sangatlah peka dan meneliti apa yang dilakukan oleh Rasulullah dan terus menurut jejak langkahnya. Segala urusan diuruskan dengan musyawarah. Firman Allah:

. . . وَأَمۡرُهُمۡ شُورَىٰ بَيۡنَهُمۡ . . .

سورة الشورى ٤٢ : اية ٣٨

Terjemahan: ... *dan semua urusan mereka diuruskan secara musyawarah sesama mereka ... .*

(Surah al-Syūrā 42:38)

سورة آل عمران ٢ : اية ١٥٩

Terjemahan: ... *dan hendaklah kamu musyawarahkan dengan mereka ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:159)

Rasulullah s.a.w. telah menanam prinsip-prinsip *syūra* ini dengan mengamalkannya sendiri ketika berlakunya Perang Badar di mana Rasulullah s.a.w. telah bermusyawarah atau meminta pandangan daripada kalangan umat Islam yang bersama-sama dengannya untuk memerangi kaum Musyrikin. Rumusan yang dikutip daripada pandangan-pandangan yang dikemukakan membawa kepada menyokong peperangan itu dilancarkan.

Rasulullah telah diberi pandangan tentang kedudukan tempat-tempat dalam perang tersebut. Rasulullah juga telah meminta pandangan dan melaksanakannya misalnya kedudukan tawanan-tawanan perang. Rasulullah juga telah bermusyawarah tentang Peperangan al-Ahzab yang membawa perlunya mengorek parit (*Khandak*). Jadi Rasulullah sentiasa bermusyawarah dalam pelbagai perkara.

Apabila Rasulullah menemui Tuhannya, sahabat-sahabat telah berkumpul di rumah Bani Sa'adah untuk bermusyawarah mencari pengganti yang paling sesuai dan semua pendapat bersetuju memilih Sayidina Abu Bakar sebagai khalifah.

Sayidina Abu Bakar memang seorang yang sangat layak dan sesuai dengan jawatan khalifah yang disandangnya. Beliau telah menunaikan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya. Sayidina Abu Bakar menyedari bahawa beliau ialah khalifah Rasulullah yang telah dipilih oleh ummah demi kebaikan mereka di dunia dan di akhirat. Ini bermakna satu penyerahan (kebebasan) dalam memilih pengganti Rasulullah dan merupakan pandangan yang tidak boleh diragui.

Umat Islam telah melantik Sayidina Abu Bakar sebagai khalifah: Ini bermakna mereka menyerahkan kepadanya kuasa untuk memimpin mereka iaitu mereka menaruh kepercayaan kepadanya dalam memelihara segala kepentingan mereka. Kemudian Sayidina Abu Bakar telah memilih penggantinya pula.

Semasa menjadi khalifah, Sayidina Abu Bakar mengkaji dan meneliti, mendapat nasihat daripada orang lain dan beristikharah. Beliau tidak menolak saranan orang lain. Apabila hampir saat kematiannya, beliau telah memilih Sayidina Umar al-Khattab r.a. Tetapi sesetengah sahabat tidak begitu menyetujui pandangannya ini dan mereka juga mempunyai hujah-hujah.

Orang yang paling hampir *(aqrab)* dengan Rasullulah s.a.w. ialah orang paling layak dan patut menanggung risalah sekiranya ia sesuai dan mampu menanggungnya. Sekiranya tidak ada orang yang paling hampir dengan Rasulullah benar-benar layak dan sesuai, maka khalifah hendaklah dipilih daripada kalangan yang berikutnya dan seterusnya mengikut urutan atau darjah keakraban ini.

Khalifah adalah hak keluarga dan kelayakan pemilihan tidak wajar menyanggahi amalan ini kecualilah kelayakan atau kesesuaian benar-benar tidak wujud. Kumpulan ini memilih Sayidina Ali (*karramallahu wajhah*) sebagai orang yang paling layak menyandang jawatan khalifah.

Memang benar, Sayidina Ali merupakan seorang yang mulia dan sesuai menyandang jawatan khalifah. Siapa yang berani menentang ini? Sayidina Ali merupakan yang paling unggul dalam kebaikan dan taqwa, tegas dan berani serta dianggap yang terunggul dalam dunia ilmu. Tetapi kumpulan ini tidak suka akan apa yang berlaku.

Apabila sahaja Sayidina Umar dipilih selepas Sayidina Abu Bakar, maka tercabarlah cita-cita mereka selama ini. Apatah lagi apabila dilantik Sayidina Uthman. Mereka amat tidak senang dengan perlantikan yang dibuat itu.Sehari demi sehari kumpulan ini bertambah kuat. Bilangan penyokong juga turut bertambah terutamanya pada akhir-akhir pemerintahan Uthman bin Affan r.a.

Sayidina Uthman bin Affan merupakan "pemilik dua cahaya" (*Dhu al-Nūrain*) sebagaimana yang digelarkan oleh Rasulullah. Rasulullah pernah berdoa: "Ya Allah, redailah

Uthman sesungguhnya aku sentiasa meredainya." (Riwayat Ibn Hisyam).

Ketika Sayidina Uthman mendermakan wangnya yang begitu banyak di mana memanfaatkan ramai orang Islam dalam peperangan mereka, Rasulullah memuji beliau dan berkata:

اللهم ارض عن عثمان فإني عنه راض.

Terjemahan: *Ya Allah, redailah Uthman, kerana hari ini aku meredainya.*

(Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi)

Sayidina Uthman termasuk daripada kalangan 10 sahabat yang dijanjikan sebagai ahli syurga. Beliau telah mengakhiri hidupnya dengan satu peristiwa yang sangat sedih. Kita tidak mahu membicarakannya sebagai penghormatan kepada kemuliaan sahabat-sahabat.

Apa yang boleh kita sebutkan di sini ialah bahawa Sayidina Ali bersih daripada peristiwa penumpahan darah Sayidina Uthman dan begitulah semua sahabat Rasulullah yang utama.

Kemudian Ali bin Abi Talib menerajui khalifah secara *syūra* dan perlantikannya itu adalah sah. Tetapi sayangnya berlaku satu tragedi besar yang menyedihkan. Tragedi yang mengorbankan lebih 90,000 pahlawan-pahlawan era pertama Islam.

Pemerintahan beralih kepada Muawiyah bin Abu Sufyan, bentuk pemerintahan pun turut berubah. Daripada seorang khalifah beliau menjadi seorang raja yang berkuasa. Daripada seorang sangat halus dan teliti menuruti jejak langkah Rasulullah, beliau bertukar menjadi seorang tokoh pemerintahan yang mempunyai kuasa dan perintah.

Selepas tercetusnya peristiwa-peristiwa itulah umat Islam telah dipecah-pecahkan kepada parti-parti:

1. Parti Alawiyyin atau Syi'ah (penyokong-penyokong Sayidina Ali).

2. Parti al-Khawarij (yang keluar daripada perintahan Sayidina Uthman dan Ali).

3. Parti Amawiyyin (penyokong Mu'awiyah).

4. Parti Murji'ah (serah segala urusan kepada Allah).

Sengketa tercetus berkisar tentang individu-individu demi kerana individu-individu. Jadilah parti-parti di kalangan umat sebagai perjuangan kerana kesetiaan kepada individu-individu. Sedangkan Islam tidak mengakui individu-individu tetapi mengakui prinsip-prinsip, akhlak-akhlak dan sifat-sifat terpuji. Ukuran Islam ialah: "Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di kalangan kamu."

Islam mengakui para nabi dan rasul yang terselamat daripada salah silap dan dosa *('iṣmah)*. Adapun orang-orang lain tidak terselamat daripada salah, silap dan dosa mengikut pandangan Islam.

Islam menitikberatkan prinsip teladan yang baik dan nilai-nilai yang mulia serta akhlak yang terpuji. Adapun individu-individu adalah tidak wajar menjadi punca kepada perpecahan di kalangan ummah.

Umat Islam wajib mengetahui bahawa Islam tidak mengaitkan aqidah-aqidahnya dengan sesuatu yang berkaitan dengan individu-induvidu kecuali dengan Rasulullah s.a.w.

Kalaulah kita mengeluarkan individu-individu dari lautan, masyarakat kita pasti mendapati bahawa parti-parti yang ditubuhkan di atas dasar kesetiaan kepada individu-individu dengan sendirinya akan berkubur.

Memanglah tidak diragui bahawa sesebuah masyarakat akan menghargai pahlawan-pahlawan mereka dan ini adalah perkara biasa dalam sejarah dan amalan hidup masyarakat. Perasaan menghargai pahlawan-pahlawan itu mustahil dapat dihapuskan. Setiap manusia yang berbudi pekerti tidak dapat lari daripada kesesuaian memenuhi perasaan dan adat dalam amalan mereka.

Setiap manusia akan menghormati pahlawan-pahlawan yang banyak melaku kebaikan-kebaikan sama ada dari segi keilmuan, akhlak, dakwah, memimpin ke jalan Allah dan sebagainya. Setiap manusia sememangnya bebas dalam menghargai seseorang atau melebih-lebihkan seseorang

yang lain. Cuma apa yang salah di sini ialah dimasukkan individu-individu selain para nabi dan rasul ke dalam aqidah-aqidah. Ini adalah sesuatu yang sangat asing daripada amalan Islam sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah:

. . . إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ . . .

سورة الحجرات ٤٩ : اية ١٣

Terjemahan: *... sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa daripada kalangan kamu ... .*

(Surah al-Hujurāt 49:13)

Tangga pertama untuk mendekatkan kita semua ialah gugurkan daripada aqidah-aqidah kita sesuatu yang berkaitan dengan individu-individu. Kita memang boleh menghormati sesiapa daripada kalangan mereka yang kita kehendaki dan kita boleh menarik penghormatan itu daripada sesiapa yang kita kehendaki kerana itu adalah hak kita.

Walau bagaimanapun, kesemua ini adalah tidak memadai untuk kita bersatu padu, kerana kita tidak boleh pergi kepada perpaduan dengan secara berkumpulan. Meskipun parti-parti agama dilangsaikan, namun kumpulan-kumpulan agama tetap juga wujud.

KUMPULAN-KUMPULAN AGAMA

Firman Allah:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ مِنْهُ ءَايَٰتٌ مُّحْكَمَٰتٌ هُنَّ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٌ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِى ٱلْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ۝٧

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: *Dialah yang telah menurunkan ke atas kamu Kitab, daripadanya terdapat ayat-ayat yang muhkamat, itulah pokok-pokok isi al-Qur'an dan yang lain (ayat-ayat) mutasyābihat. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti ayat-ayat yang mutasyābihat daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari ta'wilnya, padahal tidak ada yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyābihat, semuanya itu dari sisi Tuhan kami." Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal.*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Adapun ayat ayat *muhkamat* (terang jelas) adalah mudah dan senang difahami. Ayat-ayat *mutasyābihat* (kesamaran) berkaitan dengan persoalan ghaib. Justeru itu Allah telah memuji orang-orang yang mempercayai (beriman) dengan ghaib sebagaimana firman-Nya:

سورة البقرة ٢ : اية ١ - ٥

Terjemahan: *Alif, Lam, Mim, demikianlah kitab yang tidak ada sebarang keraguan padanya, sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa yang beriman dengan yang ghaib dan mendirikan sembahyang dan daripada apa yang kami rezekikan kepada mereka, mereka membelanjakan. Dan mereka yang beriman kepada kitab (al-Qur'an yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelummu, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk daripada Tuhannya, merekalah orang-orang yang beruntung.*

(Surah al-Baqarah 2:1 – 5)

Apabila disoal tentang ayat-ayat *mutasyābihat*, ini bermakna menyoal zat ketuhanan (zat *ulūhīyyah*) dari segi ghaib, menyoal rahsia-rahsia ketuhanan dari segi qada' dan qadar, menyoal sifat-sifat Allah dan segi hubungannya dengan zat tertinggi.

Meskipun ulama' Kalam dan ulama' Tafsir ber*khilāf* pendapat mengenai apakah *mutasyābihat* itu tetapi ke*khilāf*an mereka itu tidak melanggar larangan Rasulullah s.a.w. yang telah membenarkan perbincangan tentangnya. Rasulullah s.a.w. sememangnya melarang perbincangan tentang qada' dan qadar serta hubungan keduanya dengan persoalan apakah manusia boleh berusaha atau sebaliknya.

Perbahasan tentang persoalan keterpaksaan (*ijbār*), usaha (*ikhtiār*), qada' dan qadar banyak menimbulkan andaian-andaian akal seperti: Apakah manusia itu semacam sehelai bulu yang berterbangan dipukul angin ke sana seni? Apakah manusia itu mempunyai kemahuan, kebebasan dan pilihan (*khiyār*)?

Inilah perbahasan yang terus tercetus dan menimbulkan perdebatan hangat di kalangan ulama' kalam dan ahli-ahli falsafah. Perbahasan ini semenjak awal-awalnya lagi telah mewujudkan dua golongan:

1. Golongan yang mengatakan "keterpaksaan" (*ijbār*).
2. Golongan yang mengatakan "perlu berusaha" (*ikhtiār*).

Para ulama' Yahudi sebelum ini dan sehingga sekarang terus berpecah kerana isu ini. Begitu juga ahli-ahli falsafah dan kaum Nasara semenjak zaman Yunani.

Umat Islam dahulu juga pernah berbicara mengenai persoalan ini tetapi mereka menghentikannya apabila dilarang oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabda Baginda:

إذا ذكر القدر فأمسكوا.

Terjemahan: *Apabila disebut qadar maka hendaklah kamu berpegang.*

(Riwayat al-Tabarani dan Ibn Hads)

Rasulullah s.a.w. melalui Hadith-hadith Baginda

sentiasa memberi amaran, mengugut dan mengancam orang-orang yang menimbulkan persoalan ini dan banyak Hadith Rasulullah yang melarang perbahasan tentangnya. Tetapi ramai orang yang tidak menyahut seruan hidayat ini, mereka telah diruntun oleh hawa nafsu lalu membahaskannya dengan panjang lebar. Mereka tidak mengambil pengajaran dan iktibar daripada orang Yahudi dan Nasrani yang telah berpecah belah sesama sendiri dan sepanjang zaman berikutan dengan perbahasan persoalan ini di mana mereka tidak memperoleh sebarang keputusan.

Sesetengah orang Islam telah melalui jalan yang dilalui oleh orang sebelumnya dan berpecahlah mereka sebagaimana orang yang terdahulu berpecah di mana timbullah pelbagai golongan yang sentiasa berselisih dan bersengketa.

Persoalan "keterpaksaan" memang sangat rumit untuk diselesaikan dan seolah-olah mustahil boleh disepakati sama ada di Timur atau di Barat, dahulu mahupun sekarang, kedudukannya sama sahaja. Justeru kepada orang yang berakal tidak ada pilihan lain kecuali dia harus bersama-sama dengan orang yang berkemantapan ilmu dengan berdasarkan firman Allah:

... ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ...

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *kami telah beriman dengannya, semuanya daripada Tuhan kami* ... .

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Mari kita perhatikan dua soalan masing-masing yang dikemukakan oleh dua orang ulama' besar antara satu dengan lain: Adakah kamu berkata bahawa Allah sukakan maksiat? (*Mazhab Jabāriyyah*) . Adakah Allah itu melakukan maksiat secara terpaksa? (*Mazhab Ikhtiāriyyah*).

Sesungguhnya Allah tidak suka kepada maksiat dan Allah tidak pernah melakukan maksiat sama ada terpaksa atau dengan pilihannya sendiri. Kalau begitu? "Kami beriman dengan-Nya, semua dari sisi Tuhan kami."

Oleh itu wajiblah kita gugurkan perbahasan tentang *ijbār* dan *ikhtiār* kerana ini semua adalah daripada rahsia-

rahsia Allah S.W.T. Maka apabila *ijbār* dan *ikhtiār* ini tergugur, maka gugurlah faktor terbesar sebalik perpecahan ummah Islam.

BAHASAN ZAT DAN SIFAT-SIFAT

Hakikat zat-zat apa sekalipun – tetap gagal dikenali meskipun selepas kajian-kajian dibuat mengenainya. Daripada Abu al-Sheikh dan Tabarani dalam kitab *al-Auṣat*, Ibn Addi dan al-Baihaqi dalam kitab *al-Sha'āb* meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

تفكروا فى آلاءالله ولا تتفكروا فى ذاته فتهلكوا.

Terjemahan: *Berfikirlah kamu pada tanda-tanda kebesaran Allah dan jangan kamu berfikir pada zat-Nya nescaya kamu akan rosak binasa.*

Firman Allah:

سُبْحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ١٨٠

سورة الصافات ٣٧ : اية ١٨٠

Terjemahan: *Maha Suci Tuhanmu, Tuhan Yang Tinggi Mulia, lebih daripada yang dapat mereka sifatkan.*

(Surah al-Ṣāffāt 37:180)

. . . لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ . . .

سورة الشورى ٤٢ : اية ١٠

Terjemahan: ... *tidak serupa Ia dengan sesuatu pun* ... .

(Surah al-Syūrā 42:11)

Al-Qur'an al-Karim menyelamat beberapa sifat yang dimiliki bersama oleh manusia seperti ilmu, iradat dan qudrat. Firman Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ
فَمَن نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنكُثُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَٰهَدَ عَلَيْهُ

سورة الفتح ٤٨ : اية ١٠

Terjemahan: *Sesungguhnya orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad untuk berjuang menentang musuh) mereka hanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya sendiri, dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.*

(Surah al-Fath 48:10)

سورة الرحمن ٥٥ : اية ٢٦ - ٢٧

Terjemahan: *Segala yang ada di muka bumi itu akan musnah dan akan kekallah zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.*

(Surah al-Raḥmān 55:26 – 27)

Apakah hubungan sifat-sifat *irādat* (mahu) dan *qudrat* (berkuasa) dengan zat? Apakah sifat-sifat itu sama dengan zat atau sebaliknya?

Ulama' Kalam dan ahli-ahli falsafah telah membincangkan perkara ini dan berselisih pendapat tentangnya, pasti berlaku *khilāf* kerana ia adalah daripada perkara ghaib dan perkara ghaib tentu sekali menimbulkan *khilāf*. Orang Islam semestinya berfikir pada kejadian Allah kerana sikap ini melambangkan kesyukuran, ketaqwaan dan ketakutan mereka terhadap Allah.

Tetapi mereka (ahli-ahli falsafah dan *mutakallimīn*) telah melampaui batas iaitu mereka telah mengkaji hubungan zat dengan sifat-sifat dan justeru itu mereka pun berselisih mengenai hal ini.

Apakah maksudnya sifat-sifat Allah seperti tangan *(yad)*, muka *(wajh)*? Adakah tangan dan muka atau *qudrat* dan *zat*? Apakah boleh kita mengambil makna secara zahir

atau kita menta'wilkannya? Ahli-ahli falsafah dan *mutakallimīn* telah membahaskannya dan mereka terus berselisih pendapat. Mereka terus melampaui batas-batas yang ditetapkan.

Ini sebenarnya tidak dituntut dalam aqidah. Tidak sayugialah seandainya ada orang berkata bahawa menjadi kemampuan mereka untuk memahami hakikat ayat:

ٱلرَّحْمَٰنُ عَلَى ٱلْعَرْشِ ٱسْتَوَىٰ ۝٥

سورة طه ٢٠ : اية ٥

Terjemahan: *Tuhan (al-Rahman) bersemayam di atas arasy.*

(Surah Ṭāhā 20:5)

Ataupun dikatakan memahaminya dituntut dalam aqidah. Adalah tidak diragui bahawa orang-orang terdahulu (*salaf*) telah mengambil pendirian yang jelas dan terang dengan hanya berkata: Kami beriman dengan demikian itu mengikut maksud Tuhan kami. Firman Allah:

. . . ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا ۗ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *kami beriman dengannya semua adalah dari sisi Tuhan kami* ... .

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Semuanya itu adalah daripada lingkungan ayat-ayat yang *mutasyābihat* (kesamaran). Firman Allah:

. . . فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنْهُ ٱبْتِغَآءَ ٱلْفِتْنَةِ وَٱبْتِغَآءَ تَأْوِيلِهِۦ ۗ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ۗ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *adapun orang-orang yang di dalam hati mereka wujud kesesatan, maka mereka menuruti perkataan kesamaran kerana berminat dengan fitnah dan*

berminat dengan penta'wilannya sedangkan tidak ada orang yang mengetahui penta'wilannya kecuali Allah ...
(Surah āli-'Imrān 3:7)

Apabila anda melihat seorang pengkaji yang suka berdebat dalam perkara ghaib, ini pasti anda dapat melihat bahawa dia adalah daripada kalangan orang-orang yang hati mereka penuh dengan kesesatan.

Apabila perbahasan mengenai hal ini dielakkan maka ia melambangkan pendirian kita yang tersimpul dalam kata-kata: Kita beriman dengan-Nya mengikut perintah Allah, kepada-Nya kita berserah. Sebenarnya dengan pendirian ini aqidah kita pun selamat, kita merasai tenang dan akhirnya kita harus mampu mengawal ummah Islam daripada terhumban dalam persoalan ini yang berhubungkait dengan alam ghaib dan dengan ayat-ayat yang terdapat kesamaran. Marilah kita ikuti bersama sabda Rasulullah s.a.w.:

إن المقسطين عند الله يوم القيامة عن يمين الرحمن وكلتا يديه يمين،الذين يعدلون فى حكمهم وأهليهم وما ولوا.

Terjemahan: *Sesungguhnya orang yang berlaku adil dan saksama di sisi Allah pada Hari Akhirat berada di pihak kanan Allah dan kedua-dua tangannya adalah tangan orang-orang yang berlaku adil dalam hukum hakam mereka dan ahli-ahli mereka dan mereka tidak pun berpaling.*
(Riwayat Ahmad, Muslim dan al-Nasa'i)

Perhatikanlah ayat:

. . . وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ . . .

سورة الحديد ٥٧ : اية ٤

Terjemahan: ... *dan Dia bersama-sama kamu di mana kamu berada ... .*
(Surah al-Ḥadīd 57:4)

Perhatikanlah ayat:

مَا يَكُونُ مِن نَّجْوَىٰ ثَلَٰثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا

هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَآ أَدْنَىٰ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا
كَانُوا۟ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ

سورة المجادلة ٥٨ : اية ٧

Terjemahan: *Tiada pembicaraan rahsia antara tiga orang, melainkan Dialah yang keempatnya. Dan tiada (pembicaraan antara) lima orang, melainkan Dialah yang keenamnya. Dan tiada (pula) pembicaraan antara (jumlah) yang kurang dari itu atau lebih banyak, melainkan Dia ada bersama mereka di mana pun mereka berada. Kemudian Dia akan memberitakan kepada mereka pada Hari Kiamat apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.*

(Surah al-Mujādalah 58:7)

سورة الأنعام ٦ : اية ٣

Terjemahan: *Dan Dialah Allah (Yang disembah), baik di langit mahupun di bumi; Dia mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu lahirkan dan mengetahui (pula) apa yang kamu usahakan.*

(Surah al-An'ām 6:3)

Dialah Maha Suci Allah yang tidak menyerupai sesuatu pun. Seandainya kita menggugurkan perbincangan tentang perkara-perkara kesamaran, maka pupuslah tunggak perselisihan yang sangat-sangat digemari oleh musuh-musuh Islam supaya umat Islam bercakaran sesama sendiri.

Sekiranya kita beraksi dalam gelombang ini, maka sejuklah mata musuh-musuh Islam dan mereka bergembira kerana cita-cita mereka untuk melihat umat Islam bersengketa dan ber*khilāf* telah terlaksana. Tetapi Allah mengatasi segala-galanya dan kita terpelihara dengan rahmat-Nya.

. . . وَمَن يَعْتَصِم بِٱللَّهِ فَقَدْ هُدِىَ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٠١﴾

سورة آل عمران ٣ : اية ١٠١

Terjemahan: ... *dan sesiapa yang berpegang teguh dengan Allah, maka sesungguhnya ia telah diberi hidayat kepada jalan yang lurus.*

(Surah āli-'Imrān 3:101)

Kita berpegang dengan Allah dan tidak membiarkan "individu-individu" memecahbelahkan kita. Kita tidak membahaskan perkara-perkara kesamaran itu, insya-Allah kita mendapat keredaan Allah.

DUA TANGANNYA ... KANAN

Diriwayatkan oleh Ahmad, Muslim dan al-Nasa'i daripada Abdullah bin Amru, katanya sabda Rasulullah s.a.w.:

إن المقسطين عند الله يوم القيامة عن يمين الرحمن وكلتا يديه يمين، الذين يعدلون فى حكمهم وأهليهم وما ولوا.

Terjemahan: *Sesungguhnya orang-orang yang berlaku adil di sisi Allah pada Hari Akhirat berada di atas mimbar-mimbar yang dipancarkan cahaya daripada kanan Allah, dan kedua-dua tangan kanannya ialah orang-orang yang adil dalam hukum-hakam mereka dan pada ahli-ahli mereka dan tidak pun mereka berpaling.*

Bagaimana kita boleh menggambarkan dua tangannya itu kanan?

Dalam amalan kebiasaan pun sentiasa memperlihatkan kepada kita bahawa salah satu tangan kiri: maka pasti yang satu lagi itu semestinya kanan. Inilah sahaja apa yang dapat kita gambarkan dengan akal fikiran kita yang terbatas ini. Tetapi Hadith Rasulullah itu terbit daripada kaedah umum. Firman Allah:

. . . لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ . . .

سورة الشورى ٤٢ : اية ١١

Terjemahan: ... *tidak ada sesuatu yang serupa dengan-Nya ... .*

(Surah al-Syūrā 42:11)

Firman Allah S.W.T.:

سورة الصفات ٣٧ : اية ١٨٠

Terjemahan: *Maha Suci Tuhan kamu, Tuhan Yang Maha Tinggi daripada apa yang boleh mereka sifatkan.*

(Surah al-Ṣāffāt 37:180)

Pada hakikatnya zat Allah lebih tinggi, mulia dan tidak tercapai oleh akal manusia untuk menyifatkan-Nya dengan sebarang perhitungan dan neraca mereka.

Zat ketuhanan adalah ghaib dan ghaib wajib diimani oleh manusia tanpa dapat menggambarkannya. Kecuali apabila dibandingkan dengan sesuatu yang boleh manusia melihat dan mendengar, maka ia hanya merasainya secara umum sahaja.

Begitulah dijadikan manusia: Ia tidak mampu menggambarkan sesuatu selain apa yang dapat dilihat di saksi atau dirasai dengan salah satu inderanya.

Demi Allah yang ghaib: Berkatalah al-Imam Ibn Abdul Bir dengan kata-kata yang sangat mendalam: "Allah tidak menyerupai sesuatu pun, maka bagaimana Ia boleh diqiyas atau dikaji-kaji?"

Allah tidak dapat diketahui secara begitu kerana Ia tidak dapat diserupai oleh sesuatu pun. Firman Allah:

سورة الشورى ٤٢ : اية ١١

Terjemahan: ... *tidak ada sesuatu yang serupa dengan-Nya ....*

(Surah al-Syūrā 42:11)

Pandangan ini yang diasaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebenarnya turut diakur oleh ahli-ahli falsafah ketuhanan. Cuma ada di kalangan mereka yang apabila memperkatakan sesuatu tentang Allah mereka memperkatakannya dalam bentuk negatif (*salbi*). Apabila mereka ingin berkata Allah itu "Esa" (*al-Wāḥid*) mereka berkata "Tidak dua" (*alla-ithnain*). Ini satu tanggapan negatif atau

salbi meskipun bermakna Esa juga.

Setiap penyifatan adalah satu penentuan (*taḥdīd*) dan setiap penentuan adalah mengikat *"taqyīd"* dan tiap-tiap penentuan ialah terbatas, sedangkan Allah tidak ada had batas ke atasnya.

Justeru itu wajib berpegang (*iltizām*) dengan nas ketuhanan yang tidak harus ditafsirkan atau dita'wil atau diterjemahkan kepada sesuatu gambaran tertentu. Apa yang wajar dikatakan ialah "Kami beriman dengan-Nya mengikut kehendak Allah S.W.T." Apabila difirmankan oleh Allah S.W.T.:

. . . يَدُ ٱللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ . . .

سورة الفتح ٤٨ : اية ١٠

Terjemahan: ... *tangan Allah di atas tangan-tangan mereka ... .*

(Surah al-Fath 48:10)

Maka pendirian kita yang semestinya ialah kita berkata: "Kami beriman dengan-Nya mengikut kehendak Allah, tidak ada selain itu, sebarang tafsiran dan penta'wilan merupakan penyelewengan dari jalan yang lurus."

Dalam nas yang disebut kalimah *fauqīyyah* (atas) kita wajib berkata: Kami beriman dengan-Nya mengikut kehendak (maksud) Allah. Ini tidak mengundang sebarang persoalan mengenai tempat kedudukan Allah yang dari "atas" tadi. Kata ungkapan "kami beriman dengan-Nya" mengikut kehendak (maksud)Allah melenyapkan soalan seumpama itu.

Istiwā' (bersemayam): Kita beriman dengan-Nya mengikut maksud firman Allah:

. . . فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا . . .

سورة الطور ٥٢ : اية ٤٨

Terjemahan: ... *maka sesungguhnya Engkau dengan mata-mata kami ... .*

(Surah al-Ṭūr 52:48)

Kita hanya beriman dengan-Nya mengikut maksud yang

dikehendaki Allah. Allah berfirman dengan mata-mata kami *(jama')* bukan dengan mata kami (*mufrad*) atau dengan dua mata kami.

Demikian apa yang dibahaskan daripada zat ketuhanan (*al-zāt al-ilāhīyyah*). Adalah tidak diragui bahawa perbincang-an mengenai zat ketuhanan ini adalah dikira perbahasan mengenai perkara yang kesamaran *(mutasyābih)* meskipun terdapat ahli-ahli tafsir yang mentafsirkan *mafhum mutasyābih* itu. Bahkan ia adalah tajuknya yang utama. Bukankah persoalan ini jelas sebagaimana firman Allah yang lalu dalam Surah *āli-'Imrān*:

هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ مِنۡهُ ءَايَٰتٞ مُّحۡكَمَٰتٌ هُنَّ
أُمُّ ٱلۡكِتَٰبِ وَأُخَرُ مُتَشَٰبِهَٰتٞۖ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمۡ زَيۡغٞ
فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَٰبَهَ مِنۡهُ ٱبۡتِغَآءَ ٱلۡفِتۡنَةِ وَٱبۡتِغَآءَ تَأۡوِيلِهِۦۖ وَمَا يَعۡلَمُ
تَأۡوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُۗ وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلّٞ مِّنۡ
عِندِ رَبِّنَاۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّآ أُوْلُواْ ٱلۡأَلۡبَٰبِ ٧

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: *Dialah yang menurunkan al-Kitab (al-Qur'an) kepada kamu. Di antara isinya adalah ayat-ayat yang muḥkamat, itulah pokok isi al-Qur'an dan yang lain (ayat-ayat, mutasyābihat). Adapun orang-orang yang di dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikut ayat-ayat yang mustasyābihat daripadanya untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari ta'wilnya, padahal tidak ada yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepada ayat-ayat yang mutasyābihat, semuanya itu dari sisi Tuhan kami." Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal."*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Kami menegah sedaya yang mungkin daripada membincangkan dan berbalah tentang *mutasyābihat* ini. Kalau kita tidak berbalah-balah dan kita mengikut saranan al-Qur'an tentulah umat Islam tidak berselisih yang berpunca daripada *mutasyābihat, istiwā', fauqīyyah* (atas), tangan dan lain-lain.

. . . وَٱلرَّٰسِخُونَ فِي ٱلۡعِلۡمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِۦ كُلٌّ مِّنۡ عِندِ رَبِّنَاۗ . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *orang-orang yang mantap ilmu sentiasa berkata: Kami beriman dengannya, semuanya daripada Tuhan kami ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Selain itu kita tidak mengerti kenapakah para pengkaji daripada kalangan ahli al-Sunnah dan Mu'tazilah begitu berminat sekali mengkajinya sedangkan persoalan ini merupakan persoalan zat dan sifat-sifat?

Adakah Ia tau selain daripadanya atau tidak Ia dan tidak Ia selain daripadanya?[13]

Manusia ketika sangat hampir dengan Allah jadilah ia demi kerana Allah membujur lalu melintang patah *(inkisār)*, takut *(khasyah)*, tunduk patuh *(khuḍū')* dan berdoa sepenuhnya semoga Allah mengurniakan kepadanya sifat rendah diri *(tawāḍu')* cinta minat *(rughbah)* dan gerun *(ruhbah)* terhadap-Nya.

Dia sentiasa bersama-sama Ismail Sabri penyair yang sangat halus pengutaraannya: "Ya Ilahi layakkah aku untuk menanggapi kelebihan-Mu dan jauhilah aku daripada putar belit akal dan fitrah pemikiran."

Tanggapan seumpama ini yang menggayuti alam kudus ini sebenarnya merupakan pendirian Imam-imam Malik, al-Syafi'i, Ahmad bin Hanbal, Sufyan al-Thauri dan ahli-ahli Hadith.

Para Imam berkenaan telah mengharamkan sebarang perbicaraan tentang ayat-ayat *mutasyābihat* dan mereka memang berhak berbuat demikian.

Pendirian mereka itu adalah secocok dengan kehendak al-Qur'an, al-Sunnah, akal dan mantiq (logik). Kita wajib berjalan mengikut hidayat daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta mengikut hala cara Imam-imam kita yang mulia (semoga mereka diredai Allah).

Dengan itu kita terselamat daripada keterlanjuran dan sekali gus kita telah menunaikan hak kesucian Allah dan kita juga dapat menghapuskan banyak perselisihan di kalangan kita. Inilah tujuan penulisan ini. Semoga Allah

memberi hidayat, sesungguhnya Allah Maha Mendengar yang Hampir dan Menerima.

MAZHAB-MAZHAB FIQH

Rasulullah s.a.w. telah mempraktikkan Islam sebagaimana yang disukai oleh Allah sama ada pada percakapan, perbuatan mahupun pada perasaannya (sentimennya).

Para sahabat (semoga diredai Allah) sentiasa bertindak mengikut apa yang digariskan oleh Rasulullah. Mereka menjadikan Rasul sebagai teladan (*qudwah*), mereka bekerja sebagaimana Rasulullah bekerja. Justeru itu Sunnah Rasulullah secara praktikal terus terlaksana. Para sahabat sentiasa menerangkan Sunnah ini dan menceritakannya sebagaimana yang disabdakan oleh Rasul dalam pelbagai keadaan.

Sesetengah sahabat mewarisi sesuatu yang tidak dimiliki oleh orang-orang lain. Kemudian mereka berpecah ke merata tempat di dunia Islam. Mereka akan disambut dan diberi penghormatan oleh umat Islam di setiap tempat yang dikunjungi. Lambat-laun para sahabat menceritakan apa yang mereka miliki daripada Rasululah s.a.w. Maka bergegaslah kalangan penduduk-penduduk setempat mengumpulkan apa yang diceritakan itu dengan penuh kepercayaan. Ada kalangan mereka yang mencatitkan riwayat-riwayat itu dengan penuh kesungguhan penelitian dan amanah sehingga tidak mungkin terdapat sebarang keraguan. Hakikat ini sangat asing daripada para sejarawan moden yang banyak mengkritik dan mempertikaikan sesuatu bahan yang disampaikan kepada mereka.

Rasulullah s.a.w. menghadapi pelbagai keadaan dengan pelbagai masalah yang berbeza penyelesaiannya antara satu dengan lain meskipun daripada satu sumber.

Rasulullah sentiasa *iltizām* dengan satu-satu cara amalan yang berkaitan dengan fardu seperti membaca *al-Fātiḥah*, ruku', sujud, duduk untuk *tasyahhud* dalam *ṣalāt*, begitu juga apabila berpuasa Ramadan, Baginda meninggalkan sepenuhnya makan minum dan sebagainya.

Adapun tentang amalan-amalan Sunnah Rasulullah s.a.w. tidaklah semestinya melakukan sesuatu amalan itu dalam bentuk yang sama tetapi sebaliknya Baginda s.a.w.

melakukan sesuatu amalan pada masa tertentu sedangkan pada masa lain Baginda tidak pun melakukannya.

Antara contoh-contoh demikian ialah misalnya Rasulullah berdoa selepas *takbīratul-iḥrām* dan sebelum membaca *al-Fātiḥah*. Begitu juga Rasulullah berdoa ketika bersujud.

Bagaimanakah Rasulullah ketika bangun bersolat di hadapan Allah? Baginda kadang-kadang meluruskan dua tangannya dan kadang-kadang meletakkan tangan kanannya di atas tangan kirinya dan begitulah pelbagai amalan Rasulullah seterusnya.

Perkara-perkara seumpama ini bukan sahaja pada amalan-amalan dalam ibadat Baginda, tetapi turut berlaku pada urusan-urusan Rasulullah dengan orang ramai seperti dalam perniagaan, riba, penyewaan dan lain-lain.

Begitu juga dengan Mazhab-mazhab Fiqh iaitu mereka ber*khilāf* tentang persoalan ruku' dan sujud misalnya, tetapi *khilāf* mereka adalah tentang perkara-perkara yang bukan fardu yang wajib ditunaikan.

Perkara-perkara kecil dan remeh yang bukan fardu dan bukan wajib ini telah dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu yang gemarkan perpecahan kaum Muslimin sementara pihak-pihak lain yang sememangnya bertugas memecahbelahkan umat Islam terus mengambil kesempatan mengalih perhatian mereka daripada permasalahan hidup yang lebih besar. Justeru perpecahan ini umat menjadi lemah dan mereka terabai daripada berusaha membangunkan masyarakat.

Musuh-musuh Islam telah mencipta banyak isu untuk perselisihan dan perpecahan (*ikhtilāf*): Misalnya masalah ketika bersolat apakah "tangan diluruskan ke bawah atau dilipat dan diselang" dengan meletakkan tangan kanan ke atas tangan kiri?

Terdapat sesetengah ulama' di beberapa tempat begitu hebat ber*khilāf* tentang masalah ini. Saya sangat kagum dengan pendirian seorang ulama' yang berkaliber dengan ucapannya dalam satu majlis yang sangat hangat justeru tercetusnya perbincangan mengenai isu ini, katanya: "Wahai ulama' Islam, aku dengan ikhlas ingin bertanya kepada semua: adakah batal solat seseorang yang meluruskan

tangannya ke hadapan ketika bangun bersolat?" Mereka menjawab, "Tidak". Dia bertanya lagi, "Sekiranya ia mengangkat tangannya ke atas, apakah batal solatnya?" Mereka menjawab, "Tidak." Lantas ulama' ini pun terus bertanya kepada mereka, "Apabila dia meluruskan tangan ke bawah atau apabila dia bertindih tangan ... bagaimana?" Mereka menjawab tentu sama bukan ...?

Akhirnya beliau pun berkata kepada mereka, "Kerana apa kamu semua bersengketa wahai ulama' Islam? Kerana apa kamu berpecah belah, kamu bersengketa dan kamu ber*khilāf*? Itu semua adalah fitnah, jauhkanlah Islam daripada fitnah ini dan jauhilah masyarakat daripada angkara fitnah dan kejahatannya."

Semua mereka tenang ... mereka baru tahu bahawa ketegangan mereka ketika ber*khilāf* itu tidaklah timbul daripada asas yang benar.

Sebenarnya punca perselisihan di kalangan ahli-ahli fiqh adalah kerana sandaran sesetengah daripada mereka kepada pelbagai riwayat Hadith Rasul tentang sesuatu tingkah laku Baginda sementara sesetengah yang lain pula mempunyai sandaran daripada Hadith-hadith yang menceritakan tingkah laku yang berlainan.

Semua mereka mengambilnya daripada Rasulullah s.a.w., diambil ibarat setitik tinta daripada sebuah lautan.

Semua mazhab fiqh adalah pandangan-pandangan daripada satu *madrasah* yakni *madrasah* Islamiyah atau *madrasah* Rasulullah s.a.w. Cuma sayangnya kerana kesempitan kajian bagi sesetengah ahli fiqh muktakhir membuatkan mereka mengadakan "mazhab-mazhab" yang terpisah dengan pengikut masing-masing dan setiap pihak mahukan kumpulan masing-masing.

Sekarang ini keadaan beransur pulih dalam kehidupan umat Islam, ketegangan mereka dalam menghadapi isu ini tidaklah sehebat yang dihadapi oleh umat kita sebelum ini.

Apabila mazhab-mazhab merupakan pandangan-pandangan mujtahid di institusi Rasulullah (*madrasah al-Rasūl*), maka kekaburan tertentu yang masih berkisar pada fikiran-fikiran sesetengah orang sebenarnya adalah "urusan" ijtihad itu sendiri.

Ada kalangan yang menyebarkan kononnya pintu ijtihad telah ditutup. Tidak ada lagi orang yang berijtihad se-

karang ini. Ijtihad telah berakhir dengan berakhirnya hidup para Imam seperti Malik, Syafi'i dan seumpama mereka.

Sementara terdapat kalangan lain yang bangun berhujah dengan mereka (yang menutup pintu ijtihad) dan melihat bahawa pintu ijtihad masih "terbuka" tetapi kalangan ini berbincang tentang ijtihad seolah-olah ia mudah untuk sesiapa sahaja yang mahu berijtihad.

Sebenarnya seseorang yang berilmu dan mempunyai pandangan yang luhur tentu tidak akan mengatakan bahawa kelebihan berupa pemberian Allah tidak hanya dianugerahkan kepada sebilangan tertentu yakni "para mujtahid silam" tetapi sebaliknya orang yang memenuhi syarat-syarat ijtihad boleh menjadi seorang "mujtahid." Syarat-syarat ijtihad ialah:

1. Pengetahuan dan kebolehan bahasa Arab yang secukupnya. Imam-imam Malik, Syafi'i dan lain-lain para mujtahid merupakan tokoh-tokoh bahasa Arab yang sangat hebat (*fuḥūl al-Afdhâdh*).

2. Menghafaz al-Qur'an dengan penuh ketekunan serta memahaminya sebagaimana yang difahami oleh ahli-ahli tafsir yang utama. Pengetahuannya mestilah merangkumi sebab-sebab penurunan ayat-ayat (*asbābun nuzūl*) iaitu sesuatu ayat yang diturunkan itu mempunyai sebab-sebab tertentu meskipun pengambilan hujah (*al-ibrah*) adalah mengikut lafaz yang umum bukan mengikut sebab yang khusus. Justeru itu menguasai ilmu sebab-sebab penurunan ayat akan membantu bagi memahami suasana turunnya sesuatu ayat dan sekali gus membantu memahami sesuatu ayat itu dengan mendalam.

3. Pengetahuan Hadith-hadith setaraf dengan pengetahuan ahli-ahli Hadith (*muḥaddithīn*) terutamanya Hadith-hadith yang berkaitan dengan hukum-hukum kerana Hadith-hadith ini menghuraikan banyak perkara yang tidak dihuraikan dengan panjang lebar oleh sesetengah ayat al-Qur'an.

4. Mengetahui Sunnah amali (praktikal) daripada Rasulullah s.a.w. dan Sunnah ini memang tidak ada orang yang meraguinya (*mutawātir*) kerana orang-orang yang

sentiasa bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. di Makkah dan Madinah sangat ramai. Mereka semua melihat betul-betul apa yang dilakukan oleh Rasulullah di mana mereka terus mengikuti perbuatan-perbuatan Rasulullah itu dan kemudian membawanya kepada orang-orang lain yang bersama mereka dan begitulah seterusnya.

5. Pengetahuan yang jelas tentang *sīrah* (sejarah hidup) Rasulullah s.a.w.

Perkara-perkara yang kami sebutkan itu tentu akan diakui oleh orang yang mempunyai gambaran tentang "ijtihad". Apakah ijtihad? Dan bagaimana pelaksanaannya?

Perkara penting yang kami ingin bicarakannya nanti dengan taufiq Allah ialah mengenai matlamat ijtihad. Sesetengah orang menganggap bahawa matlamat ijtihad ialah memudah-mudahkan urusan atau mencipta pandangan atau mengadakan fikiran atau mengetengahkan pandangan peribadi.

Kalaulah hal ini bermatlamat demikian tentulah tidak berhajat kepada syarat-syarat atau kepada bersusah payah menyelidik atau bersungguh-sungguh mencari pengetahuan. Oleh itu ijtihad tentu sekali bukan begitu.

Riwayat Shaikhan daripada sabda Rasulullah s.a.w.:

من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد .

Terjemahan: *Sesiapa yang mengadakan sesuatu yang baru dalam hal perkara kami ini sedangkan ia bukan daripadanya maka ia (pengadaan) adalah tertolak.*

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

من دعا إلى هدى كان له من الأجر مثل أجور من تبعه ،
لا ينقص ذلك من أجورهم شيئاً . ومن دعا إلى ضلالة
كان عليه منَ الإثم مثل آثام من تبعه لا ينقص ذلك من
آثامهم شيئا .

Terjemahan: *Sesiapa yang menyeru kepada hidayat, diberi kepadanya pahala sepertimana pahala-pahala orang-orang yang mengikutinya, pahala itu tidak terkurang sedikit pun daripada pahala mereka. Dan sesiapa yang menyeru kepada kesesatan, dia mendapat dosa seperti dosa-dosa orang yang mengikutinya, dosa itu tidak sedikit pun terkurang daripada dosa-dosa mereka.*

Riwayat al-Baihaqi daripada Ibrahim bin Abdul Rahman al-Azri katanya, sabda Rasulullah s.a.w.:

يحمل هذا العلم من كل خلف عدوله، ينفون عنه
تحريف الغالين، وانتحال المبطلين، وتأويل الجاهلين.

Terjemahan: *Ilmu ini dibawa oleh seorang yang adil, daripada setiap generasi, mereka menghapuskan penyelewengan orang-orang yang melampau, pengubahan orang yang batil dan ta'wilan orang jahil.*

Daripada Abdullah bin Amru katanya, sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يؤمن أحدكم حتى يكون هواه تبعاً لما جئت به.

Terjemahan: *Tidak beriman seseorang daripada kalangan kamu sehinggalah hawanya mengikut apa yang kamu datangkannya.*

(Diriwayatkan dalam "*Syaraḥ al-Sunnah*") berkatalah al-Nawawi dalam *al-Arba'īn* "Hadith ini sahih, kami riwayatkannya dalam "*Kitāb al Ḥujjah*" dengan sanad yang sahih."

Matlamat ijtihad ada dua perkara iaitu:

1. Ijtihad pada masalah-masalah yang pernah timbul pada zaman Rasulullah s.a.w. untuk menyelesaikannya seperti yang diselesaikan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri. Dikorbankan tenaga untuk sampai kepada "hukum yakin" dalam masalah atau masalah-masalah yang pernah berlaku dalam zaman Rasullulah s.a.w. Hal ini sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan jauh atau dekat dengan

apa yang disebut sebagai mengadakan sesuatu yang baru atau mencipta pandangan peribadi.

2. Ijtihad dalam masalah yang berlaku selepas zaman Rasulullah s.a.w. dengan tujuan untuk mengaitkan dengan kaedah umum Islam, sama ada halal mahupun haram.

Sesungguhnya al-Qur'an dan al-Sunnah mengandungi kaedah-kaedah umum yang meliputi seluruh persoalan-persoalan *juz'i* (cabang-cabang). Justeru itu tugas mujtahid ialah menghubungkaitkan permasalahan baru dengan kaedah-kaedah umum itu.

Mujtahid dalam hal ini tidak bebas bertindak. Ia tetap terikat dengan kaedah *qiyās* (analogi) dan kaedah-kaedah umum itu. Ia tidak mempunyai kebebasan untuk menyelesaikannya mengikut kemahuannya sendiri kerana sebagai seorang mujtahid dalam apa keadaan sekalipun tetap perlu menurut, bukan mengada-ngadakan (*ibtidā'*). Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan mengenai dua jenis ijtihad, iaitu:

إتبعوا ، ولا تبتدعوا ، فقد كفيتم.

Terjemahan: *Hendaklah kamu turuti dan jangan kamu mengada-ngada sesungguhnya kamu telah cukup memadai (apa yang dimiliki).*

Kesimpulan yang hendak kami capai ialah:

(a) Mazhab-mazhab fiqh merupakan pandangan-pandangan dalam institusi Rasulullah (*madrasah al-Rasūl*). Dengan iktibar ini, tidak ada perbezaan dan panjang lebar antara seorang dengan seorang dan antara jama'ah dengan jama'ah yang lain.

(b) Pintu ijtihad sentiasa terbuka sekiranya cukup syarat-syarat. Ini bukanlah masalah-masalah untuk berijtihad dalam berusaha memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

(c) Ijtihad yang bukan mengada-ngada (*ibtidā'*) bukanlah satu pandangan peribadi seseorang.

Akhirnya kami ingin menegaskan bahawa kita perlu mensyaratkan seseorang mujtahid itu terhias dengan kelebihan taqwa.

Sesungguhnya tokoh-tokoh ulung fiqh seluruhnya ialah para wali. Keijtihadan tokoh-tokoh ulung mujtahidin merupakan penganugerahan daripada Allah dan cahaya tersinar daripada yang Maha Suci.

Kita menziarahi al-Imam al-Syafi'i dengan keimanan bahawa beliau adalah daripada kalangan wali-wali Allah. Orang-orang Iraq menziarahi al-Imam Abu Hanifah juga dengan keimanan bahawa beliau daripada kalangan wali-wali Allah dan begitulah seterusnya.

Dan penganugerahan Allah tidak akan datang kecuali kepada orang yang terhias dengan taqwa. Firman Allah:

Terjemahan: ... *Dan sesiapa yang berpegang teguh dengan Allah, sesungguhnya ia dihidayatkan kepada jalan yang lurus.*

(Surah āli-'Imrān 3:101)

FASAL 3

IMAM AL-GHAZALI DAN *MUTAKALLIMŪN* (ULAMA' KALAM)

Kajian tentang teori estemologi (*ma'rifah*) mendapat tempat pertama sekarang sehingga sesetengah ahli fikir berpendapat bahawa teori estemologi ini adalah separuh daripada falsafah.

Oleh itu sangatlah wajar bagi seseorang mencari pendekatan-pendekatan yang boleh mencapai matlamat yang hendak ditujuinya dan dalam konteks inilah tertonjolnya peri pentingnya teori estemologi ini dalam falsafah moden pada masa ini. Cuma pengkajian hal ini pada masa sekarang telah menjadi matlamat bukan metode, iaitu teori ini dikaji secara bersendirian seolah-olah ia sebahagian daripada falsafah.

Adalah nyata satu penyelewengan daripada landasan falsafah yang benar sekiranya seseorang itu sepanjang hidupnya membahaskan teori estemologi ini dengan ruang lingkupnya sendiri yang sempit dan terhad yang tidak menjurus kepada hakikat *ma'rifah* itu sendiri. Dalam konteks ini pengkaji teori berkenaan masih belum layak digelar seorang "ahli falsafah" (*filasūf*).

Keadaan ini membuatkan sesetengah ahli fikir memandang rendah terhadap beberapa kalangan pengkaji falsafah dewasa ini kerana mereka didapati hanya sibuk dengan ilmu metodologi yang tidak menjurus kepada matlamat yang hendak dicapai. Atau dengan perkataan lain, mereka hanya sibuk dengan teori estemologi tanpa mencuba menghadapi hakikat atau intipati *ma'rifah* yang sepatutnya mereka mengeluarkan intipati ini dan mengembangkannya.

Teori estemologi (*ma'rifah*) ini telah menarik minat dan

perhatian al-Imam al-Ghazali. Al-Imam telah berfikir tentang kaedah-kaedah estemologi, mengkajinya dengan teliti dan akhirnya mengkritik kaedah tersebut sama ada kaedah indera mahupun akal? Al-Imam telah menilai had setiap kaedah dan telah meletakkannya di tempat masing-masing yang sesuai dan munasabah. (Persoalan ini akan kita bincangkan nanti apabila kita membincangkan pendirian al-Ghazali terhadap falsafah).

Al-Imam al-Ghazali telah mengkaji teori estemologi dari sudut-sudut hala cara, jalan dan pendekatan yang dilalui oleh pelbagai aliran dan kumpulan pengkaji-pengkaji iaitu mereka telah sampai kepada pelbagai natijah yang pro dan kontra sesama mereka.

Dalam konteks ini al-Imam telah memulakan kajiannya dengan mengumpulkan semua kumpulan yang menuntut kebenaran itu dengan cara masing-masing sama ada benar mahupun sebaliknya. Beliau dapati bahawa mereka perlu digolongkan kepada empat kumpulan:

1. *Mutakallimūn*: Mereka yang mendakwa diri mereka sebagai ahli-ahli yang mempunyai banyak pendapat dan pandangan.

2. *Al-Bāṭinīyyah*: Mereka yang mendakwa diri mereka sebagai ahli-ahli penerima ilmu yang tunggal menjadi pewaris ilmu yang *ma'ṣūm*.

3. Ahli-ahli Falsafah: Mereka yang mendakwa diri mereka sebagai ahli-ahli Mantiq (logik).

4. Ahli-ahli Sufi: Mereka yang mendakwa diri mereka sebagai orang mulia yang terpilih *(khuāṣ al-Ḥaḍhrāh)* dan sekali gus sebagai ahli-ahli *Musyāhadah* dan *Mukāsyafah*.

Pembahagian "kumpulan-kumpulan yang melalui pelbagai jalan untuk mencari kebenaran" oleh al-Imam ini jauh lebih luas daripada apa yang dibahaskan oleh falsafah moden. Ini kerana falsafah moden hampir mengabaikan perjalanan *mutakallimūn* dan ahli-ahli *bāṭinīyyah* yang mendakwa menjadi pewaris Imam *ma'ṣūm*.

Tetapi al-Imam al-Ghazali – selepas mengumpulkan kumpulan-kumpulan itu – telah pergi membahaskan semula aliran kumpulan itu dengan mendalam dan terperinci. Beliau memulakannya dengan membincangkan persoalan Ilmu Kalam.

Ilmu Kalam yang wujud pada zaman al-Imam dahulu adalah sama dengan Ilmu Kalam yang kita kaji sekarang ini. Justeru itu persoalan Ilmu Kalam yang dibicarakan oleh al-Imam tidaklah bermaksud dengan Ilmu Kalam yang wujud pada zaman kehidupan al-Imam. Bahkan ia terus wujud pada zaman kita sekarang ini dan termasuklah metodologi Ilmu Kalam yang masih wujud di dalam kitab-kitab Ilmu Kalam yang boleh dibaca sekarang.

Perbincangan al-Imam ialah perbincangan seorang pakar yang mahir dan berdisiplin tinggi. Beliau menyelidik, membaca dan mengkaji semua kitab utama Ilmu Kalam, kemudian menimbang dan meneliti dengan cermat dan teliti. Akhirnya barulah beliau mengemukakan pandangan peribadinya.

Pandangan peribadi al-Imam merupakan pandangan yang hebat dan tegas tepat dan selari dengan kedudukan Islam yang benar. Tetapi keadaan waktu itu telah meletakkan al-Imam dalam suasana yang mengarahkan kepada mengakurkan kesucian dan penghormatan Ilmu Kalam – seperti sebelumnya – dengan keadaan yang seolah-olah memaksa al-Imam supaya menyesuaikan diri dengan keadaan yang wujud.

Justeru itu al-Imam al-Ghazali cuba mengemukakan pandangannya dengan pelbagai pendekatan dan cara iaitu beliau berperanan secara halus dan meskipun beliau tidak begitu berpuas hati namun terpaksa melakukan demikian sebagai bertolak ansur dan ini jelas dapat dilihat melalui ibarat-ibarat yang digunakan oleh al-Imam yang memperlihatkan unsur-unsur belas kasihan dan simpati terhadap keadaan meruncing yang wujud pada masa itu. Akhirnya beliau tidak dapat bertahan dengan keadaan ini dan beliau marah dan meradang lalu bertegas dengan melemparkan kecaman hebat dan kata-kata yang keras sehingga langsung tidak diduga kata-kata seumpama ini boleh terbit daripada tuan punya kitab *al-Iqtiṣād fī al-i'tiqād* (Ekonomi dalam Kepercayaan).

Justeru pandangan al-Ghazali supaya mudah diterima dan disenangi serta boleh mendapat perhatian sewajarnya maka amat wajar kita cuba meminjam pandangan-pandangan Imam terdahulu tentang Ilmu Kalam seperti Imam Maliki, al-Syafi'i, Ahmad bin Hanbal dan para *salafussāleḥ* lain yang kita yakin akan keluasan ilmu dan keikhlasan serta penghayatan berterusan mereka terhadap metode agama dengan setulennya.

Sekarang kita boleh sebutkan pandangan al-Ghazali yang begitu tegas tentang hal ini. Beliau memperkatakan tentang Ilmu Kalam dalam kitabnya yang sangat bernilai *Iḥyā' 'Ulūmuddīn*: Katanya bahawa adapun manfaatnya (Ilmu Kalam) disangka boleh mendedahkan hakikat-hakikat dan mengetahui hakikat-hakikat sebenarnya, tetapi sayangnya apa yang ada pada Ilmu Kalam tidak pun menunaikan tuntutan yang murni ini. Mungkin kesesatan dan kesongsangan dalam Ilmu Kalam itu lebih banyak daripada pendedahan dan pentafsiran. Ini dapat dibuktikan apabila anda mendengar seseorang yang bercakap-cakap atau berdebat-debat sehingga membuatkan anda terlintas seolah-olah manusia ini sememangnya musuh kepada apa yang ia tidak tahu (ini kerana pendekatan atau percakapan itu sukar difahami).

Cuba anda dengar betul-betul daripada orang yang pakar dan kononnya mahir tentang Ilmu Kalam serta benar-benar mampu dan kemahiran dalam selok belok Ilmu Kalam sehingga mencapai kedudukan paling tinggi dalam kategori ahli-ahli Ilmu Kalam *(mutakallimūn)*, kemudian anda perbandingkan dengan seseorang yang sama taraf kemahiran dan kehebatannya dalam ilmu-ilmu lain (bukan Ilmu Kalam) pasti anda dapat menghasilkan satu natijah bahawasanya hakikat-hakikat *ma'rifah* tertutup jalannya melalui ilmu ini (Ilmu Kalam).

Al-Imam al-Ghazali berpendapat bahawa *mutakallimūn* (ahli Ilmu Kalam) tidak ada apa-apa kelebihan jika dibandingkan dengan orang-orang awam kecuali pada kepandaian mencipta Kalam (percakapan) dan justeru itu dinamakan ciptaan itu sebagai "Kalam".

Adapun seandainya disoal tentang iman *Mutakallimūn* (ahli-ahli Ilmu Kalam) sesungguhnya iman mereka ialah

bercampur aduk dengan sejenis kerja mencari dalil bukti dan darjah iman itu adalah hampir dengan orang awam.

Al-Imam al-Ghazali meriwayatkan bahawa "seluruh ahli Hadith yang terdahulu" mengambil keputusan mengharamkan Kalam dan begitu juga pengharamannya oleh al-Imam al-Syafi'i, Malik, Ahmad bin Hanbal dan Sufyan (akan jelaskan pandangan mereka).

Aliran al-Imam ini ialah aliran ahli tasawuf secara umumnya dan kami berpendapat bahawa beliau mempunyai pengalaman yang sangat luas dan penyelidikan yang sangat teliti dan justeru itu pandangan beliau adalah pandangan yang sahih.

NAS-NAS

Nas-nas bahagian pertama ini dipetik daripada kitab al-Imam as-Syafi'i "Memelihara mantiq dan percakapan daripada seni mantiq dan seni percakapan."

Kami sangat bersetuju dengan pandangan al-Imam as-Sayuti sebagaimana yang diutarakan dalam kitab tersebut.

Sementara nas-nas bahagian kedua pula dipetik daripada kitab *Iḥyā' 'Ulūmuddīn* karangan al-Imam al-Ghazali tetapi bukanlah atas sifat ia sebagai pandangan al-Imam tetapi atas asas bahawa al-Imam ialah pengumpul pelbagai pandangan dalam tajuk Ilmu Kalam. Justeru kita mengambil daripadanya pandangan khas beliau atas anggapan bahawa pesanan al-Imam al-Ghazali merupakan pesanan seorang yang benar-benar menjadi sejarawan yang meriwayatkan *(al-mu'arrikh al-nāqil).*

Bahagian Pertama

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لا تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق لا يضرهم من خذلهم حتى يأتي أمر الله.

Terjemahan: *Sentiasalah sekumpulan daripada umatku yang menzahirkan ke atas kebenaran di mana tidak memudaratkan mereka oleh orang yang enggan membantu mereka sehinggalah datangnya perintah Allah.*

Al-Harawi ada menegaskan bahawa Mu'awiyah pernah bangun dan berkata:

أما بعد ، فإنه بلغنى أن رجالاً منكم يتحدثون بأحاديث ليست فى كتاب‌الله ولا تعرف عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أولئك جهالكم.

Terjemahan: *Adapun selepas itu, maka telah sampai berita kepada aku terdapat sebilangan kaum lelaki daripada kalangan kamu yang bercakap-cakap dengan perkara-perkara yang tidak pun terdapat di dalam kitab Allah dan tidak diketahui daripada Rasulullah. Mereka itu ialah orang-orang jahil di antara kamu.*

Al-Harawi juga ada menegaskan daripada Sayidatina 'Aisyah, katanya; "Rasulullah s.a.w. apabila tidak mengetahui sesuatu, Baginda tidak pun bercakap mengenainya dan tidak cuba-cuba memaksa dirinya."

Riwayat al-Harawi daripada Ibn Abbas katanya,"Ingat-ingatlah kamu dengan pendapat, sesungguhnya Allah telah menjawab pandangan malaikat dengan kata-kata-Nya 'Sesungguhnya Aku tahu apa yang kamu tidak tahu mengenainya.'" Dan Allah telah berfirman kepada Rasulnya:

. . . لِتَحْكُمَ بَيْنَ ٱلنَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ ٱللَّهُ . . .

سورة النساء ٤: اية ١٠٥

Terjemahan: ... *Supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu melalui wahyu-Nya ... .*

(Surah al-Nisā' 4:105)

Dan Allah tidak berkata dengan apa yang kamu lihat. Sheikhul Islam Ismail al-Harawi juga (apabila memperkatakan mengenai bab mencela pengikutan ayat-ayat *mutasyābihat* dalam al-Qur'an dan berdebat mengenainya) ada meriwayatkan daripada Sayidatina 'Aisyah katanya: Rasulullah s.a.w. apabila membaca ayat al-Qur'an iaitu firman Allah S.W.T.:

هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: *Dialah yang menurunkan ke atas kamu kitab al-Qur'an ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Baginda terus bersabda:

إذا رأيتم الذين يتبعون ما تشابه منه، فألئك الذين سمى لله، فاحذرواهم.

Terjemahan: *Apabila kamu melihat orang-orang yang mengikut ayat-ayat mutasyabihat itu, maka ketahuilah bahawa mereka itulah yang dimaksudkan oleh Allah di dalam firman-Nya: "Maka hendaklah kamu awasi mereka."*

Diriwayatkan daripada Ibn Abbas tentang maksud firman Allah:

. . . فَأَمَّا ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ . . .

سورة آل عمران ٣ : اية ٧

Terjemahan: ... *Adapun orang-orang yang di dalam hati-hati mereka terdapat tipu daya ... .*

(Surah āli-'Imrān 3:7)

Katanya (Ibn Abbas) mereka itu ialah ahli-ahli debat dan berlebih-lebih (*takbur*) dalam agama Allah.

Daripada Ubai katanya, "Apa yang jelas terang kepada kamu, beramallah dan manfaatkannya sementara apa yang kesamaran pada kamu maka berimanlah kepada Yang Maha Mengetahui tentangnya."

Said bin al-Musayyab meriwayatkan kata-kata Umar bin al-Khattab ketika berkhutbah kepada orang ramai dengan katanya, "Wahai sekalian manusia, ingat-ingatlah bahawa ahli-ahli fikir ialah musuh-musuh al-Sunnah. Maka mereka menentang Sunnah-sunnah dengan pandangan mereka,

mereka ini sesat dan menyesatkan. Allah tidak mewafatkan nabinya dan tidak mengangkat wahyu daripada mereka sehinggalah Allah memperkayakan mereka daripada bergantung kepada pendapat-pendapat tentulah lebih wajar disapu daripada bawah kasut *(khuf)* bukan daripada atasnya (zahirnya). Ingat-ingatlah kamu terdapat mereka ini dan awasilah mereka itu daripada kamu."

Al-Harawi meriwayatkan daripada Hisham bin Abdul Malik iaitu beliau pernah berkata kepada anak-anaknya, "Ingat-ingatlah kamu terhadap ahli-ahli kalam. Sesungguhnya perihal mereka tidak dapat membawa kepada petunjuk."

Al-Harawi menegaskan daripada Malik katanya," Ingat-ingatlah kamu daripada bid'ah." Maka dikatakan kepadanya: "Wahai bapa Abdullah, apakah bid'ah itu?" Jawabnya: "Ahli-ahli bid'ah ini ialah orang yang membicarakan nama-nama Allah, sifat-sifat Allah, kalam Allah, Ilmu Allah dan khudrat-Nya secara terus-menerus dengan tidak berhenti di tahap-tahap yang padanya para sahabat dan pengikut setia mereka berhenti." Juga daripada Malik katanya "Sesiapa yang menuntut agama dengan kalam, ia menjadi *zindīq*."

Daripada Abdul Rahman bin Mahadi katanya, "Aku telah mengunjungi Malik dan ketika itu terdapat seorang lelaki sedang bertanya beliau tentang al-Qur'an, lantas beliau (Malik) pun berkata kepada lelaki itu, 'Engkau ini boleh jadi daripada puak-puak Amru bin Abid, Allah melaknati Amru kerana dia telah banyak mengadakan bid'ah daripada kalam. Kalaulah kalam merupakan ilmu pasti para sahabat dan pengikut telah berbicara tentang bagaimana mereka berbicara pada hukum-hukum dan syari'at (perundangan) tetapi nyata batil dan bertambahlah batil.'"

Daripada Yunus bin Abdul A'ala katanya, "Aku mendengar al-Syafi'i berkata, 'Apabila anda mendengar seseorang itu berkata nama itu adalah lain daripada yang dinamai dan sesuatu itu bukanlah dikira sesuatu, maka bersaksilah bahawa orang itu berwatak *zindīq*."

Ditanya kepada Abu Hanifah, "Apakah yang anda akan katakan kepada apa yang diperkatakan oleh orang ramai mengenai *A'rāḍ* dan jisim-jisim?" Beliau menjawab, "Anda hendaklah bertindak tegas terhadap rencana-rencana ahli-ahli falsafah *(maqālāt al-falsafah)* dan ikutilah jalan salaf

dan ingat-ingatlah kamu bahawa setiap benda baru yang dicipta (dalam agama) adalah bid'ah."

Daripada al-Auzai'i katanya, "Hendaklah anda menuruti perjalanan orang salaf dan awasilah anda daripada pandangan-pandangan seseorang meskipun mereka menghiasinya dengan *qawl* (sandaran-sandaran suci dan menarik)."

Daripada Abdullah bin Daud al-Kharibi katanya, "Aku telah bertanya Sufyan al-Thauri tentang al-Kalam. Jawab Sufyan, 'Tinggalkanlah yang *bāṭil* di mana sahaja anda berada daripada kebenaran *(al-ḥaq)* dan ikutilah Sunnah dan ketepikan *bāṭil*.'"

Daripada Ahmad bin Mahadi katanya bahawa beliau telah bertanya Abu Jaafar al-Nafili tentang pembabitan dalam Ilmu Kalam, katanya, "Telah disoal al-Auzai'i tentangnya, maka berkatalah beliau, 'Jauhilah satu ilmu apabila anda sampai kepada kemuncaknya, anda akan dicap sebagai *zindīq*, hendaklah anda menurut dan meniru.'"

Daripada Abi Yusuf al-Qhadi katanya, "Sesiapa yang menuntut agama dengan berkalam dia telah menjadi *zindīq*." Berkatalah Abi Yusuf lagi, "Ilmu dengan cara bertengkar dan berkalam adalah jahil dan berjahil dengan bertengkar dan berkalam adalah ilmu."

Daripada Muhammad bin al-Hasan, seorang sahabat Abu Hanifah katanya, "Allah melaknati Amru bin Abid kerana beliau telah membuka ruang atau jalan kepada manusia untuk membicara ilmu kalam pada perkara yang tidak perlu berkalam." Beliau berkata lagi bahawa Abu Hanifah menyuruh kami mempelajari fiqh (atau berfiqh) dan melarang kami mempelajari Ilmu Kalam (berkalam).

Daripada Abu Kasim Usman bin Said Alanmathi bahawa beliau pernah mendengar al-Mazni berkata, "Aku melihat Ilmu Kalam sebelum kedatangan al-Syafi'i. Apabila datangnya al-Syafi'i aku pun datang kepadanya dan bertanya satu masalah Ilmu Kalam. Beliau pun menjawab dengan berkata, 'Tahukah anda di mana anda sekarang?' Aku menjawab, 'Ya ... aku di masjid Jami' Fustat sekarang ini.' Dia berkata lagi, 'Kamu di Taran?' Berkatalah Abu Kasim: 'Taran ialah satu tempat di lautan Qhslzan yang tidak pernah ada kapal yang selamat belayar di kawasannya.' Kemudian beliau (al-Syafi'i)

mengemukakan satu masalah fiqh untuk aku menjawab. Setiap kali aku menjawab, beliau merosakkan jawapan itu. Maka aku pun mengubah-ubah jawapannya lalu ditambah-tambah oleh beliau yang juga merosakkan jawapan itu. Akhirnya beliau pun berkata kepada aku, 'Inilah dia fiqh yang terangkum di dalamnya Kitab Allah, Sunnah dan segala kata-kata buatan manusia. Lihatlah bagaimana jawapan-jawapan boleh dirosakkan. Ini hanya fiqh maka bagaimanakah perbincangan tentang Allah, Tuhan semesta alam yang sekiranya tergelincir boleh membawa kepada kekufuran. Justeru kelemahan itu aku pun meninggalkan Ilmu Kalam dan menumpu kepada fiqh.'"

Melalui Abdullah bin Ahmad bin Hanbal katanya, "Aku mendengar Muhammad bin Daud berkatanya, 'Sepanjang umur al-Imam al-Syafi'i beliau tidak pernah berkata sesuatu atas dorongan hawa nafsu atau keturunan *(nasab)* dan sangat makruf mengenai kemarahannya terhadap Ahli-ahli Kalam dan bid'ah.'"

Juga melalui Abdullah bin Ahmad bin Hanbal diriwayatkan daripada ayahnya yang berkata bahawa al-Imam al-Syafi'i apabila *thābit* (sah) sesuatu perkhabaran beliau pasti menirunya *(taqlīd)*, sifat baik terpuji beliau ialah beliau tidak pernah berminat dengan Ilmu Kalam tetapi sangat berminat dengan fiqh.

Apabila al-Mazni disoal mengenai Ilmu Kalam lantas beliau menjawab, "Aku bencikan ini dan aku menegahnya sebagaimana yang ditegah oleh al-Imam al-Syafi'i."

Melalui Abu Daud dan Abu Thaur mereka berkata: "Kami mendengar al-Syafi'i berkata: Tidak ada pun orang yang berilmu kalam yang berjaya atau beruntung."

Melalui al-Husein bin Ismail al-Muhamili katanya, "al-Mazni berkata, 'Aku telah bertanya al-Syafi'i tentang satu masalah Ilmu Kalam, beliau terus menjawab: Tanyakanlah aku dengan soalan yang sekiranya aku tersalah jawab, akan dikatakan kepadaku: Kamu tersalah jawab dan janganlah kamu bertanya kepadaku dengan soalan yang sekiranya aku tersalah jawab, akan dikatakan kepadaku, kamu kafir.'"

Daripada Muhammad bin Abdullah bin Abdul Hikam katanya, berkatalah al-Syafi'i kepada aku, "Wahai Muhammad, sekiranya engkau disoal oleh seseorang lelaki

tentang sesuatu yang berkaitan dengan Ilmu Kalam maka janganlah kamu disoal tentang *diyāt*. Kamu menjawab ia adalah satu dirham atau satu *danik* maka akan dikatakan bahawa kamu salah atau silap. Adapun sekiranya kamu tersalah jawab dalam hal Ilmu Kalam akan dikatakan kamu telah kafir."

Riwayat al-Rabi'i bin Sulaiman, bahawa beliau mendengar al-Syafi'i berkata, "Berlagak-lagak dalam agama membenakkan hati dan melahirkan kejahatan-kejahatan *(ḍaghā'in)*."

Juga daripada al-Rabi'i katanya, "Berkatalah al-Syafi'i kepada aku; 'Wahai Rabi'i terimalah daripada aku tiga perkara:

1. Janganlah kamu mengecam sahabat-sahabat Rasulullah.

2. Janganlah melibatkan diri dengan Ilmu Kalam.

3. Janganlah melibatkan diri dengan ilmu nujum (bintang-bintang) kerana ia boleh membawa kepada kekufuran."

Daripada Muhammad bin Abdul Aziz al-Ash'ari (sahabat al-Syafi'i) bahawa al-Syafi'i berkata: "Mazhab aku terhadap Ilmu Kalam ialah pukul kepala mereka dengan tongkat dan usirkan mereka dari negeri ini."

Daripada al-Karabisi bahawa al-Syafi'i berkata: "Hukuman aku terhadap ahli Ilmu Kalam ialah hukuman Umar al-Khattab terhadap tukang celup *(ṣābigh)*."

Daripada Abi Thaur, al-Karabisi dan al-Za'farani, "Kami mendengar al-Syafi'i berkata, 'Hukuman aku terhadap ahli Ilmu Kalam ialah mereka dipukul dengan rotan dan diletakkan di atas belakang sambil diseru-seru: Inilah balasan orang yang meninggalkan al-Qur'an dan al-Sunnah kerana beramal dengan Ilmu Kalam.'"

Daripada Abu Thaur katanya, "Aku telah berkata kepada al-Syafi'i Ilmu Kalam pun ada faedahnya juga. Al-Imam terus berkata, 'Sesiapa yang beramal dengan Ilmu Kalam, dia tidak berjaya.'"

Melalui Ibn Khuzaimah katanya, "Aku telah mendengar Yunus bin Abdul A'la berkata, 'Berkatalah al-Syafi'i seseorang

yang diuji oleh Allah dengan ujian yang selain daripada syirik adalah lebih baik daripada ia diuji dengan Ilmu Kalam.'"

Daripada al-Za'farani katanya, "Al-Syafi'i sentiasa memakai serban besar sinis seorang kampung sambil memegang sebatang tongkat. Beliau seorang yang sangat fasih lidah dan pandai berhujah tetapi apabila majlisnya dicampur aduk dengan Ilmu Kalam dia terus melarangnya dan berkata,"'Kami bukanlah ahli-ahli Ilmu Kalam."

Ahmad bin al-Wazir al-Khadhi berkata, "Aku telah berkata kepada Abu Umar ad-Dharir bahawa lelaki yang belajar sesuatu daripada Ilmu Kalam boleh menggunakannya untuk menghadapi orang-orang yang jahil, beliau menjawab, 'Ilmu Kalam semuanya jahil, setiap kali kamu jahil mengenainya, kamu sebenarnya lebih berilmu, sekiranya kamu mempunyai ilmu mengenainya, kamu sebenarnya lebih jahil lagi.'"

Daripada Usman bin Said al-Darni katanya, "Kami tidak mahu mengulas sifat-sifat Allah, tidak mahu mendustakannya bahkan tidak mahu mentafsirkannya."

Yunus bin Abdul A'la meriwayatkan kata-kata al-Syafi'i, "Tidak ada dosa yang Allah lontarkan ke atas seorang hamba selain daripada dosa syirik yang lebih besar daripada dosa yang dilontarkan justeru dengan sebab berilmu kalam." Aku pun mencelah sambil berkata kepadanya (al-Syafi'i), "Sahabat kita al-Lais bin Saad pernah berkata, 'Kalau kamu melihat seorang lelaki daripada ahli Ilmu Kalam berjalan di atas air janganlah kamu berpaling kepadanya.'" Al-Syafi'i menambah, "Bukan itu sahaja bahkan walaupun melihat ia berjalan di udara (terbang) maka jangan kamu berpaling kepadanya."

Yunus bin Abdul A'la meriwayatkan kata-kata al-Syafi'i, "Mazhab aku pada Ilmu Kalam ialah Mazhab Umar pada tukang celup, dipukul kepala dengan belantan dan diarak mengelilingi negeri."

Jaafar bin al-Far'ani berkata, "Aku telah mendengar al-Junaid bin Muhammad berkata, 'Selekeh-selekeh perkara yang berlaku dalam Ilmu Kalam ialah lunturnya kehebatan Tuhan dari dalam hati dan apabila pupusnya kehebatan Allah daripadanya maka pupuslah iman.'"

Kemudian Rasulullah s.a.w. mengutuskan kepada seluruh penganut agama lain bahawa Baginda tidak berbicara

dengan mereka kecuali apa yang diturunkan oleh Allah S.W.T. sedangkan kalaulah Rasulullah mahu, Baginda boleh menghujahi mereka dengan qiyasan-qiyasan dan dengan kaedah-kaedah Ilmu Kalam yang halus. Sekiranya dengan pendekatan ini, Baginda diberi petunjuk (hidayat) pasti inilah sebaik-baik cara yang dihayati oleh Rasulullah dan inilah sekuat-kuat sandaran dalam hujah Baginda tetapi sebaliknya semua hujah Rasulullah ialah *al-Tanzīl* (yang diturunkan Allah). Baginda menghadapi mereka dengan hujah yang lebih teliti dan bernas demi keredaan Allah dan kasih sayang terhadap-Nya. Adalah menjadi Sunnah Baginda meninggalkan perdebatan dan pertengkaran yang terkeluar daripada naungan *al-Tanzīl*.

Seperkara yang aku fikir lebih selamat dan lebih dekat kepada hidayat dan kebenaran adalah apabila berhujah dengan tawakal dan qiyas sebenarnya adalah satu pembohongan terhadap Allah S.W.T. Ini jelas berdasarkan pengalaman sepanjang hidup aku sehingga kini. Aku suka mengatakan sesuatu, kemudian seandainya kata-kata ini ternyata salah, maka aku tetap akan kembali (kepada kebenaran).

Tidak ada kalam yang tidak kita dengarinya daripada sesuatu kumpulan daripada mereka kecuali kita mendapati kalam yang sama atau hampir-hampir sama dengan musuh-musuh mereka. Semua mereka saling menentang antara satu dengan lain. Sesuatu kumpulan yang hebat dan maju ke hadapan adalah bergantung kepada keupayaan jumlah hujah dan kepetahan berdebat serta kemahiran mencipta isu-isu Ilmu Kalam yang menarik.

Perdebatan *(jadal)* tidak dapat menjelaskan kebenaran dan tidak boleh dinilai hujah-hujah melaluinya. Kadang-kadang dua pihak yang bermusuhan berpegang kepada dua kaedah yang kedua-duanya batal. Kebenaran berada pada pihak ketiga. Penentangan sesuatu kumpulan yang lain tidak bermakna kumpulan itu benar meskipun ia berjaya menangkis dan memusnahkan kata-kata musuhnya. Ini disebabkan kedua-dua kumpulan yang bertentangan ini sememangnya berada dalam gaung kesalahan bak kata penyair: "Hujah-hujah yang meleset bagaikan jenama kaca yang terhempas kesemuanya hancur berkecai."

Ini boleh terjadi disebabkan setiap pihak yang berhujah itu tidak berpegang kepada satu prinsip yang benar tetapi berpegang kepada keadaan-keadaan, fikiran-fikiran yang sentiasa berubah-ubah maka banyak berhujah menyemarakkan percanggahan dan sekali gus terkurunglah kebenaran. Firman Allah:

. . . وَلَوْ كَانَ مِنْ عِندِ غَيْرِ ٱللَّهِ لَوَجَدُوا۟ فِيهِ ٱخْتِلَٰفًا كَثِيرًا

سورة النساء ٤ : اية ٨٢

Terjemahan: ... *Dan sekiranya ia datang daripada selain Allah pasti mereka mendapati padanya banyak percanggahan.*

(Surah al-Nisā' 4:82)

Maka Allah menegaskan di sini bahawa sesuatu yang mempunyai banyak percanggahan itu adalah bukan daripada Allah. Justeru itu amat ketara bahawa semua mazhab *mutakallimīn* adalah rosak kerana banyak percanggahan di kalangan mereka yang boleh menjerumuskan mereka kepada mengkafir dan menyesatkan sedangkan corak seumpama itu adalah *bāṭil* belaka. Allah S.W.T. menyifatkan kebenaran dengan firman-Nya:

بَلْ نَقْذِفُ بِٱلْحَقِّ عَلَى ٱلْبَٰطِلِ فَيَدْمَغُهُۥ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ . . .

سورة الأنبياء ٢١ : اية ١٨

Terjemahan: *Bahkan Kamilah yang mencampakkan kebenaran ke atas kebatilan lalu membahamkannya lantas ia pun hancur ... .*

(Surah al-Anbiyā' 21:18)

Bahagian Kedua

Sekarang kami bawa apa yang disebut oleh al-Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Iḥyā' 'Ulūmuddīn* katanya, "Sekiranya anda berkata mempelajari ilmu debat *(jadal)* adalah dicela sebagaimana dicela mempelajari ilmu bintang (astronomi), ataupun hukumnya adalah harus atau sunat, maka ketahuilah bahawa beberapa golongan telah bertindak keterlaluan dalam masalah ini."

Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa hukum mempelajarinya adalah bid'ah dan haram. Apabila seseorang hamba bertemu dengan Allah dengan membawa segala dosanya selain syirik, itu adalah lebih baik baginya daripada orang yang bertemu dengan mempelajari Ilmu Kalam. Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa hukumnya adalah wajib dan fardu, sama ada fardu kifayah atau fardu 'ain, dan ia juga adalah sebaik-baik amalan dan setinggi-tinggi darjah penghampiran. Maka sesungguhnya inilah penghasilan Ilmu Tauhid dan perjuangan menegakkan agama Allah.

Al-Syafi'i, Malik, Ahmad bin Hanbal, Sufyan dan seluruh Ahli Hadith daripada kalangan salaf menghukumnya sebagai haram. Berkatalah Ibn Abdul A'la r.a., "Aku telah mendengar al-Syafi'i berkata, 'Hafs al-Fard ialah pengikut Mu'tazilah. Katanya bahawa seseorang hamba yang bertemu Allah dengan segala dosa selain syirik dengan Allah adalah lebih baik daripada seseorang yang tidak pernah mempelajari Ilmu Kalam semasa hidupnya. Aku mendengar kata-kata Hafs tetapi tidak mampu menceritakannya satu per satu.'"

Dia juga ada berkata, "Aku mendapati ulama' Kalam membincangkan sesuatu yang langsung aku tidak meyakininya. Seseorang hamba yang teruji daripada larangan Allah selain menyekutukan Allah adalah lebih baik daripada orang yang mengkaji Ilmu Kalam."

Diceritakan oleh al-Karabisi bahawa al-Syafi'i apabila disoal tentang Ilmu Kalam, maka dia terus marah dan berkata, "Tanyalah Hafs al-Fard dan sahabat-sahabatnya, Allah menghina mereka."

Apabila al-Syafi'i sedang sakit, tiba-tiba dia dikunjungi oleh Hafs, berkatalah Hafs al-Fard, "Siapa saya?" Jawab al-Imam, "Tidakkah Allah menjaga dan memelihara kamu sehingga kamu bertaubat daripada keadaanmu sekarang." Dia berkata lagi, "Sekiranya manusia mengetahui hawa nafsu telah menguasai Ilmu Kalam pasti mereka akan melarikan diri bagaikan melihat harimau garang."

Dia juga berkata, "Sekiranya anda mendengar ada orang berkata sesuatu yang ajaib misalnya nama ialah penama atau bukan penama, maka ketahuilah bahawa ia adalah daripada ahli Kalam dan tidak ada agama baginya."

Berkatalah al-Za'farani, dan al-Syafi'i, "Hukum aku terhadap orang-orang Ilmu Kalam ialah mereka dipukul dengan pelepah tamar kemudian diarak di hadapan kumpulan-kumpulan orang ramai sambil dilaung: Inilah balasan terhadap orang yang meninggalkan kitab dan Sunnah sebaliknya beramal dengan Ilmu Kalam."

Ahmad bin Hanbal ada berkata, "Ahli kalam tidak beruntung sama sekali, kamu sentiasa melihat orang mengkaji Ilmu Kalam itu pasti dalam hatinya terdapat hasad." Al-Imam mengutuk mereka sehingga beliau meninggalkan al-Harith al-Muhasibi meskipun kezuhudan dan kewarakannya yang sukar ditandingi kerana beliau (al-Harith) mengarang sebuah buku menentang golongan bid'ah. Dia berkata kepadanya, "Apakah wajar kamu menceritakan bid'ah mereka dahulu kemudian barulah kamu menjawab atau menolak! Apakah tidak kamu ini memaksa orang supaya mengkaji bid'ah mereka itu dan berfikir-fikir mengenai keraguan-keraguan ini? Maka ia boleh mengarahkan mereka untuk mengeluarkan pendapat dan membahas."

Berkatalah Ahmad (Rahimahullah), "Ulama' Kalam ialah *zindīq*." Berkatalah Malik r.a., "Apakah anda boleh melihat orang yang lebih hebat ber*jadal* mendatanginya setiap hari ia bertukar agama baru? Yakni isu-isu yang ditimbulkan oleh pendebat-pendebat selalu berlebihan kurang sahaja." Kemudian beliau menyambung, "Tidak harus *syahādah* (penyaksian) ahli-ahli bid'ah dan hawa nafsu." Sesetengah, sahabat menta'wilkan maksud dengan 'ahli hawa nafsu' ialah ahli kalam daripada mana-mana mazhab sekalipun.

Abu Yusuf berkata, "Sesiapa yang menuntut ilmu dengan Ilmu Kalam, dia menjadi *zindīq*."

Al-Hasan berkata, "Janganlah kamu berdebat dengan ahli hawa nafsu dan jangan kamu duduk bersama mereka bahkan jangan kamu mendengar sesuatu daripada mereka."

Ahli-ahli Hadith daripada kalangan salaf telah bersetuju dengan kenyataan ini, dan kita boleh me*naqal*kan sikap tegas mereka terhadap aliran itu. Mereka berkata bahawa para sahabat tidak berdiam diri terhadap persoalan ini sedangkan merekalah orang yang lebih arif mengenai ha-

kikat dan orang yang lebih arif mengenai hakikatnya dan orang yang lebih handal menyusun lafaz-lafaz jika dibandingkan dengan orang lain. Kepekaan mereka ini adalah kerana tahu keburukan yang akan timbul daripada persoalan ini. Justeru itu Rasulullah s.a.w. bersabda:[14]

هلك المتنطعون ، هلك المتنطعون ، هلك المتنطعون ؟

Terjemahan: *Rosak binasalah orang-orang yang terlalu mendalami kajian dan soal selidik secara jadal (debat). Rosak binasalah mereka ... rosak binasalah mereka.*

Mereka berhujah dengan berkata bahawa sekiranya persoalan ini dituntut oleh agama pasti menjadi perkara penting yang disuruh oleh Rasullullah s.a.w . dan Rasulullah sendiri pasti mengajar kaedahnya dan memuji-muji pengalaman-pengalamannya. Rasulullah mengajar mereka "*istinjak*"[15] menjadikan sunat mempelajarinya dan Ilmu Faraid serta memuji-muji mereka,[16] tetapi Rasulullah melarang mereka daripada Ilmu Kalam mengenai qadar. Sabda Rasulullah:

أمسكوا عن القدر.

Terjemahan: *Berpeganglah kamu dengan qadar.*

Para sahabat Rasulullah bersikap demikian dan mereka ialah guru-guru dan teladan yang harus kita ikuti. Kita tidak boleh melebihi mereka kerana melebihi mereka adalah satu kezaliman dan melampau.

Al-Imam al-Ghazali ada menyebut tentang pandangan-pandangannya terhadap golongan penentang tetapi memadai di sini kita menyebut pandangan para Imam dan Ahli Hadith yang kita teladani dalam ibadah kita.

Kita tetap bersama mereka meskipun terdapat pelbagai pendapat lain. Memadai bagi kita dengan pandangan-pandangan mereka. Kita berbangga kerana berada bersama-sama dalam barisan al-Syafi'i, Malik, Ahmad bin Hanbal, al-Thauri dan seluruh Ahli Hadith.

FASAL 4

ILMU KALAM YANG SEWAJARNYA

(1)

Permasalahan yang telah kita sebutkan merupakan sekurang-kurangnya tiga per empat daripada persoalan Ilmu Kalam iaitu bagaimanakah perjalanan Ilmu Kalam yang sepatutnya.

Ilmu Kalam sepatutnya berpusing di sekitar persoalan kenabian berikut:

1. Untuk membuktikannya secara khusus dan panjang lebar kepada Nabi Muhammad, Rasul terakhir dan penghulu semua rasul (salawat dan salam ke atas semua mereka).

2. Ilmu Kalam harus menerangkan bahawa dakwah – mengikut ayat-ayat *muḥkamat* – adalah berdasarkan yang jelas dalam dada orang yang dianugerahkan ilmu iaitu orang yang ragu-ragu dan mengingkari tentangnya, ialah orang yang zalim. Dengan perkataan lain, Ilmu Kalam harus difokus kepada pendakwah secara panjang lebar dan dakwah dalam bentuk yang ringkas dan padat.

Apa yang kita inginkan ini ialah kaedah yang disajikan oleh al-Qur'an. Ayat al-Qur'an berikut menghimpunkan dua aspek berkenaan. Firman Allah:

سورة العنكبوت ٢٩ : اية ٤٨

Terjemahan: *Dan tidaklah engkau membaca dari sebelumnya daripada kitab dan engkau tidak menulisnya dengan tangan kanan engkau, kalau begitu pasti (kenapa) diragui oleh penentang-penentang.*

(Surah al-'Ankabūt 29:48)

Ini adalah tentang pendakwah. Masih terdapat lagi ayat-ayat iaitu firman Allah:

سورة العنكبوت ٢٩ : اية ٤٩

Terjemahan: *Bahkan ia adalah ayat-ayat yang terang nyata di dalam dada orang-orang yang dianugerahkan ilmu dan tidak mengingkari ayat-ayat Kami kecuali orang-orang yang zalim.*

(Surah al-'Ankabūt 29:49)

Ini pula tentang dakwah di mana *manhaj* (cara) Rasulullah s.a.w. yang menurut al-Qur'an. Arahan Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikan kebenaran melalui dakwah secara terang begitu mencabar orang-orang Arab. Dalam hal ini Baginda menerangkan kebenaran pendakwah.

Apabila Rasulullah didatangi Utbah untuk merundingkan soal pengunduran daripada menjalankan dakwah, maka Rasulullah tidak melakukan sesuatu selain membaca kepadanya Surah *Fuṣṣilat*.

Ini merupakan *manhaj* yang dilaksanakan oleh orang yang mempunyai pandangan yang luas ke arah mencapai dan mengenali hakikat menerusi keadaan pendakwah dan nilai pendakwah. Inilah sebenarnya *manhaj* yang kita ingin cuba menghayatinya – Insya-Allah – dengan mengambil kira cara-cara yang dilakukan oleh orang-orang yang mengikut Rasulullah. Kita harap mendapat pertolongan dan hidayat daripada Allah.

(2)

Allah memilih para rasul-Nya daripada kalangan manusia. Firman Allah:

سورة آل عمران ٣ : اية ٣٣

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah lebih memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran dari seluruh yang lain.*

(Surah āli-'Imrān 3:33)

Allah telah memilih dan memperlengkapkan mereka sebelum mereka dilahirkan lagi. Allah memperlengkapkan mereka semenjak dalam tulang rusuk datuk nenek dan ibu bapa mereka. Berkatalah al-Imam al-Busairi mengenai Rasulullah, "Tidak pernah terjadi di perut bumi ini kamu ditawar ibu-ibu dan bapa-bapa."

Kebaikan serta kemuliaannya juga terserlah sewaktu Baginda dilahirkan.

Allah S.W.T. memperlengkapkan susur galur mereka – datuk nenek dan ibu-ibu – dari sudut kejadian dan akhlak sementara ia juga memperlengkapkan para Rasul selepas kelahiran mereka, dari sudut kesederhanaan dan kesesuaian. Firman Allah:

سورة طه ٢٠ : اية ٣٩

Terjemahan: ... *dan dipelihara dengan pengawasan-Ku.*

(Surah Ṭāhā 20:39)

سورة طه ٢٠ : اية ٤١

Terjemahan: *Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi Rasul-Ku.*

(Surah Ṭāhā 20:41)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Imam Muslim:

إن الله اصطفى من ولد إبراهيم : إسماعيل ، اصطفى من ولد إسماعيل : بني كنانة ، واصطفى من بني كنانة : قريشاً ، واصطفى من قريش : بني هاشم ، واصطفاني من بني هاشم .

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah telah memilih Ismail daripada anak Ibrahim, memilih Bani Kananah daripada anak Ismail, memilih kaum Quraisy daripada Bani Kananah, memilih Bani Hashim daripada kaum Quraisy, dan memilih aku pula daripada Bani Hashim.*

Allah menggambarkan keadaan masa lampau mereka dan keadaan suasana hidup semasa kanak-kanak dan remaja mereka, semasa meningkat usia tua (dewasa) dan ketika benar-benar tua, digambarkan demikian itu semenjak azali lagi. Firman Allah:

إِذْ قَالَتِ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ يَـٰمَرْيَمُ إِنَّ ٱللَّهَ يُبَشِّرُكِ بِكَلِمَةٍ مِّنْهُ ٱسْمُهُ ٱلْمَسِيحُ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ وَجِيهًا فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْـَٔاخِرَةِ وَمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٥﴾ وَيُكَلِّمُ ٱلنَّاسَ فِى ٱلْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿٤٦﴾

سورة آل عمران ٣ : اية ٤٥ - ٤٦

Terjemahan: *Apabila berkatalah para Malaikat: "Wahai Maryam, sesungguhnya Allah menggembirakan kamu dengan satu kalimah daripada-Nya, namanya al-Masih Isa bin Maryam, seorang terkemuka (wajih) di dunia dan akhirat, dan (dia) daripada kalangan muqharrabin (yang hampir dengan Allah), dia boleh bercakap kepada manusia (ketika) dalam buaian, dan (kepada) orang tua, dan dia daripada kalangan salihin."*

(Surah āli-'Imrān 3:45 – 46)

وَلِنَجْعَلَهُۥٓ ءَايَةً لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً مِّنَّا ۚ وَكَانَ أَمْرًا مَّقْضِيًّا ﴿٢١﴾

سورة مريم ١٩ : اية ٢١

Terjemahan: *Dan Kami menjadikannya (Isa) tanda bukti kepada manusia dan rahmat daripada Kami, ia adalah satu perkara yang benar-benar terlaksana.*

(Surah Maryam 19:21)

Inilah yang Allah sebutkan tentang Nabi Isa a.s, bahawa ia benar-benar berlaku dan disebut kelahirannya lagi, bahkan ia bukan hanya khas untuk Nabi Isa sahaja tetapi merangkumi seluruh para nabi dan rasul. Hal mereka tetap terlaksana sebelum mereka dilahirkan, bahkan lebih daripada itu: Allah menetapkan dalam azali-Nya untuk menjadikan mereka sebagai orang yang ternama di kalangan kaum mereka dan orang yang hebat daripada kalangan keluarga masing-masing.

(3)

Para rasul dan nabi mempunyai alamat-alamat tertentu dan ciri-ciri khusus. Ibn Khaldun[17] memperkatakan hal ini secara yang sangat halus, katanya, "Ketahuilah bahawa Allah S.W.T. telah memilih beberapa orang daripada kalangan manusia iaitu Allah menggambarkan mereka melalui ucapan-Nya. Allah fitrahkan mereka dengan pengetahuan tentang Allah. Allah menjadikan mereka sebagai perantaraan di antara Allah dengan hamba-hamba-Nya. Mereka (para rasul dan nabi) memaklumkan kepada mereka (hamba-hamba Allah) akan kepentingan-kepentingan mereka, mereka bekerja keras demi menghidayatkan mereka, mereka berusaha menyelamatkan mereka dari neraka dan sentiasa menunjukkan kepada mereka jalan penyelamat."

Segala ilmu pengetahuan dicampurkan kepada mereka sementara mu'jizat dan berita-berita dilahirkan melalui lidah-lidah mereka. Terdapat makhluk-makhluk yang ghaib daripada pandangan manusia di mana kesemua ini tidak ada jalan untuk diketahui kecuali daripada Allah dengan cara melalui mereka sementara mereka pun tidak mengetahuinya kecuali Allah jua yang mengajar mereka. Sabda Rasulullah s.a.w.:

ألا وإنى لا أعلم إلا ما علمنى الله.

Terjemahan: *Aku pun tidak mengetahui kecuali apa yang diajar oleh Allah.*

Ketahuilah bahawa perkhabaran mereka mengenai hal demikian itu adalah benar kerana kebenaran itu adalah suatu ciri yang semestinya terangkum dalam perkhabaran itu. Ini jelas untuk anda ketika menjelaskan hakikat kenabian *(nūbuwwah).*

Tanda kebenaran segolongan daripada manusia ini ialah berlakunya wahyu tanpa disedari oleh mereka yang berada bersama-sama seolah-olah keadaan gelap-gelita atau tenggelam luput daripada pandangan mata sedangkan keadaan itu bukan daripada perbuatan kedua-dua golongan itu. Sebenarnya dalam keadaan itulah berlangsungnya pertemuan dengan Malaikat Rohani yang mampu menganjurkan sesuatu yang di luar pencapaian manusia secara total. Kemudian barulah ia menurun kepada pencapaian indera manusia sama ada melalui pendengaran alunan dendangan percakapan yang mereka boleh memahaminya atau juga terdapat penjelmaan dalam bentuk seorang manusia yang berbicara dengan apa yang datang daripada Allah. Kemudian ternyata keadaan itu dan rasul menyedari apa yang dianjurkan kepadanya. Ketika disoal mengenai wahyu, Rasulullah bersabda:

أحيانا يأتينى مثل صلصلة الجرس وهو أشده عليّ فيفصم عني وقد وعيت ما قال : وأحيانا يتمثل لى الملك رجلا فيكلمنى فأعى ما يقول.

Terjemahan: *Kadang-kadang aku didatangi seperti suara loceng yang sangat kuat bunyinya mengejutkan aku lantas aku pun sedar apa yang dikatakan. Kadang-kadang Malaikat bertindak menyerupai seorang lelaki lalu bercakap dengan aku dan aku memang sedar mengikuti apa yang dikata.*

Baginda dalam keadaan itu sangatlah gusar dan sukar dapat digambarkan. Dalam Hadith lain Rasulullah bersabda:

كان مما يعالج من التنزيل شدة.

Terjemahan: *Ketika penurunan ayat sedang berlaku keadaan sangat meruncing.*

'Aisyah berkata, " Wahyu diturunkan kepada Rasulullah pada hari yang sangat sejuk sehingga mengeletar dan dahinya merecik peluh." Firman Allah:

سورة المزمل ٧٣ : اية ٥

Terjemahan: *Sesungguhnya Kami melontarkan ke atas kamu kata yang berat.*

(Surah al-Muzammil 73:5)

Keadaan penurunan wahyu yang sedemikianlah menyebabkan kaum Musyrikin terus menuduh para nabi sebagai gila. Mereka terus berkata bahawa para nabi telah dirasuk atau daripada kalangan jin. Sebenarnya mereka keliru melihat keadaan-keadaan secara zahir yang sangat asing daripada mereka. Firman Allah:

سورة الرعد ١٣ : اية ٣٣

Terjemahan: *...dan sesiapa yang sesat (tidak dapat mengenali Allah) maka tidak ada baginya pembawa hidayat.*

(Surah al-Ra'd 13:33)

Antara tanda-tanda kebaikan yang jelas kepada mereka sebelum kedatangan wahyu ialah Baginda melakukan kebaikan dan pembersihan *(zakāh)* serta menjauhi celaan-celaan dan segala kekotoran *(rijs)*. Inilah dia *'ismah* (terpelihara) yang ada pada diri Rasulullah seolah-olah Baginda itu sememangnya secara semula jadi bersih dan selamat daripada segala celaan yang tentu sekali bercanggah dengan kebiasaan semula jadinya yang terdiri *(jibillah)*. Dalam satu riwayat (*al-Ṣaḥīḥ*) diceritakan Rasulullah ketika masih kecil telah membawa seketul batu bersama-sama dengan bapa saudaranya al-Abbas untuk membina Kaabah. Baginda meletakkan batu besar itu di lengannya dan secara tiba-tiba batu tersebut jatuh menimpa Baginda sehingga pengsan.

Rasulullah pernah dijemput menghadiri majlis kenduri perkahwinan yang diiringi dengan hiburan, tetapi Rasulullah telah terlena sehinggalah matahari terbit. Sesungguhnya Allah telah memelihara baginda daripada melakukan perkara-perkara yang keji. Baginda juga dipelihara daripada memakan makanan yang makruh. Oleh kerana itu Baginda tidak makan bawang merah atau bawang putih. Sebab itu Baginda apabila disentuh hal ini lantas Baginda bersabda:

إنى أناجى من لا تناجون.

Terjemahan: *Sesungguhnya aku bermunajat dengan Penguasa yang tidak perlu bermunajat (kita sahaja berhajat kepada Allah tidak sebaliknya).*

Lihatlah apa yang dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Siti Khadijah tentang keadaan wahyu yang datang pertama kali secara mengejut untuk menguji Rasulullah s.a.w. Berkatalah Khadijah, "Jadikanlah aku berada di antara engkau dan baju engkau." Apabila Rasulullah melakukan ini , maka hilanglah wahyu. Khadijah pun terus berkata, "Sesungguhnya wahyu itu adalah malaikat dan bukan syaitan."

Maksudnya malaikat tidak menghampiri wanita. Begitu juga Rasulullah apabila disoal oleh Khadijah tentang pakaian yang disukainya, Baginda menjawab putih dan hijau. Khadijah berkata bahawa itu juga malaikat. Maksudnya di sini ialah putih dan hijau itu adalah warna-warna kebaikan dan malaikat sementara hitam pula adalah warna-warna jahat, syaitan dan seumpamanya.

Antara tanda-tanda para nabi ialah seruan mereka kepada agama, ibadah sembahyang, bersedekah dan keluhuran jiwa *('afāf)* dan inilah yang dijadikan bukti hujah oleh Khadijah ke atas kebenaran Rasul itu. Begitu juga Sayidina Abu Bakar yang tidak memerlukan lain-lain bukti selain keadaan dan akhlak Rasul itu sendiri untuk maksud tersebut.

Dalam Ṣaḥīḥ diriwayatkan bahawa Herqules[18] apabila menghadapi kedatangan perutusan daripada Rasulullah yang menyerunya kepada Islam, beliaupun memanggil para pembesar Quraisy untuk bertanya hal tentang Rasulullah

ini. Antara yang dipanggil itu termasuklah Abu Sufyan. Beliau bertanya, "Apakah yang disuruh kamu melakukannya?" Abu Sufyan pun menjawab, "Solat, zakat, hubungan silaturrahim, keluhuran jiwa dan sebagainya." Beliau terus berkata, "Sekiranya apa yang dikatakannya itu benar, maka dia adalah seorang Nabi." Keluhuran yang disebut oleh Herqules itu ialah *'iṣmah* (selamat terpelihara).

Lihatlah bagaimana *'iṣmah* dan penyeruan kepada agama dan ibadat itu merupakan dalil kebenaran kenabian Rasul, dan ini tidak memerlukan mu'jizat. Demikian antara tanda-tanda kenabian. Antara tanda-tanda mereka juga ialah mereka (para nabi) terdiri daripada keturunan ternama di sisi kaum mereka. Dalam catitan *Ṣaḥīḥ* diriwayatkan, "Allah tidak mengutuskan seorang Nabi kecuali orang yang mendapat kawalan daripada kaumnya."

Riwayat lain pula menyebut, "Orang berada daripada kaumnya." Al-Hakim telah memperlihatkan dia sahih ini. Begitu juga soal jawab Herqules terhadap Abu Sufyan sebagaimana soalannya, " Bagaimanakah dia itu pada kamu semua?" Jawab Abu Sufyan, "Dia itu kepada kami ialah seorang ternama." Lantas Herqules menjawab," Memanglah para rasul ini diutuskan daripada orang yang ternama daripada kalangan sesuatu kaum itu."

Maksud di sini bahawa baginya (rasul) itu merupakan satu benteng dan rangkaian perkataan yang mampu mempertahankan daripada tindakan jahat orang-orang kafir demi memungkinkan Baginda dapat menyampaikan risalah Tuhannya dan sekaligus terlaksanalah kehendak Allah bagi menyempurnakan agama dan *millah*-Nya.

Antara tanda-tanda mereka (rasul-rasul) juga ialah berlakunya perkara-perkara yang menyanggahi adat kebiasaan sebagai membuktikan kebenaran mereka. Perbuatan-perbuatan ini melemahkan manusia untuk melakukan yang seumpamanya. Inilah mu'jizat yang bukan daripada jenis daerah kemampuan hamba-hamba, ia berlaku di luar kemampuan mereka.[19]

(4)

Apabila jadilah diri mereka itu – setelah digarapi oleh pendidikan dan pemeliharaan Allah – berkelayakan untuk menerima, maka datanglah wahyu dalam suasana jiwa-jiwa

suci sedang berjalan-jalan di wadi suci tempat yang sangat diberkati. Allah berfirman:

وَهَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿٩﴾ إِذْ رَءَا نَارًا فَقَالَ
لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِقَبَسٍ
أَوْ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدًى ﴿١٠﴾ فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِىَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾
إِنِّىٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٢﴾
وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ فَٱسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾ إِنَّنِىٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠
فَٱعْبُدْنِى وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكْرِىٓ ﴿١٤﴾ إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ
أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا تَسْعَىٰ ﴿١٥﴾ فَلَا يَصُدَّنَّكَ
عَنْهَا مَن لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرْدَىٰ ﴿١٦﴾

سورة طه ٢٠ : اية ٩ - ١٦

Terjemahan:*Dan adakah datang kepada kamu percakapan Musa, kerana sedang dia melihat api maka dia berkata kepada ahlinya: "Singgahlah sesungguhnya aku sangat rindukan api boleh jadi aku datang kepada kamu dengan satu cahaya daripadanya atau aku mendapati hidayat pada api." Maka apabila datanglah kepadanya, diseru. "Wahai Musa, sesungguhnya Aku ini Tuhanmu maka keluarkanlah sesungguhnya engkau kini berada di wadi suci, Aku telah memilih engkau maka dengarlah apa yang diwahyukan. Sesungguhnya Aku Allah, tidak ada Tuhan kecuali Aku, maka sembahlah Aku. Dan dirikanlah sembahyang untuk mengingatiku (zikirkan aku). Sesungguhnya kiamat akan tiba hampir-hampir Aku menyembunyikannya untuk membalas setiap jiwa setimpal dengan apa yang dilakukan. Maka janganlah kamu dipengaruhi oleh orang yang tidak mempercayainya dan orang-orang yang mengikut hawa nafsu pasti tersingkir."*

(Surah Ṭāhā 20:9 – 16)

۞ فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى ٱلْأَجَلَ وَسَارَ بِأَهْلِهِۦٓ ءَانَسَ مِن جَانِبِ
ٱلطُّورِ نَارًا قَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم
مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ جَذْوَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ

سورة القصص ٢٨ : اية ٢٩ - ٣٠

Terjemahan: *Setelah Musa menyempurnakan tempoh kerjanya itu dan (mendapat izin) berjalan dengan isterinya (kembali ke Mesir), ia melihat (dalam perjalanannya itu) api dari sebelah Gunung Tursina. (Ketika itu) berkatalah ia kepada isterinya; "Berhentilah; sesungguhnya aku ada melihat api, semoga aku dapat membawa kepada kamu sesuatu berita dari situ, atau sepuntung daripada api itu. Supaya kamu dapat berdiang. Tatkala ia sampai ke tempat api itu, (kedengaran) ia diseru dari tepi lembah yang sebelah kanan, di tempat yang dilimpahi berkat, dari arah pohon kayu (yang ada di situ) "Wahai Musa, sesungguhnya Akulah Allah, Tuhan Sekalian Alam."*

(Surah al-Qaṣaṣ 28:29 – 30)

Dalam Islam, kita mempunyai satu dokumen tunggal di dunia ini seluruhnya tentang bagaimanakah bermulanya wahyu. Dokumen ini menghidangkan segala pengertian khusus tentang kenabian dan sifat-sifat Rasulullah s.a.w. Ia menonjol dengan nyata dan jelas yang merujuk kepada banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan kebenaran Rasul dan kedudukannya sebagai Rasul yang akhir. Segala penerangan dan analisis dokumen ini sangatlah padat dan sempurna. Oleh kerana ia penuh dengan pengajaran dan hidayat untuk orang-orang yang mengkaji secara mendalam, dokumen ini diolah dengan pelbagai cara dan menggunakan sandaran-sandaran yang banyak. Pendekatan cara ini telah sedia wujud dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah:

وَكَذَٰلِكَ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا ۚ مَا كُنتَ تَدْرِى مَا ٱلْكِتَٰبُ
وَلَا ٱلْإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلْنَٰهُ نُورًا نَّهْدِى بِهِۦ مَن نَّشَآءُ مِنْ عِبَادِنَا ۚ
وَإِنَّكَ لَتَهْدِىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

سورة الشورى ٤٢ : اية ٥٢

Terjemahan: *Dan demikianlah Kami mewahyukan kepada kamu roh daripada urusan Kami. Kamu tidak pun mengetahui apakah itu iman sedangkan Kami telahpun menjadikannya sebagai cahaya yang mendapat hidayat dengannya sesiapa yang kamu mahu daripada kalangan hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkaulah yang boleh memberi hidayat kepada jalan yang lurus.*

(Surah al-Syūrā' 42:52)

سورة الشعراء ٢٦ : اية ١٩٣ - ١٩٥

Terjemahan: *Diturunkan dengannya al-Ruh al-Amin*[20] *ke atas hati kamu supaya kamu termasuk orang-orang yang memberi peringatan dengan lidah Arab yang jelas.*

(Surah al-Syu'arā' 26:193 - 195)

Adapun dokumen yang kita bincangkan ini, adalah satu anjuran daripada kitab yang paling sahih selepas kitab Allah, iaitu kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Daripada 'Aisyah, Umm al-Mukminin, katanya, "Bermulanya wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. ialah melalui mimpi benar ketika tidur. Baginda tidak melihat mimpi itu kecuali datang serupa dengan cahaya pagi *(Falaq al-Subhi)*. Kemudian dianjurkan kecenderungan Baginda duduk berseorangan. Baginda memilih Gua Hira' untuk memenuhi kecenderungan ini sambil beribadah dalamnya. Ibadah malam dilakukan sebelum Baginda keluar untuk pulang menemui keluarga dan mendapatkan bekalan di mana Baginda pulang kepada Khadijah untuk tujuan ini dan pergi semula ke gua itu sehinggalah datangnya kebenaran ketika Baginda sedang beribadat. Tiba-tiba Malaikat datang lalu berkata: "*Iqra* (bacalah)." Rasulullah menjawab, "Aku tidak tahu membaca." Maka dia memegang dan memeluk aku sehingga hilang tenaga aku, kemudian dia melepaskan aku." Dia berkata lagi, "*Iqra'* (bacalah)." Aku menjawab, "Aku tidak tahu membaca, maka dia pun memegang aku kali kedua sehingga hilang tenaga aku." Maka dia berkata lagi: "*Iqra'* (bacalah)." Aku menjawab: "Aku tidak tahu membaca".

Maka dia memegang dan memeluk aku kali ketiga kemudian barulah dia melepaskan aku sambil membaca:

سورة العلق ٩٦ : اية ١ - ٣

Terjemahan: *Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menjadikan, menjadikan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhan yang paling mulia.*
(Surah al-'Alaq 96:1 – 3)

Rasulullah pun pulang dalam keadaan gementar. Apabila masuk ke rumah menemui Khadijah binti Khuwailid, Baginda terus berkata, "Selimutlah aku." Khadijah menyelimutinya sehingga hilang ketakutannya itu. Baginda berkata kepada Khadijah dan memberitahunya dengan berkata, "Aku merasa takut ke atas diriku."

Khadijah berkata, "Tidak sekali-kali, demi Allah, Allah tidak menghinakan engkau selama-lamanya. Kamulah yang pasti dapat menghubungi silatulrahim, kamu menanggung segala-galanya dan kamulah yang mencari sesuatu yang tiada, kamulah yang mampu melayani tetamu dan kamulah yang membantu memperjuangkan kebenaran."

Kemudian Khadijah bersama Rasulullah pergi menemui Waraqah bin Naufal bin Asad bin Abdul Uzza iaitu saudara sepupu Khadijah. Waraqah ialah seorang Nasrani pada Zaman Jahiliyah. Beliau ada menulis sebuah kitab Ibrani dan menulis Injil dalam bahasa Ibrani. Beliau seorang yang telah lanjut usia dan buta. Khadijah berkata kepadanya: "Wahai anak bapa saudaraku, dengarlah daripada anak kakak engkau ini." Waraqah menjawab, "Wahai anak kakak aku, ceritakanlah." Rasulullah pun terus bercerita dan mengkhabarkan apa yang dia lihat. Berkatalah Waraqah, "Ini *al-nāmūs* (malaikat). Dialah yang Allah turunkan ke atas Nabi Musa dahulu. Moga-moga aku dapat berkesempatan dengan engkau dan moga-moga aku terus hidup mempertahankan engkau justeru engkau nanti akan diusir oleh kaum engkau."

Rasulullah terus berkata, "Siapa yang akan mengusir

aku?" Jawab Waraqah, "Ya, tidak pernah ada orang yang datang membawa apa yang engkau datangkan kecuali akan menerima tentangan. Sekiranya aku masih hidup pada hari itu aku akan menolong kamu dengan sepenuhnya." (Tetapi Waraqah wafat sebelum terlăksana cita-cita murninya).

Ibn Syihab, bersabda bahawa beliau dikhabarkan oleh Abu Salamah bin Abdul Rahman bahawa Jabir bin Abdullah al-Ansari ketika menceritakan tentang peringkat wahyu Rasulullah berkata, "Ketika aku sedang berjalan-jalan tiba-tiba terdengar satu suara dari langit. Aku pun terus mendongak ke atas, rupa-rupanya malaikat yang datang kepadaku ketika di Gua Hira' tempoh hari kelihatan sedang bersemayam di atas kerusi di antara langit dan bumi, aku pun jadi takut dan gentar melihatnya. Apabila sampai di rumah terus aku berkata: Selimutlah aku, maka turunlah ayat Allah:

سورة المدثر ٧٤ : اية ١ - ٥

Terjemahan: *Wahai orang yang berselimut, bangun dan beri amaran, dan Tuhan kamu agung-agungkanlah, pakaian kamu bersihkanlah, kejahatan jauhilah.*
(Surah al-Muddaththir 74:1 – 5)

Rasulullah terus memelihara wahyu dan mengikutinya. Sekarang barulah kita analisiskan dokumen yang dikatakan penuh dengan pengertian-pengertian, melimpah dengan kefahaman-kefahaman yang kaya dengan panduan-panduan.

(5)

Tentang riwayat Sayidatina 'Aisyah bahawa wahyu pertama yang sampai kepada Rasulullah merupakan mimpi benar dalam tidur, Baginda tidak melihat (bermimpi) kecuali datangnya (mimpi tersebut) bagaikan cahaya pagi *(falaq al-ṣubḥi).*

Pengutaraan Sayidatina 'Aisyah boleh difahami bahawa itu adalah mimpi benar tentang wahyu. Antara Hadith-hadith yang menjadi sandaran memperhatikan hal ini ialah Hadith-hadith yang menunjukkan bahawa mimpi *(ru'yah)* adalah satu juzuk daripada empat puluh enam bahagian kenabian.

Apa yang disebut oleh 'Aisyah merupakan satu dalil daripada dalil-dalil kenabian dan dalil ini juga turut dicapai oleh tokoh cendekiawan dan cerdik pandai. Al-Farabi[21] misalnya dalam kitabnya *(Ārā' Ahli al-Madīnah al-Fāḍilah)* telah menulis satu fasal yang khusus mengenai sebab mimpi-mimpi tersebut dan disusuli kemudiannya dengan satu fasal yang lain tentang (wahyu dan penglihatan Malaikat).

Beliau berpendapat bahawa "mimpi benar" adalah perhubungan di antara bumi dengan langit di mana terlaksana ketika sasaran indera melalui pancaindera-pancaindera tidak dapat membenamkan kuasa khayal dengan sepenuhnya.[22]

Perhubungan ini berlaku ketika pancaindera sudah tidak berfungsi disebabkan tidur. Ramai manusia telah mengalaminya sendiri meskipun bukan semua. Semua manusia mempunyai satu juzuk kenabian yang membantu menunjukkan kepada mereka akan kesahihan dan kemampuan kenabian itu apabila mereka melihat hakikatnya secara mendalam dan teliti.

Fikiran ini turut membawa kita membicara tentang pandangan al-Imam al-Ghazali: Al-Imam menerusi kitābnya *Iḥyā' 'Ulūmuddīn* telah memperkatakan tentang hubungan antara langit dan bumi ini dalam bentuk wahyu iaitu al-Imam membuktikan kewujudan dan keharusannya itu dengan membawa satu dalil yang muktamad dan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Dia melihatnya dalam dua perkara iaitu:

Pertama: Kita akan sebutkan di sini perkara-perkara yang ajaib daripada mimpi benar *(ru'yah ṣādiqah)*. Mimpi dapat menyerlahkan ghaib – sekiranya penyerlahan ghaib boleh berlaku ketika tidur maka tidak mustahil juga ia dalam keadaan sedar jaga. Tidur tidak dapat berpisah daripada sedar kecuali dalam keadaan ketidakfungsian pancaindera, dan tidak beroperasi dalam menanggapi

sasaran-sasaran inderanya: "Betapa terdapat orang yang sedar jaga tetapi tidak mendengar dan tidak melihat justeru kerana terlalu sibuk."

Tetapi al-Imam al-Ghazali telah menghuraikan perkara ini dengan agak panjang lebar sebagaimana yang terdapat dalam kitab *al-Munqidh min al-Ḍalāl* (Penyelamat daripada Kesesatan). Huraian perkara ini telah dikemukakan oleh al-Imam dalam satu gambaran yang menarik. Katanya, "Allah menjadi hampir dengan makhluknya adalah dengan cara Allah menganjurkan satu contoh khusus kenabian, iaitu tidur di mana seorang yang tidur pasti dapat menanggapi sesuatu peristiwa ghaib yang akan berlaku, sama ada secara terang nyata ataupun secara berupa yang juga nyata dan terang. Dan ini sekiranya seseorang itu tidak pernah merasainya atau berpengalaman mengenainya. Sebaliknya ditolak terus sesuatu yang ghaib dengan mencari hujah untuk membukti kemustahilannya. Misalnya dia mesti menolak apabila dikatakan kepadanya terdapat di kalangan manusia ini orang yang tiba-tiba tidak sedarkan diri bagaikan mayat yang hilang segala perasaan, pendengaran dan penglihatan tiba-tiba dapat menanggapi sesuatu yang ghaib. Dia akan menghujah bahawa indera-indera yang wujud dan berfungsi sahaja yang mampu memberikan manusia keupayaan menanggapi sesuatu."

Justeru itu sekiranya pancaindera tidak berfungsi dengan sebab tidur dan sebagainya, pasti tidak lojik manusia itu boleh menanggapi sesuatu lebih-lebih lagi yang ghaib. Analogi *(qiyās)* ini sebenarnya adalah meleset dan ditolak oleh hakikat wujud dan penyaksian umum *(mushāhadah)*. Sebagaimana akal sendiri ada peringkat-peringkat tertentu kepada seseorang di mana kadang-kadang manusia melihat sesuatu hakikat akal *(ma'qūlāt)* tanpa menggunakan pancainderanya. Kenabian *(nubūwwah)* adalah satu peringkat akal yang istimewa diterangi dengan nur daripada Allah sehingga dapat menanggapi perkara ghaib dan yang tidak dapat dicapai oleh akal.

Sayidatina 'Aisyah telah menetapkan "mimpi" *(ru'yah)* sebagai *ṣāleḥaḥ* (benar baik). Ketetapan ini mempunyai pengertian yang sangat besar dan mendalam. Sabda Rasulullah s.a.w.:

الرؤيا الصادقة من الرجل الصالح جزء من ستة وأربعين جزء من النبوة.

Terjemanan: *Ru'yah (mimpi) yang benar daripada seorang lelaki yang salih adalah satu juzuk daripada empat puluh enam juzuk kenabian.*

وإن الرؤ يا من الله والحلم من السشيطان.

Terjemahan: *Ru'yah adalah daripada Allah dan mimpi daripada syaitan.*

وإن رؤيا المؤمن جزء من ستة وأربعين جزءاً من النبوة.

Terjemahan: *Ru'yah seseorang Mukmin adalah satu bahagian dari empat puluh enam bahagian kenabian.*

وأنه لم يبق من النبوة إلا المبشرات قالوا : وما المبشرات ؟ قال الرؤيا الصالحة.

Terjemahan: *Tidak ada apa yang tertinggal daripada nabi kecuali mubassyirāt (sesuatu yang menggambarkan). Bertanyalah mereka: "Apakah mubassyirāt itu?" Berkatalah: "Ru'yah ṣāleḥah" (mimpi yang benar baik).*

Hadith-hadith yang kita riwayatkan ini adalah daripada al-Imam al-Bukhari yang dibantu oleh Hadith-hadith lain. Kesimpulan daripada Hadith-hadith tersebut dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga jenis mimpi orang yang tidur iaitu:

1. Bahagian daripada Allah: *Ru'yah ṣādiqah* (mimpi daripada Allah yang benar dan baik).

2. Bahagian daripada syaitan.

3. Bahagian yang seseorang itu bermimpi apa yang dia lakukan di waktu sedar (jaga).

Pembahagian ini merangkumi seluruh mimpi manusia

ketika tidur. Adapun ilmu moden begitu jelas menerangkan keberkesanan faktor-faktor luaran dan dalaman batin terhadap *ru'yah* (mimpi).

Freud misalnya dengan jelas menegaskan wujudnya kesan kecenderungan-kecenderungan yang tersembunyi dalam membentuk mimpi benar (*ru'yah*) dan mimpi-mimpi (*aḥlām*) terutamanya pada orang-orang dewasa dan belia. Herphew dan More misalnya membuktikan bahawa mimpi (*aḥlām*), selalunya adalah lanjutan daripada berlakunya perasaan yang dirasainya atau natijah perasaan yang bersama dengannya. Kadang-kadang manusia bermimpi biliknya terbakar sedangkan pada waktu itu cahaya lampu terpasang menyusuk kelopak matanya yang sedang pejam lena itu. Atau ia bermimpi lantaran kesakitan tulang belakangnya. Pernah berlaku seseorang bermimpi rumahnya runtuh sedangkan pada waktu itu salah satu tiang katil tidurnya patah. Keadaan ini membuktikan Henry meyakini berdasarkan apa yang berlaku itu bahawa manusia bebas bertindak dalam mimpinya dan mampu membentuknya sebagaimana yang dia suka.

Apabila dihubungkaitkan antara perasaan-perasaan yang pernah dialami dengan ingatan-ingatan tertentu maka seseorang itu memang mampu mengembalikan ingatan-ingatan lamanya dengan cara menimbulkan perasaan-perasaan yang berhubung kait dengannya.

Orang-orang Greek dahulu telah pun mencuba untuk menyimpan mimpi-mimpi mereka atau menimbulkannya melalui amalan-amalan agama.[23]

Inilah sebenarnya apa yang hendak diulang sebut oleh teori ilmu moden dalam membuat tafsiran mimpi dewasa ini. Cuma ilmu moden lemah dan tidak mampu serta melencong jauh daripada tafsiran agama terhadap mimpi (*ru'yah*).

Agama menyebut apa yang disebut oleh ilmu moden tetapi menambahkan beberapa perkara yang dikira biasa oleh sesiapa pun iaitu mengenai wujudnya apa yang disebut mimpi benar yang bermaksud mendedahkan sesuatu yang ghaib serta meramalkannya sama ada dalam lingkungan tempat mahupun masa.

Jenis mimpi benar ini sememangnya diakui oleh semua agama langit yang besar di mana agama-agama ini ada memperkatakan tentang mimpi Nabi Yusuf dan mimpi

seorang raja yang menyebabkan Yusuf diundang khas dari penjara untuk mentafsirkan mimpinya itu. Al-Qur'an ada memperkatakan sesuatu yang berkaitan dengan Nabi Muhammad s.a.w. Firman Allah:

لَّقَدْ صَدَقَ ٱللَّهُ رَسُولَهُ ٱلرُّءْيَا بِٱلْحَقِّ لَتَدْخُلُنَّ ٱلْمَسْجِدَ ٱلْحَرَامَ إِن شَآءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ . . .

سورة الفتح ٤٨ : اية ٢٧

Terjemahan: *Sesungguhnya memperakukan oleh Allah dan Rasul-Nya akan mimpi (ru'yah) sebagai benar supaya membolehkan engkau memasuki Masjidil Haram, jika dikehendaki Allah dalam keadaan aman damai, bercukur kepala kamu dan menunduk-nunduk serta tidak pun kamu takuti .... .*

(Surah al-Fath 48:27)

Tetapi apa yang agak menarik perhatian dalam hal mimpi ini ialah terdapat juruta'wil atau jurutafsir tetapi walau bagaimanapun pada keseluruhannya adalah sebagai lambang sahaja dan analisis kepada lambang-lambang ini merupakan satu pendekatan seni yang tersendiri. Istimewanya terhadap beberapa tokoh terkenal dan buku-buku yang membicarakan hal ini. Antara mereka itu ialah Muhammad bin Sairin, Abdul Ghani al-Nablisi, Khalil bin Syahin al-Zahiri dan lain-lain. Semua mereka mengarang buku untuk mengupaskan perkara ini.

Rasulullah s.a.w. pernah bertanya para sahabat tentang mimpi mereka dan menceritakan pengalamannya sendiri. Sabda Rasulullah:

رأيت ذات ليلة فيما يرى النائم كأنا فى دار عقبة بن رافع ، فأوتينا برطب من رطب ابن طاب .

Terjemahan: *Aku telah bermimpi pada suatu malam sebagaimana yang dimimpi oleh orang lain seolah-olah kami di rumah Uqbah bin Rafik. Maka kami telah didatangi dengan Ratab ibn Tab.*

Pentafsiran dan pengulasan tentang mimpi adalah satu ilmu seni yang kini sedang dibahaskan oleh pakar-pakar ilmu psikologi jiwa. Merekalah orang-orang salihin (sesuai dan layak) yang dikurniai Allah S.W.T. kemampuan memahami mimpi.

Tetapi para pakar analisis jiwa hanya mengkhususkan tafsiran mereka dalam aspek-aspek indera yang berbentuk kebendaan semata-mata. Sementara yang lain-lain pula melahirkannya dalam bentuk atau aspek-aspek ghaib yang benar.

Kebenaran tidak tergugat dengan tafsiran mereka yang sentiasa berputar dalam alam benda dan begitu juga dengan terkurung ilmu moden dalam lipatan benda dan indera. Kebenaran mimpi adalah jelas dan terang, manusia di Timur dan Barat, dahulu dan sekarang tetap mengambil perhatian mengenai kewujudan mimpi benar *(ru'yah ṣādiqah)* dan berlakunya mimpi ini turut terhumban di bawah daerah pengalaman-pengalaman mereka.

(6)

Selepas menyebut Hadith tersebut, maka 'Aisyah mulalah menceritakan perihal Rasulullah s.a.w. sebelum wahyu, katanya, "Allah telah menjadikan Rasulullah s.a.w. suka kepada kesunyian di mana Baginda meninggalkan Makkah dengan suasana hingar-bingarnya (bising) yang tentu sekali terdapat banyak yang tidak baik (sesat)."

Baginda meninggalkan Makkah untuk pergi bersunyi-sunyian sambil beribadah di Gua Hira'. Baginda bertafakur, merenung-renung dan bersujud kepada Allah dengan penuh khusyuk sambil memohon ketenangan dan hidayat-Nya.

Baginda beribadat di gua usang itu beberapa malam dan sesekali pulang ke pangkuan keluarga untuk mengisi bekalan dan kemudian pergi semula beribadat dan *nusuk.*

Baginda bukan mengejar harta, pangkat, kemewahan, kelazatan mata benda, keagungan di sisi manusia dan lain-lain tetapi Baginda menuntut dan mencari hidayat. Jelas bahawa Rasulullah mengelak diri daripada perhiasan-perhiasan dunia sebagaimana yang terbukti melalui percakapan dan tingkah laku Baginda.

Kita boleh melihat betapa satu *sirah* Nabi yang telah membawa dua berita yang kedua-duanya mengandungi pengertian yang sama dan sangat mendalam.

Pertama bahawa Utbah bin Rabi'ah, seorang ketua kaum telah bangun berpidato dalam satu perhimpunan orang-orang Quraisy sedangkan pada waktu itu Rasulullah berseorangan di masjid. Beliau berkata, "Wahai sekalian kaum Quraisy, alangkah baiknya aku pergi kepada Rasulullah dan berbicara dengannya di samping menawarkan beberapa perkara kepadanya dengan harapan Baginda sudi menerimanya. Kita pasti akan memberi apa yang beliau kehendaki." (Ini berlaku ketika Hamzah memeluk Islam dan mereka melihat bertambah ramainya bilangan para sahabat Rasulullah).

Mereka terus berkata,"Elok sekali wahai Abal Walid. Pergi dan bercakaplah dengannya (Rasulullah)." Utbah terus bangun menuju kepada Rasulullah dan duduk di hadapannya lalu berkata, "Wahai anak saudaraku, engkau adalah daripada kalangan kami juga, sebagaimana yang engkau tahu kita daripada kalangan keluarga yang sederhana, yang berketurunan mulia. Engkau telah mendatangkan sesuatu yang sangat besar yang dengannya engkau memecah-belahkan jama'ah mereka, engkau memperbodoh-bodohkan mimpi-mimpi mereka, engkau menghina dan mencaci tuhan-tuhan mereka, engkau mengkafirkan bapa-bapa mereka yang telah mati. Maka inilah aku datang kepada engkau dan dengarlah tawaran ini moga-moga kamu akan menerima sebahagian daripadanya."

Maka Rasulullah pun berkata, "Teruskanlah berkata wahai Abal Walid, aku akan mendengarnya." Beliau pun berkata: "Wahai anak saudaraku, sekiranya engkau mahukan harta benda daripada tawaran ini, kami akan kumpulkan harta-harta kami untuk engkau supaya engkau menjadi orang yang paling banyak harta daripada kalangan kami. Sekiranya engkau mahukan kemuliaan, kami akan jadikan engkau ketua kami sehingga kami tidak akan memutuskan sesuatu perkara tanpa engkau. Sekiranya engkau hendak menjadi raja, kami akan mengangkat engkau sebagai raja yang memerintah kami. Sekiranya ini semua mendatangkan beban penyakit yang menyusahkan engkau

dan engkau tidak dapat menahannya, maka kami mengubati engkau dan akan membelanjakan harta kami sehingga kami dapat menyembuhkan penyakit engkau."

Setelah selesai Utbah bercakap dan Rasulullah mendengarnya, Rasulullah berkata: " Adakah engkau sudah selesai wahai Abal Walid?" Katanya,"Ya." Maka Rasulullah pun berkata, "Dengarlah daripada aku pula." Utbah berkata: "Silakan." Rasulullah s.a.w. pun membaca:

سورة فصلت ٤١ : اية ١ - ٥

Terjemahan: *(Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang) Haa-Mim, penurunan daripada Maha Pemurah dan Penyayang, kitab yang dipanjang lebarkan ayat-ayatnya sebagai al-Qur'an yang berbahasa Arab untuk kamu yang mengetahui, menggembira dan membawa amaran ... .*

(Surah al-Fuṣṣilat 41:1 – 5)

Rasulullah terus membaca ayat tersebut kepada Utbah dan beliau mendengarnya dengan baik. Akhirnya Rasulullah pergi mendapatkan sejadah dan bersujud dan terus berkata, "Sesungguhnya aku telah mendengar segala-galanya daripada engkau wahai Abal Walid."

Utbah pun meninggalkan Rasulullah menuju kepada para sahabatnya yang sedang menunggu. Apabila nampak beliau masing-masing berkata, "Kami bersumpah dengan nama Allah sesungguhnya kami nampak Abal Walid (Utbah) ini telah berubah wajah iaitu tidak lagi serupa dengan wajah sebelum beliau pergi dahulu!!!"

Apabila beliau duduk di hadapan mereka, mereka pun berkata, "Apa yang engkau bawa kepada kami?" Utbah pun menjawab, " Hah! Ini ceritanya: Aku telah mendengar sesuatu yang demi Allah aku belum pernah mendengar sumpahnya sebelum ini. Demi Allah ia bukan syair, bukan

sihir dan bukan tilikan *(kahānah)*. Wahai kaum Quraisy, patuhlah aku dan jadikanlah engkau semua bersama aku, biarkan saja lelaki ini dengan apa yang ada padanya. Maka pisahkanlah daripadanya, demi Allah perkataan yang aku dengar daripadanya itu merupakan berita. Jika benar mengenai Arab, sesungguhnya ini merupakan kebenaran yang tetap diakui meskipun tanpa pengakuan kamu sekalian. Sekiranya ternyata kepada orang-orang Arab akan kelebihan dan keagungannya, maka itu juga adalah kelebihan dan keagungan kamu juga. Kemuliaan beliau adalah kemuliaan kamu juga. Kamu sangat bertuah kerananya."

Mereka pun berkata, "Demi Allah kamu telah terkena sihir, lidahnya telah mensihirkan kamu wahai Abal Walid." Beliau menjawab, "Ini adalah pandangan aku mengenainya, lakukanlah apa yang jelas kepada kamu."

Sementara ada yang berpendapat bahawa ajaran itu dikemukakan kepada Nabi Muhammad oleh seseorang individu dan mungkin kalau ditawarkan kepada Rasulullah itu oleh satu kumpulan yang mampu melaksanakannya tentu Baginda akan menerimanya. Kenyataan ini adalah terbatal dan tidak benar kerana Utbah sememangnya mewakili para pemimpin Quraisy untuk menemui Rasulullah itu.

Cerita-cerita berikut yang dibawa oleh buku-buku *sirah* dengan sendirinya turut menafikan kenyataan tersebut.

Satu perjumpaan yang dihadiri oleh Utbah bin Rabi'ah, Shaibah bin Rabiah, Abu Sufyan bin Harb, al-Nadhar bin al-Harith – saudara Bani Abdul Dar, Abu al-Bukhturi bin Hisham, al-Aswad bin al-Mutalib bin Asad, Zam'ah bin al-Aswad, al-Walid bin al-Mughirah, Abu Jahal bin Hisham – dilaknati Allah – Abdullah bin Abi Umayyah, al-Ass bin Wael, dua anak al-Hajjaj al-Sahmayan dan Umaiyyah bin Khalf. Mereka semua berkumpul selepas Maghrib di hadapan Kaabah. Mereka berkata-kata di kalangan mereka: "Hantarlah kepada Muhammad, berbicara dan berdebat dengannya sehingga kamu tidak mampu ... . Mereka pun ingin memberitahunya bahawa tokoh-tokoh kamu telah bermesyuarat untuk berbicara dengan kamu, kamu hendaklah datang kepada mereka."

Rasulullah bergegas datang kepada mereka. Baginda menyangka bahawa mereka semua telah sedia mengetahui tentangnya. Rasulullah menunjukkan kemesraan dengan

mereka dan berminat untuk mengajak mereka. Bila sahaja Rasulullah duduk dengan mereka, mereka terus berkata, "Wahai Muhammad, sesungguhnya kami telah menghantar wakil untuk berbicara dengan engkau. Kami sesungguhnya tidak pernah tahu ada lelaki berbangsa Arab yang berani membawa masuk kepada kaumnya sebagaimana yang engkau lakukan. Engkau telah mencela bapa-bapa, engkau telah menghina agama, engkau telah mencela tuhan-tuhan, engkau telah memperbodoh-bodohkan mimpi-mimpi, engkaulah yang memecahbelahkan jama'ah. Perkara buruk yang engkau bawa itulah yang sedang merosakkan kita semua."

"Sekiranya engkau membawa hal ini bertujuan mendapatkan harta, kami akan himpunkan harta-harta kami untuk engkau sehingga engkau boleh menjadi orang yang paling banyak memiliki harta daripada kalangan kami. Sekiranya engkau mahukan kemuliaan, kami akan memuliakan engkau dengan menjadikan engkau ketua kami atau tuan kepada kami. Sekiranya engkau mahu menjadi raja, kami akan tabalkan engkau sebagai raja kami. Sekiranya engkau telah dirasuk jin maka kami akan mengeluarkan harta kami untuk mendapatkan rawatan perubatan sehingga engkau sembuh dan pulih."

Rasulullah pun berkata kepada mereka, "Aku tidak ada kena-mengena dengan apa yang kamu perkatakan itu. Aku tidak mendatangkan kepada kamu sesuatu yang bertujuan mendapatkan harta-harta kamu atau kemasyhuran di kalangan kamu atau ingin menjadi raja kepada kamu tetapi aku diutuskan oleh Allah sebagai seorang Rasul kepada kamu di mana Allah menurunkan kepada aku sebuah kitab (al-Qur'an). Allah memerintahkan aku supaya menjadi pembawa berita gembira dan pembawa amaran untuk kamu. Maka dengan itu aku sampaikan risalah-risalah Tuhanku, aku telah pun menasihati kamu, sekiranya kamu menerima apa yang aku sampaikan itu, maka itu habuan kamu di dunia dan akhirat. Sekiranya kamu menolak nasihat tersebut, aku mestilah bersabar terhadap perintah Allah itu sehingga Allah menentukan di antara aku dengan kamu sekalian."

Peninggalan daripada menuntut keagungan dan pangkat di kalangan manusia, harta dan kekayaan serta segala nilai-nilai keduniaan seluruhnya, sesungguhnya terbukti dalam

kehidupan diri Rasulullah sendiri semenjak daripada awal sehinggalah kewafatan Baginda. Bukti-bukti daripada al-Qur'an begitu banyak menegaskan hakikat ini. Firman Allah S.W.T.:

سورة سبأ ٣٤ : اية ٤٧

Terjemahan: *Katakanlah tidak pun aku minta daripada kamu akan upah, aku tidak mendapat balasan kecuali ke atas Allah, Dialah yang di atas sesuatu menjadi saksi.*

(Surah Saba' 34:47)

سورة هود ١١ : اية ١٥ - ١٦

Terjemahan: ... *Mereka tidak pun bakhil. Merekalah orang-orang yang tidak mendapat apa-apa di akhirat kecuali neraka dan sia-sialah apa yang mereka lakukan dan terbatallah apa yang mereka amalkan.*

(Surah Hūd 11:15 – 16)

مَّن كَانَ يُرِيدُ ٱلۡعَاجِلَةَ عَجَّلۡنَا لَهُۥ فِيهَا مَا نَشَآءُ لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلۡنَا لَهُۥ جَهَنَّمَ يَصۡلَىٰهَا مَذۡمُومٗا مَّدۡحُورٗا ١٨

سورة الإسراء ١٧ : اية ١٨

Terjemahan: *Sesiapa yang menghendaki (kesenangan hidup) dunia, Kami akan segerakan kepadanya dalam dunia apa yang Kami kehendaki, bagi sesiapa yang Kami kehendaki. Kemudian Kami sediakan baginya neraka jahannam (di akhirat kelak), untuk membakarnya dalam keadaan yang hina lagi tersingkir daripada rahmat Allah.*

(Surah al-Isrā' 17:18)

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَوٰةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ
وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَٰلِ وَالْأَوْلَٰدِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ
ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَىٰهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَٰمًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ
شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَٰنٌ وَمَا الْحَيَوٰةُ الدُّنْيَا إِلَّا
مَتَٰعُ الْغُرُورِ ﴿٢٠﴾

سورة الحديد ٥٧ : اية ٢٠

Terjemahan: *Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa permainan hiburan semata-mata yang melalaikan serta perhiasan (yang mengurang) juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba memperbanyakkan harta benda dan anak-pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai, dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan di dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan daripada Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.*

(Surah al-Ḥadīd 57:20)

Daripada Jabir bin Nafir katanya, "Aku masuk berjumpa dengan 'Aisyah dan aku bertanya mengenai akhlak Rasulullah s.a.w. Jawab 'Aisyah, 'Al-Qur'an.'"

Hakikatnya ialah bahawa Rasulullah s.a.w. adalah sebuah al-Qur'an yang dilaksanakan melalui apa yang didatangkan dan apa yang ditinggalkan. Ini jelas sebagaimana firman Allah:

سورة يونس ١٠ : اية ١٥

Terjemahan: ... *aku hanya tetap menurut apa yang diwahyukan kepadaku sahaja ... .*

(Surah Yūnus 10:15)

سورة القلم ٦٨ : اية ٤

Terjemahan: *Dan sesungguhnya engkau berada di atas akhlak yang tinggi mulia.*

(Surah al-Qalam 68:4)

سورة الجاشية ٤٥ : اية ١٨

Terjemahan: *Kemudian kami telah jadikan kamu di atas syari'at daripada perintah, maka ikutilah dan jangan sekali-kali kamu mengikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.*

(Surah al-Jāthiyah 45:18)

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم بَعْدَمَا
جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا وَاقٍ ٣٧

سورة الرعد ١٣ : اية ٣٧

Terjemahan: *Dan demikianlah kami telah turunkannya sebagai hukum Arab dan jika kamu mengikut hawa nafsu mereka selepas kamu didatangi ilmu, maka tiadalah kamu dapat dari Allah sesuatupun yang boleh mengawal dan memberi perlindungan kepadamu.*

(Surah al-Ra'd 13:37)

فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ . . .

سورة هود ١١ : اية ١١٢

Terjemahan: *Maka hendaklah kamu beristiqamah sebagaimana yang diperintah dan sesiapa yang bertaubat bersama kamu ... .*

(Surah Hūd 11:112)

Pernah Baginda secara tiba-tiba didatangi kemewahan dunia lalu membelanjakannya habis. Telah datang kepada Rasulullah tujuh puluh ribu dirham, dia meletakkannya – sebagaimana yang diceritakan oleh Harun bin Rebab – di atas batu-batu, kemudian membahagi-bahagikannya kepada sesiapa yang meminta sehingga selesai.

Ketika Baginda pulang dari Hunain, ramai orang Arab bertanya Baginda. Mereka menyembunyikan serbannya. Rasulullah pun bangun dan bersabda,

أعطونى ردائى ، لوكان لى عدد هذه الضاة (شجر غظيم له شوك) نعما لقسمته بينكم ، ثم لاتجدونى بخيلا ، ولاكذابا ، ولاجبانا .

Terjemahan: *Berilah kepadaku serbanku. Sekiranya aku mempunyai sebilangan pokok-pokok ini (pokok besar berduri) yang merupakan nikmat pasti aku membahagi-bahagikannya di kalangan kamu. Kemudian kamu tidak lagi mendapati aku sebagai bakhil, pembohong, penakut.*

Sabda Rasulullah lagi kepada sahabat-sahabatnya:

مالى وللدنيا .

Terjemahan: *Tidak ada kena-mengena aku dengan dunia.*

Sabda Baginda lagi:

عرضت على الدنيا فأبيتها .

Terjemahan: *Ditawarkan kepada aku dunia maka aku mengabaikannya.*

Sabda Rasulullah s.a.w.:

خير بين أن أكون عبدا رسولاً اوماكا رسولاً فاخترت أن أكون عبدا رسولاً.

Terjemahan: *Aku diberi pilihan untuk menjadi seorang*

hamba Rasul atau seorang raja Rasul, maka aku memilih untuk menjadi seorang hamba Rasul (seorang hamba yang menjadi Rasul).

Diriwayatkan oleh Anas katanya bahawa Rasulullah s.a.w. merupakan seorang yang sangat dikasihi oleh orang-orang Ansar dan Muhajirin. Tetapi mereka tidak pun bangun berdiri apabila melihat Baginda datang kerana mereka tahu Baginda benci perbuatan itu (bangun untuknya). Rasullullah bersabda kepada para sahabat Baginda:

إن الدنيا حلوة خضرة ، وإن الله تعالى مستخلفكم فيها
فينظر كيف تعملون ، فاتقوا الدنيا واتقوا النساء .

Terjemahan: *Sesungguhnya dunia adalah manisan yang segar dan lazat. Allah S.W.T. mewakilkan kamu padanya, maka dia melihat bagaimana kamu melakukannya, takutlah dunia dan takutkanlah wanita.*

Kepada para sahabat yang sedang duduk Rasulullah bersabda:

إن مما أخاف عليكم من بعدى ، ما يفتح عليكم من زهرة
الدنيا وزينتها .

Terjemahan: *Sesungguhnya apa yang aku takuti ke atas kamu selepas aku ialah tawaran-tawaran keindahan, kecantikan dan bunga-bunga dunia yang dianjurkan kepada kamu.*

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w tidak pernah melihat beberapa aspek dunia. Baginda membaca ayat-ayat al-Qur'an:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ
وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ
ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلْمَـَٔابِ ١٤

سورة آل عمران ٣ : اية ١٤

Terjemahan: *Diperhiaskan kepada manusia kesukaan hawa nafsu terhadap wanita, anak-anak, timbunan-timbunan emas, perak, kuda-kuda yang pantas, binatang-binatang dan alat-alat penggala tanah. Demikianlah keseronokan hidup di dunia dan Allah di sisi-Nyalah tempat kembali yang sebaiknya.*

(Surah āli -'Imrān 3:14)

Peninggalan Rasulullah dari dunia merupakan satu persoalan yang mungkin mengejutkan setiap pengkaji sirahnya buat pertama kali.

Ketika Allah mengangkat Baginda kepada-Nya, Baginda tidak meninggalkan perkampungan, bangunan-bangunan dan kebun-kebun bunga, bahkan Rasulullah s.a.w. tidak juga meninggalkan timbunan-timbunan emas dan perak. Tetapi sebaliknya Rasulullah s.a.w. meninggalkan prinsip-prinsip kebenaran *(al-ḥaq)* yang diwahyukan oleh Allah kepadanya di mana sepanjang hidupnya Baginda berjuang dengan kata-kata dan perbuatan demi menegak dan mengembangkan prinsip-prinsip tersebut. Semangat Baginda tidak pernah luntur dan kurang dalam menegakkan prinsip-prinsip itu.

Baginda meninggalkan selepasnya lelaki-lelaki yang beriman dengan prinsip-prinsip itu dan sekali gus mereka juga dipertanggungjawabkan sebagai umat Islam untuk menyebarkan dan menyiarkannya ke seluruh dunia. Baginda meninggalkan jambatan yang menawarkan rahmat dan melebarkan cahaya dalam sepanjang kurun dan zaman dan seterusnya.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. ialah gambaran hidup kepada pelaksanaan al-Qur'an. Rasulullah s.a.w. meninggalkan dunia tanpa diragui oleh sesiapa pun kerana Baginda bekerja untuk akhirat dan keazaman Baginda yang berterusan supaya apa yang dilakukan dan ditinggalkan itu benar-benar mendapat keredaan Allah. Sesiapa yang demikian pastilah dia seorang yang benar. Penolakan Baginda terhadap dunia merupakan bukti yang terkuat terhadap kebenaran dan keikhlasannya.

(7)

Rasulullah s.a.w. telah membuatkan Khadijah turut sama menghadapi apa yang berlaku pada diri Baginda dan apabila

Baginda berkata, "Sesungguhnya aku sangat merasai takut." maka isterinya yang mulia terus menjawab,"Tentu tidak ... demi Allah, Allah tidak sekali-kali mendukacitakan engkau. Sesungguhnya engkau pasti menyambung silaturrahim dan menanggung segala-galanya, engkau menghasilkan sesuatu yang tidak ada *(ma'dūm)*, engkau memuliakan tetamu dan engkaulah yang membantu ciri-ciri kebenaran."

Sayidatina Khadijah tidak menuntut sebarang dalil pembuktian, bahkan mu'jizat sekalipun tetapi merujuk kepada hal dan keadaan hidup serta akhlak Rasulullah sebagai bahan bukti akan kebenarannya.

Jika ada ulama' yang hampir-hampir mengatakan bahawa pembuktian kenabian mestilah didasarkan kepada mu'jizat, maka skop pemikiran menjadi bertambah luas dan pancaran ilham makin bertambah mulia. Masing-masing menjurus ke arah mendapatkan butir-butir tambahan kepada mu'jizat. Al-Imam al-Syafi'i berkata, "Seandainya kamu mensyaki seseorang itu apakah dia seorang Nabi atau bukan? Kemungkinan tidak dicapai kecuali dengan cara mengenali keadaan-keadaannya sama ada melalui *musyāhadah* (penyaksian atau penglihatan) atau melalui berita-berita yang tidak putus-putus *(tawātur)* atau dengan cara mendengar. Sekiranya engkau mengetahui perubahan dan fiqh engkau boleh terus mengenali ahli-ahli fiqh dan doktor-doktor melalui pengecaman terhadap hal keadaan mereka dan mendengar percakapan mereka meskipun engkau tidak pernah melihat mereka. Engkau tentu mengenali al-Imam al-Syafi'i (Rahimahullah) sebagai seorang tokoh fiqh dan begitu juga Gellinius[24] sebagai seorang doktor sedangkan pengetahuan kita itu adalah kerana kita mengetahui sedikit sebanyak tentang fiqh dan perubatan. Sementara penilaian kita terhadap buku-buku dan karangan mereka membuatkan terhasilnya pengetahuan kita tentang keadaan mereka berdua. Oleh itu, sekiranya engkau memahami makna kenabian dan engkau banyak meneliti al-Qur'an dan *sirah*, pasti engkau akan mengetahui betapa Rasulullah merupakan seorang yang berada pada tahap tertinggi kenabian."

Betapa jelas pengalaman manusia tentang ibadat dan kesannya dalam membersihkan hati. Betapa benar sabda Baginda:

من عمل بما علم ورثه الله علم ما لم يعلم.

Terjemahan: *Sesiapa yang beramal dengan apa yang diketahuinya, Allah mewariskan kepadanya mengetahui ilmu yang dia tidak mengetahuinya.*

Betapa benar pada kata-kata Baginda:

من أعان ظالماً سلطه الله عليه.

Terjemahan: *Sesiapa yang membantu seseorang yang zalim, Allah akan menguasai ke atasnya.*

من أصبح وهمومه هم واحد: (هو التقوى) كفاه الله تعالى هموم الدنيا والآخرة.

Terjemahan: *Sesiapa yang berpagi-pagi dalam suasana ketaqwaannya yang tetap dan teguh, Allah pasti menjamin segala keinginannya di dunia dan akhirat.*

Antara caranya ialah tuntutlah keyakinan dengan kenabian, bukan dengan cara melihat peristiwa tongkat bertukar menjadi ular atau membelah bulan. Sekiranya engkau melihat peristiwa ini secara sendirian tanpa diiringi bersama dengan dalil-dalil yang tidak terhingga banyaknya, maka boleh jadi engkau menyangka itu adalah sihir atau khayalan. Sedangkan ia adalah daripada Allah. Menyesatkan! Firman Allah:

. . . يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِي مَن يَشَآءُ . . .

سورة النحل ١٦: اية ٩٢

Terjemahan: ... *Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya dan menghidayatkan sesiapa yang dikehendakinya ... .*

(Surah al-Naḥl 16:93)

Dianjurkan kepada engkau soalan-soalan mengenai mu'jizat: Maka sekiranya iman anda bersandarkan kelojikan Ilmu Kalam yang menganjurkan pendalilan mu'jizat,

maka tentulah iman anda itu berpaut kepada pohon kalam yang indah tersusun tetapi sentiasa direntangi oleh *syubhah* dan masalah-masalah (soal jawab).

Hendaklah dijadikan mu'jizat-mu'jizat (perkara-perkara yang berlaku menyalahi adat kebiasaan) sebagai salah satu dalil dan sandaran dalam keseluruhan pandangan anda sehingga anda dapat mengetahuinya dengan senang di mana sekaligus tidak diperlukan lagi dalil kepada anda untuk membuktikan kebenarannya. Ini seperti perkhabaran berita yang dibawa oleh jama'ah secara *mutawātir* (berturut-turut) yang jelas memperlihatkan bahawa keyakinan itu tidak dipetik daripada kenyataan seseorang yang tertentu bahkan sendiri, tidak mendapat ketentuan Hadith-hadith Ahad. Inilah bentuk iman yang kuat yang berdasarkan ilmu.

Adapun kerasaan *(dhauq)* seperti menyaksi *(musyāhadah)* atau ambil dengan tangan, sebenarnya hal ini adalah hanya menjadi landasan ahli-ahli tasawuf. Al-Imam al-Ghazali dengan pembahasannya turut menyatakan bahawa terdapat dua cara membuktikan kenabian *(nubūwwah)* – selain mu'jizat, iaitu:

1. Keadaan peribadi.
2. Dakwah Rasulullah s.a.w.

Arah aliran al-Imam ini sebenarnya mengikut al-Qur'an al-Karim – iaitu al-Qur'an itu sendiri sememangnya memperkatakan tentang mu'jizat terbesar iaitu "al-Qur'an" itu sendiri yang sangat mencabar orang-orang Arab.

Rasulullah mencabar mereka dengan al-Qur'an dengan tajam sekali tetapi secara berperingkat kerana perkara pertama dicabar kepada mereka ialah supaya mereka mendatangkan sesuatu yang seumpama dengannya. Firman Allah S.W.T.:

سورة الأسراء ١٧ : اية ٨٨

Terjemahan: *Katakanlah sekiranya berhimpun manusia dan jin untuk mendatangkan seumpama dengan al-Qur'an ini mereka semua tidak mampu mendatangkan seumpamanya meskipun setengah kepada setengah yang lain sandar-menyandar.*

(Surah al-Isrā' 17:88)

Apabila mereka lemah, maka mereka diminta supaya mendatangkan sepuluh surah sahaja seumpama al-Qur'an.

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ قُلْ فَأْتُوا۟ بِعَشْرِ سُوَرٍ مِّثْلِهِۦ مُفْتَرَيَٰتٍ وَٱدْعُوا۟ مَنِ ٱسْتَطَعْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ١٣

سورة هود ١١ : اية ١٣

Terjemahan: *Apakah mereka berkata dia telah berbohong, katakanlah: Maka datangilah sepuluh surah seumpamanya dan serukanlah sesiapa yang kamu dapati selain Allah sekiranya kamu benar.*

(Surah Hūd 11:13)

Adapun tentang kehidupan Rasulullah s.a.w. maka al-Qur'an telah memperbincangkannya daripada pelbagai sudut. Firman Allah:

وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِۦ وَٱدْعُوا۟ شُهَدَآءَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٢٣ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ وَلَن تَفْعَلُوا۟ فَٱتَّقُوا۟ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَٰفِرِينَ ٢٤

سورة البقرة ٢ : اية ٢٣ - ٢٤

Terjemahan: *Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu daripada api*

neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu-batu (berhala) (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.

(Surah al-Baqarah 2:23 – 24)

Al-Qur'an memperkatakan dengan jelas tentangnya tanpa ada sebarang kesamaran. Banyak sentuhan al-Qur'an yang mempunyai maksud-maksud yang sangat mendalam. Kita boleh memetik beberapa khabar yang menceritakan mengenai perkara ini yang tidak terkira nilainya dari sudut ketinggian akhlak yang mulia.

Rasulullah s.a.w. adalah bersih dan bebas daripada segala ketamakan keduniaan. Firman Allah:

قُل لَّوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا تَلَوْتُهُۥ عَلَيْكُمْ وَلَآ أَدْرَىٰكُم بِهِۦ ۖ فَقَدْ لَبِثْتُ فِيكُمْ عُمُرًا مِّن قَبْلِهِۦٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

سورة يونس ١٠ : اية ١٦

Terjemahan: *Katakanlah sekiranya Allah kehendaki, nescaya aku tidak membacakannya kepadamu dan Allah tidak (pula) memberitahunya kepadamu. Sesungguhnya aku telah tinggal bersama kamu beberapa lama sebelumnya. Maka apakah kamu tidak memikirkannya.*

(Surah Yūnus 10:16)

Al-Qur'an menuntut mereka supaya berfikir pada hal ehwal rakan mereka ini, yang lahir, membesar dan tidak asing lagi kepada mereka. Firman Allah:

سورة سباء ٣٤ : اية ٤٦

Terjemahan: *Katakanlah, sesungguhnya aku hendak memperingatkan kepadamu suatu hal saja, iaitu supaya kamu mengadap Allah (dengan ikhlas) kedua-dua atau sendiri-sendiri; kemudian kamu fikirkan (tentang Muhammad) tidak ada penyakit gila sedikit pun pada*

kawanmu itu. Dia tidak lain hanyalah pemberi peringatan bagi kamu sebelum (menghadapi) azab yang keras.
(Surah Saba' 34:46)

Al-Zamakhsyari telah mentafsirkan ayat di atas dengan tafsiran yang sangat halus katanya, "Sesungguhnya aku menasihatkan kamu dengan satu perkara yang sekiranya kamu melakukannya, kamu adalah orang benar dan bebaslah kamu iaitu kamu bangun mengadap wajah Allah dengan penuh ikhlas dua dua, satu satu "kemudian kamu berfikir mengenai Nabi Muhammad s.a.w."

Adapun kedua-dua orang itu, berfikir dan setiap seorang membentangkan fikiran masing-masing dan berbincang-bincang, kedua-duanya sentiasa ikhlas cintakan kebenaran dan insaf. Mereka berdua tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu, mereka tidak dicengkami oleh perasaan taksub sehingga membuatkan mereka mengecam fikiran yang baik dan pandangan yang benar mengikut kaca mata kebenaran dan Sunnah-sunnah Rasulullah.

Begitu juga dengan individu yang berfikiran pada dirinya dengan adil, saksama dan insaf tanpa rasa besar diri. Dia membentangkan fikirannya kepada akal dan mindanya selari dengan pegangan yang diamalkan oleh ahli-ahli fikir menurut kenabian dan perjalanan mereka.

Yang membawa mereka berpecah kepada berdua-dua dan bersendirian itu ialah perhimpunan dan ia yang merosakkan pandangan dan yang menghalang penelitian yang sekali gus menimbulkan rasa kurang keinsafan dan membanyak-banyakkan sambil lewa.

Mereka tahu bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak membawa syurga tetapi anda semua tahu bahawa Baginda ialah seorang yang paling bijak di kalangan orang-orang Quraisy, yang paling tajam pemikiran, paling bercakap benar dan paling bersih jiwa dan hatinya. Ini memang satu sangkaan tetapi semua sangkaan yang ini adalah benar. Oleh itu, jika anda mempunyai sangkaan sedemikian, sudah memadailah bagi anda untuk tidak lagi meminta Baginda mendatangkan sesuatu tanda (untuk membuktikan kebenarannya).

Al-Qur'an menyifatkan satu aspek hidup Rasulullah s.a.w. dan dakwah yang dibawanya. Firman Allah:

سورة العنكبوت ٢٩ : اية ٤٨ - ٤٩

Terjemahan: *Dan tidaklah engkau membaca sebelum itu kitab dan engkau tidak pun menulis dengan tangan kanan engkau, kalau begitu pasti terang-terangan orang-orang yang batil bahkan ia adalah ayat-ayat yang terang nyata pada dada orang-orang yang diberi ilmu dan tidaklah mengingkari ayat-ayat Kami kecuali orang-orang yang zalim.*

(Surah al-'Ankabūt 29:48 – 49)

Sekiranya kita berhenti sejenak melihat dua ayat ini, kita akan dapati bahawa, ayat pertama menghendaki kita mengatakan: Meskipun diandaikan Nabi Muhammad s.a.w. boleh membaca dan menulis, iaitu pernah membaca kitab sebelum ini atau pernah menulis dengan tangan kanannya, pasti ada juga keraguan pada orang-orang yang *bāṭil*.

Demikianlah pengertian al-Qur'an, fahaman-fahaman dakwah, kaedah-kaedah dan prinsip yang ditawarkan oleh Rasulullah s.a.w., semuanya merupakan tanda-tanda yang terang jelas pada orang yang diberi ilmu. Kesemuanya tidak ditolak dan ditentang kecuali oleh orang yang zalim. Orang yang zalim pada setiap masa mengingkari kebenaran dan membantah kelojikan yang luhur. Ibadat mendalam yang terhias dalam al-Qur'an ialah firman Allah:

سورة القلم ٦٨ : اية ٤

Terjemahan: *Sesungguhnya engkau berada pada akhlak yang tinggi.*

(Surah al-Qalam 68:4)

Sesungguhnya dakwah Islam ialah tanda-tanda yang

terang, jelas dan nyata dalam neraca kebenaran dan dalam neraca akal-akal yang bersinar. Seorang ahli falsafah Arab iaitu Akhtam bin Saifi merupakan orang yang memperakukan kebenaran Rasulullah s.a.w. melalui gerak dakwah Rasulullah sendiri sebagai suatu pendekatan fitrah yang bersih. Dalam hal ini al-Alusi ada menyebut bahawa apabila lahir Nabi Muhammad s.a.w. di Makkah, Baginda menyeru kepada Islam. Akhtam bin Saifi telah mengutuskan anaknya (Habish) dan pulang membawa khabar berita. Beliau pun mengumpulkan kaum Bani Tamim dan berkata kepada mereka semua, "Sesungguhnya anak aku melihat sendiri lelaki ini dan bercakap-cakap dengannya. Dia menceritakan kepada aku, akan kitabnya, menyuruh dengan makruf dan melarang kemungkaran. Dia mengambil daripadanya akhlak-akhlak yang baik, dia menyeru kepada mentauhidkan Allah, membuang berhala-berhala, meninggalkan sumpahan dengan nama api. Sesungguhnya ketahuilah orang-orang yang mempunyai pendapat daripada kalangan kamu bahawa kelebihan itu adalah pada apa yang diserunya dan pendapat itu ialah meninggalkan apa yang dilarangnya."

Kemudian beliau berkata dalam satu bentuk kata-kata yang sangat menarik, "Apa yang diseru oleh Muhammad, kalaupun bukan satu agama, ia tetap baik pada akhlak-akhlak manusia."

Pembuktian melalui kebenaran dakwah dan kemuliaan akhlak yang membawa kepada kebenaran Rasulullah s.a.w. merupakan jalan yang dilalui oleh Jaafar bin Abi Talib *(riḍwānullahi 'alaih)* ketika mana ditanya oleh al-Najashi[25] mengenai agamanya.

Apabila orang-orang Islam berhijrah ke Habshah justeru kerana tidak tahan dengan penyeksaan-penyeksaan yang sangat teruk yang dihadapkan kepada mereka, orang-orang Quraisy pun mengutuskan satu rombongan untuk bertemu dengan al-Najashi (di antara ahli-ahli rombongan ialah Abdullah bin Abi Rabiah dan Amru bin al-As dengan tujuan untuk menarik mereka balik ke Makkah untuk diseksa semula.

Apabila rombongan ini bertemu al-Najashi, maka tampillah Amru bin al-As dan berkata, "Kini terdapat budak-budak bodoh yang berlindung di negara engkau. Mereka ini

telah meninggalkan agama mereka dan tidak pula menganut agama engkau. Mereka datang membawa agama yang dicipta sendiri yang kami semua dan engkau juga tidak mengetahuinya. Kami telah pun menghantar kepada engkau satu rombongan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin kaum yang terdiri daripada para bapa, bapa saudara dan kaum keluarga terdekat mereka dengan bertujuan untuk membawa mereka semua pulang. Mereka semua yang datang ini sangat mengambil berat dan sangat arif dengan keaiban mereka itu."

Apabila al-Najashi mendengar percakapan mereka itu, dia berpendapat ada hikmat jika tidak menghantar balik puak-puak yang berhijrah itu kecuali selepas mendengar pandangan-pandangan dan hujah-hujah mereka. Beliau pun menghantar surat meminta para sahabat Rasulullah supaya datang bertemu dengan beliau. Apabila mereka tiba beliau pun terus bertanya, "Apakah agama yang membuatkan kamu meninggalkan agama kamu sedangkan kamu tidak masuk ke dalam agama aku dan sebarang agama lain?"

Mendengar soalan itu, tampillah Jaafar bin Abi Talib seraya berkata: "Wahai Tuanku, kami merupakan orang Jahiliyah, kami menyembah berhala, kami memakan bangkai, kami melakukan kejahatan-kejahatan, kami memutuskan silaturrahim, kami menyakiti jiran tetangga, yang kuat menindas sesiapa yang lemah daripada kalangan kami. Kami sememangnya seperti ini, sehingga Allah mengutuskan kepada kami Rasul daripada kalangan kami juga. Kami kenal keturunannya, kebenarannya, amanahnya, kebaikannya. Dia menyeru kami kepada mentauhidkan Allah dan beribadat untuk-Nya. Kami meninggalkan penyembahan batu dan berhala sebagaimana yang dilakukan oleh datuk nenek kami. Beliau menyuruh kami bercakap benar, menunaikan amanah, menyambung silaturrahim, berbaik dengan jiran, jangan melakukan benda-benda yang dilarang, menumpahkan darah, menegah kami daripada kejahatan, bercakap bohong, memakan harta anak yatim dan menuduh orang melakukan keji tanpa bukti. Beliau juga menyuruh kami supaya menyembah Allah sahaja dan jangan menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun, menyuruh kami bersembahyang, mengeluarkan zakat dan berpuasa

(dibilang satu per satu perkara-perkara rukun Islam). Maka kami pun memperakui kebenarannya, kami beriman dengannya, kami mengetahui apa yang didatangi olehnya daripada Allah. Kami pun menyembah Allah semata-mata, kami tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun, kami mengharamkan apa yang diharamkan ke atas kami, kami menghalalkan apa yang dihalalkan kepada kami tetapi kaum kami menyerang kami, menyeksa kami dan menfitnah kami dengan agama kami supaya mereka dapat mengembalikan kami untuk menyembah berhala-berhala daripada menyembah Allah. Apabila mereka menindas dan menzalimi serta menyekat kami, mereka menghalang kami dengan agama kami, maka kami pun bertindak keluarlah ke negeri engkau."

Apabila dibaca awal Surah *Maryam* kepada al-Najashi, beliau lalu menitiskan air mata dan seraya berkata, "Sesungguhnya inilah apa yang didatangkan oleh Isa a.s. dan pastikanlah ia daripada cahaya yang sama *(misykāt).*" Kemudian beliau pun berpaling kepada Abdullah bin Abi Rabi'ah dan Amru bin al-'As sambil berkata,"Pergilah kamu sebebas-bebasnya, demi Allah aku pasti tidak akan menyerahkan mereka ini kepada kamu berdua." Al-Najashi sebaik saja mendengar itu mulalah mengetahui prinsip-prinsip Islam. Prinsip-prinsip ini adalah benar belaka. Ia adalah ayat-ayat yang terang nyata dan tidak tersembunyi kepada pemilik-pemilik fitrah yang luhur. Beliau tahu bahawa apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah berpunca daripada sumber yang sama dengan sumber risalah Nabi Isa a.s.

Justeru itu bahawa *sirah* Rasulullah s.a.w. dan prinsip-prinsip Islam merupakan landasan-landasan yang wajar dilalui oleh pendakwah-pendakwah Islam untuk menyebarkan dan menerangkan hakikatnya.

Kedua-dua ini merupakan subjek terpenting yang wajib diambil perhatian oleh ulama' kalam Islam supaya ia menjadi Ilmu Kalam Islam yang tulen.

(8)

1. Sayidatina Khadijah r.a bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. telah pergi menemui Waraqah bin Naufal

dan berkata kepadanya, "Wahai anak bapa saudaraku, dengarlah daripada anak saudaramu ini. Maka jawab Waraqah, "Wahai anak saudaraku, apakah yang engkau lihat?"

Rasulullah s.a.w. pun memberitahu beliau apa yang Baginda lihat. Waraqah pun berkata, "Inilah dia al-Namus yang Allah telah turunkan ke atas Nabi Musa dahulu." Waraqah mengharapkan kalaulah beliau masih muda remaja, beliau pasti akan membantu Rasulullah s.a.w. dengan sepenuhnya.

Waraqah memang mengetahui hidup Rasulullah s.a.w. yang bersih dan suci tetapi apabila mendengar ayat al-Qur'an yang pertama kali diturunkan beliau tidak sempat mengimaninya. Ayat yang dibaca itu sebagai wahyu dari langit. Sesungguhnya firman Allah:

سورة العلق ٩٦ : اية ١

Terjemahan: *Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Mencipta.*

(Surah al-'Alaq 96:1)

Ini mencatitkan bahawa pembacaan itu tidaklah dengan nama menteri atau raja atau dengan nama kepentingan peribadi, atau dengan nama kepentingan kedaerahan atau dengan nama matlamat kebendaan atau dengan nama negeri atau dengan nama persekitaran dan lain-lain, tetapi pembacaan adalah dengan nama Allah.

Apabila pembacaan itu dengan nama Allah maka ia memanfaatkan seseorang itu sebagai satu individu, memanfaatkan masyarakat dan negara seluruhnya, memanfaatkan seluruh masyarakat Islam umumnya bahkan memanfaatkan manusia seluruhnya.

Apabila pembacaan itu benar-benar kerana Allah, maka pasti matlamat terakhirnya ialah Allah, selaku sumber kebaikan dan cahaya. Sekiranya pembacaan itu baik maka ia menjadi lampu dan cahaya menyinari alam sejagat sepanjang zaman.

Kalimah "bacalah" *(iqra')* bukanlah dimaksudkan oleh al-Qur'an sebagai "baca semata-mata" tetapi sebenarnya

merupakan lambang kepada setiap aspek positif yang dilakukan oleh seseorang dan aspek negatif yang ditinggalkan oleh seseorang.

Kalimah ulung ini hendaklah difahami sebagai satu konsep dan mempunyai hakikatnya yang tersendiri: "Bacalah dengan nama Tuhanmu, bergeraklah dengan nama Tuhanmu, bercakaplah dengan nama Tuhanmu, bekerjalah dengan nama Tuhanmu."

Sekiranya anda tidak bergerak dan tidak melakukan sesuatu, itu juga dengan nama Tuhanmu. Keseluruhan makna ayat tersebut ialah: "Jadikanlah seluruh hidup dan tunduk bangun anda, dari segi dorongan mahupun matlamatnya adalah semata-mata kerana Allah S.W.T."

Sekiranya ayat suci ini jelas pengertiannya dari sudut positif yang sememangnya menjurus kepada seruan membaca dan membaca itu dengan nama Allah maka terdapat di sana ayat-ayat lain yang jelas dan terang pengertiannya mengarahkan kepada bersikap negatif terhadap sesuatu yang tidak disebut nama Allah sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ . . .

سورة الأنعام ٦: اية ١٢١

Terjemahan: *Dan janganlah kamu makan barang yang tidak disebut nama Allah ke atasnya, sesungguhnya itu ialah fasiq ... .*

(Surah al-An'ām 6:121)

Sembelihan untuk untung nasib pasti tidak bertujuan wajah Allah dan ia tetap fasiq kerana tidak pun disebut nama Allah. Sesuatu yang tidak diiringi dengan sebutan nama Allah mestilah ditinggalkan. Melakukan sembelihan seumpama itu adalah fasiq yang tidak kurang kekotoran dan kejelekannya.

Demikianlah Islam meletakkan kita – semenjak ayat ini diturunkan. Firman Allah:

Terjemahan: *Bacalah, dengan nama Tuhanmu ... .*
(Surah al-Alaq 96:1)

Semenjak lahirnya Islam – di atas kemuncak keikhlasan dan kebaikan serta meletakkan kita dalam lautan taqwa dan kebenaran.

Sekiranya hidup seluruhnya kerana Allah tentu semuanya baik, tidak ada tempat dan ruang untuk melakukan pembohongan, bangga diri, berpura-pura *(nifāq)*, penipuan dan kemahuan bekerja selain kerana Allah.

Bacalah ... dan Pendidikan

2. Firman Allah yang bermaksud:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ . . .

سورة العلق ٩٦ : اية ١

Terjemahan: *Bacalah dengan nama Tuhanmu ... .*
(Surah al-'Alaq 96:1)

Allah tidak pun menyebut: "Bacalah dengan nama Allah." Sebenarnya ini bermaksud bahawa Allah semenjak awal lagi menyatakan bahawa perlembagaan Ilahi yang turun dari langit adalah dengan nama pendidikan *(murabbi)*. Justeru pendidikan ini berlandaskan sumber Ilahi, maka ia sangatlah kemas dan sempurna segala-galanya. Allah menggambarkan kesempurnaan perlembagaan ini *(dustur)* dalam firman-Nya:

سورة هود ١١ : اية ١

Terjemahan: *... Kitab yang dikemasrapikan ayat-ayatnya kèmudian ia dipanjanglebarkan daripada hadharat Yang Maha Bijaksana lagi Mengetahui.*
(Surah Hūd 11:1)

Begitu juga dengan firman Allah:

سورة فصلت ٤١ : اية ٤٢

Terjemahan: *Tidak didatangi kebatilan padanya di hadapan mahupun di belakang, penurunan dari Yang Maha Bijaksana lagi Terpuji.*

(Surah Fuṣṣilat 41:42)

Pendidikan *(tarbīyyah)* yang sempurna merangkumi aspek-aspek aqidah, akhlak dan perundangan. Perlembagaan Ilahi diturunkan berturut-turut untuk menerangkan semua aspek ini dengan panjang lebar.

Tetapi Allah menjelaskan kepada kita dalam ayat-ayat ini bahawa pendidikan mestilah diterima tanpa teragak-agak dan ragu-ragu kerana ia daripada Yang Mencipta. Dialah yang mencipta dan Dialah yang membentuk urat saraf dalam lalu menyelaraskannya dengan organ-organ lain supaya menjalankan tugas masing-masing. Dialah yang menentukan demikian itu dan sekali gus Dia mengetahui segala-galanya tentang insan yang dididik *(murabbā)*. Pendidikan ini bukanlah datang daripada zat yang tidak ada hubungan dengan makhluk sedangkan ia merupakan "Pendidikan Pencipta" *(al-Khāliq)* sendiri Yang Maha Mengetahui segala titik bengik makhluknya. Dia Maha Mengetahui apa yang diperlukan oleh makhluk-makhluk-Nya, Dia Maha Mengetahui segala mudarat dan manfaat, segala yang baik dan yang jahat. Justeru itu pendidikan-Nya ialah pimpinan berilmu, penghidayatan yang sejelas-jelasnya. Inilah pendidikan yang kekal abadi yang konsisten yang tidak berubah-ubah mengikut tempat dan masa kerana manusia itu ialah manusia di mana sahaja berada dan bagaimana ia sekalipun, statusnya tetap makhluk dan tetap merangkumi unsur roh dan jasad.

Bacalah ... dan Akhlak

3. Ketika Waraqah mendengar kalimah ini, beliau tidak sempat beriman.

Apakah anda hendak kata kepada seorang individu yang seluruh jiwa raganya untuk Allah, menyeru anda supaya bersikap demikian seumpamanya. Orang ini tidak pernah meminta sebarang harta, pangkat, kedudukan, kekuasaan dan sebagainya. Dia hanya mahukan seluruh manusia membaca dengan nama Tuhan mereka, membina peribadi mereka berasaskan pendidikan Tuhan mereka. Apakah yang boleh anda katakan kepadanya: Engkau pembohong, manakah yang benar? Engkau munafik, manakah dia ikhlas?

Bacalah ... dan Ilmu

4. Perkataan pertama yang keluar dan membawa Waraqah kepada beriman apabila sampai ke pendengarannya. Kami ingin menjelaskan dengan lebih terperinci tentang hal ini.

Iqra' (bacalah) adalah satu seruan yang mengarahkan kepada budaya, ilmu, pemikiran, kajian murni pada langit dan bumi, bukit, gunung, lautan dan seluruh kejadian Allah yang kecil mahupun besar.

Semenjak gagasan itu lagi Islam mempunyai nilai ilmiah yang mengatasi segala-gala yang lain. Firman Allah:

سورة طه ٢٠ : اية ١١٤

Terjemahan: ... *Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku.*

(Surah Ṭāhā 20:114)

Ilmu adalah salah satu syiar Islam dan sesiapa yang hari esoknya sama dengan hari ini, dia itu ketinggalan *(maghbun)*. Sesiapa yang tidak menuju kepada penambahan pasti menuju kerugian. Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui.

Dakwat ulama' yang bertaqwa akan ditimbang oleh neraca baik dan kebajikan dengan darah para syuhada', tetapi yang lebih berat ialah timbangan dakwat ulama'.

Allah S.W.T. telah banyak menghidangkan kepada kita ayat-ayat al-Qur'an yang menganjurkan kepada kita malam dan siang, matahari dan bintang, langit dan bumi serta antara keduanya.

Penganugerahan Ilahi dalam pengertian ini merupakan seruan yang jelas nyata kepada seluruh umat Islam supaya mereka menerima saranan dan arahan Ilahi ini. Lantas mereka menerokainya dengan ilmu dan pengetahuan, mereka memboloti alam ini dengan menggunakan kaedah pemerhatian *(mulaḥāẓhah)* dan percubaan *(tajribah)* demi untuk kemanfaatan seluruh umat manusia, tetapi ilmu dan pengetahuan, mengikut Islam tidak hanya tertumpu kepada aspek kebendaan semata-mata. Pandangan terbaru Islam kepada ilmu sebenarnya lebih luas dan lebih mendalam daripada pandangan terbaru Eropah yang menjadikan ilmu tertumpu pada aspek kebendaan semata-mata.

Ilmu kebendaan, sebagai ilmu yang menerokai alam memang dituntut oleh Islam, tetapi tidak terhenti setakat itu saja, sebaliknya matlamat seseorang Islam ialah Tuhannya sebagaimana firman Allah:

سورة النجم ٥٣ : اية ٤٢

Terjemahan: *Dan sesungguhnya kepada Tuhanmu tempat terakhir.*

(Surah al-Najm 53:42)

Firman Allah: "*Iqra'* dengan nama Tuhanmu" sememangnya mengarahkan kita terus kepada tempat terakhir ini. Sekiranya kita diarah oleh Allah – sebagai kaum Muslimin – supaya menerokai dunia ini, sebenarnya kita diperintahkan melakukannya itu pada jalan Allah dan kita melaksanakannya dengan harapan mendapat keredaan Allah. Dengan ini kita menuju kepada Allah, iaitu tanpa melihat penerokaan itu untuk kepentingan dunia, tetapi untuk Penciptanya.

Oleh itu penerokaan itu sendiri merupakan ibadat. Maka sesiapa yang hijrahnya untuk Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu adalah menuju kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang hijrahnya untuk dunia tentu akan diperolehnya atau hijrah untuk wanita, maka dia akan mengahwininya. Ini bermakna hijrahnya itu merupakan hijrah kepada apa yang dia hijrah kepadanya.

Penilaian Islam secara tabi'inya ialah hijrah kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya hijrah itu merupakan pembacaan dengan nama-Nya yang termasuk dalam skop firman Allah:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ . . .

سورة العلق ٩٦: اية ١

Terjemahan: *Bacalah dengan nama Tuhanmu ....*

(Surah al-'Alaq 96:1)

Apabila anda membaca dengan nama Tuhan anda, bermakna anda beribadah pada amalan dan percakapan anda itu. Ilmu yang benar mengikut neraca Islam dikira ibadat walaupun ilmu yang berupa kebendaan.

5. Tidak pernah dan tidak akan berlaku bahawa Islam itu bertindak sebagai penghalang kepada kemajuan ilmu dan juga tidak pernah bercanggah dengan ilmu moden.

Masalah pertentangan antara agama dan ilmu sebenarnya mula timbul di Eropah yang amat jauh daripada suasana Islam. Masalah ini menggambarkan satu krisis yang berlaku dalam suasana yang amat jauh daripada roh Islam yang sememangnya menggalakkan manusia supaya belajar. Roh Islam inilah yang melahirkan metodologi ilmu yang mereka menamakannya sebagai "metodologi moden" yang berkembang di ceruk rantaunya. Kaedah inilah yang telah mencipta satu tamadun yang agung.

Tidak diragui lagi bahawa tamadun Islam telah menyumbangkan cara untuk tamadun moden Barat dan mendedahkan banyak penemuan ilmiah dalam pelbagai bidang.

Kaedah ilmiah moden di Eropah dirujuk kepada "Roger Bacon" dan dialah yang menyiar dan menyebarkannya ke seluruh pelosok Eropah.

Prof. Brifolt dalam bukunya "*Pembinaan Manusia*" memperkatakan tentang Roger Bacon: Bahawasanya beliau telah mempelajari bahasa Arab dan ilmu-ilmu Arab di sekolah-sekolah Oxford dalam zaman pemerintahan Arab di Andalas.

Roger Bacon dan Smith (yang datang selepasnya) tidak mempunyai hak untuk mengakui bahawa mereka berdua

sebagai pengasas metode percubaan *(metode experiment)*. Roger Bacon tidak lebih daripada seorang rasul Ilmu Islam dan metodenya dihantar ke Eropah yang para penduduknya menganuti Kristian. Beliau tidak pernah jemu menyatakan kepada rakan-rakannya bahawa "mempelajari bahasa Arab dan ilmu-ilmu orang Arab" adalah jalan tunggal ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Perbincangan-perbincangan tentang siapa pengasas metode percubaan *(Tajrībah)* merupakan satu bentuk penyelewengan terhadap asal usul tamadun Eropah.

Metode percubaan *(Tajrībah)* yang dipelopori oleh orang Arab begitu berkembang hebat di kalangan orang Eropah pada zaman Bacon.

Brifol pernah berkata bahawa sesungguhnya ilmu merupakan ciri terpenting sumbangan tamadun Arab terhadap dunia moden, cuma buahnya sahaja yang agak lambat untuk mekar.

Keintelektualan yang dilahirkan oleh kebudayaan orang Barat di Sepanyol tidak begitu bersemarak di bawah naungannya kecuali selepas berlalunya tempoh yang panjang selepas kehilangan tamadun justeru ditelan oleh kabus kegelapan. Ilmu bukanlah faktor unggul yang berjaya mengembalikan cahaya kehidupan kepada Eropah, tetapi faktor-faktor tamadun Islam ingin turut berperanan dalam erti kata menabur tunas awal mencahayai kehidupan Eropah.

Apabila dikatakan Islam itulah yang menganjurkan metode dan ilmu maka tentulah kedudukan ini tidak ada apa-apa percanggahan.

6. Masalah pertentangan antara agama dan ilmu merupakan yang sengaja diada-adakan, dan hakikat ini boleh dilihat dari aspek-aspek ini:

Ruang lingkup ilmu ialah benda dan indera sementara ruang lingkup agama pula ialah "barang yang di sebalik *nature*, kebaikan dan kelebihan." Ilmu dan agama tidak bertemu pada sesuatu subjek, oleh itu bagaimana kedua-duanya boleh bercanggahan?

Ateis zaman sekarang mencungkil masalah yang tidak berasas, tetapi mereka berjaya meletakkannya di atas hamparan kajian dan berbincang serta berdebat mengenai-

nya pada sepanjang zaman. Meskipun ia tidak wujud pada hakikatnya tetapi oleh kerana digarap dan disalut dengan jalinan teori-teori, maka ramai orang terpesona dan menyangka bahawa ia merupakan permasalahan yang perlu dikaji dan diselidik.

Justeru itu apa yang disebut sebagai pertentangan antara ilmu dan agama sedangkan keduanya tidak mempunyai kesatuan subjek.

Keluasan Ilmu dalam Islam

7. Apabila Eropah menumpukan ilmu pada aspek kebendaan semata-mata, Islam tidak berhenti setakat itu sahaja kerana Islam mengarahkan seluruh manusia kepada sumber lain untuk ilmu dan pengetahuan. Sumber ini ialah hati dan roh dan *baṣirah.*

Islam mengarahkan manusia kepada makrifat *Isyrāqhīyyah* atau *Kashfīyyah* atau *Ilhamīah.*[26]

Islam menghimpunkan aliran ilmu moden dengan aliran *baṣar.* Firman Allah:

. . . إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

سورة الإسراء ١٧ : اية ٣٦

Terjemahan: ... *Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati kesemuanya akan disoal.*

(Surah al-Isrā' 17:36)

Pendengaran dan penglihatan merupakan asas kepada ilmu kebendaan iaitu ilmu percubaan dan pemerhatian. Sementara hati pula ialah asas ilmu ilham. Allah S.W.T. mengarahkan Muslim kepada ilmu percubaan dan pemerhatian di samping mencari kemuliaan untuk mendapatkan hidayat dan pengurniaan hati yang bercahaya melalui landasan akhlak yang mulia, taqwa, ikhlas, cintakan sesama manusia dan saling membantu untuk kebaikan dan kebajikan.

8. Apabila pandangan Islam lebih luas dan lengkap terhadap aspek ilmu dibandingkan dengan tamadun moden,

maka Islam mempunyai perbezaan dasar dengan tamadun itu khususnya tentang masalah-masalah kemahuan, niat-niat, sebab-musabab, dorongan-dorongan dan juga arahan matlamat dan tujuan.

Tamadun moden mengatakan bahawa ilmu tidak ada hubungan dengan akhlak atau dengan perkataan lain ilmu bukanlah akhlak. Ilmu mengikut kacamata tamadun moden tidak ada kena-mengena dengan yang baik atau jahat.

Tetapi Islam menjadikan asas-asas ilmu bercirikan kebaikan, begitu juga matlamatnya mestilah ke arah kebaikan. Ilmu dijadikan wadah penghampiran kepada Allah dan ia merupakan ibadat kepada Allah.

Dari sini tamadun Islam merupakan tamadun yang membawa rahmat dan hidayat, bukannya tamadun perosak dan peruntuh. Firman Allah:

Terjemahan: *Tidak Kami utuskan engkau kecuali sebagai rahmat kepada alam sejagat.*

(Surah al-Anbiyā' 21:107)

Inilah hakikat dalam agama Islam sama ada melihat kepada asas mahupun tujuannya. Adapun Rasulullah s.a.w. merupakan rahmat yang diiringi hidayat.

(9)

Akhirnya kami ingin mengakhiri kajian ini dengan menyebut sebuah Hadith Rasulullah yang dibawa oleh al-Imam al-Bukhari tentang bagaimana Herqules membuktikan kebenaran Rasulullah s.a.w. Pendekatannya ini melambangkan beliau seorang yang luas pandangan dan berlapang dada. Pendekatan ini terus dihayati oleh semua orang yang dianugerahi Allah dengan pandangan jauh, berlapang dada, cerdik, pandangan yang tajam, berhati-hati dan insaf serta bertaufik.

Abu al-Yaman menceritakan tentang al-Hakam bin Nafi', katanya, "Kami diberitahu oleh Syuib daripada al-

Zuhri, katanya, "Aku diberitahu oleh Abdullah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud bahawa Abdullah bin Abbas memberitahunya, Herqules telah menghantar seorang utusan ketika beliau bersama-sama satu rombongan ahli-ahli perniagaan Quraisy yang beroperasi di Syam, dalam tempoh berkuat kuasa perjanjian keselamatan Rasulullah terhadap Abu Sufyan dan kaum kafir Quraisy. Mereka semua di "iliya" datang kepadanya, maka beliau pun memanggil mereka ke majlis yang diadakan yang turut dihadiri oleh para pembesar Rom. Dia pun memanggil mereka dan penterjemahnya serta terus berkata, 'Siapakah antara kamu yang mempunyai kalangan keluarga yang terdekat dengan lelaki yang mendakwa sebagai seorang Nabi ini?' Abu Sufyan lantas bangun dan memberitahu, 'Akulah orang paling dekat nasab dengan beliau.' Beliau pun berkata, 'Bawalah dia hampir kepadaku dan hampirkanlah sahabat-sahabatnya dan jadikanlah mereka itu di belakangnya.' (Kemudian beliau berkata kepada penterjemahnya), 'Katakanlah kepada mereka, aku minta ini daripada lelaki ini, maka aku membohongi diriku, mereka membohonginya dan demi Allah, seandainya mereka tidak malu membohongi aku, aku pun sanggup membohonginya.' "

Kemudian apa yang ditanya kepada aku tentangnya ialah, "Bagaimana keturunannya pada kamu?" Aku berkata, "Dia memang berketurunan baik daripada kami." Katanya, "Adakah ada orang daripada kamu yang berkata begitu sebelum ini." Aku menjawab, "Tidak." Katanya, "Apakah ada datuk neneknya daripada keturunan kaya?" Aku menjawab, "Tidak." Katanya, "Apakah orang-orang yang menghormat atau orang-orang bawahan sahaja yang mengikutnya?" Aku berkata, "Orang-orang bawahan sahaja." Katanya, "Makin bertambah atau berkurang?" Aku berkata,"Makin bertambah." Katanya, "Apakah ada orang yang murtad daripada kalangan mereka kerana marahkan agamanya selepas beliau menggantikannya?" Aku berkata, "Tidak." Katanya, "Apakah kamu semua menuduhnya sebagai pembohong sebelum dia berkata sesuatu?" Aku berkata, "Tidak." Katanya, "Apakah dia pernah menipu?" Aku berkata, "Tidak, kami pernah satu masa tidak tahu apa yang dia buat." Katanya, "Tidak bolehkah aku hendak tambah de-

ngan kalimah yang lain yang belum pernah aku sebut?" Katanya lagi, "Apakah kamu telah berperang dengannya?" Aku berkata, "Ya." Katanya, "Bagaimanakah kamu membunuhnya?" Aku berkata, "Perang di antara kami dengan beliau itu biasa sahaja dan dan sering berlaku. Dia melanggar kami, kami pun melanggarnya balas." Kata beliau, "Apakah yang dia suruh kamu?" Aku berkata, "Dia selalu berkata, Sembahlah Allah sahaja dan jangan mensyirikkan-Nya dengan sesuatu, tinggalkanlah apa yang dikatakan oleh datuk nenek kamu, dia menyuruh kami bersembahyang, benar, baik hati dan bersilaturrahim."

Dia pun berkata kepada penterjemahnya, "Katakanlah kepadanya, Aku bertanya kepada kamu mengenai keturunannya, maka kamu menyebut: Dia itu orang berketurunan daripada kalangan kamu. Demikianlah Rasul-rasul diutuskan pada kaum keturunan mereka."

Aku bertanya kamu: Adakah ada di kalangan kamu yang berkata begitu? Kamu menyebut: Tidak. Maka aku pun berkata, Sekiranya ada orang yang berkata dengan kata-kata ini: "Sebelum ini, aku tentu berkata: Lelaki ini memang mengulangi apa yang dikatakan sebelum ini."

Aku pun bertanya engkau adakah ada di kalangan ibu bapanya daripada keturunan raja? Maka engkau pun berkata, "Tidak."

Aku berkata, "Maka seandainya ada daripada kalangan ibu bapanya itu raja tentu aku kata: Lelaki ini mahu menuntut tahta ibu bapanya. Aku pun bertanya engkau: Adakah kamu semua menuduh beliau tidak pernah berdusta kepada manusia betapa lagi kepada Allah."

Aku bertanya kamu,"Orang-orang ternama mengakuinya ataupun orang-orang bawahan yang lemah? Maka engkau menyebut orang-orang bawahan sahaja yang mengikutnya. Dan mereka itulah pengikut Rasul-rasul."

Aku bertanya kamu, "Apakah bilangan mereka bertambah atau berkurang? Maka engkau menyebut bahawa bilangan mereka bertambah-tambah."

Demikianlah hal-ehwal iman sehinggalah sempurna. Aku bertanya engkau, "Apakah ada seseorang daripada kalangan mereka yang murtad kerana marahkan agamanya selepas berlaku campur tangan ini. Maka engkau menja-

wab pasti tidak dan demikianlah kehebatan iman apabila cahayanya mencecah hati-hati insan.

Aku bertanya kamu, "Adakah dia menipu? Engkau menjawab: Pasti tidak... tidak ada rasul yang menipu." Dan aku bertanya kamu, "Dengan apakah dia menyuruh kamu?" Maka engkau menyebut: "Sesungguhnya dia menyuruh kami supaya menyembah Allah dan jangan menyekutukan-Nya dengan sesuatu, dia melarang kami daripada menyembah berhala-berhala, dan dia menyuruh kami bersembahyang, bercakap benar dan beradap sopan *('iffah)*. Maka sekiranya apa yang kamu katakan itu benar, maka dia akan memiliki tempat berpijak dua tapak kakiku ini (diberi tempat)."

Sesungguhnya aku mengetahui bahawa suatu hari dia pasti akan tiba, tetapi aku tidak menyangka dia daripada kalangan kamu. Maka seandainya aku tahu bahawa berpeluang menemuinya, pasti aku akan menanggung segala susah payah untuk menemuinya. Dan seandainya aku berada bersamanya pasti aku mandi dengan air yang diambil dari bawah tapak kakinya. (Satu bentuk penghormatan orang-orang Arab). Salam dan salawat ke atas Rasulullah s.a.w.

PENUTUP

ISLAM DAN TAMADUN MODEN

Tajuk agama dan tamadun mendorong saya untuk menegaskan di sini bahawa agama secara umumnya tidak menentang sebarang kemajuan ilmu yang bertujuan membawa kebahagiaan kepada manusia meskipun kadangkala terdapat beberapa aspek tamadun yang perlu ditolak dan dikritik. Walau bagaimanapun aspek-aspek positif daripadanya haruslah dihargai dan dianalisis.

Islam tidak pernah menentang kemajuan teknologi yang bertujuan membahagiakan manusia. Aspek-aspek ilmiah tidak ditentang dalam apa bentuk sekalipun asalkan ia menjurus kepada membahagiakan manusia sejagat. Meskipun persoalan ini agak tidak dititikberatkan, namun saya akan cuba membawa gambaran tentang kelahiran tamadun ini.

Kelahiran Tamadun

Tamadun telah lahir pada masa tertentu dalam sepanjang sejarah iaitu kita boleh mengetahui bilakah bermulanya tarikh sebenar sesuatu tamadun itu dan apakah faktor-faktor yang membawa kepada lahirnya tamadun tersebut. Faktor-faktor ini sekali gus merupakan asas-asas kepada kelahirannya.

Kita semua mengetahui bahawa pernah suatu ketika pihak gereja menguasai seluruh dunia Eropah dengan sepenuhnya iaitu tidak dilakukan sesuatu perbuatan, atau tidak ada matlamat untuk sesuatu perintah atau tidak ada

perkara hendak dibina atau diruntuh, juga manusia tidak melaksanakan sesuatu arahan atau meninggalkannya kecuali terlebih dahulu meminta izin gereja dan orang alim. Malangnya orang-orang gereja dan orang-orang alim ini telah menyalahgunakan kuasa mereka dengan menubuhkan mahkamah-makamah pemeriksaan *(Maḥākim al-Taftīsh)*.

Orang-orang Eropah dan Kristian sendiri telah begitu banyak menulis tentang mahkamah-mahkamah pemeriksaan ini. Mereka menggambarkannya sebagai institusi yang sangat kejam dan ganas. Pengikut Katholik dan Protestan menulis, begitu juga orang-orang Inggeris dan Perancis serta tokoh-tokoh Kristian semuanya menulis tentangnya.

Mereka menjelaskan dan menyatakan bahawa kezaliman yang mencengkam Eropah pada masa itu telah menimbulkan kegemparan. Tetapi kegemparan ini cuba diarah kepada menyedarkan hakikat kemanusiaan di kalangan orang-orang Kristian.

Para pemimpin tamadun ini menegaskan bahawa manusia mempunyai fizikal dan keperibadiannya yang tersendiri. Ia mempunyai kemampuan, kedudukan dan harga diri yang tidak dipertikaikan. Justeru itu setiap orang mesti menduduki tempat yang sesuai dengan kedudukannya.

Dari sini timbullah istilah "kemanusiaan" yang menjadi ciri utama dalam tamadun ini dan sekali gus lahirnya "pengagungan manusia."

Tetapi apabila mereka dengan penuh semangat memperkatakan tentang "manusia" *(insān)* dan menolak serta benci terhadap orang-orang agama, maka perkataan "manusia" di kalangan para pemimpin mereka difahami dalam erti kata terpisah langsung daripada sebarang hubungan dengan tuhan dan sekali gus tidak ada apa-apa kaitan dengan gereja dan agama. Dengan perkataan lain yang kita sebut sekarang ini ialah "pemisahan agama daripada pemerintah."

Manusia semestinya bebas pada kedudukan dan sikapnya terhadap agama dan ketuhanan, juga terhadap nas-nas suci dan gereja. Kesemuanya ini mestilah tunduk kepada manusia, bukan manusia tunduk kepadanya.

Manusia mempunyai akal dan kelojikannya yang tersendiri. Oleh itu manusia mesti berperanan dengan menggunakan akal pemikiran dan lojiknya sendiri.

Bayangkan jika ada satu kumpulan yang dihalakan pedang di sekelilingnya bertujuan untuk membunuh semangat mereka. Kemudian kumpulan ini bertindak dan berjaya merampas senjata itu. Apakah fikiran tentang senjata itu dan terhadap orang-orang yang membawanya, begitu juga terhadap pihak yang menjadi ancaman itu? Tentu pemikirannya itu paling kurangnya tetap menentang dan mencabar, bersemangat untuk menentang dan mencabar bahkan kadang-kadang mempunyai perasaan sebagai perbuatan yang ganas untuk menumpahkan darah.

Beginilah keadaannya pada permulaan tamadun moden. Para pemimpin mereka mahu membebaskan diri sepenuhnya daripada agama dan pemimpin-pemimpinnya supaya setiap mereka dapat mengambil tempatnya yang sebenar sebagai seorang manusia tanpa ditentang, ditindas dan diganggu gugat.

Ketika saya berkata: "Kemanusiaan" *(insāniyyah)* ia menjadi tidak tentu arah kerana makna kemanusiaan itu telah digarap dalam suasana berlakunya penindasan dan keadaan ini mengundang satu bentuk pembelaan yang bertolak daripada pandangan terhadap manusia itu yang kadang-kadang dianggap "suci" lalu diagung-agungkan atau diberi simpati. Justeru itu saya lebih lega menggunakan istilah "keorangan" *(basyariyyah)*. Penggunaan istilah *basyariyyah*[27] ini adalah lebih tepat dan sesuai dengan maksud yang saya kehendaki tentang kelahiran Revolusi Eropah atau tamadun Eropah serta pendiriannya terhadap para pemimpin gereja.

Memang terdapat pemisahan antara agama dan manusia *(basyariyyah)* dalam dua aspek yang berbeza. Manusia mahu menghadapi agama dan membebaskan diri sepenuhnya dari segi asal usul, perlakuan dan sistem-sistemnya. Ini akan menjurus kepada pembebasan manusia yang sepenuhnya daripada sebarang kaitan dengan aspek rohani dalam kehidupannya.

Tamadun ini atau wakil-wakilnya seolah-olah kehilangan arah. Mereka yang menyokong tamadun ini memaling-maling ke kiri dan ke kanan mencari-cari asal usul dan kaedah-kaedah yang boleh dijadikan terus kepada sistem kehidupan mereka. Mereka masih tertanya-tanya apakah yang boleh mengambil tempat agama?

Sesungguhnya agama merupakan sistem sosial, perundangan dan akhlak. Apakah yang boleh menduduki tempat ini yang menganjurkan sistem-sistem tersebut? Sekiranya kita ingin membebaskan diri daripada sistem-sistem tersebut kerana ia sistem agama yang kononnya dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin gereja selaku pemimpin-pemimpin mahkamah pemeriksaan, maka apakah sumber-sumber dan punca-punca yang boleh kita manfaatkan sekiranya kita mahukan kedamaian untuk masyarakat.

Sumber-sumber ini walau bagaimanapun terbahagi kepada dua sahaja:

1. Akal dari sudut "di sebalik tabiah" *(māwarā al-ṭabī'ah).*
2. Hati *(ḍamīr)* dari sudut akhlak.

Tamadun moden dalam hal metafizika menggunakan akal, sementara akhlak menggunakan hati *(ḍamīr)*. Oleh itu akallah yang mengasaskan metafizika dan hati pula merupakan tempat rujukan kepada akhlak.

Tetapi ... akal sering tersasul, kerana ia berbeza-beza di antara seseorang dengan yang lain mengikut kemampuan, suasana setempat, masa, tempat, kebudayaan, persekitaran dan sebagainya.

Hati *(ḍamīr)* juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Ia adalah kesan daripada keadaan sekitar, kebudayaan dan suasana hidup seseorang. Ia bukanlah *ma'ṣūm* (terselamat daripada salah dan silap). Anggapan ia *ma'ṣūm* merupakan satu fikiran khurafat, sebaliknya kalau ia bebas daripada penguasaan agama pula, ia akan diruntun *fasād* (rosak). Justeru baik buruknya adalah bergantung kepada keadaan persekitarannya iaitu dalam erti kata jika keadaan persekitaran itu baik maka baiklah *ḍamīr* itu dan begitulah sebaliknya kalau persekitaran itu jenayah maka jadilah *ḍamīr* itu juga menyukai jenayah. Dengan perkataan lain, *ḍamīr* ialah anak kepada persekitaran *(bi'ah).* Sekiranya persekitaran itu Eropah maka *ḍamīr* pun Eropah dan begitulah kalau seandainya persekitaran itu Timur maka *ḍamīr* pun ketimuran juga.

Jelas bahawa *ḍamīr* orang-orang Eropah tidak

berkenaan dengan penyembelihan yang diharuskan oleh mereka terhadap sebarang kawasan yang mereka kuasai. Tetapi di sini kita boleh mengqiyaskan bahawa *ḍamīr* mereka sememangnya mengharuskan penyembelihan, memeras ugut dan menjajah.

Justeru itu tidak ada apa yang disebut suatu benda yang tetap selamat terpelihara yang namanya "*ḍamīr*." Tidak ada persoalan-persoalan tentang metafizika yang disepakati oleh akal. Pempupusan akal dan pempupusan *ḍamīr* boleh berlaku. Oleh itu apakah jalan keluar yang sebenar?

Legenda Teori Peningkatan Manusia (*al-Taṭawwur al-Insān*)[28]

Tokoh-tokoh tamadun berpendapat bahawa untuk mendapatkan gambaran yang tepat, mereka perlu berpegang teguh dengan teori peningkatan. Apabila manusia meningkat, fikiran-fikirannya pun turut meningkat. Masalah yang sebenar bukanlah masalah salah dan silap, tetapi masalah peningkatan yang berkaitan dengan fikiran-fikiran dan pergertian-pengertian. Mereka tidak kekurangan apa-apa walaupun banyak melakukan kesilapan – selagi masih berpegang dengan kehendak undang-undang bagi peningkatan itu, manusia yang mengaku bertamadun ini menyeru supaya agama dipisahkan dari negara. Tatkala berlakunya pemisahan ini kerajaan sendiri mula pincang kerana akal tersebut terpaksa dijadikan sandaran dalam menghadapi intitusi-institusi agama dan sosial. Apabila kerajaan itu menyandarkan sistem-sistem akhlak kepada *ḍamīr*, ia tampil mencipta legenda peningkatan kemanusiaan tentang perkara yang berkaitan dengan pemikiran.

Perkataan "peningkatan" (evolusi) ini merupakan barangan sihir yang mereka cuba berpaut dengannya untuk menyembunyikan kelemahan akal dan *ḍamīr* kemanusiaan mereka. Kebenaran mutlak inilah yang telah menjadikan seseorang itu mencari-cari dengan akalnya dalam perkara-perkara metafizika dan mencari-cari dengan *ḍamīr* dalam hal-hal yang berkaitan dengan akhlak? Mereka cuba menyembunyikan semua kelemahan ini dengan teori "peningkatan."

Hukum Muktamad Tidak Ada Peningkatan

Sekiranya kita mengembalikan teori peningkatan ini pada penilaian agama dan akhlak, kita pasti bertanya apakah maksudnya yang sebenar?

Apakah maknanya teori peningkatan ini apabila kita jadikannya sebagai satu pemikiran secara umumnya?

Fikiran peningkatan ini sebenarnya mengulang kembali sejarah silam *(sūfsaṭā'iyyah)* yakni kembali kepada pandangan-pandangan silam ahli-ahli Yunani *(sūfsaṭā'iyyah* salah satu daripadanya). Makna "peningkatan" ini ialah tidak ada di sana satu persoalan pemikiran yang meningkat dan peningkatan ini tidak berakhir pada mana-mana tahap, ia sentiasa nisbi (relatif), nisbi yang mutlak. Justeru itu kesilapan sentiasa berlaku. Kesilapan ini sentiasa kekal dan tidak ada ubatnya selagi kita menerima teori ini yang berpegang dengan "segala-galanya nisbi" dan "meningkat", tanpa wujud sebarang ketetapan *(thabāt)*. Oleh itu sama ada agama mahupun akhlak, kedua-duanya tetap nisbi dan tidak mempunyai ketetapan.

Sekiranya kita anjurkan pemikiran mereka ini ke dalam agama dan akhlak bermakna kita hancurkan kedua-duanya sekali.

Pemikiran ini yang sering kita dengar daripada orang ramai sebenarnya sangatlah asing kepada sesetengah orang, dan mereka tertanya-tanya: Kenapakah agama tidak boleh meningkat?

Seandainya anda benar-benar memahami "peningkatan" dan memahami hakikat agama, pasti anda mengetahui bahawa agama tidak pernah menerima fikiran "peningkatan" ini.

Peningkatan pemikiran bermakna sentiasa berubah-ubah daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain, satu permasalahan yang tidak pernah tenang dan diam, kerana ia "*nisbi*", dan merupakan aliran Sophist yang diwarisi daripada zaman Yunani. Satu pengembalian kepada zaman silam yang tidak mempunyai agama yang *thābit*, tidak mempunyai nilai akhlak yang *thābit*. Agama dan akhlak di kalangan para pendukung Sophist pada waktu itu adalah nisbi dan sentiasa berubah-ubah.

Ia bukan perkara suci dan bukan isu-isu besar tetapi

segala-galanya adalah nisbi dan selalu berubah-ubah. Justeru itu ia menghapuskan agama dan akhlak.

Sangat menyedihkan betapa fahaman ini berjaya meresap masuk ke dalam ajaran agama di beberapa rantau Islam. Justeru fahaman ini sangat bahaya maka perhatian serius perlu diberi untuk tujuan menghapuskannya. Saya suka memberikan beberapa contoh supaya kita benar-benar jelas tentang fahaman ini.

Saya pernah membaca satu rencana dalam sebuah majalah di mana penulisnya berkata: Tuan Syeikh (...) seorang tokoh yang *moderate* dan luas pandangan, (tanda kehebatan pada pandangan penulis itu) – ialah Tuan Syeikh berkenaan mengadakan sembahyang ghaib ke atas roh seorang insan yang disebut sebagai "tidak menganuti agama Islam." Dalam hal ini kita boleh pastikan bahawa Tuan Syeikh ulama' besar itu tidak berbuat demikian dan tidak mengharuskannya. Cuma penulis itu yang jahil tentang hakikat-hakikat agama yang tidak berubah-ubah mengikut hawa nafsu dan perasaan. Dari sudut yang lain pula jelas terlihat wujudnya bahaya kepada agama apabila dibawa masuk fahaman peningkatan itu lebih-lebih lagi apabila ditulis dan diulas oleh orang-orang yang cetek pengetahuan agamanya dan tidak dapat memahami agama Allah sebagaimana yang dikehendaki. Contoh-contoh lain:

Kita semua menghormati al-Syeikh Muhammad Abduh yang berpendapat bahawa fahaman peningkatan *(taṭawwur)* sememangnya tersebar luas di seluruh pelosok Eropah bahkan dunia seluruhnya.

Fahaman ini – seperti yang dilihat secara zahir – adalah bercanggah dengan ajaran-ajaran yang memberitahu bahawa Adam ialah orang pertama yang wujud. Allah menjadikannya dan melengkapkannya serta memberitahu kepada malaikat tentang kedudukan Nabi Adam dan sekali gus mengarahkan para malaikat supaya sujud kepadanya.

Al-Syeikh Muhammad Abduh berpendapat bahawa cerita-cerita di atas tidak sesuai dengan fahaman peningkatan yang didakwa ini. Oleh itu apa yang beliau buat? Beliau menyebut kemungkinan ini. Justeru itu ia membolehkan kita menta'wilkannya mengikut kemahuan kita dan kita sebenarnya dalam hal ini tidak berminat untuk mering-

kaskannya kerana ia boleh membuka ruang menta'wilkan kepada orang ramai yang pasti menokok tambah sesuka hati, yang sejengkal menjadi sehasta.

Syeikh Muhammad Abduh cuba mentafsirkan perbezaan risalah-risalah dan Rasul yang silih berganti bermula daripada Musa, Isa dan Islam dengan risalah masing-masing sebagai perkembangan atau peningkatan tahap-tahap kemanusiaan. Dia berpendapat bahawa manusia pada zaman Nabi Musa berpegang dengan indera dan justeru itu risalah Nabi Musa adalah bersifat *ḥīssi* (indera), kemudian baharulah manusia meningkat kepada perasaan sebagaimana yang diperlihatkan pada manusia zaman Nabi Isa. Maka risalah Nabi Isa bersifat perasaan (*'āṭifah*). Keadaan tahap manusia yang meningkat daripada *ḥīssi* kepada *'āṭifah* (perasaan) terus meningkat kepada akal. Maka akhirnya risalah Nabi Muhammad s.a.w. bersifat akliah.

Saya berpendapat manusia tidak meningkat tahap demi tahap seumpama ini. Manusia, di mana sahaja kita lihat, bila-bila masa dan apa masyarakat pun adalah terdiri daripada tiga aspek iaitu indera, perasaan dan akal. Tetapi pemikiran "peningkatan" yang cuba menjuruskan manusia kepada evolusi ini mengatakan bahawa perkembangan seseorang itu selesai apabila ia menguasai orang ramai dan orang ramai tunduk kepadanya. Mereka memasukkan teori ini ke dalam lautan agama dan inilah yang merosakkan banyak perkara. Kita kembali semula dan bersimpati dengan al-Syeikh Muhammad Abduh. Kita mengkritiknya meskipun kita berada dalam kawasannya dengan keyakinan bahawa beliau ialah seorang yang berlapang dada dan jauh pandangan seperti yang kita ketahui beliau tidak merasai apa-apa dengan kritikan ini dan kita percaya sekarang beliau terus begitu.

Kita beralih pula kepada seorang tokoh lain yang kita agungkan dan kita hormati iaitu Muhammad Iqbal. Ketokohan dan jihadnya terhadap Islam dan umatnya tidak pernah dipertikaikan oleh sesiapa pun.

Tetapi dalam pada itu beliau tidak dapat bebas daripada pemikiran "peningkatan" ini dalam beberapa persoalan yang berkaitan. Sesiapa yang mahu bolehlah merujuk kepada beberapa pandangan dan falsafahnya.

Wahai tuan-tuan, tuan-tuan semua mengetahui bahawa agama ialah aqidah, akhlak dan syariat. Gambaran "peningkatan" dalam aqidah boleh dimisalkan begini: Hari ini kita berkata: Tuhan kita satu ... kemudian besok pula, Maha Suci Allah darinya ... Tuhan itu dua?!

Gambaran "peningkatan" dalam akhlak pula seolah-olah kita berkata bahawa kebenaran pada hari ini ialah satu kelebihan, sementara esok pula kita berkata kebenaran itu adalah kehinaan atau ia tidak lagi dikira baik atau tidak juga buruk.

Jelas kepada anda semua bahawa tidak ada "peningkatan" dalam persoalan aqidah dan juga akhlak. Tetapi yang berlaku kesamaran pada sesetengah orang adalah tentang perkembangan atau penyesuaian pada pelaksanaan syara', yang menimbulkan keraguan terhadap kesamaran ini ialah kedudukan "pintu *ijtihād*".[29] Umum melihat selagi wujudnya *ijtihād* dalam *tashrī'* (perundangan), maka maknanya terdapat keadaan berubah-ubah (perkembangan). Orang yang berkata ini sebenarnya tidak memahami maksud "*ijtihād*" itu dan walaupun beliau memahaminya, beliau berpura-pura jahil. Makna "*ijtihād*" dan hakikatnya ialah suatu percubaan yang bersungguh-sungguh dan terus-menerus untuk menuruti apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan meletakkan segala masalah baru di bawah kaedah-kaedah silam yang dirumuskan daripada sabda Rasulullah s.a.w. dan daripada al-Qur'an. *Ijtihād* tidak mempunyai makna lain selain yang dipaparkan ini.

Semua Mujtahid, al-Imam al-Syafi'i, al-Imam Ahmad bin Hanbal, al-Imam Abu Hanifah dan al-Imam Malik menegaskan bahawa sekiranya Hadith itu sah maka tinggalkanlah pandangan aku itu. Maksudnya, apabila pandangan itu sudah dikira selari dengan kalam Rasulullah s.a.w. tiba-tiba selepas itu didapati ia salah kerana kalam Rasul itu tidak bermaksud begitu sebagaimana yang difahami, maka kalam dan pandangannya tidak ada apa-apa nilai lagi dan sekali gus wajiblah ditinggalkan dan diketepikan, sebaliknya dituruti kalam Rasulullah.

Justeru itu, tidak mempunyai peningkatan daripada masa ke semasa. Akal adalah sebagai sumber kepada se-

suatu yang di luar *nature* (metafizika) sementara *ḍamīr* pula ialah sumber kepada akhlak.

Semua ini merupakan hal ehwal makhluk yang setentang dengan ketuhanan dan juga *nas*. Oleh itu tamadun moden bergantung kepada prinsip dan kaedah-kaedah kemanusiaan yang menjurus kepada terbentuknya pelbagai sistem sosial dan akhlak yang menelurkan kepincangan-kepincangan yang berterusan dan ini sememangnya telah diduga kerana keterbatasan akal pemikiran manusia yang sedia termaklum.

Hakikat ini didedahkan oleh al-Qur'an dengan tafsiran dan gambarannya yang sangat menarik. Firman Allah:

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ٱلَّذِىٓ ءَاتَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا فَٱنسَلَخَ مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ ٱلشَّيْطَٰنُ فَكَانَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿١٧٥﴾ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَٰهُ بِهَا وَلَٰكِنَّهُۥٓ أَخْلَدَ إِلَى ٱلْأَرْضِ وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ أَوْ تَتْرُكْهُ يَلْهَث . . .

سورة الأعراف ٧ : اية ١٧٥ - ١٧٦

Terjemahan: *Dan bacalah ke atas mereka khabar berita orang yang telah Kami datangkan kepadanya akan ayat-ayat Kami maka orang itu tersisih daripadanya, maka syaitan mempengaruhinya maka jadilah ia daripada kalangan orang yang sesat. Dan kalaulah Kami mahu pasti Kami mengangkatkannya tetapi ia kekal di bumi dan ia terus diruntun oleh hawa nafsunya. Ia sepertilah seekor anjing yang menjelir-jelir lidahnya (apabila bersama kamu atau kamu meninggalkannya) ... .*

(Surah al-A'rāf 7:175 – 176)

Saya akan terangkan ayat ini secara ringkas: Ayat-ayat Allah ini dikelilingi oleh manusia daripada segenap segi. Langit, bumi, pokok-pokok, sungai-sungai, bukit-bukau, lautan, bintang dan bulan, kesemuanya adalah sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. Ciptaan Allah yang sangat kemas rapi ini disaksikan oleh manusia di mana sahaja mereka berada. Kesemuanya melambai-lambaikan

keagungan dan kebesaran Allah. Malangnya ada manusia yang tidak mahu mengakui dan tidak beriman. Penampilan ibadat *insilākh* (tersisih) dalam ayat al-Qur'an tersebut yang memaparkan pengertian yang sangat halus dan mendalam.

Mereka cuba menyisihkan diri daripadanya, sedangkan ia melekat pada mereka bagaikan kulit yang melekati jasad seseorang. Penyisihan mereka itu menyanggahi fitrah dan sistem semula jadi. Mereka menyisihkan diri daripada lautan ketuhanan, bertindak keluar daripada khemah-khemah ketuhanan, bertukar daripada seorang hamba Allah menjadi pengikut syaitan dan syaitan pasti mudah mempengaruhi orang yang melakukan angkara ini. Syaitan menyerang mereka dengan tentera dan agennya. Jadilah mereka daripada kalangan orang-orang yang sesat. Seandainya Allah mahukan mereka, pasti Allah mengangkat mereka dengan tanda-tanda kebesarannya, tetapi aib datang daripada mereka sendiri yang tersisih dan jatuh tersungkur ke bumi. Tidak syak lagi bahawa "tersisih" ini adalah satu gambaran yang sangat jijik dan hina. Mereka ini ialah "komunis" dan mengikut para pengikut hawa nafsu sendiri.

Tidak diragui bahawa yang menuruti hawa nafsu itu ialah Falsafah Wujudi. Sama ada komunis mahupun penganut wujudi, mereka seperti anjing lapar yang sentiasa menjelir-jelirkan lidah. Lidah dijelir-jelirkan tidak kira sama ada kita membawanya atau membiarkannya.

Komunis segala-galanya ialah "benda." Terperosok menjunam ke bumi, meskipun Allah meluaskan rezekinya namun dia tetap kesempitan juga. Apabila Allah menyempitkan rezekinya, dia tentu sukar mendapatkan keyakinan dengan sesuatu yang bersifat rohani. Benda, berapa banyak sekalipun seseorang memperolehnya, akan tetap gagal memuaskan hatinya; begitu juga dengan orang yang mendukung fahaman wujudi, tidak pernah berpuas hati.

Ia memilih hawa nafsu sebagai ikutan, *wujūdiyyah* tidak lain tidak bukan kecuali satu aliran yang mengikut hawa nafsu semata-mata. Ia tidak berpegang dengan sebarang kedamaian yang memberi ketenangan kepadanya. Ia sentiasa dihimpit dengan kesempitan hidup sama ada hidupnya kini

dalam bahagia atau merana bagaikan anjing yang menjelir-jelirkan lidahnya atau menyalak-nyalak tanpa sebab.

Tamadun ini berakhir dengan mewarisi sistem-sistem yang tidak melihat kecuali manusia yang terhuyung-hayang dan tidak berguna. Kepada komunis dan wujudi, yang pentingnya ialah mereka langsung dan secara total terpisah daripada alam ketuhanan.

Sistem-sistem ini tidak ada hubungan dengan talian-talian suci yang terselamat daripada salah dan silap *('iṣmah)*. Ia sentiasa terumbang-ambing dan berubah-ubah. Kalaupun ia terlaksana secara relatifnya tetapi dipaksa dengan ancaman besi, senapang dan senjata, pembunuhan dan pengaliran darah, suatu manifestasi daripada penolakan aspek ketuhanan yang tidak mengenali selain bermain besi dan api selaku alat perempuh menegak dan mempertahankan sistem-sistem yang dicipta sendiri itu.

Demikianlah asas-asas dan sumber-sumber tamadun yang berorentasikan akal dan kemudian *ḍamīr* (hati) yang mencipta fahaman "peningkatan" yang akhirnya membentuk sistem-sistem tersebut yang menyeleweng daripada landasannya yang sebenar.

Justeru itu, agama tidak menentang kemajuan yang bertujuan membahagiakan manusia sejagat. Hakikat ini menjadi pegangan kita.

ISLAM

Kita membincangkan tentang Islam dan perkataan "Islam" itu sendiri membawa pengertian bahawa agama ini adalah benar diturunkan dari sisi Allah. Islam bermakna: Penyerahan kepada Allah pada setiap perkara, gerak geri dan urusan seluruhnya. Ayat suci al-Qur'an menggambarkan hakikat ini:

سورة الأنعام ٦: اية ١٦٢

Terjemahan: *Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku kerana Allah, Tuhan*

semesta alam, tidak ada baginya sekutu dan demikian itu aku diperintahkan dan aku adalah orang pertama daripada kaum Muslimin.

(Surah al-An'ām 6:163)

Gambaran al-Qur'an ini sangatlah menarik dan mendalam. Penyerahan kepada Allah ertinya masuk ke dalam skop ketuhanan, menjauhkan diri daripada hawa nafsu dan syaitan. Ia adalah penyerahan wajah kepada Allah. Hakikat ini berbeza dengan skop ketuhanan seperti yang dikehendaki oleh komunis dan wujudi.

Islam mempunyai kaitan rapat dengan sistem-sistem yang terselamat daripada salah dan silap *('iṣmah)*. Lantas wujud akhlak dan perundangan yang *ma'ṣūm* sepenuhnya, tetapi penyerahan kepada Allah tidak sekadar dengan pengakuan semata-mata, ia menuntut satu perkara lagi iaitu *"jihad"* dan kesinambungan perjuangan demi kebenaran, kebaikan dan meninggikan kalimah Allah. Sekiranya jihad tidak wujud demi Islam, maka Islam juga tidak wujud. Seseorang yang tidak pernah berjihad demi kerana Islam yang dianutinya, maka dia bukan seorang Muslim. Justeru itu jihad perlu dan sekali gus terarah kepada menjadikan insan sebagai seorang yang *rabbāni* atau ilahi (yang melaksanakan perintah Allah dengan sepenuhnya).

Tetapi apakah landasan yang dianjurkan oleh Islam untuk menjadikan seseorang itu insan *rabbāni*? Sesungguhnya:

1. Allah menjamin rezekinya dan
2. Allah menetapkan ajalnya.

Firman Allah:

وَفِي السَّمَاءِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُونَ ﴿٢٢﴾

سورة الذاريات ٥١ : اية ٢٢

Terjemahan: *Dan di langit ada rezeki anda dan apa yang anda dijanjikan.*

(Surah al-Dhāriyāt 51:22)

Dan kerana kelemahan, kesibukan dan kesungguhan

kita mencari rezeki, Allah menegaskan jaminannya tentang rezeki. Firman-Nya:

سورة الذاريات ٥١ : اية ٢٢

Terjemahan: *Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya ia adalah Yang Maha Besar seperti yang engkau perkatakan.*

(Surah al-Dhāriyāt 51:23)

Allah menetapkan ajal dan membawa bidalan yang sangat jelas: Maka sekiranya Kami andaikan manusia berada di dalam peti besi sedangkan dia telah ditulis sebagai mati terbunuh maka dia akan keluar dari peti besi itu untuk menghadapi pembunuhan itu. Firman Allah:

ثُمَّ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّن بَعْدِ الْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَىٰ طَائِفَةً
مِّنكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنفُسُهُمْ يَظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ
الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ هَل لَّنَا مِنَ الْأَمْرِ مِن شَيْءٍ
قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ يُخْفُونَ فِي أَنفُسِهِم مَّا لَا يُبْدُونَ لَكَ
يَقُولُونَ لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَّا قُتِلْنَا هَاهُنَا قُل لَّوْ كُنتُمْ
فِي بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ
وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ وَلِيُمَحِّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ
وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

سورة آل عمران ٣ : اية ١٥٤

Terjemahan: *Kemudian sesudah (kamu mengalami kejadian) yang mendukacitakan itu, Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman tenteram, iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan daripada kamu (yang teguh imannya lagi ikhlas), sedang segolongan yang la[illegible] yang hanya mementingkan diri sendiri, menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar, seperti sangkaan orang-orang Jahiliyah. Mereka berkata, "Adakah bagi kita sesuatu bahagian daripada*

pertolongan kemenangan yang dijanjikan itu?" Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya tertentu bagi Allah, (Dialah sahaja yang berkuasa melakukannya menurut peraturan yang ditetapkan-Nya)." Mereka sembunyikan dalam hati mereka apa yang mereka tidak nyatakan kepadamu. Mereka berkata (Sesama sendiri): "Kalaulah ada sedikit bahagian kita daripada pertolongan yang dijanjikan itu, tentulah (orang-orang) kita tidak terbunuh di tempat ini?" Katakanlah (wahai Muhammad), Kalau kamu berada di rumah sekalipun nescaya keluarlah juga orang-orang yang telah ditakdirkan (oleh Allah) akan terbunuh itu ke tempat mati masing-masing." Dan (apa yang berlaku di medan Perang Uhud itu) dijadikan oleh Allah untuk menguji apa yang ada di dalam dada kamu, dan untuk membersihkan apa yang ada dalam hati kamu. Dan ingatlah, Allah sentiasa mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada.

(Surah āli-'Imrān 3:154)

Oleh kerana ajal sudah ditetapkan, rezeki sudah dijamin, maka hendak ke mana lagi dan pastilah hala cara menuju sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan apa yang anda miliki, anda rasai dan anda ingini.

Sikap ini bukanlah suatu kemalasan kerana segala amalan adalah ibadat selagi mengarahkan kepada Allah. Segala pergerakan anda, juga kesepian anda dan jiwa raga anda sekiranya mengarah kepada Allah merupakan ibadat. Pembantu makmal di dalam makmalnya juga dikira beribadat sekiranya kerjanya itu kerana Allah, begitu juga pekerjaan industri dalam industrinya juga dikira beribadat kepada Allah sekiranya bekerja kerana Allah. Sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan rasul-Nya dengan pekerjaannya, pertukangannya dan kedudukannya, maka penghijrahan itu menuju kepada Allah dan rasul-Nya. Allah akan memberikan pahala terhadap perbuatannya itu.

Apabila rezeki sudah dijamin Allah dan ajal ditetapkan oleh Allah, maka tidak harus wujud sebarang keuzuran bagi seseorang Muslim untuk tidak bekerja atau malas atau tidak arif dan cergas.

Contoh yang ideal dalam hal ini yang perlu diteladani ialah Rasul kita, Nabi Muhammad s.a.w. yang tidak pernah jemu berjuang dan tidak pernah berundur daripada

jihad. Inilah contoh yang wajib diikuti oleh orang-orang yang berputus asa dengan jihad.

Tetapi kenapakah perlunya berjihad? Dan kenapakah perlunya berjuang? Risalah Islam telah dipertanggungjawabkan ke atas setiap individu Muslim. Ia bukan tanggungjawab *al-Azhar*[30] sahaja. Firman Allah:

سورة الأنبياء ٢١ : اية ١٠٧

Terjemahan: *Dan tidaklah Kami utuskan engkau kecuali membawa rahmat kepada seluruh alam.*

(Surah al-Anbiyā' 21:107)

Rahmat kepada manusia ialah mengeluarkan mereka daripada genggaman syaitan kepada naungan Allah S.W.T. dan mengeluarkan mereka daripada keadaan suka berperang dan bergaduh kerana harta benda kepada menghayati persaudaraan yang penuh kemesraan dan kasih sayang yang menyeluruh. Risalah Islam yang bercirikan kemurahan hati dan kasih sayang sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah melalui sistem-sistem dan prinsip-prinsip yang dipertanggungjawabkan kepada kita selaku sebaik-baik umat yang dilahirkan kepada seluruh manusia, untuk menegakkannya. Seandainya kita tidak melaksanakan tanggungjawab ini terutamanya dalam menghadapi tamadun moden dewasa ini, maka kita bukanlah dikira umat Islam atau sekurang-kurangnya dengan sikap negatif itu, kita tidak termasuk daripada kalangan orang-orang yang sentiasa mengingati Tuan punya risalah Islam yang Maha Suci. Kita juga tidak dapat berbangga bahawa kita daripada kalangan orang-orang yang membawa risalah penyayang dan risalah rahmat dan hidayah.

Kebanggaan Muslim dengan Agamanya

Sebenarnya seseorang Muslim wajib berbangga dengan agama yang dianutinya dengan peraturan-peraturan yang dianjurkan oleh agama dan dengan Rasul serta ummahnya.

Tanpa bermaksud untuk menimbangi dan menilai kita

boleh melihat misalnya seorang syeikh yang dihormati, Nabi Nuh a.s. yang menghabiskan usianya menyeru kaumnya kepada Allah yang hanya berakhir dengan kejayaan sekadar memperoleh hasil yang boleh memenuhi isi sebuah kapal.

Sementara Nabi Musa a.s. pula, apabila hendak berperang, kaumnya berkata kepadanya seperti yang dijelaskan dalam ayat:

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَآ أَبَدًا مَّا دَامُوا۟ فِيهَا فَٱذْهَبْ
أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ إِنَّا هَٰهُنَا قَٰعِدُونَ ﴿٢٤﴾

سورة المائدة ٥ : اية ٢٤

Terjemahan: *Wahai Musa sesungguhnya kami tidak akan memasuki selagi mereka berada di dalamnya. Maka pergilah engkau berdua, sesungguhnya kami di sini duduk berpeluk tubuh.*

(Surah al-Mā'idah 5:24)

Daripada gambaran al-Qur'an yang amat menarik ini kita mendapati Nabi Musa begitu berusaha dan berjihad mengajak kaumnya dengan dakwah, bimbingan dan nasihat; kemudian meninggalkan mereka dan pergi mendahului mereka buat beberapa ketika. Maka Allah pun mengutarakan firman-Nya:

سورة طه ٢٠ : اية ٨٢ - ٨٤

Terjemahan: *Dan apakah yang membuatkan kamu terburu-buru meninggalkan kaummu, wahai Musa, berkatalah ia (Musa) mereka sedang menyusuli aku dan aku pun bersegera kepada engkau wahai Tuhan supaya engkau reda.*

(Surah Ṭāhā 20:83 – 84)

Maka *kalīmillah* (Musa) pun memberitahu bahawa kaumnya itu adalah mereka yang menyusuli beliau tetapi rindu dan kasih (kepada Allah) yang mendorongkannya

berbuat demikian (meninggalkan mereka).

سورة طه ٢٠ : اية ٨٤

Terjemahan: ... *Aku cepat-cepat (segera) kepada Engkau wahai Tuhanku supaya Engkau reda (kepadaku).*
(Surah Ṭāhā 20:84)

Sungguh menarik ayat ini. Lihatlah kepada satu bentuk didikan *(tarbiyyah)* yang bijak dengan pendekatan yang lunak yang seolah-olah ia berkata: Engkau tidak boleh menghukum hal dakwah dengan cara pertimbangan sendiri tetapi engkau hendaklah menghukum dengan menemui Allah demi mendapat keredaan-Nya.

سورة طه ٢٠ : اية ٨٥

Terjemahan: *Dia berkata: "Maka sesungguhnya kami telah memfitnahkan engkau selepas engkau dan mereka telah disesatkan oleh al-Samiri (Yahudi)." Maka Musa pun kembali kepada kaumnya dalam keadaan marah dan duka .... .*
(Surah Ṭāhā 20:85)

Apabila kita lihat kepada Nabi Isa a.s. kita dapati Nabi Isa semasa diangkat oleh Allah, tidak ramai yang mempercayai risalah-Nya kecuali beberapa kerat sahaja yang jika dihitung tidak sampai jumlah jari-jari di tangan atau masih dalam angka puluhan sahaja. Jangkaan paling tinggi jumlah para pengikut Nabi Isa hanyalah lebih kurang 300 orang sahaja. Sementara Nabi Musa pula telah melarikan diri bersama-sama kaumnya dari bumi Mesir, beliau tidak pun berperang dan berjihad. Oleh itu apabila beliau diancam oleh Fir'aun beliau tidak berperang dan tidak berjihad menentangnya, tetapi apa yang beliau lakukan ialah menghadap wajahnya pada Allah dan Allah pun memerintahkannya supaya membelah lautan sehingga terjadilah

seolah-olah satu pergunungan raksaksa merentangi lautan. Musa dan kaumnya terus menyeberangi melaluinya dengan selamat tanpa sebarang jihad dan pergelutan.

Nabi Isa juga begitu, tidak melancarkan perang dan tidak berhempas pulas dalam meninggikan kalimah Allah yakni kebenaran dan kenabian. Tetapi jika kita meninjau kepada rasul kita, Nabi Muhammad s.a.w. kita dapati bahawa keazamannya yang kukuh dan utuh serta kemahuannya yang jitu membawa kejayaan kepada Baginda.

Wajiblah alam ini diIslamkan dan diarahkan kepada Allah dan risalah Islam yang Maha Suci. Betapa Rasulullah s.a.w. walaupun keseorangan telah melaksanakan tugasnya dalam menghadapi seluruh makhluk dan seterusnya menghadapi dunia ini.

Alam ini perlu diislamkan, langit dan bumi perlu diIslamkan dan begitu juga seluruh umat manusia perlu mengimani risalah langit. Banyak masa Rasul kita (Nabi Muhammad) digunakan untuk berjuang, berjihad dan bertungkus-lumus merempuh rintangan-rintangan dan Baginda berjaya mengatasinya sehinggalah berakhir dengan kemenangan yang keseluruhan hasil perjuangannya yang tidak pernah mengenal jemu dalam menegakkan kebenaran. Oleh itu perjuangan merupakan satu juzuk yang tidak renggang daripada risalah Islam, perjuangan demi kerana Allah; bukan bermatlamat kebendaan sebagaimana yang didorongi oleh Komunis dan penganut *Wujūdiyyah*. Sesungguhnya risalah Islam merupakan risalah rahmat dan membawa salam perjuangan demi menganjurkan rahmat kedamaian kepada alam sejagat. Rasulullah sendiri melalui tingkah laku dan pendiriannya yang merupakan contoh teladan terbaik. Maka setiap yang tidak mengingati Rasulullah s.a.w. dan tidak berjuang pada jalan Islam, maka dia tidak mempunyai hak untuk berbangga sebagai seorang Muslim apalagi untuk mendakwa diri sebagai seorang Muslim yang *mithāli* (ideal).

Nabi Muhammad s.a.w. telah mengatasi segala rintangan dan menyelesaikan segala susah payah serta memusnahkan setiap berhala. Kejayaan ini membawa kepada berkumandangnya suara azan dari menara Kaabah yang memecah kesunyian Makkah yang waktu itu masih tebal

dengan keengganannya menghadap kepada Allah yang Maha Esa.

Tugas kita semua ialah tugas Rasul menghancurkan berhala-berhala, hawa nafsu yang meronta-ronta dalam jiwa, berhala kepentingan kebendaan yang menguasai jiwa dan seterusnya menyebarkan dan rahmat sehingga kita boleh membawa dunia seluruhnya menghadap wajahnya kepada Allah S.W.T.

Apabila selesai tugas ini setelah kita melaksanakannya dengan jayanya, maka barulah kita berada dalam keredaan Allah. Kita akan terdorong daripada orang-orang yang diredai Allah yang saling meredai.

Akhirnya saya sangat mengharapkan orang-orang yang ikhlas di seluruh dunia Islam supaya berganding bahu dan bersungguh-sungguh bangun berjuang menghalang ledakan gelombang tamadun Barat yang datang bertujuan memusnahkan Islam, risalah-risalahnya, peraturannya, ajarannya dan kesuciannya.

Sekiranya para pejuang yang ikhlas bangun secara bersungguh-sungguh pasti berakhir dengan kemenangan tetapi kalaupun mereka gagal berganding bahu dengan lebih mantap namun tanggungjawab masih di atas bahu setiap individu Muslim untuk terus bekerja kuat dan serius dalam perjuangan meninggikan kalimah Allah dan mendaulatkan prinsip-prinsip Islam yang merangkumi rahsia kebahagiaan untuk alam sejagat, Insya-Allah.[31]

NOTA BAB

1 Ilmu Kalam. Ilmu Kalam ialah yang memberikan kemampuan untuk meng*ithbat*kan aqidah-aqidah agama dengan mendatangkan hujah-hujah dan menolak syubhat. Subjeknya ialah Allah dan segala yang berkaitan daripada sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan Allah di dunia seperti baharunya alam ini dan akhirat seperti kebangkitan *(al-Hasyr)* juga tentang pengutusan Rasul, perlantikan Imam, pahala dosa dan sebagainya. Antara faedah Ilmu Kalam ini ialah, Pertama: Melonjak daripada lembah penurutan (*taqlid*) kepada pucuk keyakinan. "Allah mengangkat orang-orang yang beriman daripada kalangan kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu dengan beberapa darjat." Kedua: Membimbing para penuntut dengan menerangkan hujah di samping menangkis para penentang dengan beralaskan hujah-hujah. Ketiga: Memelihara kaedah-kaedah agama daripada digoncang oleh keraguan yang ditimbulkan oleh musuh-musuh *(mubtilin)*. Keempat: Ilmu ini sebagai asas kepada ilmu-ilmu syara' yang pemakaiannya boleh diambil dan dita'wilkan daripada ilmu ini. Kelima: Mensahihkan niat dan *iqtiqhad* supaya diterima amalan yang segala tujuannya ialah kejayaan mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. (Petikan daripada *kitab al-Mawaqif li al-Qhadi Abdul Rahman bin Ahmad al-Eji* hlm. 7 – 8). *Jumhur* ulama' menghukum 'wajib' mempelajari Ilmu Kalam dengan syarat tidak meletakkan akal lebih daripada syara'. (pent.).

2 Sesungguhnya Ilmu Kalam dalam sepanjang zaman sangat jauh daripada al-Qur'an, sebaliknya menghadapi falsafah *muhkamat* dan *mustasyabihat*.

3 *Muhkamat* mengikut al-Nawawi ialah makna yang terang nyata yang tidak mempunyai banyak pengertian atau kemungkinan sementara *mustasyabihat* pula ialah satu lafaz yang berkongsi makna yang banyak misalnya lafaz *al-qar'* yang bermakna sama ada bersih atau haid. Mengikut riwayat Ibn Abbas dan Ibn Mas'ud, *mudkam* ialah pemansuh sementara *mutasyabihat* ialah yang dimansuhkan. Al-Razi pula berpendapat, *muhkam* ialah yang terang jelas sementara *mutasyabah* pula adalah yang perlu kepada *tadabbur* dan merenung (berfikir dan mengkaji) untuk mengetahui hakikatnya. (pent.).

4 *Ta'wil:* Dalam bahasa Arab ta'wil ialah tempat kembali (*marji'* atau *masir*). Ahli-ahli tafsir silam mentafsirkan ta'wil sebagai tafsir sementara ahli-ahli tafsir mutakhir mentakrifkan kepada keperluan menghendaki dalil untuk meng*ithbat*kannya, sekiranya tidak ada usaha ini pasti zahir lafaznya itu kekal (mengikut maksud maknanya yang nyata). Maksud di sini ialah kalaulah tidak dipindahkan sesuatu lafaz itu pasti ia kekal dengan makna hakiki. Misalnya *'yadullah'* (tangan Allah) dita'wilkan dengan ia bermaksud 'kuasa Allah' bukan tangan sebagaimana yang dapat digambarkan. Lihat kitab *'al-Madrasah al-Salafiyyah'*, Dr. Abdul Sattar Nassar *Matba al-Taqaddum*, hlm. 535 – 536. (pent.).

5 *Jabariyyah* dan *Qadariyyah. Jabariyyah:* Manusia tidak mempunyai kemahuan dalam melakukan sesuatu bagaikan bulu yang berterbangan di udara yang dipukul oleh angin ke mana sahaja. Semua perbuatan hamba adalah daripada Allah, manusia tidak mempunyai apa-apa peranan sementara *Qadariyyah* pula adalah sebaliknya iaitu berpendapat bahawa manusia melakukan segala perbuatannya tanpa

kuasa daripada luar (Allah). Kedua-dua golongan ini menyandarkan hujah-hujah mereka kepada ayat-ayat al-Qur'an tetapi menafikan langsung usaha dan ikhtiar manusia sendiri. *Qadariyyah:* (pent.).

6 Mu'awiyah. Mu'awiyah bin Abi Sufyan ialah salah seorang penulis wahyu kepada Rasulullah s.a.w. Beliau meriwayatkan 363 Hadith daripada Rasulullah s.a.w. dan meninggal pada bulan Rejab tahun 60 Hijrah ketika berumur 70 tahun. Beliau telah menjadi khalifah selama 20 tahun. (pent.).

7 Al-Imam al-Asy'ari Abu al-Hasan Ali ulama' terkenal dalam Ilmu Kalam, lahir di Basrah, Iraq pada tahun 260 Hijrah (873/874M.) berketurunan daripada Abi Musa al-Asy'ari. Pada mulanya beliau merupakan penyokong kuat Jubba'i, seorang Ahli Kalam Mu'tazilah tetapi telah meninggalkan gurunya ini setelah ber*khilaf* tentang '*solah* dan *aslah*'. Kemudian beliau menjadi penyokong kuat golongan ahli Sunnah menangkis pandangan puak Mu'tazilah. Beliau bermazhab Syafi'i dan meninggal di Baghdad pada tahun 324 Hijrah (935 Masihi). (pent.).

8 Ibn Taimiyah. Nama penuh beliau ialah Ahmad bin Abdul Halim bin Abdul Salam bin Abdullah bin Muhammad bin al-Khidir bin Ali bin Abdullah bin Taimiyah. *Kunyah*nya ialah Abu al-Abbas dan *laqab*nya (gelarannya) Taqiyuddin. Dilahirkan pada 10 Rabiulawal 661 Hijrah bersamaan 22 Januari 1263 di Harran, utara Syria. Beliau merupakan ulama' yang termasyhur dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti tafsir, Hadith, fiqh, Ilmu Kalam, usul fiqh dan sebagainya. Beliau meninggal dunia pada tahun 682/1284M. dan meninggalkan 500 buah hasil karangan (mengikut al-Tabari). (pent.).

9 Al-Imam al-Razi. Beliau ialah al-Imam Fakhruddin Abu Abdullah Muhammad bin Omar bin al-Husein al-Razi. Seorang tokoh mutakhir yang terkemuka dalam ilmu-ilmu perubatan, fiqh, falsafah (hikmat) dan ilmu-ilmu lain. Beliau ialah pengarang kitab *Tufshi al-Kabir* dan puluhan kitab-kitab dalam Ilmu Kalam, falsafah, akhlak, fiqh, perubatan dan sebagainya. Beliau meninggal pada awal Syawal, 606 Hijrah. (pent.).

10 Seandainya kewujudan Allah dipertikaikan melalui perbincangan mengenai bukti kewujudan, maka amat ringkaslah untuk mempertikaikan ajaran-ajaran Islam yang lain. (pent.).

11 Lihat hlm. 152 daripada buku ini.

12 Kata-kata Ali Ahmad bin Muhammad al-Khitabi dalam kitabnya *al-Ghaniyyah al-Kalam.*

13 Cetakan 'Syaab', Jil. 1, hlm. 163.

14 Hadith Muslim daripada Hadith Ibn Mas'ud.

15 Hadith bahawa Nabi mengajar mereka tentang 'istinjak' ialah Hadith Muslim daripada Hadith Salman al-Farisi.

16 Hadith ini daripada Hadith Abu Hurairah sabdanya: "Pelajarilah faraid dan ajarlah mereka dengannya. Sementara riwayat al-Tirmizi dan Hadith Anas pula: Zaid bin Thabit bahawa Rasulullah s.a.w. memfardukan mereka dengannya.

17 Ibn Khaldun. Beliau ialah Abdul Rahman bin Muhammad bin Khaldun, lahir di Tunis pada tahun 1332M. (732) dan meninggal di Kaherah Mesir pada tahun 1406M. (808). Beliau terkenal sebagai seorang tokoh fikir Islam, ahli sosiologi dan karangan terkenal beliau ialah *al-Muqaddimah* yang membicarakan persoalan-persoalan agama, politik, kemasyarakatan, syarak, perbincangan dan analisa. (pent.).

18 Herqules. Raja Rom sebelum kedatangan Rasul dan berterusan pada zaman Rasulullah s.a.w. Beliau seorang Kristian yang telah termaklum tentang Nabi Muhammad s.a.w. Beliau memerintah Rom daripada tahun 610 sehingga 641 Masihi. Pada zaman pemerintahannya, tampil Abi Abid bin al-Jarrah dan Khalid bin al-Walid, dua tokoh panglima perang Islam yang menewaskan tentera-tentera Rom dan menakluk Damascus dan Baitul Maqdis serta Mesir dan Palestin yang terletak di bawah pemerintahan beliau. (pent.).
19 *Muqaddimah* Ibn Khaldun, di*tahqiq* oleh Dr. Ali Abdul Wahid.
20 Al-Ruhul Amin ialah malaikat atau *Roh al-Quds*. (pent.).
21 Al-Farabi (Abu Muhammad bin Muhammad bin Tharkan). Lahir di Farab, Turki. Tokoh falsafah yang terkenal dan seorang yang hidup berzuhud. Beliau telah diberi selaran *al-Muallim al-Thani* (mahaguru yang kedua) selepas Aristotle. Ada pengkaji yang mengatakan beliau lebih hebat daripada Ibn Sina dan ada yang mengatakan sebaliknya. Walau bagaimanapun Ibn Sina menganggap beliau sebagai gurunya. (pent.).
22 Kuasa *takhayyul* merupakan satu *wasilah* memperoleh ilmu dalam teori akal falsafah. Mengikut al-Farabi bahawa al-Rasul menerima ilmu wahyu adalah melalui kuasa *takhayyul (qhuwwah al-mutakhayyilah)*. Kuasa ini sentiasa berfungsi sewaktu seseorang itu tidur. Oleh kerana itu Rasul terus menerima wahyu meskipun sewaktu Baginda tidur *(manam)* dan semua mimpi-mimpi Baginda adalah benar. (pent.).
23 Dr. Ibrahim Madkour, *Fi al-Falsafah al-Islamiyyah*, Darul Kitab, Cairo.
24 Gelinius (Galen) – seorang tokoh perubatan yang termasyhur di kalangan ahli-ahli perubatan Yunani silam selepas Abaqhrat. Mengikut Ibn Jaljal (Sulaiman ibn Hisan) beliau ialah seorang *hukama'* Yunani dalam zaman pemerintahan Qaisar di Constantinople. (Lihat *'Daerah Maarif Qhamil Isyrin*, Farid Wajdi, Jil. 3, Darul Makrifah, Beirut 1971). (pent.).
25 Al-Najashi – seorang tokoh Nasara Habshah. Beliau seorang yang sangat mahir dengan kitab Allah pada zamannya. Herqules telah mengutuskan beberapa orang rakyatnya untuk mempelajari sesuatu daripada Najashi ini. Beliau pernah menegaskan tentang kebenaran Nabi Muhammad berdasarkan apa yang termaktub dalam al-Injil, "Aku persaksikan bahawasanya dia ialah seorang Nabi Arab dan dia adalah sebaik-baik Nabi." Beliau berkata, "Ahmad seorang Nabi berbangsa Arab menunggangi unta, keluar dari Makkah ke Madinah. Dia adalah sebaik-baik Nabi yang akan datang pada zaman antara Isa dan Hari Akhirat. Sesiapa yang dapat menemuinya dan mengikutnya, dia pasti diberi petunjuk dan sesiapa yang menyanggahinya dia rosak musnah *(halak)*." (pent.).
26 *Ma'rifat ilahiyyah* yang sumbernya ialah Allah iaitu ia tidak memerlukan usaha, guru dan susah payah belajar (*takkalluf*). (pent.).
27 *Basyariyyah* adalah daripada '*basyar*' dalam bahasa Arab yang bermaksud manusia juga misalnya disebut 'Adam ialah Abu al-Basyar' (Adam ialah bapa manusia). (pent.).
28 *Al-Tatawwur* bermaksud perkembangan, pengembangan, peningkatan dan sebagainya.
29 Pintu ijtihad-ijtihad ialah memerah tenaga untuk mengeluarkan sesuatu hukum. (pent.).
30 Al-Azhar sebuah Universiti Islam terulung dan terbesar di dunia

terletak di Kaherah, Mesir. Ia diasaskan oleh kerajaan Fatimiyyah (361 – 567H.). Dianggap sebagai "Kaabah" ilmu kerana menjadi tempat tumpuan mendapatkan ilmu-ilmu Islam oleh seluruh umat Islam dari merata dunia semenjak ditubuhkan sehingga kini. Pada 18 Mac 1983 yang lalu Universiti al-Azhar telah merayakan genap 1,000 tahun sejarah penubuhannya (sepatutnya pada tahun 1975). Pada tarikhnya terdapat kira-kira 90,000 pelajar di al-Azhar dan 3,605 kakitangan. Al-Azhar tidak dibuka kepada pelajar-pelajar dan kakitangan bukan Islam. Al-Azhar memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan Islam sama ada di Mesir atau di negara-negara Arab yang lain dan begitu juga di seluruh dunia Islam dan bukan Islam. Boleh dikatakan setiap negara di dunia mempunyai penuntut yang belajar di Universiti al-Azhar. (pent.).

31 Di sini diperturunkan apa yang kami (Dr. Abdul Halim Mahmud – pent.) tulis dalam ulasan kami terhadap kitab *al-Ghazali al-Munqis Min-Addhdal.* Mungkin anda berkata: Sesungguhnya akal yang menjadi asas Mazhab al-Mu'tazilah dan mazhab para rasional umumnya. Mempunyai neraca-neracanya dan kaedah-kaedahnya yang tersendiri yang kononnya tidak pernah dilanda kepincangan. Mantiq (logik) silam dan moden adalah satu alat yang mampu menyelamatkan minda (*azihn*) daripada kesalahan ketika berfikir, manusia telah berhempas pulas sepanjang zaman sehingga berjaya menjadikan '*inductive*' (*istiqra'*) dan '*anologi*' (qiyas) sebagai dua alat untuk memisahkan di antara hidayat dan sesat di mana sekali gus berupaya memisahkan di antara buta pekat dengan ketul tulen. *Istiqra'* dan qiyas (*inductive* dan anologi) kedua-duanya adalah *wasilah* akal dan pemutus pemisah di antara sesat dan petunjuk. Adalah sangat keterlaluan sekiranya kita mengheret golongan Mu'tazilah dan rasionalis yang beramal dengan kaedah ini. Secara mutlak, kepada menanggapi mereka sebagai golongan yang menghayati perjalanan yang tepat dan bernilai (*tariq aqwam*). Pandangan ini secara kasar semacam tidak ada apa-apa tetapi perhatian yang lebih mendalam membuktikan ia bergoyang-goyang dan meleset. Pertama, kerana Mu'tazilah itu lendian dan para rasionalis umumnya – yang berpegang dengan *istiqra'* dan qiyas telah berpecah kepada pelbagai kumpulan-kumpulan dan partai-partai yang tidak terhingga jumlahnya, setiap kumpulan atau penyokong-penyokong sentiasa patuh setia kepada seorang ketua yang membuat keputusan-keputusan berdasarkan *istiqra'* dan qiyas ini yang berubah-ubah dimana membuatkan mereka kurang lebih pasti berselisih mengenai rumusan-rumusan yang dicapai bersama. Kedua, pandangan bahawa mantiq ini boleh menyelamatkan minda daripada berfikiran salah atau mantiq adalah satu *wasilah* pemikiran yang betul dan benar, sebenarnya merupakan pandangan yang lebih banyak khurafat daripada kebenaran dan justeru itu perlulah diperolehi keterangan yang lebih terperinci mengenai hal ini. Neraca-neraca yang disebut *istiqra'* dan qiyas. *Istiqra'* ialah asas kepada fahaman-fahaman menyeluruh dan persoalan-persoalan universal (*Kulliyyat*). Ia adalah: (1) Berdasarkan indora (*hiss*), yakni penemuan indera, ia merupakan juzuk-juzuk yang tidak melampaui sikap realitas. Justeru itu apa lagi yang terlindung (*zindiq*) tidak kena-mengena dengannya kerana *istiqra'* ini tidak pun terangkum di bawah naungan perkara-perkara yang terlindung daripada *masatir.* Maka justeru itu pasti ia lemah dan tidak mampu membelah sekatan terlindung (*hajat*) untuk sampai kepada tahap

metafizika (*ma wa rak al-tadiah*). (2) Sementara *istiqra'* (*inductive*) pula ialah: Sama ada sempurna ataupun kurang. Yang sempurna dikira oleh ahli-ahli mantiq sebagai tidak perlu dan tidak berfaedah. Adapun yang kurang adalah dikira penting pada mereka justeru ia bersifat '*zanni*' (sangkaan) yang sentiasa terdedah kepada pembaharuan pada setiap masa. (Tiap-tiap logam mengecut dengan sebab kepanasan). Inilah di antara kaedah *istiqra'* yang umum dan menyeluruh tetapi logam-logam kini tidak semuanya mengecut apabila terkena panas. Maka justeru itu, adalah harus bahawa diketemukan nanti logam yang boleh mengecut dengan sebab-sebab kepanasan seperti sebelumnya. Kalau begitu, hal ini tentu sementara sifatnya dan berupa *zanni* (sangkaan) yang tentu sekali jauh daripada liputan keyakinan falsafah. Ilmu sebenarnya tidak biasa mengenali zaman semasa yang masih mempunyai nilai sehinggalah datangnya kajian yang boleh membuktikan kemelesetan nilai atau perubahannya (sila lihat kitab *Fajrul Islam*, Ahmad Amin, pada Muqaddimahnya). Oleh itu jelas bahawa isu-isu *istiqra'* adalah: (a) Khususnya bagi tabiat (*nature*) dan tidak ada kena mengena dengan sesuatu yang sebaliknya. (b) Bersifat *zanni* (sangkaan) yang tidak mengenali yakin sementara. Qiyas pula: (1) Ia berdasarkan kepada *istiqra'* kerana ia berpegang dengan *Kulliyah* (universal) dan apabila isu-isu *istiqra'* ini bersifat *zanni* (sangkaan) di mana lapangannya adalah indera' maka rumusan-rumusannya juga adalah berupa *zanni* (sangkaan) sebagaimana *istiqra'* juga. (2) Ahli-ahli mantiq sememangnya tidak meletakkan syarat bahawa muqaddimah semestinya "diterima benar" (*musallamah Sadiqhah*) tetapi sebaliknya mereka hanya mensyaratkan penerimaan oleh ahli-ahli dekat sahaja *(mutaqarribun)*. Jadi kadang-kadang muqaddimah itu sendiri bohong sebagaimana yang dikatakan oleh orang-orang yang memiliki penglihatan Nasiriyyah. Dalam hal ini qiyas itu benar tetapi rumusannya palsu (batil). Sekiranya begitu halnya, apakah faedah qiyas? Dan apakah nilainya jika 'qiyas' itu memenuhi syarat *al-intaj* (pemprosesan) yang memaksa kewujudan satu natijah yang tidak selari dengan realiti? Apakah nilainya seandai 'qiyas' itu tidak berketegasan dalam mensahihkan natijah atau membohonginya! Apabila anda berkata: Ilmu yang banyak, membawa kepada kebebasan individu, setiap yang membawa kepada kebebasan individu memudaratkan masyarakat ini adalah qiyas yang betul mengikut pandangan ahli-ahli mantiq. Apabila anda berkata pula: Ilmu yang banyak membawa kepada kemantapan masyarakat, dan setiap yang membawa kepada kemantapan masyarakat adalah berfaedah kepada masyarakat. Justeru itu ilmu yang berfaedah kepada masyarakat. Ini pun satu qiyas (analogi) yang betul di kalangan ahli-ahli mantiq. Justeru itu kedua-dua natijah itu adalah bersanggah di antara satu dengan lain. (3) Maka jelas bahawa qiyas (analogi) adalah satu kaedah pendalilan yang berbelit-belit dan ditolak justeru maklumat ilmu terangkum dalam natijah seperti contoh kita katakan: "Muhammad adalah seorang insan, setiap insan berfikir, maka Muhammad berfikir". Muhammad berfikir adalah bergantung kepada setiap insan berfikir pula bergantung kepada Muhammad berfikir atas asas bahawa anda tidak tepat menganjurkan "berfikir" kepada semua individu jenis manusia kecuali setelah anda pastikan Muhammad "berfikir." Sekiranya anda meragui demikian pasti tidak dapat menjadikan "berfikir itu" dimiliki oleh semua manusia. Oleh itu saling pergantungan di kalangan

tiga andaian itu membuktikan qiyas (anologi) itu adalah 'satu kaedah pendidikan' yang berbelit-belit dan meleset. Dengan itu ia tidak wajar dijadikan pengambilan kita. (4) Pada akhirnya adalah natijah qiyas itu: benar-benar ampuh sebaliknya ia satu rumusan yang kabur natijahnya daripada sesuatu yang sedia termaklum. Inilah dia *muqaddimat*. Tetapi natijah sudah terangkum dalam *muqaddimat* itu, ia tidaklah kabur. Justeru itu qiyas tidak menjurus kepada pengetahuan baru, atau kepada rumusan yang kabur yang datang daripada sesuatu yang termaklum atau dengan lebih tepat ia adalah rumusan yang jelas termaklum daripada semata-mata yang termaklum. Inilah dia neraca-neraca akal yang tidak memberi apa-apa faedah. Oleh itu, akal bagaikan kail sejengkal yang tidak mampu mengharungi lautan akhlak dan lautan ketuhanan. Dari sinilah tersiratnya hikmah penurunan agama-agama. Dari sini jelas bahawa, agama-agama mengandungi persoalan-persoalan akhlak dan ketuhanan. Seandainya agama-agama memperkatakan mengenai *tasyri'* (perundangan), maka perundangan itu adalah termasuk dalam skop akhlak.

INDEKS